Secoret Madah

Bersama-sama kami tidak ada seorang pun yang pandai berbahasa Turki dan menjadi penterjemah untuk kami. Sebelum ini kami mempunyai seorang penterjemah tetapi dia telah meninggalkan kami dikota ini" - Ibn Battutah

Karya *Rihlah Ibn Battutah* kini telah berusia hampir tujuh kurun. Namun demikian, usianya yang semakin panjang semakin membuktikan bahawa ia merupakan sebuah karya warisan Islam klasik yang amat istimewa dan penting kepada pengkaji-pengkaji, samada di timur ataupun di barat. Ia merupakan karya yang klasik kerana ia diakui oleh dunia sebagai karya yang memiliki mutu dan nilai yang tinggi serta kekal sefatnya. Karya ini juga menjadi lambang kewujudan seorang pengembara Muslim yang terulung dalam lipatan sejarah.

Selama empat kurun selepas Ibn Battutah meninggal dunia, manuskrip *Rihlah* telah tersebar di kalangan golongan terpelajar di Afrika Utara, Afrika Barat, Mesir dan di beberapa buah negara Islam yang menggunakan bahasa Arab. Walau bagaimanapun, karya *Rihlah* hanya mula diketahui di luar negara Islam pada awal kurun ke-19 iaitu apabila dua ilmuwan Jerman telah menerbitkan secara berasingan beberapa bahagian terjemahan *Rihlah* daripada manuskrip yang diperolehi di Timur Tengah.

Pada tahun 1853 dan 1858 pula, C.Defremery dan B.R. Sanguinetti telah menerbitkan satu edisi terjemahan *Rihlah* dalam bahasa Perancis, lengkap dengan nota-nota dan pelbagai variasi pembacaan. Semenjak itu, terjemahan *Rihlah* telah diterbitkan dalam pelbagai bahasa termasuklah Sepanyol, Itali, Jerman, Rusia. Poland, Hungary, Parsi dan Jepun. Pada tahun 1929, Sir Hamilton Gibb telah menghasilkan terjemahan berbentuk ringkasan dan beliau mula berusaha untuk menghasilkan terjemahan *Rihlah* yang lengkap dibawah naungan Hakluyt Society. Terjemahan tersebut diterbitkan dalam tiga jilid (*The Travels of Ibn Battuta A.D. 1325-1354 translated with revisions and notes from the Arabic text edited by C.Defremery and B.R. Sanguinetti*, jilid 1, 1958; jilid 2, 1962 dan jilid 3, 1971: Cambridge University Press) tetapi sayangnya jilid yang keempat iaitu bahagian yang terakhir Rihlah tidak berjaya disudahkan.

Karya *Rihlah* yang sarat dengan maklumat geografi juga tidak terlepas daripada perhatian *National Geographic Society* yang berpusat di Washington, Amerika. Dalam keluaran November 1991, majalah *National Geographic* telah menerbitkan artikel "*Ibn Battuta Prince of Travellers*" , hasil tulisan Abercombie sebagai artikel utama keluaran tersebut. Sesungguhnya *National Geographic* telah mengambil inisiatif yang bersifat global dan begitu bererti terhadap pemasyhuran karya *Rihlah*. Abercombie mencatat, " *Swayed by an overwhelming impulse, 21-year-old Ibn Battuta left Tangier for Mecca in June 1325. Over the next 29 years that impulse carried him to Islamic outposts from Sumatra to Mali and returned him at least four times to the sacred city. His journey totaled 75,000 miles - three times the distance logged by his European predecessor, Marco Polo*."

Selain media cetak, kehebatan Ibn Battuta juga mendapat perhatian media elektronik. Rancangan Jejak Rasul yang masyhur di Malaysia telah menyiarkan kisah beliau dalam episod ke-14 (Jejak Rasul 3, 1998) iaitu sewaktu membuat liputan penggambaran berhubung dengan kota Tangiers (Tanjah), Morocco. Jejak Rasul 3 telah menjejak maqam Ibn Battutah yang terletak dihujung lorong Rue Gzenaya di Tangiers. Malah Jejak Rasul juga menyifatkan Ibn Battutah sebagai tokoh pengembara Islam terkenal yang diibaratkan tidak membawa apa-apa dalam pengembaraannya kecuali Islam sebagai bekalan dan kebenaran sebagai senjata.

Berdasarkan catatan-catatan tersebut , terjemahan *Rihlah* ke bahasa Melayu ini telah melakar sebuah sejarah baru di Malaysia. Inilah buat pertama kalinya keseluruhan teks *Rihlah* diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dan sekaligus ia menjadi bahasa kedua selain bahasa Perancis yang menampilkan terjemahan *Rihlah* secara lengkap. Kini seluruh kisah pengembaraan Ibn Battutah yang terhebat, terpanjang dabn penuh dramatik boleh ditatap dalam bahasa Melayu, bahasa yang berwawasan untuk menjadi korpus bagi apa jua bidang ilmu pengetahuan.

Hakikatnya bukanlah mudah untuk menterjemahkan karya *Rihlah*. *Rihlah* sarat dengan perbendaharaan kata yang merangkumi pelbagai bidang, ungkapan idiomatik dan metafora serta bahasa kolokial Arab Maghribi. Istilah-istilah asal bahasa Arab dalam terjemahan sedaya mungkin dikekalkan kerana nilainya yang begitu eksotik. Walau bagaimanapun, pembaca boleh merujuk nota bab dan glosari yang dilampirkan untuk mendapatkan makna atau penjelasan. Selain itu, kerumitan penterjemahan juga sering kali dihadapi. Walau bagaimanapun, pelbagai usaha telah diambil untuk menghasilkan terjemahan yang terbaik berdasarkan pendekatan-pendekatan terjemahan yang disyorkan oleh sarjana, khusu untuk tatapan pembaca.

Sesungguhnya karya-karya klasik seperti *Rihlah* ini hanya hidup jika ia terus diterjemahkan dan perbincangan berkaitan dengannya terus diperluas. Terjemahan *Rihlah* ini diyakini dapat memberikan sumbangan idea dan pemikiran yang dapat memantapkan lagi pembentukan identiti serta daya maju masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Pengerusi Institut Kefahaman Malaysia, Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji Abdul Hamid yang telah menaungi projek penerbitan karya terjemahan pertama institut ini. Begitu juga kepada Ketua Pengarah, Y. Bhg. Datuk Dr. Abdul Monir Yaacob atas sokongan padu yang dihulurkan untul menjayakan penerbitan buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada mantan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia, Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail Hj. Ibrahim yang telah terlibat secara langsung dalam projek terjemahan ini sejak awal.

Dalam usaha menyiapkan karya ini, banyak individu dan organisasi yang telah menghulurkan bantuan yang amat bermakna. Kami ingin merakamkan penghargaan yang istimewa kepada semua kakitangan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan pastinya tidak dilupakan bantuan tulus ikhlas daripada Puan Zuraidah Ab Majid, Cik Ismaieyah Ismail, Cik Latifah Mohd Rahim, Cik Maslina Alias, En. Mohd Zabidi Nayan,

Cik Nik Mazelinda Nik Zainal Abidin, Cik Rafeah Ahmad, Cik Wan Azlinawati Wan Othman dan Encik Hafez Adzhar Azizan; Encik Abdullah Marjunid dan Puan Roslida Mustapha daripada Bahagian Pengembangan Bahasa (Sektor Awam), Dewan Bahasa dan Pustaka atas khidmat nasihat bahasa; Puan Rozalita Alif daripada Pustaka Yamien Sdn. Bhd.; Prof. Dr. Sheikh Md. Noor Alam S.M. Hussain, Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia atas keizinan dan dorongan untuk melaksanakan tugas ini dan Prof. Dr. Amat Juhari Moain, mantan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia; Prof. R.T. Bell dan Dr. Zubaidah Ibrahim atas bimbingan penterjemahan; dan Yayasan Albukhary kerana bermurah hati membiayai urusan percetakan karya ini. Tidak lupa juga dirakamkan di sini ucapan setulus terima kasih kepada semua individu dan pihak yang telah memberikan sumbangan yang pelbagai bentuk sifatnya, baik secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan karya ini.

Akhir kata, segala puji bagi Allah jua dan semoga Dia memberkati serta melimpahkan kebaikan terhadap usaha yang murni ini. Amin.*Wallahu a'lam.*

Ogos 2003

Syed Nurul Akla Syed Abdullah
(Universiti Putra Malaysia)

Adi Setia Mohd Dom
(International Institute of Islamic Thought and Civilisation)

***Pengenalan Karam al-Bustani Ibn Battutah* (704-779H./1304-1377 M.)**

Nama penuh beliau ialah Abu 'Abdillah, Muhammad ibn Ibrahim al-Lawati iaitu dinisbahkan pada Lawatah, salah sebuah kabilah Barbar. Beliau dikenali ramai dengan nama Ibn Battutah dan diberikan gelaran sebagai Syamsuddin.

Ibnu Battutah lahir di Tanjah (Tangier) dan kerana itulah beliau di gelar sebagai al-Tanji. Beliau tinggal di Tanjah sehingga umurnya meningkat dua puluh dua tahun. Ibn Battutah didorong oleh sifat-sifat taqwa yang memenuhi jiwanya untuk menunaikan ibadah haji dan didorong pula oleh kehendak yang mendalam untuk mengembara. Oleh yang demikian beliau telah menjelajahi negeri-negeri yang diketahui pada zamannya seperti Mesir. Syam, Semenanjung Arab, Afrika Timur, Asia Kecil, Rusia Selatan, India, China, Andalus (Sepanyol) dan juga negeri orang berkulit hitam (iaitu Mali dia Afrika Barat).

Beliau telah melakukan tiga siri pengembaraan yang semuanya mengambil masa duapuluh sembilan tahun. Pengembaraan beliau yang paling lama ialah pengembaraannya yang pertama. Dalam pengembaraan ini, beliau telah menjelajahi seluruh pelosok alam, di timur dan di barat.

Beliau paling lama menetap di India dan dilantik menjadi kadi selama dua tahun. Begitu

juga seterusnya di China, beliau sekali lagi memegang jawatan kadi selama satu setengah tahun. Ibn Battutah telah menceritakan semua orang yang dilihat dan dikenali di kedua-dua negari tersebut. Mereka ini terdiri dari kalangan pembesar dan wanita terhormat serta rakyat jelata, lelaki atau wanita. Beliau juga menceritakan pakaian, adat resam, budi pekerti, cara menyambut tetamu serta peraturan makan dan minum yang diamalkan oleh masyarakat di negeri-negeri tersebut. Selain itu, Ibn Battutah juga turut menceritakan peperangan, ekspedisi ketenteraan, pemberontakan serta pembunuhan sultan, pembesar dan tokoh agama.

Kecintaan terhadap agama juga mendorong Ibn Battutah untuk menziarahi masjid-masjid dan zawiyah-zawiyah ahli sufi. Beliau menziarahi setiap zawiyah dan menjadi tetamu di situ. Sehubungan itu, Ibn Battutah turut mengambil kesempatan untuk melawat Bukit Sarandib (di Pulau Sri Lanka) dan melihat tenpat yang dikatakan terdapat bekas tapak kaki Nabi Adam a.s, bapa sekalian manusia.

Beliau juga merupakan orang pertama yang menceritakan sekumpulan orang India yang dinamai sebagai ahli sihir Yogi oleh orang ramai. Ibn Battutah menyingkap adat resam, perlakuan dan pengalaman-pengalaman kerohanian mereka. Beliau turut memperkatakan kumpulan ahli sufi yang terdiri daripada Ukhayyah ak-Fityan dan cara mereka melayan tetamu. Beliau juga menceritakan satu golongan Isma'iliyyah yang dikenali sebagai Fadawiyyah dan kubu-kubu pertahanan mereka serta pembunuhan-pembunuhan yang mereka lakukan.

Beliau juga merupakan orang pertama yang menjelajahi bumi Afrika dan memberikan maklumat-maklumat yang amat bernilai tentang benua tersebut.

Selepas pengembaraannya itu, beliau tinggal di Fez, Maghribi dan berkhidmat dengan Sultan Abu ‘Inan, salah seorang pemerintah daripada kalangan Bani Marin. Semasa menetap di Fez, beliau menceritakan apa yang telah dilihat dan didengarnya sepanjang pengembaraannya yang lalu kepada orang ramai. Akhirnya sultan menitahkan beliau agar menulis semua kisah pengembaraannya itu. Oleh sebab semua catatan pengembaraannya telah dirampas oleh kaum India sewaktu beliau berada di India, beliau hanya dapat merencanakan apa yang diingatinya kepada jurutulis sultan yang bernama Muhammad ibn Juzayy al-Kalbi. Faktor inilah yang mendorong berlakunya kesilapan fakta geografi dan penceritaan yang berlebihan dalam kisah pengembaraan beliau. Ibn Battutah menamai himpunan kisah pengembaraannya sebagai “Tuhfah al-Nuzzar fi Ghara’ib al-Amsar wa ‘Aja’ib al-Asfar”. Akan tetapi kini, himpunan kisah pengembaraan beliau itu lebih terkenal dengan nama “Rihlah Ibn Battutah”.

Beliau bukanlah seorang ‘ulama, ahli fikir atau tokoh ulung. Sebaliknya Ibn Battutah ialah seorang penjelajah dunia serta pengembara yang memiliki pengamatan yang tajam selain sangat berminat untuk memperhatikan setiap perkara yang aneh dan luarbiasa. Barangkali semangat keagamaannya yang kuat menyebabkan beliau sentiasa membenarkan segala cerita tentang kekeramatan wali-wali tanpa terlebih dahulu melakukan pemeriksaan yang teliti. Ibn Battutah akan mencatat kisah tersebut sebagaimana yang diceritakan kepadanya. Contohnya, kisah yang diceritakannya tentang

janggut Syeikh Jamaluddin. Demikianlah juga beliau tidak meneliti kisah-kisah dongeng dan khurafat yang diceritakan orang kepadanya. Misalnya, kisah wanita yang hanya mempunyai satu buah dada dan kisah jin Ifrit yang menyerang Kepulauan Maldives. Beliau menceritakan semua kisah itu walaupun terdapat banyak kesangsian tentang kebenarannya. Adakalanya apabila Ibn Battutah meragui kesahihan sesuatu cerita, beliau mendahulukannya dengan kata-kata, “Mereka menganggap….” Ataupun beliau menyudahkan cerita tersebut dengan kata-kata,”Ini menurut tanggapan mereka….”. Sebenarnya, Ibn Battutah menggunakan cara itu untuk melepaskan dirinya daripada dikaitkan dengan cerita tersebut.

Gaya bercerita yang dipersembahkannya menarik dan menghiburkan serta menggambarkan sifat amanahnya dalam menceritakan pengalamannya, walaupun perkara yang diceritakan itu berkaitan dengan peribadinya sendiri. Inilah yang menyebabkan tokoh orientalis bernama Dozy, menggelar Ibn Battutah sebagai “ Pengembara yang Jujur.”

Walau apa jua pun, kisah pengembaraan Ibn Battutah merupakan antara kisah yang paling menarik dan paling berfaedah. Ia mengandungi kisah tentang adat resam, akhlak, serta maklumat-maklumat sejarah dan geografi yang berguna. Selain itu, kisah pengembaraannya juga mengandungi catatan-catatan yang tepat tentang nama-nama orang penting, kota-kota dan tempat-tempat tertentu.

Kumpulan orientalis di England, Perancis, Portugal dan Jerman telah menunjukkan minat yang mendalam terhadap kisah pengembaraan Ibn Battutah ini. Mereka menterjemahkannya ke dalam bahasa mereka, samada keseluruhan atau sebahagian daripadanya dan menerbitkannya. Ibn Juzayy membahagikan himpunan kisah ini kedalam dua buah kitab. Beliau menamatkan kitab yang pertama ketika Ibn Battutah sampai ke Sungai Sind dan menyudahkan kitab yang kedua dengan tamatnya kisah pengembaraan yang ketiga.

MUQADDIMAH IBN JUZAYY

Kata syeikh yang faqih, 'alim, yang dipercayai, yang sentiasa memberikan peringatan, yang kuat beribadah, yang sentiasa melakukan kebaikan, yang pernah menunaikan umrah, yangmenjadi kemuliaan ugama, yang sentiasa bergantung perjalanan hidupnya pada Tuhan Alam Semesta, Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdillah ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Lawati al-Tanji yang terkenal dengan gelaran sebagai **Ibn Battutah** (semoga Allah merahmati dan meredainya dengan segala kurniaan serta kemuliaan)

" Segala puji bagi Allah yang telah membentangkan bumi ini untuk hambaNya meneroka segenap penjuru yang terbentang luas dan yang telah menciptakan tiga peringkat kejadian manusia iaitu kelahiran, kematian serta kebangkitan semula. Sebagaimana manusia berasal dari tanah, maka ke tanah jugalah ia akan kembali. Allah telah menghamparkan bumi ini dengan kekuasaanNya sehingga menjadi tempat tinggal bagi semua hambaNya

dan Dia menjadikan gunung ganang sebagai pancang bumi. Allah juga menjadikan langit sebagai atap bumi yang tidak bertiang dan menjadikan bintang-bintang sebagai petunjuk bagi manusia dalam kegelapan laut serta darat.

Dialah juga yang telah menjadikan bulan sebagai cahaya dan matahari sebagai lampu yang menerangi serta menurunkan hujan dari langit. Lalu bumi yang mati, dihidupkan dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis buah-buahan. Malahan Allah-lah juga yang memenuhkan setiap pelosoknya dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan. Allah juga telah memancarkan dua buah lautan; satu airnya segar lagi manis dan yang satu lagi airnya masin lagi pahit.

Dialah Tuhan yang telah menyempurnakan kurniaNya kepada hambaNya dengan menjadikan unta sebagai bintang tunggangan dan muatan. Demikian juga Dia mempermudah bagi manusia, kapal-kapal besar yang belayar seperti gunung ganang sehingga mereka dapat meredah hutan belantara dan lautan yang dalam.

Semoga Allah mencurahkan rahmatNya keatas penghulu kita, Nabi Muhammad SAW yang telah menjelaskan sistem hidup kepada makhluk. Cahaya petunjuk yang dibawa olehnya , menjadi pelita
yang menerangi. Baginda dibangkitkan oleh Allah sebagai rahmat bagi sekelian alam lalu dipilih menjadi penyudah bagi sekelian Nabi. Allah memenangkan NabiNya atas kaum musyrikin sehingga manusia memeluk agam Islam secara beramai-ramai. Allah menguatkan NabiNya dengan mukjizat-mukjizat yang hebat dan dapat menewaskan apa sahaja. Allah menjadikan benda-benda yang kaku tidak bernyawa, dapat berkata-kata demi membenarkan NabiNya. Allah juga menghidupkan semula tulang belulang yang reput untuk memperkukuh dakwah NabiNya serta mengeluarkan air yang bercucuran dari celah-celah jari baginda.

Semoga Allah meredai sahabat-sahabat, ahli keluarga dan isteri-isterinya yang telah dimuliakan disebabkan hubungan mereka dengan baginda. Mereka merupakan golongan yang meluruskan landasan agama dan penyelewengan tidak lagi dikhuatiri akan berlaku selepas pemergian mereka. Merekalah yang membantu baginda untuk berjihad memerangi musuh dan membantu menegakkan agama yang suci. Mereka telah menunaikan segala tanggungjawab agama dengan berhijrah, menghulurkan bantuan dan menyediakan tempat perlindungan. Mereka rela mencampakkan diri ke dalam kecamuk api peperangan dan merenangi lautan kematian yang bergelora.

Kita juga memohon limpah kurnia Allah SWT keatas pemimpin kita, al-Imam al-Khalifah Amir al-Mu’minin yang bertawakal kepada Tuhan sekelian alam dan yang berjuang di jalan Allah lalu memperoleh pertolonganNya. Beliau ialah Abu ‘Inan Faris, Sultan Maghribi Bani Marin ketika ini) cucu kepada pemimpin-pemimpin kita iaitu imam-imam muhtadin, Khulafa’ al-Rasyidin. Semoga beliau memperoleh kemenangan yang akan memenuhi dunia serta penghuninya dengan kegembiraan dan dengan kemakmuran yang menjadi penawar kepada semua penyakit alam. Ini kerana, Allah telah mengurniakan kekuatan dan sifat pemurah kepadanya sehingga kekuatannya itu tidak melepaskan seorang penjahat pun. Sifat pemurahnya pula tidak mengabaikan setiap

insane yang memerlukan pertolongan dan kerana Allah telah menjadikan kekerasan serta kelembutannya sebagai penyelamat bagi setiap kesempitan.

Akal fikiran yang bijaksana dan hokum ‘aqli serta naqli akan mengatakan bahawa kerajaan agung yang bersifat pejuang, bertawakal selain memiliki sifat kepahlawanan ini merupakan naungan Allah dan taliNya sebagai tempat berpegang. Oleh yang demikian, setiap individu mesti bersatu dalam ketaatan kepada Allah SWT.

Pemerintahan inilah yang telah memulihkan agama pada zaman kedaifan dan telah menyarungkan kembali pedang pada saat ia terhunus di samping menghapuskan zaman kemundurannya. Pemerintahan ini juga telah mengembangkan kembali pengajian ilmu selepas zaman malapnya, menerangi semula jalan kebaikan untuk manusia setelah diselubungi oleh kegelapan dan mengamankan setiap penjuru bumi ketika ia dilanda huru-hara.

Selain itu, pemerintahan ini turut meghidupkan kembali amalan-amalan mulia,menghapuskan kezaliman setelah ia berleluasa dan memadamkan api fitnah ketika ia bersemarak. Ia juga menamatkan hukuman yang zalim dan menegakkan kebenaran atas asas taqwa yang membawa kemakmuran dengan tawakal kepada Allah SWT.

Justeru, kerajaan ini memiliki kemuliaan yang mahkotanya dijunjung diatas bintang tertinggi di angkasa raya, kehebatan yang meliputi peredaran cakerawala di angkasa dan kebahagiaan yang mengembalikan zaman waktu mudanya. Kerajaan ini juga merupakan keadilan yang memberikan perlindungan kepada orang yang beriman, disamping kedermawanan yang awannya menitiskan perak dan emas serta kekuatan yang ributnya mencurahkan darah yang mengalir.

Kerajaan ini memperoleh kemenangan hasil daripada keupayaan pasukan tenteranya memecahbelahkan tentera musuh. Kerajaan ini juga mendapat sokongan yang membolehkannya menakluki negara-negara yang lain sebagai harta rampasan perang. Ia juga memiliki kekuatan yang sentiasa dapat mengatasi kelemahan, kesabaran yang tidak mengenal erti jemu di samping ketabahan yang boleh menghalang impian musuh untuk menawannya. Seterusnya, kerajaan ini turut memiliki keazaman yang utuh sehingga dapat mengucar-ngacirkan gerombolan tentera musuh, sebelum ia bertemu pihak musuh di medan peperangan.

Kerajaan ini turut memiliki sifat pemaaf yang akan memaafkan setiap kesilapan dan belas ihsan yang menggerakkan semua hati untuk mencintainya. Di samping itu, ia memiliki ilmu yang cahayanya menyelesaikan segala permasalahan dan setiap amalannya sentiasa disertai oleh keikhlasan kerana setiap amal berdasarkan niat.

Dengan yang demikian itu, ibukota Sultan Abu ‘Inan yang mulia menjadi tumpuan segala harapan, lading cita-cita kaum lelaki, gudang segala barang yang bernilai, tempat berlindung bagi orang yang ketakutan dan harapan untuk orang yang meminta. Masa memerlukan kota ini untuk berkhidmat dengan menaburkan perlbagai pemberian dan khazanahnya yang terindah, maka bertali aruslah ‘ulama’ dating ke kota ini sebagaimana

‘kedermawanan’ yang bertali arus terhadap orang yang meminta jasa baiknya. Sasterawan berlumba-lumba menuju kekota ini, sebagaimana berlumba-lumba azam kota ini untuk memenuhi segala janji. Ilmuwan datang ke naungannya yang suci, pengembara pula datang mencari singgahsananya yang tinggi, orang ketakutan mencari perlindungan dengan kemegahannya yang unggul dan raja-raja memohon perlindungannya dengan memberikan khidmat di pintu pagarnya. Ibu kota inilah kutub yang berputar padanya paksi alam. Firasat yang jahil dan yang berilmu sepakat dalam meyakini kuluhurannya. Kehebatannya yang ulung disahkan sanad riwayatnya oleh setiap Muslim dan kesempurnaan kebaikannya yang nyata, disaksikan dengan perbicaraan yang lancar oleh setiap pencerita.”

Antara orang yang mengunjungi pintunya yang masyhur selain melintasi deretan negeri untuk sampai ke lautannya yang besar ialah Syeikh Abu ‘Abdillah Muhammad ibn ‘Abdillah ibn Muhammad ibn Ibrahim al-Lawati al-Tanji, yang terkenal dengan nama Ibn Battutah dan digelar sebagai Syamsuddin di negeri-negeri di Timur. Beliau merupakan seorang pengembara yang boleh dipercayai dan sangat jujur. Ibn Battutah telah mengelilingi bumi dan merentasi berbagai-bagai destinasi. Beliaulah yang telah mengelilingi dunia untuk mengambil pengajaran dan mengembara ke serata negeri dengan penuh penelitian disamping mengkaji segala perbezaan yang wujud antara manusia selain mepelajari cara hidup orang Arab serta Ajam (bukan Arab). Kemudian, beliau meletakkan tongkat pengembaraannya di ibu kota baginda yang mulia ini apabila beliau mengetahui kelebihannya yang tersendiri.

Ibn Battutah telah mengembara dengan merentas kawasan-kawasan timur dunia menuju ke tempat bulan terbit di barat. Beliau melebihkan ibu kota Sultan Abu ‘Inan berbanding segala negeri, sebagaimana beliau melebihkan emas diatas pasir. Ini merupakan pilihan yang dibuat oleh Ibn Battutah setelah berasa puas melihat berbagai-bagai negeri dan ragam manusia. Ini juga disebabkan keinginan untuk mendampingi orang yang sentiasa berpegang kepada kebenaran. Ibn Battutah telah dianugerahi ihsan Sultan Abu ’Inan yang melimpah serta kurniaan baginda yang tidak terbatas yang menyebabkan beliau lupa akan peristiwa lalu dan berasa cukup dengan pengembaraan dahulu yang panjang itu. Dan ini menyebabkan beliau memandang rendah apa-apa sahaja yang diagung-agungkan oleh orang lain dan berasa yakin terhadap kurniaan baginda yang pernah diraguinya. Akhirnya, Ibn Battutah melupakan pengembaraannya ke serata negeri yang pernah menjadi kebiasaannya. Setelah lama menyimpan hasrat, beliau bertemu juga dengan “lading ternakan” yang subur.

Suatu petanda telah datang supaya Ibn Battutah mencatat pemandangan yang dilihat di negeri-negeri yang dilawatinya, periatiwa-peristiwa menarik yang diingati dalam memorinya disamping menceritakan orang yang ditemui, termasuk raja-raja negeri, ‘ulama’nya yang terbilang dan wali-walinya yang bertaqwa. Beliau lalu mencatatnya dengan gaya dan cara yang menghiburkan pemikiran selain menyedapkan pendengaran serta penglihatan. Apa yang dicatanya merangkumi setiap perkara aneh yang dapat memberikan faedah dan setiap perkara yang menakjubkan yang penceritaanya dapat menarik perhatian.

Perintah yang mulia telah dititahkan ke atas hambanya yang setia, Muhammad ibn Muhammad ibn Juzayy al-Kalbi, semoga Allah membantunya untuk berkhidmat dengan Sultan Abu ‘Inan dan mendorong beliau supaya berterimakasih atas kurniaan baginda, agar menghimpunkan setiap tajuk yang telah dicatat oleh Syeikh Abu ‘Abdillah tentang kisah pengembaraannya dalam sebuah susunan yang lengkap. Ini termasuklah dengan membetulkan bahasanya. Susunan ini berpandukan penerangan dan pendekatan yang digunakan oleh beliau agar kisahnya dapat dinikmati dengan sebenarnya serta lebih besar manfaat yang dapat diambil daripadanya. Ibn Juzayy segera menjunjung perintah yang dititahkan kepadanya itu dan mulalah ia menimba pengalaman daripada Ibn Battutah. Mudah-mudahan dengan pertolongan Allah, beliau dapat menyempurnakan maksud tersebut.

Aku (Ibn Juzayy) telah memindahkan penceritaan daripada tulisan Syeikh Abu ‘Abdillah dalam bahasa yang dapat menyampaikan maksud yang dikehendaki oleh beliau dan dapat menerangkan arah yang ditujunya. Kadangkala aku merekodkan lafaz yang diucapkan beliau tanpa menggugurkan sama ada pokok atau cabangnya. Aku telah menceritakan semua kisah dan peristiwa bersejarah yang diceritakannya. Aku tidak pula melakukan penyiasatan atau ujian terhadap kebenarannya kerana beliau sendiri sangat berpegang teguh pada isnad (sandaran) yang sahih. Malah, beliau sendiri dalam amaran yang diberikannya, tidak mengaku salah terhadap cerita yang terkeluar daripada batas kesahihan.

Untuk mengelakkan berlakunya kemusykilan pada nama-nama tempat dan orang tertentu, aku telah meletakkan baris selain tanda vokal, supaya ia lebih bermanfaat dalam menentukan ketepatan serta ejaan.

Aku turut menerangkan nama-nama bukan Arab dengan setepat mungkin kerana ia boleh mengelirukan orang ramai disebabkan sifatnya yang asing dan kaedah kias yang biasa boleh menyebabkan kesilapan dalam menghuraikan kesangsiannya. Aku berharap apa yang dilakukan ini mendapat perkenan baginda yang mulia dan aku memperoleh kemaafan disebabkan kelalaianku dalam memenuhi apa yang diharapkannya. Sultan Abu ‘Inan telah membiasakan orang ramai supaya memohon kemaafan dan sifat memaafkan kesalahan yang ada pada baginda merupakan sebuah jaminan. Mudah-mudahan Allah mengekalkan pertolongan serta kekuatan di samping mengurniakan ganjaran dengan bantuan dan kemenangan kepada baginda.

Bab 1
Barat Laut Afrika & Mesir

Meninggalkan Tanjah

Kata Syeikh Abu ‘Abdillah, “Aku keluar meninggalkan Tanjah , jana-bijanaku pada hari Khamis yang kedua dalam bulan Rejab yang unggul, bulan Allah SWT tahun 725H

dengan niat untuk menunaikan haji di Baitullah al-Haram dan menziarahi makam Rasulullah SAW. Aku keluar bersendirian tanpa teman untuk berhibur dan tanpa menyertai rombongan kafilah. Aku pergi kerana desakan jiwaku juga kerana rindu akan tempat-tempat suci. Kerinduan ini telah sekian lama terpendam dalam dadaku. Oleh itu, aku membulatkan tekadku untuk meninggalkan semua yang kukasihi, wanita dan lelaki lalu berpisahlah aku dengan kampung halamanku, persis burung meninggalkan sarangnya. Ketika itu, ibubapaku masih lagi hidup dan aku terasa berat untuk berjauhan dari mereka. Sebagaimana ibubapaku, aku juga terpaksa menghadapi keperitan perpisahan tersebut. Pada waktu itu aku berusia dua puluh dua tahun.”

(Ibn Juzayy mencatat: “Abu ‘Abdillah memaklumkan kepadaku semasa di kota Gharnatah bahawa beliau lahir di kota Tanjah pada hari Isnin bersamaan 17 Rejab yang unggul tahun 703H.”)

Pengembaraanku bermula pada zaman pemerintahan Amir al-Mu’minin, Abu Sa’id ibn Maulana Amir al-Mu’minin dan “Nasiruddin” (tonggak agama) iaitu Abu Yusuf ibn ‘Abdil Haq. Abu Sa’id ialah seorang mujahid dan telah diceritakan tanpa putus-putus tentang kisah kedermawanannya. Begitu juga kemuliannnya yang tidak dapat dipertikaikan lagi dan kelebihannya yang menjadi perhiasan zaman. Rakyat jelata bergembira dengan naungan kasih dan keadilannya. Abu Yusuf pula berjuang dengan penuh keikhlasan dan ketulusan hatinya untuk menghapuskan kesyirikan dan kekufuran. Tenteranya berjuang menghapuskan penyembah salib. Aku juga telah menceritakan keikhlasan perjuangan mazhab Abu Yusuf ini. Mudah-mudahan Allah SWT melipatgandakan keredaanNya keatas mereka dan menyirami pusara mereka yang suci itu dengan gerimis serta hujan lebat.

Semoga Allah juga mengurniakan sebaik-baik pembalasan kepada mereka demi agama dan umat Islam serta mengekalkan kerajaan pemerintahan mereka sebagai milik keturunan mereka hingga hari kiamat.

Aku tiba di kota Tilimsan yang pada waktu itu diperintah oleh Sultan Abu Tasyafin ‘abdul Rahman ibn Musa ibn ‘Uthman ibn Yaghmurasan ibn Zayyan. Ketibaanku serentak dengan ketibaan dua orang utusan raja Afrika, Sultan Abu Yahya ke kota itu. Semoga Allah merahmati baginda. Mereka berdua ialah pertama, kadi bagi urusan akad nikah di ktoa Tunis, Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Abi Bakr ibn ‘Ali ibn Ibrahim al-Nafzawi dan kedua, syeikh yang salih Abu ‘Abdillah Muhammad ibn al-Husain ibn ‘Abdillah al-Qurasyi al-Zubaidi – dinisbahkan pada Kampung Zubaid yang terletak di persisaran pantai iaitu berhampiran dengan kota Mahdiyyah. Beliau merupakan salah seorang ‘ulama’ yang terkemuka pada zamannya dan meninggal dunia pada tahun 740H. (1339-40M)

Dua orang utusan tersebut meninggalkan kota Tilimsan pada hari aku tiba di kota itu lalu beberapa orang sahabatku mengesyorkan supaya aku menyertai mereka dalam perjalanan. Aku pun melakukan istikharah kepada Allah Ta’ala berhubung dengan perkara tersebut. Aku seterusnya tinggal di Tilimsan selama tiga hari untuk memperoleh keperluanku.

Kemudian aku pun keluar berjalan sepantas-pantasnya untuk mendapatkan mereka berdua lalu aku tiba di kota Milyanah dan menemui mereka berdua di sana. Cuaca ketika itu terlalu panas dan terik kerana ia merupakan pertengahan musim panas. Cuaca panas berada di kemuncaknya hingga menyebabkan dua orang utusan tersebut jatuh sakit. Oleh yang demikian, kami terpaksa berhenti selama sepuluh hari sebelum meneruskan perjalanan. Penyakit salah seorang daripada mereka berdua iaitu kadi, bertambah teruk, maka kami pun terpaksa berhenti selama tiga hari di tepi sebuah mata air yang terletak lebih kurang empat batu dari kota Milyanah. Pada pagi hari yang keempat, kadi itu pun menghembuskan nafasnya yang terakhir. Anak kadi tersebut yang bernama Abu al-Tayyib serta sahabat kadi itu iaitu Abu ‘Abdillah al-Zubaidi, kembali ke Milyanah dan mengebumikan jenazahnya di sana. Aku berpisah dengan mereka di Milyanah dan meneruskan perjalananku dengan sekumpulan pedagang dari kota Tunis. Antara pedagang tersebut termasuklah al-Hajj Mas’ud ibn al-Muntasir, al-Hajj al-‘Aduli dan Muhammad ibn al-Hajar.

Kami tiba di kota Jaza’ir dan berkhemah di luarnya selama beberapa hari hingga Syeikh Abu ‘Abdillah serta anak kadi itu tiba. Kemudia kami bersama-sama menaiki manbajah (sejenis alat pengangkutan) dan menuju ke pergunungan Zan alalu sampai di kota Bijayah (Bajayah). Di situ, Syeikh Abu ‘Abdillah menumpang di rumah kadi kota tersebut yang bernama Abu ‘Abdillah al-Zawawi. Abu al-Tayyib, anak kadi yang meninggal dunia itu menumpang di rumah seorang faqih bernama Abu ‘Abdillah, seorang ahli tafsir.

Amir kota Bijayah ketika itu ialah Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Sayyid al-Nas al-Hajib. Sementara itu, salah seorang daripada kumpulan pedagang dari Tunis yang sama-sama mengembara denganku dari kota Milyanah, bernama Muhammah ibn al-Hajar yang disebut sebelum ini, meninggal dunia. Beliau meninggalkan harta sebanyak 3000 dinar emas dan telah mewasiatkannya kepada seorang lelaki dari Jaza’ir bernama Ibn Hadidah supaya disampaikan kepada waris-warisnya di Tunis. Berita ini sampai ke pengetahuan amir kota Bijayah Ibn Sayyid al-Nas lalu dia merampas harta tersebut dari Ibn Hadidah. Inilah perbuatan zalim yang pertama kali kusaksikan dilakukan oleh pegawai-pegawai dan gabenor-gabenor Kerajaan Muwahhid. (*asalnya Muwahhid merupakan pergerakan politik dan agama yang diasaskan oleh Muhammad ibn Tumart yang mendokong mazhab tauhid golongan salaf. Kemudian istilah ini digunakan untuk merujuk kaum Hafsi yang memerintah Tunis ketika itu.)

Setelah tiba di Bijayah sebagaimana yang aku nyatakan, aku demam dan dinasihati oleh Abu ‘Abdillah al-Zubaidi supaya terus tinggal di Bijayah hingga aku pulih sepenuhnya tetapi aku menolak. Aku berkata, “Sekiranya Allah mentakdirkan aku meninggal dunia, maka kematianku itu dalam perjalananku menuju ke bumi Hijaz.” Abu ‘Abdillah lalu menjawab, “Jika kamu telah berazam sedemikian, juallah tunggangan dan barang-barangmu yang berat itu dan aku akan meminjamkan tunggangan serta khemahku kepadamu. Dengan yang demikian, kamu dapat mengikuti kami tanpa memikul bebanan yang berat. Sebenarnya kami mahu mempercepat perjalanan kerana bimbangkan serangan kabilah-kabilah Arab di pertengahan jalan.” Aku pun menurut cadangannya dan beliau meminjamkan apa yang telah dijanjikannya kepadaku. Semoga Allah membalas jasanya dengan sebaik-baik ganjaran. Peristiwa ini merupakan peristiwa pertama yang

membawa rahmat dan limpah kurnia Ilahi ke atasku sepanjang perjalananku ke Hijaz.

Kami terus berjalan hingga tiba di kota Qusantinah dan berhenti di luar kota tersebut. Hujan turun dengan lebat dan kami terpaksa meninggalkan khemah pada malam itu untuk mencari tempat berteduh di dalam beberapa buah bangunan di sana. Pada keesokan paginya, hakim (kadi) kota tersebut yang bernama Abu al-Hasan datang menemui kami. Beliau merupakan salah seorang daripada keturunan Syarif yang terhormat. Abu al-Hasan memandang pakaianku yang telah dibasahi air hujan lalu mengarahkan agar pakaian itu dibasuh di rumahnya. Antara pakaianku itu termasuklah sehelai kain selubung yang diperbuat dari kain Ba'labakka. Beliau mengikat dua dinar emas pada salah satu daripada dua bucu kain tersebut. Itu merupakan pemberian pertama yang ku terima dalam pengembaraanku.

Kami meneruskan lagi perjalanan higga sampai di Kota Bunah dan menumpang di kota tersebut selama beberapa hari. Kemudian kami meninggalkan di Bunah kumpulan pedagang yang telah bersama-sama dengan kami selama ini kerana bimbang akan bahaya dalam perjalanan. Kami menyambung semula perjalanan dengan seberapa pantas yang boleh tanpa membawa barang-barang yang berat. Aku sekali lagi demam. Aku mengikat tubuhku pada pelana dengan sehelai kain serban untuk mengelakkan diriku daripada jatuh lantaran kelesuan tubuhku. Aku memang tidak boleh dari tungganganku disebabkan bahaya itu. Akhirnya kami sampai di kota Tunis. Penduduk kota keluar beramai-ramai untuk menyambut Syeikh Abu ‘Abdillah al-Zubaidi dan Abu al-Tayyib serta anak kadi, Abu ‘Abdillah al-Nafzawi. Mereka bersalam-salaman dan menanyakan khabar berita.

Walau bagaimanapun, tiada seorangpun yang mengucapkan salam kepadaku kerana tiada sesiapa di kalangan mereka yang kenal akan diriku. Aku berasa begitu sedih sehingga tidak dapat menahan air mataku daripada bercucuran lalu aku menangis teresak-esak. Salah seorang jemaah haji menyedari keadaan diriku lalu bersalam dan bemesra denganku serta menghiburkan hatiku dengan perbualannya hingga aku memasuki kota Tunis. Aku kemudian menumpang di madrasah penjual buku di kota tersebut.

(Ibn Juzayy mencatat: “ Syeikhku yang merupakan kadi besar dan juga khatib terulung iaitu Abu al-Barakat Muhammad ibn Muhammad Ibrahim al-Sulaimi yang juga terkenal dengan nama Ibn al-Hajj al-Balfiqi menceritakan kepadaku bahawa peristiwa yang sama pernah berlaku ke atas dirinya. Beliau menceritakan, “Aku pergi ke kota Ballisy di negeri Andalus pada malam hari raya dengan tujuan untuk mendengar Hadith al-Musalsal berhubung dengan hari raya yang diriwayatkan daripada Abu ‘Abdilah ibn al-Kammad. Aku berada di Musalla bersama-sama dengan orang ramai dan selepas solat serta khutbah, mereka bersalam-salaman. Aku berada di satu sudut dan tiada seorang pun yang mengucapkan salam kepadaku. Seorang tua daripada kalangan penduduk koto tersebut lalu datang kepadaku dan mengucapkan salam serta berbual mesra denganku. Orang tua itu berkata, “ Aku memperhatikan kamu dan mendapati bahawa kamu tersisih dari orang ramai. Tiada seorang pun yang bersalam dengan kamu. Aku lantas menyedari bahawa kamu seorang musafir. Aku suka untuk bemesra dengan kamu.” Semoga Allah membalas budinya dengan kebaikan.”)

Sultan Tunis

Sultan yang memerintah Tunis ketika aku memasuki kota tersebut ialh Sultan Abu Yahya ibn Sultan Abi Zakaria ign Sultan Abi Ishaq Ibrahim ibn Sultan Abi Zakaria Yahya ibn ‘Abdil Wahid ibn Abi Hafs r.a. Di Tunis, ada sekumpulan ‘alim ‘ulama’ yang terulung. Antara mereka ialah kadi besar kota itu iaitu Abu ‘Abdillah Muhammad serta anak kadi besar, Abu al-‘Abbas Ahmad ibn Muhammad ibn Hasan ibn Muhammad al-Ansari al-Khazraji yang berasal dari kota Balins (Valencia) dan kemudian menetap di Tunis. Abu al-‘Abbas ini terkenal dengan gelaran al-Ghammaz. Selain mereka ialah Khatib Abu Ishak Ibrahim ibn Husain ibn ‘Ali ibn ‘Abdil Rafi’ al-Rib’ie yang turut memegang jawatan kadi besar dibawah lima pemerintahan. Demikian juga Faqih Abu ‘Ali ‘Umar ibn ‘Ali ibn Qaddah al-Hawari, yang turut memegang jawatan kadi di Tunis. Beliau merupakan antara ‘ulama’ yang terbilang. Mengikut kebiasaannya, setiap hari Jumaat, selepas selesai solat, Abu ‘Ali akan bersandar pada salah satu tiang di dalam masjid Jamik (Besar) Zaitun yang merupakan masjid utama kota tersebut. Orang ramai datang menemuinya meminta fatwa tentang pelbagai masalah agama. Selepas menjawab 40 soalan, beliau akan mengakhiri majlis tersebut.

Ketika aku masih berada di Tunis, Aidil Fitri menjelang tiba dan aku pun menyertai orang ramai menunaikan solat hari raya di musalla (musalla disini merujuk kepada tapak khas di luar tembok kota yang digunakan untuk solat hari raya). Penduduk kota telah pun berhimpun beramai-ramai untuk merayakan Aidil Fitri. Mereka keluar dari rumah dalam keadaan paling menarik iaitu dengan mengenakan pakaian yang paling baik dan mahal. Sultan Abu Yahya pun tiba menunggang kuda dengan diiringi oleh sekalian kerabat, pegawai utama dan hamba-hamba kerajaannya yang berjalan kaki. Mereka semua berjalan dalam satu perarakan yang menakjubkan. Setelah menunaikan solat dan mendengar khutbah hari raya, orang ramai kembali ke rumah masing-masing.

Beberapa lama kemudian, syeikh bagi sebuah kafilah haji menuju ke Hijaz yang bernama Abu Ya’qub al-Susi telah dilantik untuk mengetuai kafilah tersebut. Beliau berasal dari Iqlibiyyah, salah satu kota di Afrika. Kebanyakan anggota kafilah itu terdiri daripada kaum Masmudah dan mereka melantik diriku menjadi kadi bagi rombongan mereka. Kami berangkat keluar dari Kota Tunis pada akhir bulan Zulkaedah dan berjalan mengikut jalan pantai lalu sampai di kota Susah. Susah ialah sebuah kota kecil tetapi indah dan dibina di tepi pantai. Kota ini juga terletak kira-kira 40 batu dari Kota Tunis. Kemudian kami tiba di ktoa Safaqis yang diluarnya terletak makam Imam Abu al-Hasan al-Lakhmi al-Maliki, pengarang kitab “Al-Tabsirah fi al-Fiqh”.

(Ibn Juzayy mencatat:”Di kota Safaqis inilah penyair ‘Ali ibn Habib al-Tanukki bermadah:

Hujan segar membasahi bumi Safaqis
Kota kolam danmedan solat
Pelindung dari teluk hingga terusan

Dan kubunya yang di puncak tertinggi
Itulah kota yang seakan-akan berkata,
“Selamat datang!” tatkala kamu menziarahinya
Air lautnya seketika pasang, seketika surut
Bagai kekasih hendak berkunjung
Tetapi apabila terlihat penjaga, berundurlah ia.

Tetapi perasaan yang sebaliknya dicurahkan oleh Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Abi Tamim, seorang sasterawan yang ulung dan banyak berkarya:

Safaqis! Tidaklah makmur hidup penduduknya
Dan tidaklah disegarkan buminya hujan yang mencurah
Jauhilah kota yang jika disinggahi halamannya
Kamu diserangoleh dua musuh – orang Rom dan Arab
Betapa banyak orang yang merana di perantauan, harta bendanya habis dirompak
Dan betapa banyak orang yang bermalam di lautan, meratapi nasibnya kerana menjadi tawanan dan meratapi kebinasaan
Laut pun sudah arif dengan kejahatan penduduknya
Sehingga setiap kali ia ingin menghampiri, terputus niatnya lalu berpatah balik.”)

Kemudian kami sampai di kota Qabus. Kami singgah di kota tersebut dan tinggal disitu selama sepuluh hari kerana hujan turun menerus tanpa berhenti.

(Ibn Juzayy menambah, “Berkenaan dengan Qabus, salah seorang penyair pernah bermadah:

Aduhai kemanisan malam-malam yang berlalu
Di tepi lembah subur di Qabus,
Terasa hatiku tatkala terkenang akan ia,
Bagai obor kayu yang bernyala di tangan pembawa obor.”)

Kemudian kami meninggalkan Qabus menuju ke kota Tarabulus (Tripoli). Dalam beberapa peringkat perjalanan ke sana, kami diiringi oleh lebih daripada 100 orang penunggang kuda. Turut serta dalam kafilah itu ialah sepasukan pemanah. Oleh yang demikian, suku kaum Arab yang merayau-rayau mencari mangsa itu pun ketakutan lalu menjauhi tempat kami dan Allah memelihara kami daripada ancaman mereka. Kami merayakan Hari Raya Korban (Aidil Adha) dalam perjalanan tersebut. Pada hari keempat selepas itu, kami sampai di kota Tarabulus dan singgah di situ untuk beberapa lama. Sebelum ini, aku telah berkahwin dengan anak perempuan seorang pemegang amanah di Safaqis dan isteriku itu diserahkan kepadaku di Tarabulus. Pada akhir bulan Muharram tahun 726M, aku meninggalkan Tarabulus dengan membawa isteriku dan diiringi oleh sekumpulan orang daripada kaum Masmudah. Aku menaikkan bendera lalu maju ke hadapan memimpin mereka. Kafilah utama terus berada di Tarabulus kerana bimbang akan hujan dan cuaca sejuk.

Kami melewati kota Masratah dan Qasura Surta. Beberapa gerombolan penyamun Arab cuba menyerang kami tetapi takdir Ilahi tidak mengizinkannya lalu terhalanglah niat jahat mereka. Kemudian kami melalui kawasan hutan dan sampai di istana seorang ‘abid iaitu Barsisa lalu seterusnya ke Qubbah Salam. Di situ, kami disertai oleh kafilah yang tertinggal di Tarabulus dahulu. Suatu perselisihan faham telah berlaku antara diriku dengan bapa mertuaku lalu aku terpaksa berpisah dengan anak perempuannya. Kemudian aku mengahwini anak perempuan salah seorang penuntut agama dari Fez. Isteriku itu diserahkan kepadaku di Qasr al-Za’afiyah. Aku mengadakan majlis perkahwinan sepanjang hari untuk menjamu semua anggota kafilah.

Pada awal bulan Jamadil Awwal, kami tiba di kota pelabuhan Iskandariah (Alexandria) Semoga Allah melindungi kota itu! Iskandariah merupakan kota perbatasan yang pertahanannya kukuh, layanan penduduknya amat baik, pemandangannya menakjubkan dan binaannya kukuh. Ia memiliki apa sahaja yang dikehendaki, sama ada dari segi perhiasan mahupun dari segi pertahanan selain memiliki kesan-kesan peninggalan sejarah yang bersifat duniawi mahupun ukhrawi. Tempat-tempat kediaman dan kotanya amat indah serta memiliki ciri seni bina yang mengagumkan. Bangunan-bangunannya besar dan seni binanya tetap sempurna. Ia bagai permata yang cahayanya bersinar dan seumpama gadis pingitan yang berseri-seri dalam perhiasan pengantinnya. Keindahannya yang menawan itu menghimpunkan segala kecantikan yang bertaburan di serata alam kerana kedudukannya di tengah-tengah iaitu di antara barat dengan timur. Setiap keajaiban yang baharu, muncul di kota ini dan setiap keindahan yang baharu, kemuncaknya pasti berakhir di sini. Orang ramai menceritakan sifat-sifatnya dengan panjang lebar dan menulis berjilid-jilid buku tentang ciri-ciri kehebatannya tanpa puas. Memadailah bagi sesiapa yang mengingini pengetahuan terperinci tentang segala tarikan kota ini membaca karangan Abu ‘Abid dalam kitabnya, “Al-Masalik”.

Pintu Masuk Kota Iskandariah dan Pelabuhannya

Kota Iskandariah mempunyai empat buah pintu masuk. Salah satu daripadanya ialah Bab al-Sidrah. (Pintu Sidrah) dan dari pintu inilah bermulanya perjalanan ke negeri Maghribi. Seterusnya ialah Bab Rasyid (Pintu Rasyid), Bab al-Bahr (Pintu Laut) dan Bab al-Akhdar (Pintu Hijau). Pintu masuk ini hanya dibuka pada hari Jumaat dan orang ramai keluar menerusi pintu ini untuk menziarahi kubur. Kota Iskandariah ini juga mempunyai sebuah pelabuhan yang hebat dan unik. Aku belum pernah melihat pelabuhan-pelabuhan lain di dunia yang dapat menandinginya kecuali bebrapa pelabuhan lain seperti Pelabuhan Kaulam(Quilon) dan Qaliqut di India, pelabuhan milik orang kafir di Suradaq, Turki serta Pelabuhan Zaitun yang terletak di China. Semua pelabuhan ini akan diterangkan kemudian dengan lebih lanjut.

Rumah Api

Dalam pengembaraanku ini, aku telah melawat rumah api. Aku mendapati salah satu sudut binaannya telah runtuh. Rumah api ini merupakan sebuah binaan bentuk segi empat yang tingginya mencecah angkasa. Pintunya terletak tinggi dari aras bumi. Bersetentang dengan pintu ini, terdapat sebuah bangunan lain yang mempunyai ketinggian yang sama. Di antara rumah api ini dengan bangunan itu diletakkan papan dan seseorang boleh melalui papan ini untuk pergi ke pintu rumah api itu. Sekiranya papan ini dibuang, tiada jalan lain lagi yang dapat menghubungkan pintu itu. Di bahagian dalam pintu rumah api itu, terdapat satu tempat duduk untuk penjaga rumah api. Didalam rumah api ini sendiri terdapat banyak bilik. Ukuran lebar tempat berjalan rumah api tersebut ialah sembilan jengkal, manakala ukuran lebar dindingnya pula ialah sepuluh jengkal. Sekiranya rumah api ini diukur dari keempat-empat sudutnya, ukurannya ialah 140 jengkal lebar. Rumah api ini terletak di atas bukit yang tinggi dan jarak perjalanan di antara rumah api ini dengan kota ialah satu farsakh. Perjalanan ke rumah api ini melalui jalan darat yang panjang yang dikelilingi oleh laut di tiga penjuru hinggalah suatu jarak lautan ini berada hampir dengan tembok negeri tersebut. Oleh yang demikian, tiada seorang pun yang dapat pergi ke rumah api ini melainkan dari dalam kota. Di kawasan daratan yang berhubung dengan rumah api itulah terletaknya tanah perkuburan kota Iskandariah.

Aku sekali lagi menziarahi rumah api sewaktu aku pulang dari Maghribi pada tahun 750H (1349M). Aku mendapati ia telah rosak teruk sehingga tidak boleh lagi dimasuki atau dinaiki hingga pintunya. Al Malik al-Nasir r.h. telah memulakan pembinaan rumah api yang sama bersetentang dengan rumah api yang lama itu tetapi kemangkatannya telah menghalang baginda daripada menyempurnakan pembinaan tersebut.

Tiang Sawari

Suatu perkara lagi yang unik dan pelik di kota Iskandariah ini ialah sebatang tiang yang amat mengagumkan yang terletak di luar kota ini. Orang ramai menamai tiang ini sebagai Tiang Sawari. Tiang ini berada di tengah-tengah sebuah kebun tamar dan ia dibezakan oleh ketinggiannya yang mengatasi ketinggian pokok-pokok di situ. Tiang ini merupakan satu blok yang dipahat dengan menggunakan kemahiran yang sangat tinggi. Ia didirikan di atas alas tiang yang diperbuat daripada batu segi empat seperti sebuah platform yang besar. Tidaklah diketahui bagaimana cara tiang ini didirikan di situ dan tidak pula dapat dipastikan orang yang telah mendirikannya.

(Ibn Juzayy mencatat: “Beberapa orang syeikhku yang telah banyak kali mengembara memberitahuku bahawa salah seorang pemanah di kota Iskandariah telah memanjat tiang itu hingga sampai ke puncaknya. Ia membawa anak panah dan tabungnya lalu tinggal di sana. Berita ini telah tersebar luas ke merata tempat dan banyak orang yang datang untuk melihat pemanah tersebut. Mereka yang datang, semuanya berasa sangat hairan bagaimana ia dapat menaiki puncak itu.

Pada pandanganku, mungkin pemanah tersebut ketakutan atau mengejar sesuatu cita-cita dan perbuatannnya itu membolehkan ia mencapai hasrat yang diidamkan. Aku membuat andaian sedemikian disebabkan perbuatan yang dilakukannya itu amatlah pelik. Pemanah tersebut mencari akal untuk menaiki tiang itu dengan cara yang berikut. Ia telah melepaskan sebilah anak panah yang hujungnya berikat dengan benang yang panjang. Hujung benang tersebut pula diikatkan pada tali yang kukuh. Anak panah itu melepasi puncak tiang tersebut dan jatuh di tempat yang arahnya bertentangan dengan si pemanah. Benang tersangkut di tengah puncak tiang lalu pemanah itu menariknya sehingga bahagian tengah tali pula yang berada di tengah puncak tiang dan mengganti tempat benang.
Kemudian hujung tali itu diikatkan dengan kemas di atas tanah dan pada hujung tali yang satu lagi, ia berpaut lalu memanjat ke atas. Apabila telah berada di atas, ia menarik keluar tali tersebut. Pemanah itu mestilah telah ditemani oleh seseorang yang telah membawa keluar tali tersebut dengan cara yang tidak dapat dikesan helahnya dan semua yang melihat berasa takjub dengan keadaannya.”)

Sewaktu aku tiba, kota Iskandariah diperintah oleh seorang amir yang bernama Salahuddin (bukan al-Ayubi yang terkenal itu). Pada waktu itu juga, seorang sultan dari Afrika yang telah digulingkan turut tinggal di Iskandariah. Sultan tersebut bernama Zakaria Abu Yahya ibn Ahmad ibn Abi Hafs dan digelar sebagai al-Lihyani. Al Malik al-Nasir menitahkan supaya sultan dari Afrika itu ditempatkan di kediaman sultan di Iskandariah. Baginda juga telah mengurniakan 100 dirham setiap hari kepada sultan tersebut. Sultan dari Afrika itu diiringi oleh putera-puteranya yang bernama ‘Abdul Wahid, Misri dan Iskandari, pegawai istananya, Abu Zakaria ibn Ya’qub serta wazirnya, Abu ‘Abdillah ibn Yasin. Akhirnya al-Lihyani dan anaknya, Iskandari meninggal dunia di kota Iskandariah sementara anaknya yang bernama Misri masih berada di Mesir hingga hari ini.

(Ibn Juzayy mencatat: “Persoalan tentang kebenaran alamat yang boleh disimpulkan daripada nama kedua-dua orang anak al-Lihyani iaitu Iskandari dan Misri didapati sangat aneh. Iskandari meninggal dunia di kota Iskandariah sementara Misri pula tinggal untuk jangka masa yang lama di Mesir.”)

Anaknya yang bernama ‘Abdul Wahid pula mengembara ke negeri Andalus dan Maghribi lalu akhirnya meninggal dunia di Afrika iaitu di sebuah kepulauan bernama Jarbah.

‘Ulama Iskandariah

Antara ‘ulama’ yang terkenal di Iskandariah ialah kadinya, ‘Imaduddin al-Kindi, seorang yang pakar dalam bidang ilmu bahasa. Beliau memakai serban yang bertentangan dengan adat pemakai serban. Aku belum pernah melihat sama ada di timur mahupun di barat, serban yang lebih besar daripada serban beliau. Pada suatu hari, aku melihatnya duduk di tengah mihrab dan serbannya hampir-hampir memenuhi mihrab itu.

Seorang lagi Fakhruddin ibn al-Righi, juga seorang kadi di Iskandariah. Beliau ialah seorang yang mulia dan berilmu pengetahuan.

Suatu Petanda yang Baik

Diceritakan bahawa datuk kadi Fakhruddin al-Righi ialah salah seorang daripada kalangan penduduk kota Righah. Beilau sentiasa sibuk menuntut ilmu dan kemudian mengembara ke Hijaz. Beliau tiba di Iskandariah pada waktu malam. Disebabkan hanya mempunyai sedikit bekalan, al-Righi memilih untuk tidak memasuki kota sehinggalah beliau mendengar suatu petanda yang baik. Al-Righi duduk berhampiran dengan pintu kota hinggalah semua orang memasukinya dan tibalah waktu untuk menutup pintu. Hanya beliau seorang sahaja yang masih berada di situ. Penjaga pintu berasa marah kerana kelewatannya itu lalu mengherdik, “Masuklah wahai kadi!” Beliau lantas berkata, “Tuan Kadi, InsyaAllah!” Kemudian al-Righi memasuki beberapa buah madrasah dan tekun membaca di samping meneladani jalan kehidupan orang yang mulia. Nama dan kemasyhurannya telah tersebar luas. Beliau juga amat terkenal dengan sifat zuhud dan warak.

Berita tentang al-Righi telah sampai kepada raja Mesir. Sementara itu, kadi Iskandariah telah meninggal dunia. Pada waktu itu, ada banyak fuqaha’ serta ‘ulama’ dan semua mereka mengharapkan jawatan tersebut. Berbeza pula dengan al-Righi, beliau tidak mengidamkan jawatan itu.

Sesudah itu sultan Iskandariah mengutus satu watikah kepada al-Righi yang menyatakan bahawa beliau telah dilantik utnuk memegang jawatan kadi. Selepas utusan tersebut itu tiba, al-Righi pun meminta khadamnya membuat satu pengumuman, “Sesiapa yang mempunyai apa-apa masalah pertelingkahan hendaklah menghadirkan diri untuk diadakan penyiasatan.” Beliau pun mulalah menyelesaikan masalah-masalah mereka yang berlaku dalam masyarakat. Sementara itu, fuqaha’ dan sahabat-sahabat mereka yang lain telah berhimpun di rumah salah seorang daripada mereka.

Mereka semua menganggap bahawa al-Righi tidak layak memegang jawatan kadi. Mereka berbincang untuk memujuk sultan supaya mengkaji semula perlantikan tersebut. Selain itu, mereka juga mahu menghadap sultan untuk menyatakan bantahan orang ramai terhadap Kadi al-Righi.

Walau bagaimanapun, seorang ahli nujum yang amat bijaksana yang turut hadir dalam perhimpunan tersebut berkata, “Janganlah kamu mengambil tindakan sedemikian. Aku telah menilik perlantikannya itu dan aku benar-benar memastikannya sehingga ternyata bagiku bahawa beliau akan memegang jawatan kadi selama empat puluh tahun.” Akhirnya mereka semua membatalkan hasrat untuk mencadangkan supaya perlantikan al-Righi dikaji semula.

Apa yang diramalkan oleh ahli nujum tersebut benar-benar berlaku ke atas diri al-Righi. Al-Righi dikenali sebagai seorang kadi yang adil dan berbudi pekerti mulia.

Seorang lagi ‘ulama’ Iskandariah ialah Wajihuddin al-Sanhaji iaitu salah seorang kadi di Iskandariah yang terkenal dengan ilmu dan ketokohannya. Begitu juga Syamsuddin, putera Bint al-Tinnisi, seorang yang berakhlak mulia dan memiliki reputasi yang hebat.

Golongan salih yang menetap di sini pula ialah Syeikh Abu ‘Abdillah al-Fasi, seorang wali Allah yang agung. Menurut riwayat, beliau mendengar orang menjawab salamnya apabila beliau mengucapkan salam sesudah solatnya. Selain semua mereka ini, ada seorang lagi imam yang sangat ‘alim, zuhud, khusyuk dalam ibadahnya dan warak yang bernama Khalifah. Beliau dikurnai ilmu mukasyafah.

Kekeramatan Khalifah

Orang yang thiqah (yang boleh dipercayai) daripada kalangan sahabat Khalifah memberitahuku, “Syeikh Kahlifah telah melihat Rasulullah SAW dalam tidurnya. Rasulullah SAW bersabda, “Wahai Khalifah! Ziarahilah kami.” Oleh itu beliau pun berangkat ke Madinah al-Syarifah dan pergi ke masjid yang mulia. Beliau memasukinya dari Bab al-Salam dan mendirikan Solat Tahiyyah al-Masjid. Kemudian beliau mengucapkan salam kepada Rasulullah SAW dan duduk bersandar pada tiang masjid. Beliau meletakkan kepalanya diatas kedua-dua lutut-perbuatan ini dikalangan tasawuf dinamai tarfiq. Apabila beliau mengangkat kepala, didapatinya ada empat keping roti, sejag susu dan sepinggan buah tamar. Beliau dan sahabat-sahabatnya menikmati makanan tersebut dan kemudian pulang ke Iskandariah tanpa menunaikan haji pada tahun itu.

Seorang lagi hamba Allah yang salih ialah imam dan ilmuwan yang warak serta khusyuk dalam ibadahnya iaitu Burhanuddin. Beliau ialah seorang yang tempang tetapi seorang yang sangat zuhud dan merupakan hamba Allah yang terpilih. Aku menemuinya sewaktu aku berada di Iskandariah dan tinggal bersama-sama dengannya sebagai tetamu selama tiga hari.

Kekeramatan Imam Burhanuddin

Pada suatu hari, semasa aku memasuki bilik Imam Burhanuddin, beliau berkata kepadaku, “Aku mendapati kamu suka mengembara dan berjalan dari sebuah negeri ke negeri yang lain.” Balasku, “Benar, aku amat suka mengembara.” Pada waktu itu aku belum pernah terfikir untuk mengembara ke negeri India dan China yang sangat jauh itu. Beliau berkata kepadaku, “Suatu hari nanti, dengan izin Allah, kamu pasti akan menziarahi saudaraku, Fariduddin di India, Ruknuddin Zakaria di Sind dan Burhanuddin di China. Apabila kamu menemui mereka, sampaikanlah salamku kepada mereka.” Aku menjadi hairan dengan kata-katanya itu dan mula memusatkan fikiran untuk mengembara ke negeri-

negeri tersebut. Aku terus mengembara lagi hinggalah aku bertemu dengan ketiga-tiga orang yang dinyatakan oleh beliau itu dan kusampaikan salamnya kepada mereka.

Semasa aku meninggalkan Imam Burhanuddin, beliau membekalkan beberapa dirham untukku. Wang ini sentiasa kusimpan dan aku tidak berhajat untuk membelanjakannya. Malangnya ia telah dirompak oleh orang kafir di India sewaktu mereka merompak barang-barangku di lautan.

Antara golongan salih yang ada di Iskandariah termasuklah Syeikh Yaqut al-Habsyi, seorang yang sangat istimewa. Beliau ialah murid Abu al-‘Abbas al-Mursi dan Abu al-‘Abbas al-Mursi pula merupakan murid Abu al-Hasan al-Syazili yang amat terkenal dengan pelbagai kekeramatan serta maqam yang tinggi.

Kekeramatan Abu al-Hasan al-Syazili

Syeikh Yaqut menceritakan kepadaku sebagaimana yang didengarnya dari gurunya, Syeikh Abu al-‘Abbas al-Mursi bahawa Abu al-Hasan menunaikan haji pada setiap tahun dengan menggunakan jalan hulu Mesir (Sa’id). Beliau tinggal di Makkah pada bulan Rejab dan bulan yang berikutnya hinggalah selesai menunaikan fardu haji. Abu al-Hasan menziarahi makam Nabi SAW yang mulia di Madinah dan pulang mengikut jalan utama haji ke negeri tempat tinggalnya. Pada suatu tahun (iaitu tahun terakhir beliau menunaikan haji), Abu al-Hasan berkata kepada khadamnya, “Bawalah sebilah kapak, sebuah bakul, harum-haruman dan barang-barang untuk mengurus jenazah.” Khadamnya bertanya, “Mengapa pula wahai tuan?” Jawab beliau, “Di Humaithira nanti kamu akan melihatnya.” Humaithira ialah satu tempat yang terletak di bahagian hulu Mesir. Di Padang Pasir ‘Aizab, di Humaithira ini terdapat mata air yang payau rasanya dan banyak binatang buas. Apabila kedua-duanya sampai di Humaithira, Syeikh Abu al-Hasan mandi dan menunaikan solat dua rakaat. Dalam sujudnya yang terakhir, Abu al-Hasan menghembuskan nafas yang terakhir dan beliau dimakamkan di situ juga.

Aku telah menziarahi makamnya. Di atasnya, terdapat batu nisan yang tertulis nama beliau dan nasabnya yang bersambung kepada Hasan ibn ‘Ali r.a.

Doa di Laut oleh Abu al-Hasan

Setiap tahun, apabila Abu al-Hasan al-Syazili pergi bermusafir, sebagaimana yang telah diceritakan, beliau akan melalui jalan hulu Mesir dan menyeberangi Laut Jeddah (Laut Merah). Setiap kali menaiki kapal, beliau akan membaca sebuah doa. Murid-muridnya juga turut membaca doa tersebut setiap hari hingga hari ini. Inilah doanya:

“ teks didalam bahasa ‘Arab “

Terjemahan: “ Ya Allah! Tuhanku yang Maha Tinggi, Maha Agung, Maha Penyabar, Maha Mengetahui, Engkaulah Tuhanku dan memadailah bagiku ilmuMu. Sebaik-baik

Tuhan ialah Tuhanku dan sebaik-baik yang mencukupkan ialah Tuhanku. Engkau menolong sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau Maha Kuat lagi Maha Penyayang. ***Kami memohon perlindungan daripadaMu bagi setiap gerakan, diam, perkataan, kehendak dan lintasan hati daripada segala syak wasangka serta keraguan yang menutup mata hati daripada memandang perkara-perkara yang ghaib. Sesungguhnya orang yang beriman telah diuji serta digoncangkan keadaan mereka dengan goncangan yang hebat supaya orang munafik selain mereka yang dalam hatinya ada penyakit berkata, " Allah dan RasulNya hanyalah menjanjikan tipu daya."***

Engkau teguhkanlah kami, bantulah kami serta tundukkanlah laut ini untuk kami, sebagaimana Engkau telah menundukkan laut ini bagi Nabi Musa a.s. dan sebagaimana Engkau menundukkan api bagi Nabi Ibrahim a.s. Demikian juga sebagaimana Engkau menundukkan gunung-ganang serta besi bagi Nabi Daud a.s. dan sebagaimana Engkau menundukkan angin, syaitan dan jin bagi Nabi Sulaiman a.s. Tundukkanlah setiap lautan yang menjadi milikMu di bumi dan dilangit bagi kami, di alam nyata selain di alam malakut, lautan dunia serta lautan akhirat. Tundukkanlah bagi kami segala sesuatu wahai Tuhan yang ditanganNya milik segala sesuatu. Kaf-Ha'-Ya'-'Ain-Sad, Ha'-Min, 'Ain-Sin-Qaf, bantulah kami, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pemberi bantuan. Bukalah bagi kami, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pembuka jalan kelapangan. Ampunkanlah dosa-dosa kami, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pemberi keampunan. Kasihanilah kami, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pemberi kasih sayang. Kurniakanlah rezeki kepada kami, sesungguhnya Engkaulah sebaik-baik pemberi rezeki. Tunjukilah kami dan selamatkanlah kami daripada kaum yang zalim. Kurniakanlah bau yang harum kepada kami seperti yang terdapat dalam ilmuMu dan limpahkanlah perbendaharaan rahmatMu kepada kami. Bawalah kami dengan rahmat itu kepada kemuliaan yang disertai oleh keselamatan dan kesejahteraan dalam agama, di dunia serta di akhirat. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu.

Ya Allah Ya Tuhan kami! Permudahlah setiap pekerjaan kami dan kurniakanlah kerehatan kepada hati serta tubuh kami. Kurniakanlah juga keselamatan dan kesejahteraan dalam agama serta urusan dunia kami. Iringilah kami dalam perjalanan kami. Engakulah wakil keluarga kami (yang kami tinggalkan). Engkau hapuskanlah penglihatan musuh-musuh kami dan Engkau rebahkanlah mereka dari tempat mereka berada, sehingga mereka tidak dapat datang lalu menghampiri kami.
(Mata hati orang yang menderhaka itu rosak) dan jika Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, sehingga masing – masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui). (Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya? (Kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan jika Kami kehendaki, Kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di tempat mereka berada, maka dengan itu mereka tidak dapat mara ke hadapan dan juga tidak dapat berundur ke belakang. Yasin hinggalah fahum la yub-sirun.
Telah cacatlah wajah dan telah tunduklah wajah-wajah kepada Tuhan yang Hidup lagi berdiri dengan sendiri. Sesungguhnya berdukacitalah orang yang melakukan kezaliman. Ta'-Sin, Ta'-Sin-Mim, Ha'-Mim,'Ain-Sin-Qaf. " Dia membiarkan dua lautan mengalir yang kemudian bertemu. Diantara kedua-duanya, ada batas yang tidak dilampaui oleh

masing-masing."

Ha'-Mim, Ha'-Mim, Ha'-Mim, Ha'-Mim, Ha'-Mim,Ha'-Mim, Ha'-Mim, Ha'-Mim, urusan telah ditentukan dan telah datanglah bantuan. Mereka tidak akan memperoleh kemenangan atas kami. "Ha'-Mim, kitab al-Quran ini diturunkan daripada Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui. Yang mengampunkan dosa dan Menerima taubat lagi keras hukumanNya. Tiada Tuhan yang berhak disembah selain Dia. Hanya kepadaNya-lah kembali semua makhluk." Bismillah merupakan pintu kami dan dinding kami, Ya-Sin adalah atap kami, Qaf-Ha'-Ya-'Ain-Sad merupakan pencukup kami. Ha'-Mim, 'Ain-Sin-Qaf ialah pemelihara kami. Allah akan memelihara kamu (dan umatmu) daripada kejahatan mereka dan Dia-lah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Langsir 'Arasy meliputi kami, "mata Allah" melihat kami dan dengan daya upaya Allah, tiada sesiapa dapat menyakiti kami. "…padahal Allah mengepung mereka dari belakang mereka. Bahkan yang didustakan mereka itu ialah al-Quran yang mulia, yang tersimpan di Luh-Mahfuz." Allah-lah sebaik-baik pemelihara dan Dia-lah yang Maha Pengasih daripada sekalian yang pengasih. Sesungguhnya pemeliharaku ialah Allah yang menurunkan Kitab dan Dia-lah yang memimpin orang yang salih. "Jika mereka berpaling, maka katakanlah, 'Cukuplah Allah bagiku, tiada Tuhan melainkan Dia, kepada-Nya aku berserah dan Dia-lah Tuhan 'Arasy yang Maha Agung." "Dengan nama Allah yang tidak akan memudaratkan beserta nama-Nya sesuatu yang ada dibumi dan sesuatu yang berada di langit. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. Tiada daya dan upaya melainkan daya upaya Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung." Salawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sahabat Baginda sekalian."

Pertelingkahan di kalangan Pedagang

Suatu peristiwa telah berlaku di kota Iskandariah pada tahun 727H (1326 M.) dan kami telah menerima berita ini sewaktu berada di Makkah al-Musyarrafah. Suatu krisis telah tercetus antara pedagang Muslim dan pedagang Kristian. Gabenor Iskandariah pada waktu itu ialah seorang lelaki yang digelar oleh al-Karaki oleh orang ramai. Dia melindungi kepentingan orang Rom dan memerintahkan supaya orang Islam berhimpun diantara dua dinding luar pintu kota. Kemudian dia menutup pintu kota sebagai balasan untuk menyakiti mereka. Orang ramai membantah tindakan al-Karaki dan memandang berat terhadap apa yang berlaku. Mereka lalu memecahkan pintu kota dan memberontak di rumah gabenor. Al-Karaki menyelamatkan dirinya dan menyerang mereka dari atap rumahnya lalu menghantar seekor burung merpati untuk menyampaikan berita buruk tersebut kepada al-Malik al-Nasir. Al-Malik al-Nasir lantas mengutus seorang amir yang bernama al-Jamali dan kemudian mengutus seorang lagi amir bernama Tughan, seorang yang berhati keras serta diragui kepercayaan agamanya. Dia dikatakan menyembah matahari. Kedua-dua amir ini masuk ke Iskandariah lalu menangkap pembesar-pembesar kota serta ketua pedagang seperti anak-anak al-Kubak dan lain-lain. Mereka juga merampas wang yang banyak daripada pedagang-pedagang. Leher Kadi 'Imaduddin pula dibelenggu dengan besi. Kemudian dua amir ini membunuh seramai 36 orang lelaki iaitu penduduk kota ini. Mereka memotong setiap tubuh mangsa itu kepada dua bahagian dan

menyalib tubuh semua mayat dalam dua baris. Peristiwa ini berlaku pada hari Jumaat.

Seperti biasa, orang ramai keluar menziarahi kubur selepas solat. Apabila mereka melihat mayat penduduk Iskandariah dibawa ke sana, mereka berasa begitu kecewa dan kesedihan mereka semakin bertambah. Seorang pedagang yang amat berwibawa dan bernama Ibn Rawahah termasuk dalam jumlah korban yang disalib. Ibn Rawahah ini memiliki sebuah dewan yang menjadi gudang senjata. Apabila tiba situasi yang menakutkan atau peperangan , beliau melengkapkan 100 atau 200 orang lelaki dengan senjata yang mencukupi dari dewannya. Di kota Iskandariah ini, terdapat banyak dewan seperti ini milik penduduk tempatan. Ibn Rawahah telah tersasul apabila beliau berkata kepada dua orang amir tersebut, “Aku menjamin kestabilan kota ini setiap kali berlakunya krisis. Biarlah aku yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya dan aku akan memberikan gaji tentera serta penunggang kuda bagi pihak sultan.” Kedua-dua amir itu membantah dan berkata, “ Kamu ini sebenarnya hendak melakukan pemberontakan terhadap sultan, “ lalu mereka membunuhnya. Walau bagaimanapun pada hakikatnya, Ibn Rawahah r.h. sebenarnya bertujuan utnuk memberikan nasihat dan berbakti kepada sultan namun itulah punca yang menyebabkan kematiannya.

Semasa aku tinggal di Iskandariah, aku mendengar cerita seorang yang syeikh yang salih iaitu Abu ‘Abdillah al-Mursyidi. Beliau tekun beribadah, menjauhkan dirinya daripada urusan dunia dan membelanjakan apa yang dimilikinya. Syeikh Abu ‘Abdillah juga merupakan seorang wali agung yang kasyaf dan mengasingkan dirinya di Kampung Munyah Bani Mursyid. Disana, Syeikh Abu ‘Abdillah mempunyai sebuah *zawiyah* (zawiyah ialah sebuah tempat seperti rumah bagi kaum sufi untuk beraktiviti dan tempat tinggal bagi sesiapa yang dibenarkan tinggal disitu) dan beliau tinggal bersendirian di zawiyahnya tanpa seorang khadam atau teman. Pemerintah-pemerintah, wazir-wazir dan pelbagai rombongan datang menemuinya setiap hari. Syeikh Abu ‘Abdillah menjamukan makanan kepada mereka dan setiap pengunjung itu pula memang berniat untuk memakan makanan, buah-buahan ataupun manisan di rumah kecilnya. Beliau akan membawakan mereka apa yang diingini walaupun sesuatu makanan itu tidak berada dalam musimnya. Fuqaha’ turut datang kepadanya untuk meminta jawatan lalu beliau memberikan jawatan atau menggugurkan jawatan mereka. Semua cerita tentang beliau ini telah disampaikan dari mulut ke mulut secara meluas. Al-Malik al-Nasir juga telah menemui beliau beberapa kali.

Dari kota Iskandariah, aku berangkat dengan tujuan untuk menemui syeikh ini. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya.

Aku tiba di kota Taraujah yang jaraknya sejauh perjalanan selama setengah hari dari kota Iskandariah. Taraujah ialah sebuah perkampungan yang besar dan di sini ada seorang kadi, gabenor serta penasihat kewangan. Penduduknya berakhlak mulia dan bermaruah tinggi. Aku berasa gembira ditemani oleh kadi Taraujah iaitu Safiyuddin serta khatibnya, Fakhruddin selain seorang penduduk kampung ini yang baik hati bernama Mubarak dan digelar sebagai Zainuddin oleh orang ramai. Di kampung ini, aku menjadi tetamu di rumah seorang lelaki mulia dan sangat berwibawa yang bernama 'Abdul Wahab. Penasihat kewangan kampung ini, Zainuddin ibn al-Wa'iz datang melayanku dan beliau

bertanya tentang negeriku serta nila cukai yang dikenakan. Aku memberitahu beliau bahawa cukai di negeriku bernilai 12,000 dinar emas. Kenyataanku itu mengejutkannya lalu beliau berkata, "Apa pandangan saudara terhadap kampung ini yang cukainya 72,000 dinar emas? Sebenarnya faktor utama yang menyebabkan sumber pendapatan negeri Mesir meningkat dan banyak adalah kerana semua tanah ladang menjadi milik Baitul Mal."

Aku berjalan lagi dan meninggalkan Taraujah hinggalah akhirnya aku tiba di Damanhur. Damanhur ialah sebuah kota yang menghasilkan produktiviti yang tinggi dan memiliki pemandangan yang sangat indah. Ia merupakan ibu kota bagi seluruh kota di wilayah Buhaira dan segala urusan kota tertumpu di situ. Kadi kota Damanhur ketika itu ialah Fakhruddin ibn Miskin, seorang faqih Mazhab Syafi'e. Kemudian beliau mengambil alih jawatan kadi di Iskandariah setelah 'Imaduddin al-Kindi dilucutkan jawatan disebabkan krisis yang telah diceritakan sebelum ini. Seorang yang boleh dipercayai memberitahuku bahawa Ibn Miskin memberikan 25,000 dirham yang nilainya bersamaan dengan 1,000 dinar emas untuk memperoleh jawatan kadi kota Iskandariah.

Kemudian kami bertolak menuju ke Fawwa. Kota Fawwa ini mempunyai pemandangan yang menakjubkan dan menawan. Terdapat banyak kebun di kota ini dan juga barang-barang bekalan yang berharga. Di sinilah juga letaknya kubur Syeikh Abu al-Najah, seorang yang sangat terkenal dan merupakan tukang tilik negeri tersebut. Zawiyah Syeikh Abu 'Abdillah al-Mursyidi yang kutuju itu terletak berhampiran dengan kota ini. Ia hanya dipisahkan oleh sebuah terusan di situ. Setelah aku masuk ke kawasan kota ini, aku pun menyeberangi terusan ini dan sampai di zawiyah syeikh sebelum Solat Asar. Aku mengucapkan salam kepadanya dan aku mendapati Amir Saifuddin Yalmalak, seorang pegawai Khasikiyyah (pengawal sultan) berada di sisinya. Orang awam mengatakan bahawa dia ialah seorang raja tetapi sebenarnya mereka tersilap. Amir dan tenteranya kemudian berkhemah di luar zawiyah. Apabila aku masuk menemui syeikh r.h., beliau lantas bangun dan memelukku. Beliau memakai jubah berwarna hitam yang diperbuat dari bulu. Apabila tiba waktu asar, beliau meminta supaya aku mengimami solat. Begitulah yang berlaku setiap kali solat semasa aku tinggal bersama-sama dengannya. Apabila aku hendak tidur, Syeikh Abu 'Abdillah berkata kepadaku, "Naiklah ke bumbung zawiyah ini dan tidurlah di sana." Ketika itu ialah musim panas. Aku pun berkata kepada amir, "Dengan nama Allah." Beliau menjawab pula, "Setiap seorang daripada kita mempunyai tempatnya yang tertentu." Aku pun menaiki bumbung zawiyah dan disitu kudapati ada tilam, tikar kulit serta bekas air untuk mengambil wuduk, sejag air minuman disamping sebiji cawan lalu aku pun tidur di situ.

Kekeramatan Syeikh Abu 'Abdillah

Pada malam itu, ketika aku tidur diatas bumbung zawiyah, aku bermimpi seolah-olah aku berada di atas sayap seekor burung yang besar. Burung tersebut membawaku terbang menuju ke kiblat (kota Makkah). Kemudian ia menuju ke Yaman dan seterusnya ke arah barat. Sesudah itu ia menuju ke selatan pula. Akhirnya burung itu melakukan penerbangan yang jauh ke arah barat dan ia berhenti di satu tempat yang gelap serta hijau

lalu meninggalkan aku di situ. Mimpi ini sungguh menghairankan aku. Dalam hati aku berkata, "Seandainya syeikh ini mengetahui secara kasyaf apa yang kumimpikan, benarlah apa yang diceritakan tentang dirinya." Apabila aku bangun pada waktu pagi untuk menunaikan Solat Subuh, Syeikh Abu 'Abdillah menolakku ke hadapan untuk menjadi imam. Kemudian Amir Yalmalak datang menemuinya untuk mengucapkan selamat tinggal lalu pulang. Mereka yang menziarahi Syeikh Abu 'Abdillah ini turut mengucapkan selamat tinggal dan mereka semua berlalu setelah beliau membekalkan potongan kuih yang kecil.

Selepas aku membaca tasbih pada waktu pagi, Syeikh Abu 'Abdillah memanggilku untuk mentafsirkan mimpiku. Aku menceritakan mimpiku kepadanya. Beliau berkata, "Kamu akan menunaikan haji di Makkah dan menziarahi makam Nabi SAW di Madinah. Kamu akan mengembara ke negeri Yaman, Iraq, Turki dan India. Kamu akan tinggal di sana untuk jangka waktu yang panjang. Di sana nanti kamu akan bertemu dengan saudaraku, Dilsyad, seorang berbangsa India yang akan menyelamatkan kamu daripada musibah yang menimpa kamu." Beliau kemudian membekalkan beberapa keping kuih dan dirham untukku. Aku mengucapkan selamat tinggal kepadanya dan pergi dari situ. Semenjak aku berpisah dengannya, aku sentiasa mendapat pelbagai kebaikan dalam pengembaraanku. Ternyatalah padaku keberkatan Syeikh Abu 'Abdillah. Selepas bertemu dengan beliau, aku tidak pernah bertemu dengan orang lain lagi sepertinya kecuali seorang wali Allah, Sayyidi Muhammad a-Mulah di India.

Aku meneruskan perjalanan ke Nahriyyah, sebuah kota yang luas dan mempunyai bangunan-bangunan yang baharu. Pasarnya pula sangat cantik. Amir kota ini ialah seorang yang berkedudukan tinggi dan digelar sebagai al-Sa'di oleh orang ramai. Anaknya berkhidmat untuk Kerajaan India dan hal ini akan diceritakan kemudian. Kadi kota ini ialah Sadruddin Sulaiman al-Maliki. Beliau ialah salah seorang 'ulama' Mazhab Maliki yang agung. Sadruddin mengembara ke Iraq sebagai duta al-Malik al-Nasir dan beliau dilantik memegang jawatan kadi di negeri Gharbiyyah. Sadruddin juga memiliki penampilan diri dan rupa yang menarik. Khatib kota ini pula ialah Syarafuddin al-Sakhnawi, seorang hamba Allah yang salih.

Dari kota Nahrariyyah, kami berjalan menuju ke kota Abyar. Kota ini dipenuhi oleh bangunan-bangunan lama. Namun demikian, persekitarannya berbau harum. Masjid juga banyakterdapat di sini dan ia sangat indah. Kota Abyar ini terletak berhampiran dengan Nahrariyyah dan hanya Sungai Nil yang memisahkan kedua-duanya. Di kota Abyar, baju-baju yang cantik dihasilkan. Baju-baju ini mempunyai nilai yang tinggi di Syam, Iraq, Mesir dan negeri-negeri yang lain. Suatu perkara yang aneh di sini, walaupun kota Nahrariyyah terletak berhampiran dengan Abyar, namun penduduknya menganggap bahawa baju-baju yang dihasilkan di Abyar itu tidak cantik dan tidak berkualiti.

Di Abyar, aku bertemu dengan kadinya, ‘Izzuddin al-Maliji al-Syafi’e, seorang yang berkeperibadian mulia dan berkedudukan tinggi. Aku pernah berada di sisinya pada suatu masa iaitu pada hari rakbah. Rakbah ialah nama yang diberikan oleh penduduk untuk melihat anak bulan Ramadan. Adat yang diamalkan oleh mereka ialah fuqaha’ dan orang yang ternama dari kota, berhimpun di rumah kadi selepas waktu asar pada hari kedua

puluh sembilan bulan Syaaban.

Seorang lelaki iaitu naqib bagi orang yang memakai serban, berdiri berhampiran dengan pintu dengan memakai pakaian yang cantik dan kelihatan sangat segak. Apabila fuqaha' ataupun orang yang ternama itu tiba, setiap orang akan menemui naqib tersebut dan beliau akan memimpinnya lalu berkata, “Dengan nama Allah, pemimpin kami, si fulan al-din.” Kadi dan orang yang mengiringinya yang mendengar akan berdiri untuk menghormati orang yang datang itu dan naqib akan memberikan tempat duduk yang sesuai untuknya. Apabila semuanya telah berkumpul di situ, kadi dan orang yang mengiringinya akan menaiki kenderaan. Mereka dituruti oleh sekalian penduduk kota; lelaki, wanita dan kanak-kanak hinggalah mereka tiba di tanah tinggi di luar kota iaitu tempat untuk melihat anak bulan. Permaidani dan tikar dibentangkan terlebih dahulu. Di sini juga kadi dan orang yang mengiringinya berhenti untuk melihat anak bulan. Kemudian selepas Solat Maghrib, orang ramai akan pulang ke kota. Mereka pulang dengan menyalakan lilin di kedai mereka dan orang ramai menemani kadi hinggalah beliau sampai di rumahnya. Mereka seterusnya berpecah. Upacara inilah yang dilakukan oleh penduduk saban tahun.

Kemudian aku meneruskan perjalanan ke kota Mahallah al-Kabirah, sebuah tempat yang penting dan terdapat bangunan-bangunan yang mengagumkan. Penduduknya banyak dan berbudi pekerti mulia. Nama kota ini ialah Bayyin. Di kota ini, ada seorang ketua kadi dan seorang ketua gabenor. Sewaktu aku tiba di kota ini, ketua kadi itu sedang terbaring sakit di sebuah kawasan kebun yang jaraknya dua farsakh dari kota. Nama beliau ialah ‘Izzuddin ibn Khatib al-Asymurin. Aku menziarahi beliau dengan ditemani oleh naibnya, Faqih Abu al-Qasim ibn Banun al-Maliki al-Tunisi dan Syarafuddin al-Damiri, kadi Mahallah Manuf. Kami tinggal bersama-sama dengannya selama sehari.

Ketika perbualan menyentuh topik orang salih, aku mendengar beliau berkata, “ Dalam jarak perjalanan yang mengambil masa selama sehari dari kota Mahallah al-Kabirah, dapatlah seseorang sampai di negeri Burullus dan Nastarau yang merupakan kawasan orang salih. Di sana terdapat makam Syeikh Marzuq iaitu seorang ahli kasyaf. Aku lantas pergi ke negeri tersebut dan berhenti singgah di zawiyah syeikh itu. Di negeri ini terdapat banyak buah tamar dan buah-buahan yang lain disamping burung laut serta ikan yang dinamai sebagai buri. Ibu kota negeri ini bernama Maltin. Ia terletak di tebing sebuah tasik iaitu tempat pertemuan antara air Sungai Nil dengan air laut yang bernama Tasik Tinnis. Nastarau pula terletak tidak jauh dari situ. Aku menumpang di zawiyah Syeikh Syamsuddin al-Qalawi, seorang yang salih. Negeri Tinnis sebelumnya merupakan sebuah negeri yang agung dan masyhur. Walau bagaimanapun, kerajaannya kini telah runtuh.

(Ibn Juzayy mencatat: “Seorang penyair yang agung bernama Abu al-Fath ibn Waki' dikaitkan dengan negeri Tinnis. Beliau juga telah bermadah tentang teluk di negeri ini:

Bangunlah dan berikan daku minuman kerana selat sedang bergelora
Dan rumput meliuk bagai air mengalir deras kerana ditiup oleh angin kencang
Tatkala dibelai mesra dalam tiupan angin

Rumput itu persis kekasih yang dihias kepalanya dengan serban berjumbai sutera
Dan langit ditutupi oleh selendang seharum kasturi
Yang disulam oleh sambaran kilat berbenang emas

Negeri Burullus pula terletak di pinggir lautan. Suatu peristiwa aneh telah dikaitkan dengan Burullus melalui cerita yang disampaikan oleh Abu ‘Abdillah al-Razi. Cerita ini diketahui daripada bapanya bahawa pada suatu malam, kadi Burullus yang merupakan seorang yang salih, berjalan keluar ke Sungai Nil. Ketika beliau menyempurnakan wuduk dan menunaikan solat sekehendak hatinya, beliau terdengar seseorang berkata:

“Jika tidaklah disebabkan sebilangan kaum lelaki mereka
yang menunaikan puasa dan sekumpulan yang lain
Sentiasa membaca wirid
Nescaya bumimu akan digoncang
Dari bawah tapak kakikmu pada waktu pagi.
Lantaran kamu merupakan kaum yang lalai
Dan sering melakukan kejahatan.”

Kadi tersebut berkata, “Aku pun mempercepat solatku dan terus menoleh di sekelilingku. Walau bagaimanapun, aku tidak dapat melihat sesiapa pun di situ dan aku juga tidak mendengar apa-apa suara. Maka tahulah aku bahawa itu merupakan seorang utusan yang diutus oleh Allah SWT untuk memberikan peringatan.”)

Seterusnya aku mengembara lagi dan pada kali ini, melalui jalan berpasir untuk pergi ke kota Dimyat. Dimyat merupakan sebuah kota yang mempunyai banyak tanah lapang dan buah-buahan yang berbagai-bagai jenis. Susunannya juga unik dan ia menikmati limpahan segala kebaikan. Orang ramai menulis nama kota ini sebagai Zimyat dan begitulah caranya Imam Abu Muhammad ‘Abdullah ibn ‘Ali al-Rusyati menulis nama kota. Namun demikian seorang ‘ulama’, Imam Abu Muhammad ‘Abdul Mu’min ibn Khalaf al-Dimyati dan juga seorang imam Hadith, menulis nama kota ini sebagai Dimyat. Ini menunjukkan bahawa beliau bercanggah pendapat dengan al-Rusyati dan lain-lain. Walau bagaimanapun sebenarnya, beliaulah yang lebih arif tentang cara hendak mengeja nama negerinya sendiri.

Kota Dimyat terletak di tebing Sungai Nil. Penduduk yang tinggal bersebelahan dengan sungai ini mengambil air darinya dengan menggunakan baldi. Kebanyakan rumah mempunyai tangga yang boleh membawa seseorang sampai ke Sungai Nil. Pokok pisang banyak terdapat di sini dan kebanyakan buahnya dibawa ke Mesir (Kaherah) dengan sampan. Ternakan kambing bebas memakan rumput , samada pada waktu siang ataupun malam. Oleh sebab itulah, kota Dimyat ini diibaratkan, “Pagarnya ialah manisan dan bentengnya pula ialah ternakan kambing.”

Apabila seseorang masuk ke kota Dimyat ini, ia tidak boleh keluar darinya melainkan

selepas mendapat cap gabenor. Bagi orang kenamaan pula, mereka mempunyai sehelai kertas yang di cop untuk ditunjukkan kepada penjaga pintu kota. Seterusnya orang lain pula mempunyai cop diantara bahagian siku ke pergelangan tangan. Di kota ini, terdapat begitu banyak burung laut yang gemuk, susu kerbau yang tiada bandingan rasa manis dan lazatnya selain ikan yang bernama buri yang dibawa dari kota ini ke Syam, Rom serta Mesir. Di luar kota ini, terdapat sebuah pulau yang terletak di antara dua buah laut dengan Sungai Nil yang bernama Barzakh. Di pulau ini juga, terdapat sebuah masjid dan sebuah zawiyah. Di sini aku bertemu dengan syeikhnya yang digelar sebagai Ibn Qufl oleh orang ramai. Aku berada bersama-sama dengannya pada suatu malam Jumaat. Satu jemaah yang terdiri daripada golongan faqir yang mulia dan tekun beribadah turut berada bersama-sama dengan beliau pada malam tersebut. Mereka menghabiskan waktu malam dengan menunaikan solat, membaca al-Quran dan berzikir kepada Allah SWT.

Kota Dimyat ini sebenarnya merupakan kota yang baru dibina. Kotanya yang lama telah diruntuhkan oleh orang Perancis pada zaman pemerintahan al-Malik al-Salih. Di kota ini, terdapat zawiyah Syeikh Jamaluddin al-Sawi, pemimpin sebuah kumpulan yang bernama Qalandariyyah. Mereka inilah yang mencukur janggut dan bulu kening. Pada waktu ini, zawiyah ini diduduki oleh Syeikh Fath al-Takruri.

Janggut Syeikh Jamaluddin

Diceritakan bahawa punca yang menyebabkan Syeikh Jamaluddin al-Sawi mencukur janggut dan bulu keningnya adalah kerana beliau seorang yang segak serta tampan dan seorang wanita penduduk Sawah telah jatuh cinta kepadanya. Wanita ini sering mengutus surat dan menghalang perjalanan Syeikh Jamaluddin. Wanita ini sentiasa menggodanya namun Syeikh Jamaluddin enggan melayannya. Disebabkan kebingungan kerana Syeikh Jamaluddin sering menolak, wanita ini menggunakan suatu tipu helah. Dia meminta seorang wanita tua berdiri di luar sebuah rumah yang dilalui oleh Syeikh Jamaluddin untuk pergi ke masjid. Wanita tua itu yang membawa sepucuk surat menahan Syeikh Jamaluddin ketika beliau lalu di situ, sambil berkata, “Wahai tuan, adakah kamu pandai membaca?” Jawab beliau, “Ya!” Wanita tua tersebut berkata lagi, “Surat ini dihantar oleh anakku dan aku suka jika tuan dapat membacakannya.” Jawab Syeikh Jamaluddin, “Baiklah.” Apabila beliau membuka surat itu, wanita tua tersebut berkata lagi, “Wahai tuan, anakku mempunyai seorang isteri dan dia berada di serambi rumah. Aku harap tuan sudi untuk membacakan surat ini di antara dua buah pintu (luar dengan dalam) rumah supaya dia juga dapat mendengarnya.” Syeikh Jamaluddin pun bersetuju. Walau bagaimanapun, ketika beliau berada di antara dua buah pintu itu, wanita tua tersebut terus mengunci pintu. Wanita penggoda itu pun membawa keluar jariah-jariahnya dan mereka menangkap Syeikh Jamaluddin lalu menolaknya ke dalam bilik. Wanita tersebut memujuk rayu dan menggoda beliau. Apabila Syeikh Jamaluddin meyakini bahawa sudah tiada jalan lagi untuk menyelamatkan diri, beliau pun berkata kepada wanita penggoda itu, “Baiklah aku akan lakukan apa yang kau ingini. Tunjukkanlah aku bilik air!” Wanita tersebut lantas menunjukkan bilik air dan Syeikh Jamaluddin pun masuk dengan membawa air. Pada waktu itu, beliau mempunyai sebilah pisau cukur yang

baharu dan beliau lantas mencukur janggut serta bulu keningnya. Kemudian beliau keluar mendapatkan wanita tersebut. Rupanya sekarang menjelikkan wanita itu dan ia mencaci perbuatan Syeikh Jamaluddin serta mengarahkan supaya beliau dibawa keluar. Dengan tindakan tersebut, Allah SWT melindungi dirinya dan Syeikh Jamaluddin kekal dengan rupanya itu selepas peristiwa tersebut. Sejak itu pengikut-pengikutnya menurut tindakan Syeikh Jamaluddin dengan mencukur kepala, janggut dan bulu kening mereka.

Kekeramatan Syeikh Jamaluddin

Menurut cerita, semasa beliau pergi ke kota Dimyat, Syeikh Jamaluddin sentiasa berada di tanah perkuburan. Di kota Dimyat, ada seorang kadi yang bernama Ibn al-‘Amid. Pada suatu hari, kadi ini keluar untuk upacara pengebumian seorang yang ternama dan beliau ternampak Syeikh Jamaluddin berada di tanah perkuburan. Beliau pun berkata, “Kamukah syeikh yang bid’ah itu?” Syeikh Jamaluddin menjawab, “Kamulah kadi yang jahil. Kamu menunggang binatang tungganganmu di tanah perkuburan walaupun kamu tahu bahawa seorang manusia yang mati itu perlu dihormati sebagaimana ia dihormati semasa hidupnya!”
Kadi berkata, “Walau bagaimanapun, perbuatanmu mencukur janggutmu dan keningmu adalah lebih teruk daripada itu!” Jawab Syeikh Jamaluddin, “Adakah kamu memaksudkan diriku?” Kemudian Syeikh Jamaluddin menundukkan kepala. Kemudian beliau mendongakkan kepalanya dan kelihatanlah janggut berwarna hitam serta cantik yang dimiliki olehnya. Kadi Ibn al-‘Amid serta orang yang ada bersama-sama dengannya berasa terkejut lalu turun dari baghal dan menghadap beliau. Syeikh Jamaluddin menundukkan kepalanya untuk kali yang kedua. Secara tiba-tiba pula beliau kelihatan memiliki janggut berwarna putih yang cantik. Kemudian beliau menundukkan kepalanya untuk kali yang ketiga lalu mendongak dan kali ini, beliau kelihatan tidak berjanggut seperti rupa sebelumnya. Kadi Ibn al-‘Amid mencium tangan, berguru dengannya dan membina sebuah zawiyah yang cantik untuknya. Semasa hayat Syeikh Jamaluddin, Kadi Ibn al-‘Amid mengebumikan beliau di zawiyahnya. Apabila Kadi Ibn al-‘Amid hampir meninggal dunia, beliau berwasiat supaya beliau dikebumikan berhampiran dengan pintu zawiyah supaya setiap orang yang masuk ke dalam zawiyah untuk menziarahi (makam) Syeikh Jamaluddin akan memijak kuburnya. Diluar kota Dimyat ini, terdapat sebuah tempat ziarah yang bernama Syata. Tempat ini sangat berkat dan semua penduduk Mesir datang menziarahinya untuk mendapatkan keberkatannya. Tempat ini dilawati untuk tujuan tersebut pada hari-hari yang tertentu dalam setahun. Diluar kota ini juga iaitu dikawasan ladang, terdapat sebuah tempat yang bernama Minyah. Seorang syeikh yang mulia bernama Ibn al-Nu’man tinggal di sini. Aku telah pergi ke zawiyahnya dan tidur selama semalam di sana.

Semasa aku tinggal di Dimyat ini, ada seorang gabenor di sini yang bernama al-Muhsini. Beliauialah seorang yang pemurah dan baik hati. Al-Muhsini membina sebuah madrasah di tebing Sungai Nil iaitu yang menjadi tempat persinggahanku pada waktu itu. Kemesraan dan persahabatan telah terjalin antara diriku dengan al-Muhsini.

Kemudian aku meneruskan perjalananku ke kota Fariskur. Fariskur terletak di pinggir Sungai Nil. Aku berhenti di luar kota ini dan di sini, seorang penunggang kuda yang diutus oleh Amir al-Muhsini datang menemuiku lalu berkata, “ Amir bertanya tentang dirimu dan beliau mengetahui tentang perjalananmu. Beliau mengirim wang belanja ini untukmu.” Penunggang kuda tersebut memberikan beberapa dirham kepadaku. Semoga Allah membalasnya dengan kebaikan.

Kemudian aku meneruskan perjalanan ke kota Asymun al-Rumman. Kota ini dinamai sebagai Rumman kerana di sini terdapat banyak buah delima. Buah delima ini dibawa ke Mesir. Kota ini juga ialah sebuah kota purba besar yang terletak di tebing salah sebuah terusan Sungai Nil. Selain itu, ia turut mempunyai sebuah jeti yang diperbuat daripada kayu iaitu tempat kapal melabuhkan sauhnya. Apabila tiba waktu asar, kayu tersebut pun diangkut lalu kapal-kapal itu pun mudik ke hulu dan hilir. Dikota ini, ada seorang ketua kadi dan ketua gabenor.

Dari kota Asymun al-Rumman, aku pergi pula ke kota Samannud yang juga terletak di tebing Sungai Nil. Terdapat banyak sampan di sini dan pasar-pasar yang cantik. Jarak diantara kota ini dengan kota Mahallah al-Kabirah ialah tiga farsakh. (satu farsakh ialah menyamai 1.8km). Dari kota ini, aku menaiki sebuah sampan di Sungai Nil menuju ke Mesir yang merentas kota-kota serta kampung-kampung yang tersusun dan bersambung antara satu dengan yang lain. Seseorang yang belayar di Sungai Nil ini tidak perlu membawa bekalan kerana setiap kali turun ke tebingnya, ia boleg mengambil wuduk, menunaikan solat serta membeli bekalan dan sebagainya. Terdapat banyak pasar (bazaar) yang berderet-deret; tidak putus-putus dari kota Iskandariah ke Mesir dan dari Mesir ke Uswan (Aswan) yang terletak di hulu Mesir.

Akhirnya aku sampai di kota Mesir (Kaherah). Mesir ialah sebuah ibu kota dan tempat bersemadinya Fir’aun yang zalim. Ia memiliki wilayah yang luas dan tanah ladang yang penuh dengan buah-buahan. Bangunan-bangunannya sungguh banyak dan ia memiliki keindahan yang tiada tolok bandingnya. Di sinilah tempat berhimpun pengunjung yang datang dan pergi di samping tempat persinggahan orang yang daif serta orang yang berkuasa. Kamu boleh menemui orang yang kamu kehendaki di sini; samada yang berilmu atau yang jahil; yang bekerja keras dan yang bersikap sambil lewa sahaja; yang penyabar dan yang pemarah; yang hina dan yang mulia, yang rendah dan yang tinggi kedudukannya selain yang masyhur serta yang tidak dikenali. Kota Mesir ini bagai laut yang bergelombang dengan penduduknya yang padat itu. Kota ini juga hampir menjadi sempit dengan kehadiran penduduk yang banyak. Pemuda kota Mesir sentiasa berwajah baru meskipun zaman silih berganti. Bintang (nasib)nya pula sentiasa berada dalam mahligai kesejahteraan. Kotanya iaitu Kaherah, mengatasi setiap negeri. Raja-rajanya pula dapat menguasai orang Arab dan orang Ajam (orang bukan Arab). Sementelahan pula, ia memiliki Sungai Nil yang begitu penting fungsinya iaitu yang mengganti pergantungan mereka pada hujan untuk mendapatkan air. Pengembaraan di kota ini memerlukan masa sebulan. Itu pun bagi pengembaraan yang dilakukan dengan penuh kesungguhan. Tanahnya subur serta kaya dan ia sering menyambut mesra orang asing yang datang mengunjunginya.

(Ibn Juzayy mencatat: “Seorang penyair bermadah tentang kota Mesir (Kaherah) :

Demi usiamu! Bukanlah Mesir itu
Sebuah kota biasa
Sesungguhnya ia syurga dunia bagi
mereka yang dapat melihatnya
Anak-anaknya ialah kanak-kanak lelaki dan
gadis yang bersinar-sinar matanya
Syurga Firdaus itulah tamannya dan
Telaga Kauthar itulah Sungai Nilnya.

Nasiruddin ibn Nahid, yang juga seorang penyair pula bermadah:

Tebing Mesir ialah sebuah syurga
Tiada kota lain yang menandinginya
Bertambah seri lagi sejak ia dihias
Sungai Nil yang sentiasa mengalir
Angin yang bertiup di permukaannya
Menenun baju labuh diperbuat daripada rantai
Kesempurnaan bunga rantainya
Bukan disebabkan Nabi Daud
Nyaman udaranya apabila bertiup
Menggeletar tubuh tidak berpakaian
Kapal yang belayar persis cakerawala di langit
Mudik ke hulu dan ke hilir.”)

Dikatakan bahawa terdapat 12,000 orang yang mengangkut air menggunakan unta dan 30,000 orang yang menyewa keldai serta baghal untuk mengangkut air di Mesir. Di Sungai Nil juga terdapat 36,000 buah sampan milik sultan dan rakyat yang mudik ke hulu Mesir serta ke hilir iaitu Iskandariah dan Dimyat dengan membawa berbagai-bagai benda selain barang dagangan. Di tebing Sungai Nil iaitu berhadapan dengan kota Mesir, terdapat satu tempat yang bernama Raudah. Ia merupakan tempat bersiar-siar dan bergembira. Di sini terdapat banyak kebun yang menarik dan indah.

Penduduk Mesir meminati permainan dan hiburan. Aku pernah menyaksikan majlis keraian yang diadakan di Raudah ini kerana tulang tangan al-Malik al-Nasir yang patah telah pun sembuh. Peniaga-peniaga di bazar menghias bazar mereka sebaik-baiknya. Mereka menggantungkan pakaian yang mahal, barang-barang kemas dan baju-baju sutera di kedai mereka untuk beberapa hari.

Masjid ‘Amru ibn al-‘As, Madrasah, Maristan dan Zawiyah

Masjid ‘Amru ibn al-‘As ialah sebuah masjid yang sangat mulia, amat dihormati dan sungguh masyhur. Di masjid ini didirikan Solat Jumaat. Ada sebatang jalan yang

merentas masjid ini dari arah timur ke barat. Di sebelah timur masjid ini, terdapat sebuah zawiyah iaitu tempat Imam Abu ‘Abdillah al-Syafi’e pernah mengajar.

Apabila membicarakan madrasah-madrasah yang ada di Mesir, seseorang tidak akan berupaya untuk menghitungnya kerana jumlahnya yang terlalu banyak. Begitu juga maristan yang terletak diantara dua buah istana di kawasan al-Malik al-Mansur Qalawun yang tidak dapat digambarkan keindahannya. Di maristan ini disediakan pelbagai kemudahan dan ubat-ubatan yang tidak terjumlah banyaknya. Menurut riwayat, pendapatan harian maristan ini berjumlah 1,000 dinar.

Begitu juga bilangan zawiyah. Jumlahnya juga sangat banyak. Penduduk menamainya sebagai khawaniq dan bentuk mufradnya ialah khanqah. Amir-amir di Mesir berlumba-lumba untuk membina zawiyah-zawiyah ini. Setiap zawiyah di Mesir ini dikhususkan untuk golongan faqir yang kebanyakannya terdiri daripada orang bukan Arab (Parsi). Mereka ini memiliki adab dan ilmu pengetahuan tasawuf. Di setiap zawiyah, ada seorang syeikh danseorang penjaga. Pengendalian aktiviti-aktiviti mereka di zawiyah sungguh mengagumkan.

Antara kebiasaan mereka dalam soal makan dan minum ialah seorang khadam yang berkhidmat di zawiyah akan menemui golongan faqir itu pada waktu pagi. Setiap penghuni akan menyatakan makanan yang diingininya. Apabila mereka berhimpun untuk makan, setiap orang akan diberikan roti dan sup dalam hidangan yang berasingan, tanpa berkongsi dengan rakan yang lain. Penghuni zawiyah menikmati makanan sebanyak dua kali dalam sehari. Selain itu, mereka juga menerima pakaian untuk musim sejuk dan musim panas disamping elaun bulanan antara 20 hingga 30 dirham seorang. Pada setiap malam Jumaat, mereka diberikan manisan, sabun untuk membasuh pakaian, wang untuk bayaran memasuki bilik air dan minyak untuk menyalakan lampu. Mereka ini masih lagi bujang. Bagi yang sudah berkahwin, mereka tinggal di zawiyah-zawiyah yang berasingan. Mereka diwajibkan untuk menunaikan solat lima waktu, bermalam di zawiyah dan berhimpun di kawasan zawiyah.

Antara kebiasaan penghuni zawiyah ini ialah setiap seorang akan duduk di atas sejadah yang dikhususkan untuknya. Apabila mereka menunaikan Solat Subuh, mereka akan membaca Surah al-Fath, Surah al-Mulk dan Surah ‘Amma. Kemudian setiap seorang akan diberikan satu juzuk al-Quran. Setiap faqir akan membaca satu juzuk dan dengan yang demikian, mereka dapat mengkhatamkan al-Quran. Selepas itu mereka berzikir kepada Allah SWT dan akhirnya qari-qari mereka akan membaca al-Quran mengikut kebiasaan Ahl-al-Masyriq (orang timur). Mereka juga melakukan perkara yang sama selepas Solat Asar.

Penghuni juga mempunyai adat yang tertentu untuk menyambut ahli baharu. Seseorang ahli baharu akan datang berdiri di pintu zawiyah, dengan pinggangnya terikat. Sehelai sejadah tersangkut di bahunya, tongkat di tangan kanannya dan cerek pula di tangan kirinya. Penjaga pintu zawiyah akan memberitahu khadam zawiyah bahawa ahli baharu tersebut berada di situ. Khadam akan keluar menemuinya dan bertanya dari negeri mana ia datang, di zawiyah mana ia pernah tinggal dalam perjalanannya dan siapakah

syeikhnya. Apabila khadam berpuashati dan dapat memastikan kebenaran kata-katanya, ia akan menjemputnya masuk lalu membentangkan sejadah di tempat yang layak untuknya. Kemudian khadam akan menunjukkan tempat untuk bersuci dan ahli baharu itu akan membaharui wuduknya. Seterusnya ia akan berdiri di atas sejadah, mengikatkan kainnya pada pinggang, menunaikan solat dua rakaat dan bersalam dengan syeikh serta orang yang hadir lalu duduk bersama-sanma di situ.

Apabila tiba hari Jumaat, khadam akan mengambil semua sejadah penghuninya ke masjid dan membentangkannya untuk mereka di sana. Mereka akan keluar ke masjid beramai-ramai bersama-sama dengan syeikh mereka. Setiap orang akan menunaikan solat di atas sejadah masing-masing. Apabila selesai menunaikan solat, mereka akan membaca al-Quran sebagaimana biasa. Kemudian mereka akan pulang ke zawiyah bersama-sama dengan syeikh.

Qarafah di Mesir dan Tempat-Tempat Ziarahnya

Di Mesir, terdapat sebuah tanah perkuburan atau kawasan pusara yang bernama Qarafah. Qarafah ini merupakan sebuah tempat yang sangat berkat. Kelebihan dan fadilatnya diceritakan oleh sebuah Hadith yang dipetik oleh al-Qurtubi dan lain-lain. Kelebihannya kerana ia merupakan sebahagian daripada bukit Muqattam yang dijanjikan Allah akan menjadi salah sebuah taman syurga. Penduduk membina kubah-kubah yang cantik di dalam kawasan Qarafah ini. Ia dikelilingi oleh dinding, sehingga ia kelihatan seperti rumah. Kemudian di dalamnya dibina pula bilik-bilik. Penduduk juga mengupah qari-qari untuk membaca al-Quran dengan suara yang merdu pada waktu malam dan siang. Antara mereka, ada yang membina zawiyah dan madrasah berhampiran dengan makam. Pada setiap malam Jumaat, semua penduduk akan keluar untuk tidur di sana bersama-sama dengan anak dan isteri mereka. Mereka juga turut berjalan di pasar-pasar yang menyediakan berbagai-bagai jenis makanan. Antara tempat ziarah di kota Mesir ini ialah makam suci yang mengagumkan iaitu tempat bersemadinya kepala Sayyidina Husain ibn ‘Ali r.a. Di sebelah makam ini, terdapat sebuah ribat yang besar dan seni bina bangunannya sungguh mengagumkan. Di pintunya terdapat cincin yang diperbuat daripada perak, malahan pinggan-pinggannya juga diperbuat daripada perak. Sesungguhnya makam ini telah diberikan penghormatan dan kemuliaan yang sewajarnya. Sebuah lagi tempat ziarah ialah makam Sayyidah Nafisah bint al-Hasan al-Anwar ibn Zaid ibn ‘Ali ibn al-Husain ibn ‘Ali r.a. Wanita ini merupakan seorang yang mustajab doanya dan tekun beribadah. Berhampiran dengan makam lama yang memancarkan sinarannya itu dibina sebuah ribat, tempat orang ramai berhimpun.

Antara tempat ziarah yang lain lagi ialah makam Imam Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Idris al-Syafi’e r.a. Terdapat sebuah ribat yang besar berhampiran dengannya. Makam ini memperoleh pendapatan yang besar. Disamping itu, terdapat juga sebuah kubah di makam ini. Binaannya mengagumkan, ciri-ciri seni binanya sangat hebat dan keluasannya melebihi 30 hasta.

Di Qarafah, Mesir ini, terdapat makam ‘ulama’ dan salihin yang tidak terhitung jumlahnya. Di sini jugalah banyak sahabat dan golongan salaf serta khalaf yang terbilang seperti ‘Abdul Rahman ibn al-Qasim, Asyhab ibn ‘Abdil ‘Aziz, Asbagh ibn al-Farj, dua orang anak ‘Abdul Hakam, Abu al-Qasim ibn Sya’ban dan Abu Muhammad ‘Abdul Wahhab r.a. dimakamkan. Walau bagaimanapun, mereka tidak masyhur disini dan tiada orang yang kenal akan mereka kecuali orang yang mempunyai kepentingan dengan mereka. Bagi Imam Syafi’e pula, nasib lebih menyebelahi dirinya, pengikut serta sahabatnya semasa beliau masih hidup dan sesudah kematiannya. Apa yang terjadi ke atas diri beliau bersesuaian dengan kata-katanya:

“ Kesungguhan memperdekat setiap tujuan yang jauh,
Nasib yang baik pula membuka setiap pintu yang tertutup.”

Sungai Nil di Mesir

Sungai Nil di Mesir mengatasi semua sungai lain di dunia kerana manis rasa airnya, keluasan dan kerana manfaat serta faedahnya yang besar kepada manusia. Kota dan kampung terletak berderet-deret di sepanjang tebing sungai yang tiada tolok bandingnya di negeri-negeri lain. Tiada sungai yang lembahnya sedemikian diusahakan untuk bercucuk tanam sebagaimana di lembah Sungai Nil. Tiada juga sungai di dunia selain Sungai Nil yang dinamai sebagai laut. Allah Ta’ala berfirman dalam al-Quran:

Terjemahan: *“…dalam pada itu, jika kamu takut akan sesuatu bahaya menimpanya(daripada angkara Fir’aun) maka (letakkanlah dia di dalam peti dan) dan lepaskanlah dia ke laut…”*
(Surah al-Qasas 28:7)

Dalam ayat ini, Allah SWT menamai Sungai Nil sebagai yamm yang bermaksud “laut”.

Dalam Hadith Sahih, diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW tiba pada malam Isra’ di Sidrah al-Muntaha. Di dasarnya terdapat empat batang sungai, dua yang zahir dan dua yang batin. Baginda bertanya kepada Jibril a.s. tentang sungai-sungai tersebut. Jibril menjawab, “ Dua batang sungai yang batin itu mengalir di dalam syurga dan dua batang sungai yang zahir ialah Sungai Nil serta Sungai Furat.”

Diriwayatkan juga dalam Hadith bahawa Sungai Nil, Furat, Saihun dan Jaihun ialah sungai-sungai syurga. Sungai Nil mengalir dari selatan ke utara, bertentangan dengan semua sungai yang lain. Antara keanehan Sungai Nil ialah airnya mula bertambah pada musim panas terik iaitu apabila air sungai-sungai lain surut dan kering. Sebaliknya, airnya mula surut ketika takat air sungai-sungai yang lain meningkat dan melimpah. Dalam hal ini, Sungai Nil menyerupai Sungai Sind (Indus) yang akan disebut kemudian.

Air Sungai Nil mula naik pada bulan Haziran iaitu bulan Jun. Apabila takat airnya naik hingga 16 hasta, cukai tanah akan dibayar sepenuhnya kepada sultan. Apabila airnya naik

satu hasta lagi, kemewahan dan kemakmuran dalam tahun tersebut pula akan dapat dicapai. Apabila airnya naik hingga 18 hasta, tanaman pasti akan musnah dan wabak penyakit akan merebak. Sekiranya air Sungai Nil turun hingga 15 hasta, kutipan cukai tanah untuk sultan pasti akan berkurangan. Sekiranya air Sungai Nil turun hingga 14 hasta, orang ramai akan menunaikan Solat Istisqa' dan meminta hujan dengan bersungguh-sungguh kerana itulah tanda musibah yang besar akan berlaku.

Sungai Nil ialah salah satu daripada lima batang sungai yang besar di dunia iaitu Sungai Nil sendiri, Furat, Dajlah (Tigris), Saihun (Syr Darya) dan Jaihun (Amu Darya). Lima batang sungai yang lain menandingi sungai–sungai tersebut. Pertama, Sungai Sind yang bernama Banj Ab (ia bermaksud "lima sungai"). Kedua, Sungai Sind (Hind) yang bernama Ganges (Gangga/Kank). Orang India menziarahi Sungai Ganges sebagai tempat suci dan mereka membuang abu mayat yang telah dibakar hangus ke dalamnya. Mereka juga mengatakan bahawa Sungai Ganges mengalir dari syurga. Ketiga, Sungai Jun yang terletak di India. Keempat, Sungai Itil (Volga) yang terletak di Dataran Qifjaq (Kipchak) yang di tebingnya terletak kota Sara. Kelima Sungai Sarwu yang terletak di Kitha (Cathay) yang di tebingnya terletak kota Khan Baliq (Peking). Dari situ sungai ini mengalir ke khansa (Hangchow) dan kemudian ke kota Zaitun (Zayton) di China. Semua ini akan dihuraikan kemudian, Insya Allah.

Tidak berapa jauh dari kota Mesir, Sungai Nil berpecah kepada tiga cabang. Sungai ini hanya boleh di seberangi dengan kapal, sama ada dalam musim panas mahupun pada musim sejuk. Penduduk setiap pekan atau desa mempunyai terusan yang sumber airnya datang dari Sungai Nil. Apabila airnya melimpah, parit itu akan dipenuhi oleh air yang melimpah dan mengairi tanam-tanaman mereka.

Piramid dan Birba (birba – rumah ibadah orang Mesir Kuno)

Binaan ini termasuk antara beberapa perkara ajaib di dunia yang menjadi sebutan sepanjang zaman. Banyak orang telah memperkatakan kehebatan binaan ini dan mereka cuba menyelami fungsi serta maksud binaannya. Mereka juga cuba menetukan bilakah piramid dan birba tersebut mula didirikan. Orang ramai berpendapat bahawa semua ilmu yang muncul sebelum berlakunya taufan (banjir pada zaman Nabi Nuh a.s) diambil daripada Hurmus (Hermes) Tua yang tinggal di bahagian yang terpencil di hulu Mesir. Baginda digelar sebagai Akhnuk (Enoch) dan baginda jugalah Nabi Idris a.s. Akhnuk ini dikatakan sebagai orang yang mula-mula menghuraikan masalah pergerakan bintang di langit dan yang paling awal mendirikan bangunan khas (haikal) untuk memuji Allah SWT di dalamnya. Bagindalah juga yang memberikan amaran kepada manusia tentang taufan yang bakal menimpa dan baginda berasa takut sekiranya ilmu serta kemahiran pertukangan tangan akan hilang begitu sahaja. Akhnuk membina pyramid serta birba. Baginda melukis padanya semua jenis seni pertukangan serta peralatannya dan membuat gambarajah bagi semua jenis ilmu, supaya ia kekal sepanjang zaman.

Pusat pengajian dan kerajaan dikatakan terletak di kota Manuf (Memphis) yang jaraknya

satu barid (barid ialah ukuran jarak purata di antara dua buah stesen atau perhentian pos. Di Parsi, satu barid bersamaan dengan dua farsakh atau 9.654 km (enam batu); di Mesir dan di dunia Islam sebelah barat, satu barid bersamaan dengan empat farsakh atau 19.308 km (12batu) dari kota Fustat. Apabila kota Iskandariah di bina, orang ramai berpindah ke situ. Mereka menjadikannya sebagai pusat ilmu serta pemerintahan hingga datangnya Islam iaitu apabila ‘Amru ibn al-‘As r.a. meletakkan pelan bagi kota Fustat yang kekal sebagai ibu kota Mesir hingga hari ini.

Piramid ialah binaan daripada batu pejal yang dipahat, sangat tinggi, berbentuk bundar, lebar dasarnya dan menirus ke hujung puncaknya seperti bentuk kon. Binaannya tidak berpintu dan cara pembinaannya tidak diketahui.

Sebuah kisah yang diceritakan tentang bangunan piramid ini ialah salah seorang raja Mesir (sebelum bencana taufan) telah bermimpi suatu mimpi yang amat menakutkannya. Mimpi tersebut telah mendorong baginda untuk membina piramid ini di tebing barat Sungai Nil bagi dijadikan pusat pengumpulan ilmu dan tempat mayat raja-raja yang mangkat. Raja Mesir itu bertanya kepada ahli-ahli nujum sama ada piramid tersebut akan dibuka di salah satu bahagiannya yang tertentu (pada masa yang akan datang). Ahli-ahli nujum itu memberitahu baginda bahawa piramid tersebut akan dibuka kelak di bahagian utara. Mereka lalu menunjukkan bahagian itu dan jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk membukanya kepada baginda. Maka raja tersebut memerintahkan supaya jumlah wang yang disebut oleh mereka diletakkan di bahagian piramid yang akan dibuka itu. Dengan menyegerakan urusan pembinaannya, dapatlah raja tersebut menyiapkan piramid itu dalam tempoh enam puluh tahun, lalu baginda menulis di dindingnya, “Kami mendirikan piramid ini dalam tempoh enam puluh tahun. Sesiapa yang mahu, cubalah merobohkannya dalam tempoh enam ratus tahun; namun usaha merobohkan adalah lebih mudah daripada membina.”

Kemudian apabila khilafah beralih kepada tangan Amir al-Mu’minin al-Ma’mun, baginda berniat untuk merobohkan piramid itu. Sebahagian daripada ‘alim ‘ulama’ Mesir menasihati baginda supaya tidak berbuat demikian. Namun al-Ma’mun meneruskan juga rancangannya dan mengarahkan supaya piramid tersebut di buka di bahagian utaranya. Oleh yang demikian, orang ramai pun menyalakan api di binaan itu, menjiruskan cuka padanya dan melontarkan batu pada dindingnya dengan manjanik (sejenis alat pelontar) sehingga terbentuk satu lubang yang masih dapat dilihat hingga hari ini. Mereka menemui sejumlah wang di tempat yang terletak bertentangan dengan lubang tersebut. Al-Ma’mun memerintahkan agar wang itu ditimbang dan kemudian wang yang telah dibelanjakan untuk membuka pyramid tersebut dihitung. Baginda amat terkejut apabila mendapati bahawa jumlah wang yang ditemui itu sama banyaknya dengan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk membuka piramid tersebut. Disamping itu, mereka juga mendapati bahawa dinding atau tembok piramid tersebut setebal 20 hasta.

Sultan Mesir

Sultan yang memerintah Mesir sewaktu aku memasukinya ialah al-Malik al-Nasir Abu

al-Fath Muhammad ibn al-Malik al-Mansur Saifuddin Qalawun al-Salihi. Qalawun digelar sebagai Alfi ("orang seribu") oleh orang ramai kerana baginda dibeli oleh al-Malik al-Salih dengan harga 1,000 dinar emas. Baginda berasal dari negeri Qifjaq. Al-Malik al-Nasir r.h. berbudi pekerti mulia. Kebaikannya itu sudah cukup terbukti dengan khidmat yang diberikannya kepada kedua-dua tanah suci yang mulia, Makkah dan Madinah. Demikian juga bantuan kebajikan yang diberikan saban tahun kepada jemaah haji dengan menyediakan unta yang membawa muatan bekalan makanan serta air kepada orang yang tidak berkemampuan dan yang lemah. Al-Malik al-Nasir juga menyediakan unta untuk membawa orang yang di tinggalkan oleh kafilah haji atau yang terlalu lemah untuk berjalan kaki. Bantuan ini dihulurkannya kepada jemaah haji yang menggunakan jalan haji dari Mesir dan Syam. Baginda juga membina sebuah zawiyah yang besar di Siryaqus iaitu di pinggir kota Kaherah.

Namun demikian, Tuanku Amir al-Mu'minin Abu 'Inan iaitu insan yang sentiasa meneguhkan agama, pelindung golongan faqir serta miskin selain khalifah Allah di bumi-Nya ialah seorang yang sentiasa berjihad melaksanakan (perkara) yang fardu dan yang sunat. Semoga Allah meneguhkan pemerintahan dan mengukuhkan kerajaannya. Mudah-mudahan juga Allah akan mengurniakan kemenangan kepadanya dan memudahkan urusannya. Baginda telah membina sebuah zawiyah di pinggir ibu kotanya yang mulia lagi berseri. Semoga Allah memeliharanya. Zawiyah ini tiada tandingannya di seluruh dunia yang bertamaddun, disebabkan kesempurnaan seni bina dan ketelitian binaannya. Ukiran pada tampalan dindingnya itu tidak mampu diukir sedemikian oleh orang timur. Madrasah, maristan dan zawiyah yang didirikan oleh baginda di negerinya akan dihuraikan dengan lebih lanjut lagi. Semoga Allah mengukuhkan kerajaan dan memelihara negerinya dengan mengekalkan pemerintahan baginda.

Pembesar-pembesar Mesir

Antara pembesar Mesir ialah al-Malik al-Nasir dan si penuang minuman, Amir Buktumur yang dibunuh oleh al-Malik al-Nasir dengan racun. Kisah ini akan diceritakan kemudian. Selain mereka berdua ialah naib atau timbalan al-Malik al-Nasir iaitu Arghun al-Dawadar dan kedudukannya adalah yang kedua selepas Buktumur. Seterusnya ialah Tusytu yang digelar sebagai Kacang Hijau oleh orang ramai. Beliau merupakan antara amir yang paling baik budi pekertinya dan banyak menderma kepada anak-anak yatim dalam bentuk pakaian, wang ringgit selain mengupah guru mengajar mereka membaca al-Quran. Beliau juga banyak membantu kaum Harafisy yangmembentuk satu perkumpulan yang besar. Kaum Harafisy ini bersifat kasar, keras kepala dan kurang sopan. Al-Malik al-Nasir pernah memenjarakan Tusytu. Kaum Harafisy ini pun berhimpun beramai-ramai. Jumlah mereka mencapai bilangan beribu-ribu orang. Mereka berdiri di bawah kubu sultan lalu menyeru serentak, "Hoi, si tempang yang celaka (orang yang dimaksudkan oleh mereka ialah al-Malik al-Nasir). Bebaskan dia!" Oleh yang demikian, sultan pun terpaksa membebaskan beliau dari penjaranya. Baginda memenjarakan Tusytu sekali lagi lalu anak-anak yatim bertindak sebagaimana yang telah dilakukan kaum Harafisy lalu baginda sekali lagi terpaksa membebaskannya.

Antara amir Mesir yang lain ialah wazir al-Malik al-Nasir yang digelar sebagai al-Jamali; Badruddin ibn al-Babah; Jamaluddin, naib sultan di Karak; Tuquzdumur – ("Dumur" dalam bahasa Turki bermaksud "besi"), Bahadur al-Hijazi; Qausun dan Basytak. Setiap amir ini saling berlumba-lumba untuk melakukan kebajikan dan mendirikan masjid serta zawiyah.

Seterusnya ialah nazir tentera al-Malik al-Nasir yang juga menjadi jurutulisnya iaitu Fakhruddin al-Qibti. Sebelumnya beliau beragama Nasrani Qibti dan kemudian memeluk Islam lalu menjadi Muslim yang taat. Beliau memiliki peribadi yang sangat mulia serta mempunyai kedudukan yang amat tinggi di istana al-Malik al-Nasir. Fakhruddin merupakan seorang yang dermawan dan banyak menyumbangkan bakti kepada masyarakat. Beliau sering duduk di dalam bilik penyambut tetamu di bahagian anjung rumahnya yang terletak di tebing Sungai Nil, yang juga berhampiran dengan masjid. Apabila masuk waktu maghrib, Fakhruddin akan menunaikan solat di masjid. Kemudian beliau kembali ke bilik penyambut tetamunya iaitu tempat makanan dihidangkan. Pada waktu itu, tiada seorang pun yang dilarang masuk untuk menemuinya; tanpa mengira siapa orangnya sekalipun. Sesiapa yang mempunyai hajat, boleh menceritakan hajatnya lalu beliau akan menunaikan hajatnya. Sekiranya ada yang meminta sedekah, beliau akan menyuruh salah seorang mamluknya yang dipanggil sebagai Badruddin (nama asal beliau ialah Lu'lu') supaya mengiring orang itu ke luar rumah dan di situ, bendaharinya sedang menunggu dengan uncang dirham. Orang tersebut akan diberikan sejumlah wang yang telah ditentukan untuknya. Pada waktu itu juga, fuqaha' menghadiri majlis beliau dan membaca kitab Bukhari di hadapannya. Apabila beliau selesai menunaikan Solat Isyak, majlis pun berakhir dan orang ramai meninggalkannya.

Kadi-Kadi yang Ada di Kaherah semasa Ketibaanku

Antara kadi yang ada di Kaherah semasa aku tiba ialah kadi besar Mazhab Syafi'e yang bernama Badruddin ibn Jama'ah, seorang imam dan ilmuwan. Beliau memiliki kedudukan yang paling tinggi antara semua kadi dan memiliki kuasa untuk melantik atau menggugurkan jawatan kadi di Kaherah. Akan tetapi buat masa ini, anaknya, 'Izuddin yang menjalankan tugas tersebut. Mereka yang lain ialah kadi besar Mazhab Maliki yang juga imam yang salih iaitu Taqiyuddin al-Akhna'ie dan kadi besar Mazhab Hanafi yang juga seorang imam daniomuwan iaitu Syamsuddin al-Hariri. Beliau merupakan seorang kadi yang sangat tegas dan seseorang tidak dapat menemui kesilapannya dalam menjalankan tugas terhadap Allah manakala pemerintah pula berasa gerun terhadapnya. Pernah diceritakan kepadaku bahawa al-Malik al-Nasir berkata kepada orang yang duduk bersama-sama dengan baginda, "Sesungguhnya beta tidak takut kepada sesiapa melainkan Syamsuddin al-Hariri." Seorang lagi ialah kadi besar Mazhab Hanbali. Aku tidak mengetahui apa-apa pun tentang dirinya kecuali beliau digelar sebagai 'Izuddin oleh orang ramai.

Kisah al-Malik al-Nasir Mengadakan Majlis untuk Mendengar Aduan

Tentang Kezaliman

Pada setiap hari Isnin dan Khamis, al-Malik al-Nasir r.h. mengadakan majlis untuk menyiasat kes-kes kezaliman dan menerima kes orang ramai yang membuat aduan. Keempat-empat kadi (yang disebut sebelum ini) duduk di sebelah kiri baginda. Selepas semua aduan dinyatakan di hadapannya, baginda menentukan seseorang yang akan menyoal orang yang membuat aduan. Maulana Amir al-Mu'minin Nasiruddin Abu 'Inan merupakan orang pertama yang mempraktikkan kaedah ini. Baginda ialah seorang pemimpin yang tiada bandingannya dalam soal keadilan dan sifat rendah hati. Baginda sendiri akan menyoal orang yang membuat aduan dan akan menyiasat sendiri kes yang dihadapkan kepada baginda. Allah hanya mengkehendaki baginda sahaja untuk mengendalikan kes-kes tersebut. Semoga Allah mengekalkan pemerintahan baginda.

Kadi Mazhab Syafi'e merupakan orang yang paling tinggi kedudukannya. Ini diikuti oleh kadi Mazhab Hanafi, kadi Mazhab Maliki dan akhir sekali diikuti oleh kadi Mazhab Hanbali. Ini merupakan suatu tradisi yang dipraktikkan oleh kadi-kadi yang telah disebut sebelum ini. Apabila Syamsuddin al-Hariri meninggal dunia dan tempat beliau diganti oleh Burhanuddin 'Abdul Haq al-Hanafi, pembesar-pembesar kerajaan mencadangkan agar al-Malik al-Nasir mendahulukan majlis Mazhab Maliki berbanding dengan Majlis Hanafi. Mereka menyatakan bahawa itulah tradisi yang diamalkan pada masa dahulu iaitu kadi Mazhab Maliki, Zainuddin ibn Makhluf duduk di sebelah kadi Mazhab Syafi'e, Taqiyyuddin ibn Daqiq al-'Id. Al-Malik al-Nasir lalu memerintahkan agar ia dilaksanakan. Apabila kadi Mazhab Hanafi mengetahui perkara ini, beliau menghilangkan diri dari majlis perbicaraan kerana berasa tersinggung dengan perubahan tersebut. Al-Malik al-Nasir tidak merestui kemangkirannya itu dan baginda mengetahui faktor yang menyebabkan kadi Mazhab Hanafi bertindak sedemikian. Baginda lantas memerintahkan agar beliau dibawa mengadap. Apabila kadi Mazhab Hanafi datang, hajib memimpin tangannya dan mendudukkannya ditempat yang telah dititahkan oleh sultan iaitu di sebelah kadi Mazhab Maliki. Akhirnya beliau terus kekal dalam kedudukan sedemikian.

'Ulama' dan Orang yang Terkemuka di Mesir

Antara mereka termasuklah Syamsuddin al-Asbahani, seorang imam yang sangat terkemuka dalam bidang logik dan metafizik. Seterusnya ialah Syarafuddin al-Zawawi al-Maliki, Burhanuddin, cucu al-Syazili iaitu naib kadi besar di Jami' al-Salih, Ruknuddin ibn al-Quba' al-Tunisi, seorang yang pakar dalam bidang logik dan metafizik serta Syamsuddin ibn 'Adlan, seorang 'ulama' agung dalam Mazhab Syafi'e. Demikian juga Baha'uddin ibn 'Aqil, seorang faqih yang agung, Athiruddin Abu Hayyan Muhammad ibn Yusuf ibn Hayyan al-Gharnati, seorang yang paling pakar da;am ilmu nahu dan al-Syeikh al-Salih Badruddin 'Abdullah al-Manufi. Selain mereka ialah Burhanuddin al-Safaqusi dan Qiwamuddin al-Kirmani. Tempat tinggal Qiwamuddin ini ialah di atas bumbung Jami' al-Azhar. Beliau memiliki sebuah jemaah yang terdiri daripada fuqaha' dan qari-qari al_quran yang sentiasa ada di sisinya untuk mempelajari berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Qiwamuddin juga mengeluarkan fatwa berdasarkan berbagai-

bagai mazhab. Pakaian beliau ialah baju bulu yang kasar dan serbannya pula diperbuat daripada bulu berwarna hitam. Antara kebiasaan Qiwamuddin ialah pergi ke tempat hiburan dan bersiar-siar seorang diri tanpa ditemani oleh sahabat-sahabatnya. Mereka yang lain termasuklah al-Sayyid al-Syarif Syamsuddin, cucu Sahib Tajuddin ibn Hanna' dan Majduddin al-Aqsara'ie iaitu ketua syeikh qari-qari al-Quran di Mesir. Aqsara'ie ini dinisbahkan pada Aqsara, sebuah tempat di Rom. Tempat tinggal Majduddin ini di Siryaqus. Seterusnya ialah Syeikh Jamaluddin al-Huwaiza'ie – Huwaiza terletak dalam jarak sejauh perjalanan selama tiga hari dari Basrah – al-Sayyid al-Syarif Badruddin al-Husaini, ketua golongan syarif di negeri Mesir dan merupakan seorang yang sangat salih, Majduddin ibn Harmi, penyelia Baitul Mal yang mengajar di kubah Imam Syafi'e selain muhtasib di Mesir, Najmuddin al-Saharti, seorang faqih agung yang memiliki kepimpinan, kewibawaan yang tinggi serta kehebatan di Mesir.

Hari Mahmil di Mesir

Hari Mahmil ini ialah hari unta berarak mengelilingi kota. Hari mahmil ini juga merupakan hari perayaan . Atur cara majlis yang diadakan oleh penduduk adalah seperti berikut. Keempat-empat kadi, penyelia Baitul Mal dan muhtasib (mereka ini telah disebut sebelum ini) bersama-sama dengan fuqaha' yang terkemuka, pemimpin-pemimpin yang dipercayai serta pegawai-pegawai kerajaan akan menunggang unta. Mereka semua bergerak menuju ke pintu kota iaitu tempat letaknya kediaman al-Malik al-Nasir. Di sini, mahmil (tandu;pelangki;usungan) yang diletakkan di atas seekor unta akan datang menemui mereka. Mahmil ini akan didahului oleh seorang amir yang telah ditentukan untuk pergi ke Hijaz pada tahun tersebut. Amir ini diiringi oleh sekumpulan tentera dan pembawa bekalan air yang mengenderai unta mereka. Untuk upacara ini, semua anggota masyarakat akan berkumpul. Bersama-sama dengan orang yang telah disebut sebelum ini, mereka berarak bersama-sama dengan mahmil itu mengelilingi kota Kaherah dan Mesir (Fustat). Dihadapan mereka, pembawa-pembawa unta bernyanyi girang. Perayaan ini berlangsung pada bulan Rejab.

Ketika itu, bersemaraklah keazaman dan bangkitlah hasrat serta dorongan, lalu Allah mencampakkan azam ke dalam hati-hati hamba-hamba yang dikehendakiNya untuk menunaikan fardu haji. Dengan yang demikian, mereka pun bersiap diri dan membuat persediaan untuk menunaikan haji.

Seterusnya, aku bermusafir dari Mesir melalui jalan hulu Mesir dengan matlamat untuk sampai di tanah Hijaz yang mulia. Pada malam sebelum aku bertolak, aku bermalam di ribat yang dibina oleh Sahib Tajuddin ibn Hanna' di Dair al-Tin. Ia merupakan sebuah ribat yang agung yang dibina oleh beliau berdasarkan kemegahan dan peninggalan bersejarah yang sangat hebat. Barang-barang peninggalan lama yang bersejarah itu ialah serpihan daripada besen kayu Rasulullah SAW, pensil yang digunakan oleh Baginda untuk menyapu celak dimatanya, dirafsy iaitu penebuk lubang yang digunakan oleh Baginda untuk menjahit sepatunya dan mushaf al-Quran Amir al-Mu'minin 'Ali ibn Abi Talib r.a. yang ditulis dengan tangannya sendiri. Dikatakan bahawa Sahib Tajuddin membeli barang-barang yang merupakan peninggalan Nabi Muhammad SAW itu dengan

harga 100,000 dirham. Beliau membina ribat tersebut dan menyediakan makanan bagi pengunjung yang datang lalu pergi serta membayar upah bagi khadam yang menjaga barang-barang yang berharga itu. Semoga Allah SWT menganugerahkan kebaikan kepada beliau dengan niatnya yang mulia itu.

Setelah keluar meninggalkan ribat tersebut, aku berjalan melalui Munyah al-Qa'id iaitu sebuah kampung yang kecil di tebing Sungai Nil. Dari situ aku pergi ke kota Busy. Kota ini merupakan penghasil terbesar kain linen di Mesir. Hasilnya dibawa ke seluruh pelosok negeri Mesir dan juga Afrika. Dari kota Busy, aku berjalan lagi hinggalah aku sampai di Dalas. Kota Dalas juga banyak menghasilkan kain linen seperti kota Busy dan hasilnya juga dibawa ke seluruh pelosok negeri Mesir serta Afrika. Dari kota Dalas aku pergi ke kota Biba dan dari kota Biba, aku meneruskan perjalanan ke Bahnasa. Ia merupakan sebuah kota yan besar dan kebunnya juga banyak. Di kota ini, baju bulu yang elok dihasilkan.

Antara orang yang kutemui di Bahnasa ialah kadinya, Harafuddin, seorang yang berjiwa suci dan mulia. Aku juga bertemu dengan seorang syeikh yang salih iaitu Abu Bakr al-'Ajami. Aku menumpang di rumah beliau sebagai tetamunya. Dari kota Bahnasa, aku pergi ke Munyah ibn Khasib, sebuah kota besar yang meliputi kawasan yang luas dan dibina di tebing Sungai Nil. Benarlah bahawa kota Munyah ibn Khasib ini mengatasi segala kota lain di hulu Mesir kerana di sini terdapat madrasah, masyhad, zawiyah dan masjid. Pada zaman silam, ia merupakan sebuah kampung yang dimiliki oleh Khasib, gabenor negeri Mesir.

Kisah Khasib

Diceritakan bahawa salah seorang Khalifah Bani 'Abbas r.a. berasa murka terhadap penduduk Mesir. Khalifah itu bersumpah akan melantik seorang gabenor daripada kalangan hamba baginda yang paling hina dan rendah kedudukannya, dengan niat untuk menghina mereka. Khasib ialah hamba baginda yang paling rendah kedudukannya kerana dia ditugasi untuk memanaskan bilik air. Khalifah lalu mengurniakan anugerah kepada Khasib dan melantik beliau sebagai gabenor negeri Mesir. Baginda menyangka bahawa Khasib akan berkelakuan buruk terhadap penduduk Mesir dan melakukan perkara-perkara yang menyakitkan mereka, sebagaimana yang sering berlaku terhadap orang yang diberikan kekuasaan tanpa mempunyai pengalaman memegang jawatan yag tinggi. Walau bagaimanapun, apabila Khasib menetap di Mesir, beliau menunjukkan sikap yang sangat baik terhadap penduduk Mesir dan beliau amat masyhur dengan sifat murah hati di samping sering mengutamakan orang lain. Kerabat khalifah serta orang ramai datang menziarahinya dan beliau akan memberikan hadiah yang banyak kepada mereka. Kemudian mereka pulang ke Baghdad dengan penuh rasa syukur kerana sifat pemurah Khasib itu.

Sementara itu, khalifah dapat mengesan ketiadaan beberapa orang kerabat 'Abbasi. Ada yang menghilangkan diri buat seketika dan kemudian kembali menemui baginda.

Baginda lantas bertanya tentang ketiadaan orang tersebut. Orang itu pun memberitahu baginda bahawa ia pergi menziarahi Khasib, sambil menceritakan apa yang telah dihadiahkan oleh Khasib kepadanya yang berupa hadiah yang banyak. Khalifah pun berasa murka dan menitahkan agar kedua-dua biji mata Khasib dicungkil. Beliau diusir dari Mesir ke Baghdad dan seterusnya ditinggalkan di pasar-pasar di negeri tersebut.

Apabila perintah untuk menangkap beliau sampai, Khasib tidak dibenarkan masuk kerumahnya. Di tangan beliau, ada sebutir permata yang sangat berharga. Khasib lalu menyembunyikannya dan menjahitnya didalam sehelai baju beliau pada waktu malam. Setelah mata beliau dicungkil, Khasib ditinggalkan di pasar di Baghdad. Beliau telah disapa oelh seorang penyair yang menegurnya, "Wahai Khasib, sesungguhnya aku datang dari Baghdad ke Mesir untuk menziarahimu dengan mengucapkan kasidah puji-pujian terhadap dirimu tetapi ketibaanku di Mesir serentak dnegan waktu kamu meninggalkannya. Walau bagaimanapun, aku tetap suka jika kamu mendengarnya." Khasib menjawab, " Apalah gunanya aku mendengarnya lagi sedangkan aku telah jadi begini seperti yang kamu lihat sekarang." Penyair itu berkata, "Niatku hanyalah supaya kamu mendengarnya. Tentang hadiah, sesungguhnya kamu telah mengurniakan hadiah yang banyak kepada manusia. Semoga Allah mengurniakan balasan kepadamu dengan kebaikan." Khasib lalu berkata, " Ucapkanlah (kasidah itu) !". Penyair itu pun bermadah:

"Kamulah Khasib dan inilah Sungai Nil
sering melimpah kerana kamu berdua ialah lautan."

Apabila penyair itu sampai ke penghujung syairnya, Khasib berkata, "Bukakan jahitan ini." Setelah panyair membuka jahitan tersebut, Khasib berkata, "Ambillah permata ini." Penyair itu enggan mengambilnya tetapi apabila Khasib bersungguh-sungguh memintanya menerima permata tersebut, si penyair pun mengambilnya dan membawanya ke bazar penjual permata. Apabila penyair menunjukkan permata itu kepada orang ramai, mereka memberitahunya bahawa permata tersebut hanya layak dimiliki oleh seorang khalifah. Orang ramai lantas membawa perkara itu kepada khalifah dan khalifah memerintahkan agar penyair tersebut dibawa mengadap. Apabila khalifah menyoal penyair tentang permata tersebut, penyair pun menceritakan kisahnya. Cerita penyair menyebabkan khalifah berasa kesal dengan apa yang telah dilakukannya terhadap Khasib. Baginda menitahkan agar Khasib dibawa mengadap. Khalifah menghadiahkan wang yang banyak dan memberikan peluang kepada Khasib untuk meminta apa-apa sahaja yang dikehendakinya. Khasib meminta agar khalifah mengurniakan Kampung Munyah (Munyah ibn Khasib) kepadanya. Baginda pun memperkenankan permintaannya. Khasib tinggal di kampung itu sehinggalah beliau meninggal dunia dan mewariskan kampung tersebut kepada keturunannya sehingga mereka semua meninggal dunia.

Pada waktu aku tiba di kota Munyah ini, kadinya ialah Fakhruddin al-Nuwairi al-Maliki dan gabenornya ialah Syamsuddin, seorang yang sangat baik dan pemurah. Pada suatu hari, aku memasuki rumah mandi di kota ini. Ku lihat orang ramai tidak menutupi tubuh mereka. Perkara ini memeranjatkan aku. Aku pun menemui Syamsuddin dan

memberitahukan hal tersebut kepadanya. Beliau meminta agar aku tidak meninggalkan kota Munyah dan mengarahkan agar penyewa-penyewa rumah mandi berjumpa dengannya. Perjanjian ke atas mereka pun dibuat iaitu tindakan akan diambil ke atas sesiapa yang memasuki ke dalam rumah mandi tanpa memakai kain yang menutupi tubuh. Gabenor Syamsuddin telah bertindak setegas-tegasnya terhadap mereka. Kemudian aku pun meninggalkan beliau.

Dari Munyah, aku meneruskan pengembaraan ke kota Manlawi. Manlawi merupakan sebuah kota kecil yang dibina dalam jarak dua batu dari Sungai Nil. Kadinya ialah Faqih Syarafuddin al-Damiri al-Syafi'e. Majoriti penduduknya ialah satu bangsa yang dikenali umum sebagai Bani Fudail. Salah seorang daripada mereka telah membina sebuah masjid jamik dengan membelanjakan sebahagian besar daripada hartanya. Di kota ini terdapat 11 buah sabak untuk memasak gula. Kebiasaannya, orang ramai tidak menghalang golongan faqir daripada memasuki sabak tersebut. Seorang faqir akan datang membawa roti yang panas lalu mencampakkannya ke dalam periuk memasak gula itu. Kemudian roti yang disaluti gula itu pun dikeluarkan. Setelah itu si faqir pun beredar dari situ.

Dari kota Manlawi, aku meneruskan pengembaraanku ke kota Manfalut. Kota Manfalut adalah sangat cantik dan indah. Ia terletak di pinggir Sungai Nil dan keberkatannya masyhur ke serata negeri.

Kisah Mimbar al-Malik al-Nasir

Penduduk kota Manfalut ini memberitahuku bahawa al-Malik al-Nasir r.h. memerintahkan agar sebuah mimbar yang besar, halus seni bina dan cantik reka bentuknya dibina untuk Masjid al-Haram di Makkah, semoga Allah menambah kemuliaan dan keagungannya. Apabila pembinaannya siap, al-Malik al-Nasir memerintahkan agar ia dibawa belayar menyusur Sungai Nil ke Laut Jeddah dan dari situ, ia dibawa sampai ke Makkah, semoga Allah memuliakannya. Walau bagaimanapun, apabila kapal yang membawa mimbar tersebut sampai di Manfalut dan berada dalam kedudukan selari dengan masjid jamiknya, kapal itu berhenti dan tidak mahu belayar lagi walaupun dibantu oleh angin yang kuat. Orang ramai berasa sangat hairan dengan keadaan kapal tersebut. Setelah beberapa hari mereka tinggal di atas kapal, kapal itu tetap tidak mahu bergerak. Mereka pun menulis tentang berita ini kepada al-malik al-Nasir r.h. Al-Malik al-Nasir lantas memerintahkan agar mimbar tersebut diletakkan di masjid jamik kota Manfalut. Arahan itu pun dilaksanakan dan aku menyaksikannya dengan mataku sendiri.

Di kota Manfalut ini, sejenis makanan seakan-akan madu lebah dibuat. Orang ramai membuatnya dengan mendapatkan sari atau pati dari gandum. Mereka manamainya sebagai naida dan ia dijual di pasar-pasar di Mesir.

Aku meneruskan perjalananku dari kota Manfalut ke Asyut. Asyut ialah sebuah kota

yang cantik dan pasar-pasarnya sungguh menarik. Kadinya ialah Syarafuddin ibn ‘Abdil Rahim. Beliau amat terkenal dengan gelaran Hasil ma Thamma yang bermaksud “tiada hasil”. Asal usul gelaran ini ialah kadi-kadi di Mesir dan Syam mengurus harta-harta wakaf serta sedekah yang diberikan kepada pengembara. Apabila seorang faqir datang ke sesebuah kota, ia akan menemui kadi kota tersebut dan kadi akan memberikan wang yang telah ditetapkan untuknya. Apabila faqir datang menemuinya, kadi ini akan berkata, “Hasil ma thamma.” Yang bermaksud, “ Tiada lagi harta hasil walau sedikit pun.” Oleh sebab itulah ia mendapat gelaran tersebut dan terus kekal digelar sedemikian oleh orang ramai. Antara syeikh yang mulia yang berada di kota Asyut ialah Syihabuddin ibn al-Sabbagh, seorang syeikh yang salih. Beliau menerimaku sebagai tetamunya di zawiyahnya.

Dari kota Asyut, aku berangkat ke Ikhmim (Khemmis/Panopolis). Ikhmim merupakan sebuah kota yang kukuh binaannya dan mempunyai cirri-ciri yang mengagumkan. Di sini terdapat satu binaan yang bernama Birba. Ia diperbuat daripada batu dan di dalamnya terdapat ukiran-ukiran serta tulisan (hiroglif) orang dahulu kala yang tidak difahami pada zaman ini. Terdapat juga lukisan gambar cakerawala dan bintang-bintang. Penduduk membuat andaian bahawa Birba dibina sewaktu bintang Helang Terbang berada dalam bintang Scorpio (kala jengking)

Selain itu, di dalam Birba ini juga terdapat gambar binatang-binatang dan lain-lain. Orang ramai pula menceritakan pelbagai cerita fantasi dan khayalan yang setengah-setengahnya merupakan cerita berhubung dengan lukisan-lukisan ini yang tidak sesuai untuk dihuraikan.

Di Ikhmim, ada seorang lelaki yang dikenali sebagai seorang khatib (pendakwah) oleh penduduk yang meminta agar salah satu binaan Birba ini dirobohkan. Batu-batunya akan digunakan untuk membina madrasah. Khatib ini merupakan seorang yang amat kaya dan dikenali sebagai seorang yang dermawan. Orang yang berasa iri hati terhadapnya mengatakan bahawa beliau memperoleh kekayaan hasil daripada tindakannya yang sering mengunjungi Birba tersebut.

Di Ikhmim, aku menumpang di zawiyah Syeikh Abu al-‘Abbas ibn ‘Abdil Zahir. Di zawiyah ini terdapat makam datuknya, ‘Abdul Zahir. Beliau mempunyai beberapa orang saudara kandung iaitu Nasiruddin, Majduddin dan Wahiduddin. Sudah menjadi kebiasaan bagi mereka untuk berhimpun beramai-ramai selepas Solat Jumaat. Turut bersama-sama dengan mereka ialah Khatib Nuruddin yang kuceritakan sebelum ini bersama-sama dengan anak-anaknya selain kadi kota ini iaitu Faqih Mukhlis dan seluruh penduduk kota. Mereka berhimpun untuk membaca al-Quran dan berzikir kepada Allah SWT sehingga masuk waktu Asar. Selepas Solat Asar, mereka akan membaca Surah al-Kahfi dan seterusnya bersurai.

Dari Ikhmim, aku pergi ke kota Hu. Hu ialah sebuah kota besar yang terletak di pinggir Sungai Nil. Di Hu, aku menumpang di madrasah Taqiyuddin ibn al-Sarraj. Aku melihat orang yang berada di madrasah ini membaca sebahagian daripada al-Quran setiap kali selepas Solat Subuh. Kemudian mereka membaca awrad Syeikh Abu al-Hassan al-Syazili

dan “Hizb al-Bahr” (Doa di Lautan). Di sini juga tinggal al-Sayyid al-Syarif Abu Muhammad ‘Abdullah al-Hasani iaitu salah seorang yang sangat salih.

Kekeramatan al-Sayyid al-Syarif Abu Muhammad ‘Abdullah al-Hasani

Aku menziarahi Syarif Muhammad ‘Abdullah al-Hasani ini dengan hasrat untuk memperoleh keberkatan dengan melihat dan mengucapkan salam kepadanya. Apabila beliau bertanya tentang tujuanku, aku pun memberitahunya bahawa aku hendak menunaikan haji ke Baitullah al-Haram dengan mengikut jalan Jeddah. Beliau berkata kepadaku, “Kamu tidak akan berjaya mencapai tujuan kamu pada waktu ini. Oleh itu pulanglah. Kamu hanya akan menunaikan haji pertama kamu mengikut jalan Syam sahaja.” Kemudian aku pun meninggalkan Syarif Abu Muhammad dan aku tidak mengindahkan nasihat beliau. Aku pun meneruskan perjalananku hingga sampai di ‘Aizab tetapi apabila aku tidak dapat meneruskan perjalananku, aku kembali semula ke Mesir dan pergi ke Syam. Oleh yang demikian, perjalanan untuk menunaikan hajiku yang pertama ialah mengikut jalan Syam, sebagaimana yang dikatakan oleh Syarif Abu Muhammad. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya.

Aku meneruskan perjalananku ke Qina, sebuah kota kecil yang mempunyai pasar-pasar yang indah. Di sini terdapat makam seorang syarif, seorang wali yang salih dan memiliki keramat yang masyhur iaitu ‘Abdul Rahim al-Qinawi r.a. Bukti-bukti yang menakjubkan tentang kesalihannya juga begitu jelas. Di Madrasah al-Saifiyyah pula, aku melihat cucu beliau iaitu Syihabuddin Ahmad.

Dari Qina, aku pergi ke kota Qus. Qus ialah sebuah kota besar yang dipenuhi oleh pelbagai kebaikan. Kebun-kebunnya dipenuhi oleh pokok-pokok berdaun lebat dan demikian juga pasar-pasarnya. Di sini terdapat banyak masjid dan madrasah lama. Di sinilah tempat tinggal gabenor-gabenor hulu Mesir. Di luar kota Qus, terdapat zawiyah Syeikh Syihabuddin ibn ‘Abdil Ghafar dan zawiyah al-Afram. Di zawiyah inilah berlangsungnya perhimpunan golongan faqir yang menolah kenikmatan dunia pada bulan Ramadan setiap tahun. Antara ‘ulama’ kota ini ialah kadinya, Jamaluddin ibn al-Sadid, khatibnya Fathuddin ibn Daqiq al-‘Id iaitu salah seorang yang benar-benar menguasai bahasa serta balaghah – aku tidak melihat ada orang yang boleh menandinginya kecuali khatib Masjid al-Haram, Baha’uddin al-Tabari, dan khatib kota Khawarizm, Husamuddin al-Syati (kedua-dua mereka akan diceritakan kemudian). ‘Ulama’ yang lain ialah Faqih Baha’uddin ibn ‘Abdil Aziz, seorang guru di Madrasah al-Malikiyyah dan Faqih Burhanuddin Ibrahim al-Andalusi yang memiliki sebuah zawiyah yang hebat.

Kemudian aku mengembara ke Aqsur (Luxor) yang merupakan sebuah kota kecil yang cantik. Di sini terdapat makam al-Hajjaj al-Aqsuri yang salih dan tekun beribadah. Di sebelah makam beliau terdapat sebuah zawiyah. Seterusnya aku pergi pula ke Armant, sebuah kota kecil yang mempunyai banyak kebun. Kota ini dibina di tebing Sungai Nil. Kadinya menerimaku sebagai tetamu di situ tetapi aku telah lupa namanya.

Dari kota Armant, aku pergi ke kota Asna. Asna ialah sebuah kota yang besar, jalan-

jalannya luas, bahan mentahnya banyak dan terdapat banyak zawiyah, madrasah serta masjid jamik. Ia juga mempunyai pasar-pasar yang cantik dan kebun-kebun dengan berbagai-bagai jenis buah-buahan. Kadinya ialah Kadi Besar Syihabuddin ibn Maskin yang bukan sahaja memuliakan dan menerimaku sebagai tetamunya bahkan beliau menulis kepada semua naibnya supaya memuliakanku. Antara orang mulia yang ada di sini ialah Nuruddin ‘Ali, syeikh yang salih dan ‘Abdul Wahid al-Miknasi iaitu pemilik zawiyah di Qus pada waktu ini.

Dari Asna aku pergi ke kota Adfu, yang jaraknya sejauh perjalanan yang mengambil masa selama sehari semalam melalui padang pasir. Kemudian kamu menyeberangi Sungai Nil dari kota Adfu menuju ke kota ‘Atwani. Di sini kami menyewa beberapa ekor unta dan terus mengembara bersama-sama dengan sekumpulan Arab yang dikenali umum sebagai Daghim, di padang pasir yang tidak didiami oleh sesiapa tetapi selamat untuk perjalanan. Di salah satu persinggahan, kami berhenti di Humaithira, tempat letaknya makam wali Allah, Abu al-Hasan al-Syazili.

Kami telah pun menceritakan kisah kekeramatannya bahawa beliau tahu beliau akan meninggal dunia di Humaithira ini. Terdapat banyak binatang buas di kawasan ini. Pada waktu malam, kami tinggal di sini dan sentiasa berusaha menghalau binatang-binatang buas itu. Seekor binatang buas telah memasuki tempat aku menyimpan barang-barang. Ia mengoyakkan karung yang diperbuat daripada kulit unta dan mengeluarkan kampit buah tamar lalu membawanya pergi. Apabila kamu bangun pada keesokan paginya, kami mendapati kampit tersebut telah koyak dan sebahagian besar daripada isinya telah dimakan.

Setelah berjalan selama lima belas hari, akhirnya kami tiba di ‘Aizab. ‘Aizab merupakan sebuah kota besar yang kaya dengan ikan dan susu. Sayur-sayuran dan buah tamar pula dibawa ke sini dari negeri-negeri di hulu Mesir. Penduduknya ialah orang Bujah yang berkulit hitam. Mereka membalut tubuh dengan selimut berwarna kuning dan memakai barut di kepala yang lebarnya sebesar ibu jari. Orang Bujah ini tidak mewariskan harta kepada anak perempuan. Makanan mereka ialah susu unta dan mereka menunggang unta mahri yang mereka namai sebagai suhb. Satu pertiga daripada kota ‘Aizab menjadi hak sultan Mesir, al-Malik al-Nasir dan dua pertiga lagi menjadi hak milik orang Bujah yang dikenali umum sebagai Hadrabi. Di ‘Aizab, terdapat sebuah masjid yang dikaitkan dengan Qastallani, seorang yang masyhur keberkatannya. Aku telah melihat beliau dan menziarahinya untuk memperoleh keberkatan.

Syeikh Musa, seorang yang salih dan Muhammad al-Marakisyi, seorang syeikh yang telah lanjut usianya juga tinggal di kota ini. Syeikh Muhammad al-Marakisyi ini dikatakan putera al-Murtada iaitu raja Marakesh. Beliau berusia sembilan puluh lima tahun.

Ketika kami tiba di ‘Aizab, kami mendapati Hadrabi, sultan orang Bujah sedang ber[erang dengan orang Turki. Sultan Hadrabi berjaya menenggelamkan kapal orang Turki ini dan menyaksikan sendiri bagaimana mereka melarikan diri. Adalah mustahil

untuk kami belayar di lautan. Oleh itu kami pun menjual barang-barang bekalan kami dan pulang ke hulu Mesir bersama-sama dengan orang Arab yang kami sewa unta daripada mereka. Akhirnya kami tiba di kota Qus (yang telah kami jelaskan sebelum ini). Kemudian kami menyusur Sungai Nil dan pada waktu itu, air Sungai Nil sedang melimpah sehingga berlaku banjir. Setelah lapan hari menyusurnya, kami akhirnya tiba di Mesir.

Bab 2
Syam

Aku hanya tinggal semalam sahaja di Mesir sebelum berangkat ke Syam (Syam atau Syria dahulunya meliputi Palestin, Lubnan, Jordan dan Syria). Pengembaraanku ke Syam bermula pada pertengahan bulan Syaaban, tahun 726H.

Aku telah pergi ke Balbais. Balbais ialah sebuah kota yang mempunyai banyak kebun. Di sini, aku tidak bertemu dengan sesiapa yang wajar kuceritakan. Kemudian aku pergi ke Salihiyyah. Dari sini, kami memasuki kawasan berpasir dan kami telah berhenti di beberapa perhentian atau tempat persinggahan seperti Sawadah, Warradah, Mutailib, 'Arisy dan Kharrubah. Di setiap perhentianini, terdapat sebuah tempat penginapan atau asrama. Penduduk menamai asrama ini sebagai khan dan di khan inilah musafir singgah bersama-sama dengan binatang tunggangan mereka. Di luar setiap khan, terdapat tempat mengambil air (sebuah telaga) untuk orang awam dan sebuah kedai untuk musafir membeli barang-barang keperluan diri serta binatang tunggangan.

Antara perhentian ini, ada sebuah tempat yang masyhur dan bernama Qatya. Walau bagaimanapun, orang ramai menyebutnya sebagai Qatyah. Di sini zakat dikutip daripada peniaga-peniaga. Barang-barang mereka diperiksa dan apa-apa sahaja yang berada di tangan mereka dperiksa dengan teliti. Di Qatya ini terdapat banyak diwan (pejabat kerajaan) selain pegawai, jurutulis dan saksi. Jumlah pendapatan sehari bernilai 1,000 dinar emas. Seseorang tidak boleh melalui tempat ini untuk pergi ke Syam tanpa memiliki sijil atau surat pengesahan daripada Mesir dan tidak boleh juga pergi ke Mesir tanpa memiliki sijil pengesahan dari Syam. Peraturan ini adalah untuk melindungi harta orangramai dan juga sebagai tindakan berjaga-jaga daripada pengintip-pengintip Iraq. Jalan ini berada di bawah jaminan orang Arab Badwi. Mereka telah diberikan tanggungjawab untuk menjaganya. Pada waktu malam, mereka akan menyapu pasir sehingga menjadi rata dan tidak meninggalkan sebarang kesan atau jejak. Pada waktu pagi, amir akan datang untuk memeriksa pasir tersebut. Sekiranya terdapat kesan perjalanan, beliau akan mengarahkan supaya orang Arab Badwi mencari orang yang membuat kesan perjalanan itu. Kumpulan Arab Badwi ini akan memburunya dan mereka tidak pernah gagal untuk menangkap orang yang diburu itu. Kemudian mereka membawa orang tersebut kepada amir dan amir akan menghukumnya dengan hukuman yang difikirkan sesuai.

Sewaktu aku tiba di Qatya, 'Izuddin, Ustaz al-Dar Aqmari, yang merupakan salah seorang

amir yang paling baik, telah menerimaku sebagai tetamunya dan memuliakan diriku. Beliau juga memberikan laluan perjalanan secara percuma kepada orang yang ada bersama-sama denganku. 'Abdul Jalil al-Maghribi al-Waqqaf yang sangat arif tentang orang Maghribi dan negeri mereka ada bersama-sama dengan beliau. 'Abdul Jalil ini akan bertanya kepada setiap orang Maghribi dari mana ia datang, supaya tidak timbul sebarang keraguan tentang identitinya. Ini kerana, orang Maghribi dibenarkan melalui Qatya tanpa sebarang larangan.

Dari Qatya, kami berjalan hingga sampai di Ghazzah (Gaza). Ghazzah ialah kota pertama negeri Syam yang terletak di sempadan negeri Mesir. Kawasan kota Ghazzah ini luas, penduduknya banyak dan pasar-pasarnya cantik. Di sini juga terdapat beberapa buah masjid yang dikelilingi oleh tembok. Pada zaman silam, terdapat sebuah masjid jamik yang cantik di sini. Masjid yang didirikan Solat Jumaat sekarang dibina oleh seorang yang ternama iaitu Amir al-Jawali. Masjid ini sungguh indah dan halus seni binanya. Mimbarnya diperbuat daripada batu marmar putih. Kadi Ghazzah ialah Badruddin al-Salkhati al-Haurani. Guru madrasahnya pula ialah 'Alamuddin ibn Salim. Bani Salim ialah pembesar-pembesar di kota Ghazzah ini. Antara mereka termasuklah Syamsuddin, kadi di Quds (Jerusalem).

Dari Ghazzah, aku meneruskan perjalananku ke kota Khalil (al-Khalil Ibrahim) salawat dan salam ke atas Nabi kita dan ke atas Nabi Ibrahim. Khalil ialah sebuah kota yang tidak begitu besar, namun ia mempunyai nilai keistimewaan yang tinggi, cahayanya gemilang, pemandangannya indah dan ia terletak di dasar sebuah lembah. Masjidnya pula yang tersergam indah dengan seni bina yang begitu halus dan teliti. Masjid yang tinggi melangit ini diperbuat daripada batu yang diukir dan dipahat. Di salah satu tiangnya terdapat sebuah batu yang besar. Salah satu permukaannya sahaja berukuran 37jengkal. Menurut cerita, Nabi Sulaiman a.s. memerintah jin untuk membina masjid tersebut.

Di bahagian dalam masjid tersebut, terdapat sebuah gua yang mulia dan suci. Di sinilah terletaknya makam Nabi Ibrahim a.s, Nabi Ishaq a.s, dan Nabi Ya'qub a.s. Semoga rahmat Allah melimpah ke atas Nabi kita dan ke atas mereka. Bersetentang dengannya, terdapat tiga buah lagi makam iaitu makam isteri-isteri mereka. Di sebelah kanan mimbar iaitu bersebelahan dengan dinding kiblat, ada sebuah tempat atau ruang. Seseorang boleh menuruni tangga batu marmar yang kukuh buatannya menerusi tempat ini ke satu jalan sempit yang bole membawa ke sebuah dewan yang penuh dengan batu marmar. Di dalam dewan ini, terdapat ukiran (tugu) tiga buah makam Nabi-Nabi tersebut. Menurut cerita, tugu ini terletak bersetentang dengan makam yang sebenar itu. Pada zaman silam, ada sebatang jalan menuju ke gua yang diberkati itu di masjid ini tetapi kini jalan tersebut telah ditutup. Aku pernah turun ke tempat ini beberapa kali.

Antara bukti yang disebut oleh orang yang mengetahui kebenaran tiga buah makam itu ialah sebuah Hadith yang dinukil daripada 'Ali ibn Ja'far al-Razi yang bertajuk, "Al-Musfir li al-Qulub" (Pembuka Rahsia bagi Hati) iaitu tentang kebenaran makam Nabi Ibrahim a.s, Nabi Ishak a.s dan Nabi Ya'qub a.s. Beliau menyandarkan hadith ini pada Abu Hurairah yang berkata, " Rasulullah SAW bersabda, " Ketika aku diisra'kan ke Baitul Maqdis, Jibril a.s. membawaku melalui makam Nabi Ibrahim a.s. dan berkata,

'Turunlah wahai Muhammad dan solatlah dua rakaat, sesungguhnya di sinilah makam bapamu, Ibrahim.' Kemudian Jibril membawaku melalui Bait Lahm pula dan berkata, ' Turunlah dan solatlah dua rakaat, maka sesungguhnya di sinilah saudaramu 'Isa a.s. lahir.' Kemudian Jibril membawaku ke Sakhrah." Begitulah seterusnya baki Hadith tersebut. Apabila aku bertemu dengan seorang guru yang salih, aku menyoalnya tentang kebenaran lokasi makam Nabi Ibrahim a.s. di situ. Guru ini ialah seorang yang telah lanjut usianya dan juga seorang khatib selain salah seorang daripada kalangan salihin serta imam-imam yang masyhur di sini. Beliau bernama Burhanuddin a'-Ja'bari. Beliau pun berkata kepadaku, "Setiap ilmuwan yang kutemui mengesahkan bahawa makam-makam ini ialah makam Nabi Ibrahim, Nabi Ishaq dan Nabi Ya'qub. Salam sejahtera ke atas Nabi kita dan ke atas mereka selain makam isteri-isteri mereka". Perkara ini tidak dinafikan kecuali orang yang merupakan ahli bid'ah. Ia merupakan suatu riwayat yang sah turun-temurun, daripada generasi salaf kepada generasi khalaf dan ini tidak diragui lagi.

Di ceritakan bahawa seorang imam masuk ke dalam gua ini dan berdiri di sisi makam Sayyidatina Sarah. Kemudian seorang tua masuk dan imam itu bertanya, “Antara makam ini, yang mana satukah makam Nabi brahim a.s?”. Orang tua itu pun menunjukkan makam yang dikenali sebagai makam Nabi Ibrahim a.s. Selepas itu masuk pula seorang pemuda. Imam tersebut bertanya soalam yang sama dan pemuda itu menunjukkan makam yang serupa. Seterusnya masuk pula seorang kanak-kanak. Beliau pun bertanya lagi dan makam yang ditunjukkan oleh kanak-kanak tersebut tetap makam yang sama. Akhirnya imam itu berkata, “Sesungguhnya aku bersaksi bahawa inilah makam Ibrahim a.s. Tidak syak lagi.” Kemudian beliau memasuki masjid dan menunaikan solat. Keesokannya beliau pun berangkat pulang.

Makam Nabi Yusuf a.s. juga terletak di bahagian dalam masjid ini, manakala di timur tanah suci kota Khalil ini terdapat makan Nabi Lut a.s. Ia terletak di atas sebuah bukit yang tinggi. Dari bukit ini, seseorang dapat melihat lembah curam negeri Syam (Ghaur al-Syam). Di kawasan makam Nabi Lut a.s. terdapat bangunan yang cantik dan makamnya sendiri berada di dalam sebuah bilik yang cantik binaannya. Makam baginda itu berwarna putih dan tiada sesuatu apa pun yang melindunginya. Di situ juga terdapat Teluk Lut yang rasa airnya masin. Orang ramai mengatakan bahawa teluk itu ialah tempat tinggal kaum Lut.

Berhampiran dengan makam Nabi Lut, terdapat sebuah masjid yang bernama Masjid al-Yaqin. Ia terletak di atas bukit yang tinggi dan memiliki cahaya serta sinaran yang tidak dimiliki oleh masjid yang lain. Tiada bangunan berhampiran dengan masjid ini kecuali sebuah rumah yang didiami oleh penjaganya. Di dalam masjid iaitu berhampiran dengan pintu, terdapat sebuah tempat yang telah tenggelam dalam bentuk batu pejal dan telah dijadikan bentuk mihrab. Ia hanya dapat memuatkan seorang sahaja untuk menunaikan solat. Dikatakan juga bahawa Nabi Ibrahim a.s. sujud di tempat tersebut sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT atas kehancuran kaum Lut. Maka bergegarlah tempat sujudnya dan ia tenggelam sedikit ke dalam tanah.

Sebuah gua yang di dalamnya terdapat makam Fatimah bint al-Husain ibn ‘Ali r.a. pula terletak berhampiran dengan masjid ini. Di pangkal dan di hujung makam terdapat dua

buah batu nisan yang diperbuat daripada marmar. Pada salah satu batu nisan ini terdapat ukiran yang ditulis dengan khat yang cantik, Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Bagi Allah segala kekuasaan dan sifat kekal. Bagi Dia sahajalah segala kejadiaan dan ciptaan. Telah ditulis bagi hambaNya kebinasaan. Pada diri Rasulullah itu terdapat contoh tauladan. Ini ialah makam Ummu Salamah Fatimah bint al-Husain r.a." Pada sebuah batu nisan lagi terdapat pula ukiran, "Catatan Muhammad ibn Abi Sahl pengukir di Mesir." Di bawah tulisan ini seterusnya terdapat beberapa rangkap syair:

Seorang yang rumahnya ialah hatiku
Terpaksa kusemadikan di antara tanah dengan batu
Aduhai pusara Fatimah, puteri nasab Fatimah
Puteri imam-imam mulia laksana bintang-bintang nan berkelip
Aduhai pusara! Telah bersemadi di dalammu
Keimanan, kewarakan, ketawaan dan kesucian.

Aku seterusnya meninggalkan kota Khalil dan menuju ke kota Quds. Dalam perjalananku ke sana, aku telah menziarahi makam Nabi Yunus a.s. Di kawasan makamnya terdapat sebuah bangunan besar dan sebuah masjid. Aku juga turut menziarahi Bait Laham, tempat lahir Nabi 'Isa a.s.

Di Bait Lahm ini, tapak batang pokok tamar (yang dipegang oleh Maryam a.s. semasa mahu melahirkan Nabi 'Isa a.s) itu masih ada. Terdapat bangunan yang sangat banyak di Bait Lahm ini. Orang Kristian amat menghormati serta memuliakan Bait Lahm dan sesiapa yang singgah di situ akan dijadikan tetamu.

Kemudian kami sampai di Baitul Maqdis (Jerusalem). Semoga Allah menambah kemuliaannya. Dari segi kelebihannya, Baitul Maqdis adalah yang ketiga selepas dua buah masjid suci iaitu Baitullah di Makkah dan Masjid Nabi SAW di Madinah. Di Baitul Maqdis inilah tempat Rasulullah SAW diangkat dan dimikrajkan ke langit. Kota Baitul Maqdis ini sungguh besar dan mengagumkan. Ia dibina daripada batu-batu yang dipahat. Sewaktu Salahuddin al-Ayyubi, seorang raja yang salih lagi mulia menawan Baitul Maqdis, semoga Allah mengurniakan kebaikan atas jasa beliau terhadap Islam, beliau telah menghancurkan sebahagian daripada kubunya. Kemudian al-Malik al-Zahir telah memusnahkan keseluruhan kubu ini kerana bimbang ia akan dikuasai oleh orang Kristian Rom dan menggunakannya untuk menangkis segala serangan di situ. Pada zaman dahulu, tidak terdapat sungai di kota ini tetapi kini, air telah disalurkan ke sana oleh Amir Saifuddin Genghiz, amir Damsyik.

Masjid al-Muqaddas

Masjid al-Muqaddas (masjid yang suci) merupakan salah sebuah masjid yang sangat indah, cantik dan mengagumkan. Menurut riwayat, tiada sebuah masjid pun di dunia

yang lebih besar daripadanya. Panjangnya dari timur ke barat berukuran 752 hasta iaitu mengikut ukuran hasta diraja dan lebarnya dari selatan ke utara berukuran 435 hasta. Masjid ini mempunyai banyak pintu masuk iaitu melalui tiga arah tetapi dari arah selatan, aku hanya mengetahui ia mempunyai sebuah pintu sahaja. Pintu tersebut ialah pintu yang dimasuki oleh imam. Keseluruhan masjid terdedah dan tidak berbumbung kecuali Masjid al-Aqsa yang mempunyai bumbung yang begitu sempurna binaan dan tinggi keseniannya, selain dihiasi oleh emas serta warna-warna yang cantik. Selain al-Aqsa, ada juga tempat-tempat lain di masjid ini yang berbumbung.

Kubah Sakhrah

Kubah Sakhrah (kubah batu) ini ialah salah sebuah bangunan yang paling mengagumkan, paling sempurna seni binanya dan paling aneh bentuknya. Ia di anugerahi segala keindahan dan setiap sudutnya memiliki kecantikan yang amat unik. Kubah batu ini terletak di atas sebuah tempat yang tinggi di tengah-tengah masjid dan ia boleh dinaiki dengan menggunakan tangga marmar. Ia mempunyai empat buah pintu dan bahagiannya yang bulat penuh, berkemasan marmar yang begitu halus buatannya. Marmar ini juga dipasangkan pada bahagian sebelah dalam. Bahagian luar dan dalam kubah batu ini dihiasi oleh pelbagai perhiasan. Ia dibuat dengan penuh ketelitian dan kemahiran yang tinggi dan tidak dapat digambarkan dengan perkataan. Oleh sebab kebanyakan perhiasan disalut dengan emas, cahayanya memancar-mancar dan bersinar-sinar umpama sinaran kilat. Mata akan terasa silau apabila memandang keindahannya dan lidah terasa kelu untuk mengucapkan sesuatu.

Di tengah-tengah kubah, terdapat sebuah batu yang mulia yang disebut dalam Hadith bahawa Nabi SAW di mikrajkan ke langit dari batu tersebut. Ia merupakan sebuah batu yang pejal dan tingginya sama seperti ketinggian seorang manusia. Di bawah batu ini terdapat sebuah gua seperti sebuah bilik kecil yang ukuran tingginya juga seperti ketinggian seorang manusia. Selain itu, di sini turut terdapat bentuk mihrab. Batu ini dilingkungi oleh dua buah tingkap yang halus buatannya. Kedua-dua tingkap ini memagari batu tersebut. Salah sebuah tingkap itu iaitu yang berada bersebelahan dengan batu tersebut diperbuat daripada besi. Seni buatannya amat cantik dan yang kedua pula diperbuat daripada kayu. Di dalam kubah juga tergantung sebuah perisai besar yang diperbuat daripada besi. Orang ramai mendakwa bahawa ia merupakan perisai Hamzah ibn ‘Abdil Muttalib r.a.

Masyhad-Masyhad yang Diberkati di Kota Baitul Maqdis

Antaranya termasuklah satu tempat yang terletak agak jauh dari sebuah lembah yang bernama Lembah Jahannam. Di sebelah timur kota ini iaitu di atas sebuah bukit yang tinggi, terdapat sebuah bangunan yang dikatakan tempat Nabi ‘Isa a.s. naik ke langit. Selain itu ialah kubur Rabi’ah al-Badawiyyah. Ia disandarkan pada perkataan “badiyah”

yang bermaksud “kampung”. Dia bukanlah Rabi’ah al-‘Adawiyyah yang masyhur itu.

Di lurah lembah yang di sebut sebelum ini terdapat sebuah gereja yang sangat dimuliakan oleh Kristian. Mereka mengatakan bahawa Maryam a.s. terdapat di situ. Di sini juga terdapat sebuah lagi gereja yang amat dihormati kerana orang Kristian menunaikan haji di situ. Mereka berdusta tentang gereja ini. Antara sebabnya ialah mereka mempercayai bahawa makam Nabi ‘Isa a.s. terdapat di sini (padahal baginda telah diangkat oleh Allah SWT). Orang yang menziarahi gereja ini bukan sahaja mesti membayar cukai yang tertentu kepada orang Islam tetapi mereka juga menanggung penghinaan yang diterima biarpun tanpa kerelaan. Di sini juga terdapat tempat buaian Nabi ‘Isa a.s. yang sering diziarahi oleh orang ramai untuk mendapatkan keberkatan.

‘Ulama’ yang Terkemuka di Baitul Maqdis

Antara ‘ulama’ terkemuka yang berada di Baitul Maqdis ialah kadi kota ini iaitu al-‘Alim Syamsuddin Muhammad ibn Salim al-Ghazzi yang merupakan penduduk Ghazzah dan daripada kalangan pembesar negeri itu. Seterusnya ialah khatib yang salih lagi mulia, ‘Imamuddin al-Nabulusi dan Syihabuddin al-Tabari, seorang muhaddith dan juga seorang mufti. Selain itu ialah Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Muthbit, seorang guru Mazhab Maliki dan syeikh di sebuah khanqah yang mulia. Beliau berasal dari Gharnatah tetapi menetap di Baitul Maqdis. Di samping itu ialah seorang syeikh yang zuhud, Abu ‘Ali Hasan yang dipanggil mahjub (si buta) oleh orang ramai dan merupakan seorang salih yang agung. Seterusnya pula ialah syeikh yang salih dan kuat beribadah, Kamaluddin al-Maraghi selain Abu ‘Abdil Rahim ‘Abdil Rahman ibn Mustafa yang juga merupakan seorang syeikh yang salih serta tekun beribadah. Beliau datang daripada penduduk Arz al-Rum (Erzurum) dan merupakan salah seorang murid Tajuddin al-Rifa’ie. Aku bersahabat dengannya dan aku juga telah dipakaikan jubah khirqah orang sufi.

Kemudian aku meneruskan perjalananku dari kota Baitul Maqdis dengan tujuan untuk menziarahi Kubu ‘Asqalan. Kubu ini telah pun runtuh dan tiada apa lagi yang tinggal kecuali serpihan serta dinding yang telah lapuk. Jarang-jarang ada kota yang dapat mengumpulkan segala keindahan sebagaimana yang dapat dikumpul oleh kota ‘Asqalan – dari segi kehalusan, kedudukan yang baik, keistimewaan posisi serta suatu kombinasi antara kemudahan daratan dengan lautan.

Di ‘Asqalan ini terdapat sebuah masyhad yang masyhur dan di sinilah kepala al-Husain ibn ‘Ali r.a. diletakkan sebelum dipindahkan ke Kaherah. Masyhad ini ialah sebuah masjid yang besar dan tinggi. Di dalamnya terdapat sebuah telaga untuk mendapatkan air. Telaga ini telah di buat atas arahan seseorang yang tekun beribadah dan arahan ini ditulis di pintu masjid tersebut.

Di selatan masyhad ini terdapat sebuah masjid yang besar yang bernama Masjid ‘Umar. Tiada apa lagi yang tinggal melainkan dinding-dindingnya. Di dalam masjid ini, terdapat tiang-tiang yang diperbuat daripada batu marmar yang cantik dan tiada tolok bandingnya.

Tiang-tiang ini berada dalam keadaan antara tegak dengan hendak runtuh. Antara semua tiang ini, ada sebuah tiang berwarna merah yang sungguh menakjubkan. Orang ramai mengatakan bahawa orang Kristian membawa tiang tersebut ke negeri mereka lalu kemudian mendapatinya telah hilang. Kemudian tiang ini telah didapati berada kembali di tempat asalnya di ‘Asqalan. Di bahagian selatan masjid ini pula terdapat sebuah telaga yang bernama Telaga Nabi Ibrahim a.s. Seseorang boleh sampai ke telaga ini dengan menuruni sebuah tangga yang luas, yang boleh membawa ke beberapa buah bilik. Di setiap penjuru bilik-bilik ini terdapat sebuah mata air yang keluar dari timbunan batu-batu. Airnya manis tetapi tidak banyak. Orang ramai sering menyebut kelebihan-kelebihan telaga ini.

Di pinggir kota ‘Asqalan terletak Wadi al-Naml (Lembah Semut) yang dikatakan disebut dalam al-Quran al-Karim. Di kawasan makam ‘Asqalan, terdapat banyak makam syuhada’ dan auliya’. Semua makam ini ditunjukkan kepada kami oleh penjaga masyhad tersebut (Masyhad Sayyidina Husain). Penjaga ini menerima gaji yang diberikan oleh raja Mesir di samping turut menerima sedekah daripada penziarah.

Seterusnya aku meninggalkan Baitul Maqdis dan bertolak ke kota Ramlah iaitu Palestin. Kota ini besar dan dipenuhi oleh pelbagai kebaikan. Pasar-pasarnya cantik. Di sini terdapat Masjid Putih. Menurut cerita, di bahagian kiblatnya, terdapat seramai 300 orang Nabi disemadikan di situ. Di kota ini juga, tinggal seorang faqih yang agung, Majduddin al-Nabulusi.

Dari kota Ramlah, aku pergi ke kota Nabulus. Nabulus juga merupakan sebuah kota besa yang mempunyai banyak tumbuh-tumbuhan, sungai yang mengalir dan juga merupakan salah sebuah tempat di Syam yang palng banyak menghasilkan buah zaitun. Minyak zaitun dieksport dari sini ke Mesir dan Damsyik.

Di Nabulus juga dibuat manisan kharub (sejenis tumbuhan di Tanah Arab). Manisan kharub ini dibawa ke Damsyik dan tempat-tempat yang lain. Cara membuatnya adalah seperti yang berikut. Pada mulanya kharub dimasak, kemudian diperah dan diambil jusnya. Daripada jus inilah manisan kharub dibuat. Jus tersebut turut dibawa ke Mesirdan Syam. Ada sejenis buah tembikai tumbuh di sini. Rasanya manis dan lazat. Seni bina masjid jamik di sini adalah sangat halus dan indah. Ditengah-tengahnya terdapat sebuah kolam yang manis rasa airnya.

Dari sini aku meneruskan perjalanan ke kota 'Ajlun. Ia merupakan sebuah kota yang cantik dan mempunyai pasar yang banyak serta sebuah kota perkubuan yang hebat. Terdapat sebatang sungai yang merentangi kota ini dan rasa airnya manis.

Dari 'Ajlun, aku bermusafir menuju ke Laziqiyyah dan aku melalui ghaur iaitu sebuah lembah antara deretan tanah tinggi. Di lembah ini, terdapat makam Abu 'Ubaidah ibn al-Jarrah r.a., penaung kawasan ini. Kami menziarahi makam beliau yang disebelahnya terdapat sebuah zawiyah. Di zawiyah ini pula, makanan disediakan untuk musafir. Kami bermalam semalam di sini.

Kemudian kami tiba di Qusair dan di sinilah letaknya makam Mu'az ibn Jabal r.a. Aku lantas mengambil berkat dengan menziarahi makamnya. Seterusnya aku berjalan menyusur pantai hingga sampai di kota 'Akkah yang telah mengalami keruntuhan. Pada zaman dahulu, ia merupakan ibu negeri orang Perancis di Syam dan tempat berlabuhnya kapal-kapal mereka. Ia menyerupai kota besar Konstantinopal. Di sebelah timur 'Akkah, terdapat sebuah mata air yang bernama 'Ain al-Baqar (Mata Air Lembu Jantan). Dikatakan bahawa Allah SWT telah mengeluarkan seekor lembu jantan bagi Nabi Adam a.s. dari situ. Seseorang boleh turun ke mata air ini dengan menggunakan tangga. Sebelumnya di kawasan mata air ini, pernah terdapat sebuah masjid tetapi kini hanya mihrabnya sahaja yang tinggal. Di kota inilah terdapatnya makam Nabi Salih a.s.

Dari 'Akkah aku pergi ke Sur (Tyre). Kota Sur juga sedang mengalami keruntuhan. Akan tetapi di luarnya terdapat sebuah kampung yang mempunyai penduduk yang banyak. Majoritinya ialah puak Rafidah. (golongan Rafidah merujuk puak pelampau Syi'ah yang menolak perlantikan tiga orang khalifah selain 'Ali r.a.). Aku pernah tinggal di kota ini beberapa kali iaitu di tempat yang mempunyai sedikit air untuk berwuduk. Tiba-tiba, seorang penduduk kampung tersebut datang untuk berwuduk. Lelaki itu memulakan wuduknya dengan membasuh kedua-kedua belah kakinya. Kemudian ia membasuh mukanya tanpa berkumur dan beristinsyaq (memasukkan air ke dalam hidung). Akhirnya ia menyempurnakan wuduknya dengan menyapu air ke kepala. Aku lantas menegur perbuatannya itu. Ia menjawab, "Dalam membina sebuah bangunan, bahagian yang perlu dimulakan dahulu ialah bahagian tapaknya. WA.

Kota Sur inilah yang dijadikan contoh pertahanan dan benteng yang sukar diroboh kerana kedudukannya yang dikelilingi oleh lautan dari tiga penjuru. Ia juga mempunya dua buah pintu; satu dari daratan dan satu lagi dari lautan. Pintu yang membuka ke laluan darat mempunyai empat lorong yang semuanya bertutup dan ada tembok yang melindunginya, manakala pintu yang membuka laluan laut terletak di antara dua buah menara yang besar.

Tiada yang lebih menakjubkan dan lebih aneh pada pembinaan kota Sur ini selain ciri-ciri yang dimilikinya. Ini kerana, ia dikelilingi oleh lautan dari tiga penjuru dan di atas penjuru yang keempat, terdapat sebuah tembok untuk kapal-kapal masuk di bawahnya dan melabuhkan sauh di situ. Pada masa dahulu terdapat rantai besi yang terentang di antara dua buah menara. Oleh sebab itulah tiada jalan untuk masuk ke sana atau keluar kecuali setelah rantai itu direndahkan. Rantai ini dikawal oleh penjaga-penjaga dan pemeriksa. Oleh itu sesiapa sahaja yang masuk atau keluar diketahui oleh penduduk. Kota 'Akkah (Acre) juga mempunyai pelabuhan seumpama ini tetapi ia hanya mampu menampung kapal-kapal yang kecil sahaja.

Aku meneruskan perjalananku dari kota Sur ke kota Saida yang terletak di tepi pantai. Saida merupakan sebuah tempat yang damai dan terdapat banyak buah-buahan. Buah tin, anggur dan minyak zaitun di bawa dari sini ke Mesir. Aku menumpang di rumah kadinya, Kamaluddin al-Asymuni al-Misri, seorang yang berbudi pekerti mulia dan berjiwa besar. Dari Saida aku pergi ke kota Tabariah. Pada masa dahulu, Tabariah ialah sebuah kota yang besar dan penting tetapi kini, tiada apa lagi yang tinggal selain kesan-kesan yang menunjukkan kegemilangan serta keagungannya. Di sini, terdapat rumah-rumah mandi

yang menakjubkan. Ia mempunyai dua buah bilik; sebuah untuk lelaki dan sebuah lagi untuk wanita. Airnya pula sangat panas. Di sini juga terdapat sebuah tasik yang masyhur. Panjangnya ialah enam farsakh dan lebarnya pula melebihi tiga farsakh. Di Tabariah, ada sebuah masjid yang bernama Masjid Nabi-Nabi. Di dalamnya terdapat makam Nabi Syuaib a.s. dan puterinya, isteri Nabi Musa Kalimullah a.s., makam Nabi Sulaiman a.s. dan kubur Yahuza serta Rubil (Rueben). Salawat dan salam ke atas Nabi kita dan ke atas mereka. Dari Tabariah, aku menziarahi pula telaga yang dicampakkan Nabi Yusuf a.s. ke dalamnya. Telaga ini berada di halaman sebuah masjid yang kecil dan di sekitarnya terdapat sebuah zawiyah. Telaga ini besar dan dalam. Kami meminum airnya yang terkumpul dari air hujan dan penjaga telaga telah memberitahu kami bahawa ada juga air yang keluar dari telaga ini dengan sendirinya.

Kemudian kami meneruskan perjalanan ke kota Beirut. Beirut ialah sebuah kota kecil yang pasar-pasarnya sangat cantik dan masjid jamiknya juga sangat indah. Buah-buahan dan besi dibawa dari kota ini ke negeri Mesir. Dari Beirut kami membentuk satu rombongan untuk menziarahi makam Abu Ya'qub Yusuf yang dikatakan seorang raja negeri Maghribi (Beliau ialah khalifah Kerajaan Muwahhidun yang ketiga. Abu Ya'qub berjaya menewaskan Alfonso ke-VIII dalam Perang Ark iaitu pada tahun 591H/1195M dan beliau meninggal empat tahun selepas kemenangan tersebut). Makam ini terletak di sebuah tempat yang bernama Karak Nuh di Biqa' al-'Aziz.

Di kawasan makamnya terdapat sebuah zawiyah dan pengunjung yang datang dan pergi dari zawiyah ini dijamu makanan. Di ceritakan bahawa Sultan Salahuddin mewakafkan beberapa harta wakaf kepada zawiyah ini. Namun menurut setengah-setengah orang, Sultan Nuruddin yang berbuat demikian. Semua mereka ini merupakan orang yang salih. Abu Ya'qub bekerja menenun hamparan dan menyara hidup dengan hasil jualannya itu.

Kisah Abu Ya'qub Yusuf

Diceritakan bahawa selepas pergi ke kota Damsyik, Abu Ya'qub sakit tenat lalu beliau terbaring di kaki lima pasar. Selepas sembuh daripada penyakit yang dihidapnya, Abu Ya'qub pergi ke pinggir kota Damsyik untuk mencari kebun yang beliau boleh bekerja sebagai penjaga. Akhirnya, Abu Ya'qub diupah bekerja sebagai penjaga kebun milik Sultan Nuruddin. Di situ, beliau bekerja sebagai penjaga kebun selama enam bulan. Apabila buah-buahan telah ranum, sultan pun datang ke kebun. Pengurus kebun lantas menyuruh Abu Ya'qub supaya memetik buah delima untuk dimakan oleh baginda. Abu Ya'qub pun membawa sebiji buah delima kepada pengurus kebun. Walau bagaimanapun, apabila didapati rasanya pahit, dia menyuruh Abu Ya'qub supaya membawa buah delima yang lain. Abu Ya'qub lantas membawanya tetapi pengurus kebun mendapati rasanya tetap pahit. Pengurus kebun pun bertanya, "Adakah setelah menjadi penjaga kebun ini selama enam bulan, kamu masih tidak dapat membezakan yang mana manis dan yang mana pahit?". Jawab Abu Ya'qub, "Tuan, hamba hanya diambil bekerja untuk menjaga sahaja dan bukan untuk memakan hasilnya." Pengurus kebun akhirnya menemui sultan dan memaklumkan perkara tersebut kepada baginda. Sultan Nuruddin menjemput Abu

Ya'qub menemui baginda kerana baginda telah melihat dalam mimpi bahawa baginda berada bersama-sama Abu Ya'qub dan mendapat manfaat daripadanya. Baginda memperoleh firasat bahawa lelaki itulah Abu Ya'qub lantas baginda bertanya, "Kamukah ABu Ya'qub?". Jawab Abu Ya'qub, "Ya!". Baginda pun berdiri mendapatkan Abi Ya'qub, memeluk dan mendudukkannya di sisi baginda. Kemudian Sultan Nuruddin membawa Abu Ya'qub ke majlis baginda. Sultan Nuruddin telah meraikan Abu Ya'qub sebagai tetamunya dan menghidangkan rezeki halal yang baginda usahakan sendiri. Abu Ya'qub tinggal bersama-sama dengan baginda beberapa hari tetapi beliau telah melarikan diri dari Damsyik pada musim yang sangat sejuk dan pergi ke sebuah kampung di sebuah daerah. Di kampung ini, ada seorang lelaki yang miskin. Lelaki ini menjemput Abu Ya'qub tinggal bersama-sama dengannya. Setelah beliau bersetuju, lelaki itu memasak sup, menyembelih seekor ayam dan menghidangkannya bersama-sama dengan roti gandum untuk beliau. Abu Ya'qub pun memakannya dan mendoakan agar Allah merahmati lelaki tersebut.

Lelaki tersebut mempunyai beberapa orang anak. Salah seorang daripadanya ialah anak perempuan yang telah tiba masanya untuk diserahkan kepada suami. Antara kebiasaan amalan penduduk di situ ialah anak perempuan akan menerima alat-alat kelengkapan dari bapanya dan sebahagian besar daripadanya merupakan barang-barang tembaga. Mereka berbangga dan bermegah-megah dengan barang-barang tembaga serta menjadikannya sebagai syarat perkahwinan. Abu Ya'qub bertanya kepada lelaki tersebut, "Adakah kamu memiliki tembaga?" Jawab lelaki itu, "Ya! Aku telah membelinya untuk kelengkapan akan perempuanku." Kata Abu Ya'qub, "Bawakan tembaga itu kepadaku." Lelaki itu pun membawanya. Kemudian Abu Ya'qub berkata lagi, "Pinjamlah daripada jiranmu tembaga sebanyak yang boleh." Lelaki itu melakukan apa yang disuruh dan meletakkan semua tembaga di hadapan Abu Ya'qub. Abu Ya'qub menyalakan api di atas tembaga dan beliau mengeluarkan sebuah bekas yang mengandungi eliksir. Apabila eliksir itu dilontarkan kedalam tembaga, semua tembaga tadi bertukar menjadi emas. Selepas meletakkan emas ini didalam bilik yang berkunci, beliau menulis surat kepada Nuruddin, raja Damsyik untuk memberitahunya tentang emas tersebut. Beliau berpesan kepada baginda supaya membina sebuah maristan bagi orang asing yang jatuh sakit dan memberikan harta wakaf kepada maristan tersebut. Beliau juga meminta baginda membina zawiyah di jalan, menggembirakan pemilik-pemilik tembaga dan memberikan perbelanjaan yang diperlukan oleh tuan rumah. Di akhir suratnya beliau menulis, "Sekiranya Ibrahim bin Adham telah melarikan diri dari Kerajaan Khurasan, sesungguhnya aku telah keluar dari Kerajaan Maghribi dan daripada pertukangan emas ini. Wassalam."

Kemudian ABu Ya'qub melarikan diri dengan segera. Lelaki tuan rumah yang ditumpanginya itu pun membawa surat tersebut kepada Sultan Nuruddin lalu baginda pergi ke kampung tersebut. Setelah diberikan bahagian yang memuaskan kepada pemilik tembaga dan tuan rumah tersebut, baginda pun mengambil emas itu. Setelah itu baginda berusaha mencari Abu Ya'qub tetapi tiada sebarang kesan atau berita yang diperoleh. Akhirnya Sultan Nuruddin pulang ke Damsyik. Baginda membina sebuah maristan yang dinamai dengan nama baginda. Maristan ini ialah maristan terbaik yang didirikan di kawasan yang banyak penduduknya.

Seterusnya aku sampai pula di kota Tarabulus (Tripoli).

Seterusnya aku sampai pula di kota Tarabulus (Tripoli). Tarabulus ialah salah sebuah ibu negeri Syam dan kotanya ialah kota yang terpenting. Kota ini direntangi oleh sungai-sungai dan diliputi oleh kebun-kebun serta tumbuhan-tumbuhan. Ia juga diapit oleh lautan yang kaya dengan pelbagai sumber dan daratan yang penuh dengan segala kebaikan yang menjamin kehidupan. Kota ini juga mempunyai pasar-pasar yang cantik dan tanah-tanih yang subur. Laut berada dalam jarak dua batu dari kota ini dan sebenarnya kota ini masih baru dibina. Kota Tarabulus yang lama terletak di pinggir laut dan pernah suatu ketika dahulu dikuasai oleh orang Rom. Apabila al-Malik al-Zahir (Baibars) menawannya kembali, ia telah pun mengalami keruntuhan dan kota Tarabulus yang baharu dibina ditempatnya sekarang. Di kota ini, ada 40 orang amir Turki dan gabenornya ialah Tailan al-Hajib yang digelar sebagai Malik al-Umara' (Ketua Semua Amir). Tempat tinggal beliau di kota ini adalah di sebuah rumah yang bernama Dar al-Sa'adah (Rumah Kebahagiaan) oleh penduduk. Sudah menjadi kebiasaan beliau untuk menunggang kuda pada setiap hari Isnin dan Khamis. Amir-amir dan tentera juga turut menunggang kuda bersama-sama dengannya. Beliau akan keluar hingga ke pinggir kota. Apabila gabenor ini pulang ke kota dan menghampiri rumahnya, semua amir akan turun dari kuda tunggangan mereka. Amir-amir ini berjalan mengiringi beliau sampailah ke dalam rumah lalu bersurai selepas itu. Gendang tablakhanah iaitu sejenis alat bunyi-bunyian akan dipalu di rumah setiap amir selepas Solat Maghrib setiap hari dan obor akan dinyalakan.

Antara mereka yang terkemuka di kota ini ialah Baha'uddin ibn Ghanim iaitu seorang setiausaha yang juga merupakan salah seorang yang mulia lagi dihormati dan terkenal dengan sifat pemurah serta dermawan, saudara kandungnya, Husamuddin iaitu syeikh kota Quds yang mulia dan telah kami bincangkan sebelum ini, saudara kandung mereka yang ketiga iaitu Ala'uddin, juga seorang setiausaha di Damsyik; penyelia Baitul Mal, Quwamuddin ibn Makin, seorang yang amat terkemuka selain kadi besarnya, Syamsuddin ibn al-Naqib, seorang 'ulama' yang sangat terkenal di Syam.

Di kota ini, terdapat rumah-rumah mandi yang cantik. Ini termasuklah rumah mandi Kadi al-Qirimi dan rumah mandi Sandamur. Sandamur merupakan bekas amir kota ini. Cerita-cerita tentang ketegasan beliau terhadap penjenayah banyak diperkatakan. Antaranya, seorang wanita mengadu kepada beliau bahawa salah seorang mamluknya yang utama telah merampas susu yang dijual daripadanya dan meminumnya. Wanita itu tidak mempunyai bukti tetapi Sandamur memerintahkan agar tubuh mamluk itu dibelah dua. Maka keluarlah susu dari perutnya. Hikayat yang sama juga turut diceritakan tentang al-'Atris, seorang amir al-Malik al-Nasir semasa beliau menjadi gabenor 'Aizab dan cerita yang seumpamanya turut dikaitkan dengan Raja Kabek (Kabak), sultan Turkestan.

Aku meneruskan perjalanan dari kota Tarabulus ke Hisn al-Akrad, sebuah kota di atas bukit yang mempunyai banyak tumbuh-tumbuhan dan sungai. Di sini terdapat sebuah zawiyah yang bernama Zawiyah al-Ibrahimi, nama yang diberikan berdasarkan nama pengasasnya iaitu seorang amir berpangkat tinggi. Aku tinggal di rumah kadi tempat ini

tetapi kini, namanya tidak kuingat lagi.

Kemudian aku pergi pula ke Hims. Hims merupakan sebuah kota yang menarik dan persekitarannya cantik. Pokok-pokoknya pula berdaun lebat, sungainya banyak, pasar-pasarnya mempunyai jalan-jalan yang luas dan masjid jamiknya sungguh indah. Di tengah-tengah masjid tersebut, terdapat sebuah telaga. Penduduk Hims ialah orang Arab yang memiliki sifat-sifat mulia dan pemurah. Di luar kota ini terletak makam Khalid ibn al-Walid (Pedang Allah dan Pedang Rasul-Nya). Di sebelahnya terdapat sebuah zawiyah dan sebuah masjid. Makam ini dibalut dengan kain berwarna hitam. Kadi kota ini ialah Jamaluddin al-Syarisyi, rupa parasnya kacak dan budi pekertinya sangat terpuji.

Dari sini aku pergi ke kota Hamah, salah sebuah kota metropolitan yang di hormati dan kota yang cantik di negeri Syam. Ia memiliki keindahan dan kecantikan yang begitu hebat dan dipenuhi kebun serta taman yang diairi oleh kincir air, persis cakerawala yang berputar. Kota ini direntangi oleh sebatang sungai bernama ‘Asi (penentang). Pinggir kota pula dinamai sebagai Mansuriyyah dan ia lebih besar daripada kota Hamah sendiri. Di sini terdapat pasar-pasar yang sentiasa sibuk dan rumah-rumah mandi yang cantik. Hamah juga menghasilkan banyak buah-buahan seperti badam apricot berkacang. Apabila kamu membelah bijinya, kamu akan mendapati badam yang manis di dalamnya.

(Ibn Juzayy telah membuat catatan tentang sungai, kincir-kincir air dan kebun-kebun kota Hamah ini. Seorang sasterawan dan juga seorang pengembara Nuruddin Abu al-Hasan ‘Ali ibn Musa ibn Sa’id al-‘Ansi al-‘Ammari al-Gharnati, salah seorang daripada keturunan ‘Ammar ibn Yassir r.a telah bermadah:

Ya Allah! Abadikanlah pemandangan indah yang terbentang
di kedua-dua belah tebing Sungai Hamah
Pemandangan yang menakjubkan dan mengkhayalkan
telinga, fikiran dan mataku
Burung-burung merpati berkicauan dan dahan-dahan pokok
nan rending meliuk-liuk
Bangunan-bangunan yang tersergam gagah mengunci lidah pencerita
daripada mengungkap kata-kata
Mereka mengecamku kerana aku mencabuli ketaqwaan dengan maksiat dan
mujahadah diri di kota ini
Dan kerana ketaatan yang kuberikan terhadap piala
arak, permainan dan bersuka ria
Mengapakah tidak boleh, sedangkan ada sebatang sungai yang
‘asi mengalir di kota ini?
Lalu kucontoh kemaksiatannya itu dan kuminum arak
yang memabukkan itu
Dan di sisi kincir–kincir air itu, aku bernyanyi persis
nyanyian putarannya
Bahkan dengan suara yang lebih nyaring daripadanya dan
dengan tarian kakiku yang lebih pantas dari putarannya

Putaran yang sentiasa meratap dan melelehkan air mata
yang bercucuran
Persis seorang yang terlalu mendambakan kekasih dan haus akan
belaian kasih serta sayangnya.

Seorang penyair yang lain turut menguntum syair tentang kincir-kincir air di Hamah dengan kiasan yang penuh simbolik:

Kadang-kadang . . .sebuah kincir air menjadi bekas terhadapku
dek besarnya dosa yang kulakukan
Dari jauh ia melihat dan menyaksikan niatku
Menangislah ia kerana kasihan terhadapku dan merataplah
ia dengan penuh kesedihan
Ketahuilah, kayu pun turut menangis terhadap orang yang
melakukan kemungkaran.

Salah seorang penyair terkemudian turut bersyair tentang Hamah dengan menggunakan kiasan simbolik yang sama:

Wahai penduduk Hamah, aku bersumpah kepada kamu
Tidak akan kuberubah daripada ketaqwaan dan keikhlasan
Setiapkali terbayang pertemuan di mataku
lalu setelah berpisah denganmu
Mengalirlah air mata ketaatan persis mengalirnya Sunga 'Asi.")

Kemudian aku meneruskan perjalanan ke Ma'arrah, kota yang menjadi sandaran bagi gelaran bagi Abu al-'Ala' al-Ma'arri dan penyair-penyair lain (al-Ma'arri)

(Ibn Juzayy mencatat: "Asal usul kota ini dinamai sebagai Ma'arrah al-Nu'man adalah kerana al-Nu'man ibn Basyir al-Ansari, anak seorang sahabat Rasulullah SAW telah meninggal dunia sewaktu beliau memegang jawatan sebagai amir di Hims. Sahabat tersebut lalu mengebumikannya di Ma'arrah. Ekoran daripada peristiwa ini, kota ini dikenali oleh orang ramai dengan nama beliau. Kota ini sebelumnya dinamai sebagai Zat al-Qusur (Kota Istana). Nu'man juga dikatakan merupakan sebuah bukit yang menghadap Ma'arrah, lantas kota ini dinamai oleh orangramai dengan nama bukit tersebut.")

Ma'arrah ialah sebuah kota yang besar dan cantik. Kebanyakan tanamannya ialah pokok tin dan pistasio. Buah-buahan ini dibawa dari Ma'arrah ke Mesir dan Syam. (*Mesir dan Syam dalam konteks ini boleh difahami sebagai Kaherah dan Damsyik). Di luar kota ini iaitu dalam jarak satu farsakh dari Ma'arrah, terdapat makam Amir al-Mu'minin 'Umar ibn 'Abdil 'Aziz. Walau bagaimanapun tiada zawiyah di sekitarnya dan tiada penjaga makamnya. Ini kerana, makam 'Umar terletak di daerah yang didiami oleh segolongan puak Rafidah yang hina kerana mereka mengutuk sepuluh orang sahabat Rasulullah

SAW. Semoga Allah meredhai sahabat-sahabat ini dan melaknat orang yang mencaci mereka. Kaum Rafidah juga turut mengutuk setiap orang yang bernama ‘Umar, khususnya ‘Umar ibn ‘Abdul ‘Aziz r.a. kerana tindakannya mengagungkan ‘Ali r.a.

Kami meneruskan perjalanan dari Ma’arrah ke kota Sarmin. Ia merupakan sebuah kota yang cantik dan dipenuhi oleh kebun. Buah yang paling banyak didapati di sini ialah buah zaitun. Sejenis sabun keping diperbuat daripada buah zaitun ini dan ia dibawa ke Kaherah serta Damsyik. Daripada buah zaitun ini juga diperbuat sabun wangi yang digunakan untuk membasuh tangan. Sabun ini dicelup dengan warna merah dan kuning. Di sini juga diperbuat pakaian yang cantik daripada kain kapas yang dikenali dengan nama sarmin. Penduduk Sarmin sering mencaci dan mencela nombor sepuluh. Apa yang juga menghairankan, mereka tidak menyebut perkataan sepuluh. Ketika peniaga-peniaga menjual barang mereka secara lelong di pasar dan sampai ke nombor sepuluh, mereka akan menjerit, “Sembilan campur satu!”. Pada suatu hari, seorang berbangsa Turki datang ke pasar dan ia terdengar seorang peraih menjerit, “Sembilan campur satu!”. Ia lantas memukul kepala peraih itu dengan kayu belantan sambil berkata, “Katakan sepuluh, demi kayu belantan ini!”. Di sini juga terdapat sebuah masjid jamik yang mempunyai sembilan buah kubah. Penduduk tidak menjadikannya sepuluh kerana berpegang pada mazhab mereka yang keji itu.

Kami meneruskan lagi perjalanan ke kota Halab (Aleppo) yang merupakan sebuah kota besar dan sangat penting.

Kami meneruskan lagi perjalanan ke kota Halab (Aleppo) yang merupakan sebuah kota besar dan sangat penting. Abu al-Husain ibn Jubair menggambarkan kota Halab dengan kata-katanya:

“Fungsinya sungguh penting dan kisahnya mentiti di bibir setiap zaman. Banyak sultan yang bercita-cita untuk menawannya. Kedudukannya sungguh istimewa dalam jiwa manusia. Sungguh berulang kali kota Halab ini menjadi kacau bilau disebabkan pertempuran dan sudah acapkali pedang tajam yang berkilauan dihunus terhadapnya. Halab memiliki sebuah kota perkubuan yangsungguh masyhur kerana pertahanannya yang kukuh dan ketinggiannya yang menjulang. Kota perkubuan ini selamat daripada dikalahkan atau ditakluki. Ia diperbuat daripada batu yang dipahat serta dibina berdasarkan ukuran yang tepat dan sama rata. Hari serta tahun terus berlalu dan manusia; golongan istimewa dan orang biasa, semakin bertambah. Ke manakah perginya amir-amir kaum Hamadan dan penyairnya? Mereka semua telah binasa dan tiada yang kekal melainkan bangunannya sahaja. Aduhai alangkah ajaibnya dirasakan apabila hanya negeri sahaja yang kekal sedangkan tuan-tuannya telah pun pergi dan hancur binasa, sedangkan negeri itu tidak pula ditakdirkan kebinasaannya. Orang yang lain pula ingin mendapatkan Halab selepas kehancuran mereka. Golongan ini tidak menghadapi kesukaran untuk memilikinya. Akhirnya kota Halab yang menjadi idaman, diperoleh dengan usaha yang paling mudah sahaja.

Kota Halab ini sudah sering menjadikan raja-rajanya perkhabaran dan cerita lama. Sudah sering juga ia mengganti putaran masa dengan tempat. Namanya telah di”wanita”kan,

lalu ia berhias diri dengan perhiasan wanita dan menyatakan keuzuran terhadap mereka yang datang menghampirinya. Ia telah keluar sebagai pengantin selepas perginya Saif al-Daulah ibn Hamadan (‘Ali ibn ‘Abdillah ibn Hamadan). Jauhilah! Bahawa golongan mudanya akan menjadi tua dan binasalah mereka yang mahu melamarnya dan ia cepat binasa selepas berlalunya suatu masa.”

Kota Perkubuan Halab ini bernama Syahba’. Di kota perkubuan ini, terdapat dua buah bukit yang terpancar mata air dari kedua-duanya, maka tidak perlulah sesiapa pun bimbang akan kehausan. Kota perkubuan ini dikelilingi oleh dua buah tembok.. Di antara dua buah tembok ini, terdapat sebuah parit yang besar dan air mengalir keluar darinya. Tembok ini terletak berhampiran dengan menara. Di menara ini, terdapat bilik-bilik yang mengagumkan. Ia dilengkapi oleh tingkap lengkung dan setiap menara telah pun diduduki orang. Di kota perkubuan ini, makanan tidak berubah rasanya walaupun disimpan lama dan disini juga terdapat sebuah masyhad yang diziarahi oleh sebahagian orang. Dikatakan bahawa Ibrahim al-Khalil a.s. pernah beribadah di sini.

Kota perkubuan ini menyerupai kota perkubuan Rahbah Malik ibn Tauq yang terletak di Furat (Euphrates) iaitu diantara negeri Syam dengan Iraq. Semasa Qazan Taghiah, seorang berbangsa Tatar datang ke kota Halab, dia telah mengepung kota perkubuan ini selama beberapa hari, namun akhirnya dia keluar dari Halab dengan harapan yang hancur berkecai.

(Ibn Juzayy mencatat: “Al-Khalidi, penyair Saif al-Daulah telah mengungkap syairnya berkenaan dengan kota perkubuan ini:

Lihatlah kota perkubuan yang tegap berdiri lagi gagah
Menghadapi musuh yang ingin mendakinya
Menaranya menjulang tinggi dan bangunannya begitu curam
Di atasnya berarak gerombolan awan yang datang menyelubunginya
Dan dipakaikan seutas rantai daripada bintang-bintang nan berkelipan padanya
Apabila kilat memancar, menjelmalah ia dengan
indahnya dari celah-celah sinaran
Seperti munculnya seorang puteri nan cantik dari celah-celah awan
Alangkah banyaknya tentera yang dimusnahkannya dengan kekalahan
Dan mereka yang angkuh dengan kekuatan ditewaskan lari bertempiaran

Penyair yang sama, sekali lagi menggambarkan kota perkubuan ini dengan ungkapan syairnya yang indah:

Sesekali wujud kota perkubuan yang tapaknya
Memeluk pancaran air
Puncaknya pula tinggi menjulang melampaui ketinggian
bintang di angkasa
Ia tidak mengetahui apa itu awan kerana baginya awan

itu ialah buminya
Tempat manusia dan haiwan berulang-alik di padang yang luas
Tatkala awan berarak pergi, penduduknya turun ke telaganya sebelum awan itu luput di puncak-puncaknya
Menaranya termasuk dalam jumlah bintang cakerawala
Seandainya bintang itu beredar di paksi peredarannya
Telah dipatahkannya tipu helah manusia dengan tipu helahnya
Dan dibalasnya malapetaka yang mereka cuba timpakan keatasnya dengan malapetaka yang ditimpakannya.

Jamaluddin ‘Ali al-Mansur pula bermadah tentang kota perkubuan ini:

Hampir-hampir ketinggian dan puncaknya menghentikan
cakerawala yang berputar dan beredar
Landasan orbit menyediakan air untuk penduduknya
Manakala bintang-bintang yang berbunga ialah
Tanah ladang ternakan kudanya
Sehingga putaran masa pun berasa takut terhadapnya dan
Gementar untuk tinggal semalam didalam kawasannya.”)

Kota Halab ini ada kalanya dipanggil sebagai Halab Ibrahim (susu Nabi Ibrahim) kerana Nabi Ibrahim Khalilullah, salawat serta salam Allah ke atas Nabi kita, Muhammad dan juga ke atas Ibrahim, pernah tinggal di kota Halab. Baginda memiliki banyak kambing dan sering memberikan susunya kepada orang fakir, miskin selain pengunjung yang datang lalu pergi untuk diminum. Oleh itu orang ramai sering berkumpul dan bertanya, “Susu Ibrahim?”. Dengan yang demikian, kota ini memperoleh nama Halab. Ia merupakan salah sebuah kota yang agung yang tiada bandingannya dari segi keindahan struktur, kesempurnaan susunan dan keluasan pasarnya. Pasar-pasar di kota ini beratapkan kayu. Penduduk Halab sentiasa berada dalam lindungan.

Keindahan dan keluasan qaisariyyahnya (tempat untuk orang awam yang dijadikan pasar) tidak boleh ditandingi dan ia meliputi kawasan Masjid Halab. Setiap rangkaian kedainya selari dengan salah sebuah pintu masjid. Masjid jamiknya adalah antara masjid yang tercantik. Ditengah-tengahnya terdapat sebuah kolam yang dikelilingi oleh lorong kaki lima yang sangat luas. Mimbarnya merupakan hasil kerja yang unik dan dihias dengan gading gajah serta kayu eboni (kayu hitam). Berhampiran dengan masjid jamiknya terdapat sebuah madrasah yang sama kedudukan dan kehalusan binaannya dengan masjid. Madrasah ini dikaitkan dengan amir-amir Bani Hamadan. Selain itu, kota Halab juga memiliki tiga buah madrasah dan dua buah maristan.

Kawasan pedalaman kota Halab mempunyai aroma yang segar dan tanah pamah yang luas. Disini terdapat lading-ladang yang luas dan pokok-pokok anggur ditanam mengikut baris yang tersusun. Kebun-kebun Hamah dan sungainya bernama ‘Asi (Penentang).

Dikatakan, “Sungai itu dinamai demikian oleh penduduk kerana orang yang memandangnya melihat bahawa sungai ini mengalir dari bawah (hilir) ke atas (hulu).” Di kawasan pendalaman kota Halab ini, jiwa dapat merasai kelapangan, kegembiraan dan kecergasan yang tidak wujud di tempat-tempat yang lain. Halab merupakan salah sebuah kota yang sesuai untuk dijadikan ibu negeri pemerintahan.

(Ibn Juzayy mencatat: “ Penyair-penyair telah mengungkap segala keindahan kota Halab sama ada di kota ataupun di pinggir kota dengan panjang lebar. Abu ‘Ubadah al-Buhturi (820-897M) salah seorang penyair Syam yang paling terkenal, sebagai contoh telah menggambarkannya seperti yang berikut:

Aduhai kilat! Pergilah jauh-jauh dari Sungai Quwaiq dan
Lembah Halab, pergilah kamu ke puncak istana di Bityas
Hindarkan dirimu dari taman bunga mawar yang kuning warnanya
dan dari setiap sudut serta kawasan yang hampir
dengan tanah ini
Itulah Halab – bumi yang menjadikan kamu rindu apabila
Mengingatinya, ia datang memelukku dan ramah memberikan
belaian mesranya.

Seorang penyair yang unggul, Abu Bakr al-Sanubari (meninggal dunia 945M) berasal dari Antakiah (kini Antakya terletak di Turki) dan terkenal dengan syair-syairnya yang menggambarkan taman serta pemandangan semulajadi, melukiskan gambaran kota Halab seperti yang berikut:

Hujan dilangit telah menyirami bumi Halab yang kaya
Maka alangkah banyaknya keriangan dan kegembiraan
yang kunjung tiba
Alangkah banyaknya manusia yang hidup bahagia di Halab
kerana di Halab, kehidupan belum lagi dibahagiakan
Pabila bunga-bunga yang menguntum di Halab dan
di setiap sudutnya, dengan wajah yang manis
Laksana sekuntum bunga berkelopak perak yang
membahagiakan, di tengah-tengahnya bertatahkan bunga
daripada emas.

Abu al-‘Ala’ al-Ma’arri turut memperkatakan kota Halab:

Halab bagi mereka yang mengunjunginya ialah Syurga ‘And
Dan bagi mereka yang meninggalkannya pula, ia
ialah Neraka Sa’ir
Serendah-rendah taraf orang di Halab menjadi hebat di

mata pembesar-pembesar di luar Halab
Sungai Quwaiq dalam jiwa masyarakatnya ialah laut dan
batunya pula bak Bukit Thabir.

Abu al-Fityan ibn Jabus atau Muhammad ibn Sultan ibn Muhammad ibn Hayyus (1003-1081M) ialah seorang penyair Damsyik yang terbilang, pula bermadah tentang Halab:

Aduhai sahabatku berdua! Pabila tidak kamu dapati ubat
untuk penyakitku
Bawakan daku tiupan bayu Halab
Negeri yang menjadi rumahku sewaktu kecil
Dan udara nyamannya menjadi idaman.

Abu al-Fath Kusyajim atau Abu al-Fath ibn al-Sindi (meninggal dunia 960M) seorang pujangga pada zaman pemerintahan Bani Hamadan di Halab, pula menceritakan:

Tiada kota yang boleh menghiburkan
Sebagaimana Halab menghiburkan sahabat dan jirannya
Di sini berkumpul segala yang kamu ingini
Kunjungilah ia dan berbahagialah mereka yang mengunjunginya

Baris-baris madah berikut pula diungkap oleh Abu al-Hasan ‘Ali ibn Musa ibn Sa’d al-Gharnati al-‘Ansi:

Aduhai pemandu yang menyanyikan lagu untuk unta
Telah berapa lama kamu biarkan untamu duduk berehat
Segeralah pandu untamu itu kerana jiwaku hampir mati
setelah pemergian mereka
Halab – itulah tempat tinggal kekasihku, impianku dan
tumpuan segala kerinduanku
Tidak pernah Jausyan, Bityas dan ‘Abad ketandusan
hujan lebat yang menyiraminya
Alangkah banyaknya tempat hiburan di Halab untuk
setiap mata dan sanubari manusia
Di sinilah segala impian dihulurkan air sebagai minuman daripada
gelas yang penuh berisi
Dan kicauan burungnya yang beristirehat
Keriangan serta liuk pepohonnya yang gemalai
Berdakap-dakapan
Nun tinggi di atas puncak Syahba’ ada bintang-bintang
Yang duduk berkeliling

Persis bulatan tali pinggang.")

Malik al-Umara', Arghun al-Dawadar yang merupakan pegawai tertinggi al-Malik al-Nasir, tinggal di Halab. Beliau termasuk dalam golongan fuqaha' yang dikenali sebagai seorang yang adil tetapi bakhil.

Kadi-kadi di Halab terdiri daripada empat orang kadi bagi keempat-empat mazhab. Salah seorang daripada mereka (sewaktu aku belum menziarahi Halab) ialah Kadi Kamaluddin ibn al-Zimlikani, seorang yang bermazhab Syafi'e, berhemah dan berkedudukan tinggi, pemurah, berbudi pekerti mulia dan memiliki banyak pengetahuan. Al-Malik al-Nasir pernah menawarkan jawatan kadi di ibu kota baginda kepada beliau tetapi tawaran ini tidak terlaksana kerana al-Malik al-Nasir mangkat di Bilbais sewaktu baginda dalam perjalanan ke Kaherah. Sewaktu Kamaluddin dilantik menjadi kadi Halab, penyair-penyair Damsyik dan tempat-tempat yan lain telah datang untuk mengucapkan tahniah kepada beliau. Antara mereka yang berbuat demikian termasuklah penyair Syam, Syihabuddin Abu Bakar Muhammad iaitu anak Syeikh Syamsuddin Abu 'Abdillah Muhammad ibn Nubatah al-Qurasyi al-Umawi al-Fariqi, seorang muhaddith. Beliau telah memujinya dalam sebuah kasidah panjang yang bermula seperti berikut:

Telah merataplah Jilliq al-Faiha kerana pemergianmu (Jilliq dan Syahba' ialah panggilan bagi Damsyik dan Halab didalam syair)
Manakala Syahba' pula riang dengan kedatanganmu
Tatkala Damsyik diselubungi oleh kesedihan dengan pemergianmu
Bukit-bukau Halab pula diselubungi oleh
sinaran nan gemilang
Rumah yang kau diami telah memancarkan cahaya
hingga waktu pagi, cahayanya masih berkelip-kelip
Wahai pengembara yang dermawan
lagi mulia, dihadapanmu menjadi bakhillah
orang lain yang pemurah,
Inilah Kamaluddin, hampirlah kesisinya, akan
kau peroleh nikmat dan kebaikan kerana disanalah
letaknya kelebihan dan kenikmatan
Kadi besar yang agung pada zamannya sehingga kerananya
anak-anak yatim dan fakir menjadi kaya
Dialah kadi yang suci, generasi terdahulu dan selepasnya
tinggilah darjatnya, semua bapa dan anak berbangga dengannya
Allah telah melimpahkan kurniaNya keatas Bani Halab
Dan mencurahkan nikmatNya menurut iradatNya
Kefahaman dan kecerdasannya menyingkap segala masalah yang kabur, seakan-akan kepintarannya itu
matahari yang bersinar
Wahai hakim segala hakim, pangkatmu lebih mulia
daripada jawatan tinggi yang ditawarkan kepadamu

Pangkat dan jawatan menjadi rendah di hadapan
hemahmu yang mengatasi ketinggian bintang Jauza'
Kemuliaan ilmumu yang masyhur
laksana sinaran mentari yang memecahkan kegelapan subuh
Sifat-sifat terpujimu disaksikan oleh musuh-musuh
Dan sememangnya kemuliaan itu sesuatu yang tetap diakui
sekalipun oleh musuh.

Keseluruhan kasidah ini mengandungi lebih daripada 50 rangkap. Al-Zimlikani telah dihadiahi sehelai jubah dan beberapa dirham walaupun penyair-penyair yang lain telah mengkritik kasidahnya yang dimulakan dengan kalimah "telah meratap".

(Ibn Juzayy mencatat: Dalam kasidah ini, ungkapan Abu Bakr Muhammad tidaklah begitu mengagumkan. Sebaliknya, syair-syair pendek beliau yang lain adalah lebih menarik. Syihabuddin menjadi pemimpin utama dalam bidang syair pada zaman kita ini di seluruh negeri di timur. Beliau merupakan keturunan Khatib Abu Yahya 'Abdul Rahman ibn Nubatah, pengarang ucapan khutbah yang masyhur. Antara syairnya yang indah dan penuh simbolik ialah:

Aku sungguh mencintainya, gadis yang lemah lembut dan
rupawan
hati dan fikiran kekasihnya terasa betapa
hampir dan dekatnya ia
Namun ia kedekut, enggan permata lu'lu' bibirnya
dikucup orang.
(ada ungkapan simbolik disini, permata lu'lu' dibibirnya bermaksud gigi gadis tersebut.
Permata lu'lu' yang sebenar pula ialah rantai yang tergantung di leher.")

Antara kadi Halab ialah kadi besar daripada Mazhab Hanafi al-Imam al-Mudarris Nasiruddin ibn al-'Adim, seorang yang kacak dan berbudi pekerti mulia. Beliau merupakan penduduk asal kota Halab:

"Apabila kamu menemuinya, kamu akan melihatnya
tersenyum gembira
Seolah-olah kamu yang memberikan sesuatu yang kamu
pinta daripadanya."

Selain mereka ialah kadi besar daripada Mazhab Maliki yang namanya tidak kuingat lagi. Beliau ialah seorang yang dipercayai di Mesir. Kadi ini memegang jawatan yang disandangnya itu tanpa memiliki apa-apa kelayakan. Seterusnya ialah kadi besar daripada Mazhab Hanbali yang juga tidak lagi kuingat namanya. Beliau adalah daripada kalangan

penduduk kota Salihiyyah yang terletak berhampiran dengan Damsyik. Ketua kaum syarif di Halab ialah Badruddin ibn al-Zahra dan salah seorang fuqaha’nya ialah Syarafuddin ibn al-‘Ajami yang ahli keluarganya merupakan pembesar di kota Halab.

Aku meneruskan pengembaraanku lagi. Dari kota Halab, aku pergi ke kota Tibzin yang terletak di jalan Qinnasrin. Ia merupakan sebuah tempat yang baharu dan diduduki oleh orang Turkuman. Pasar-pasarnya cantik dan masjid-masjidnya dibina dengan penuh kesempurnaan. Kadinya ialah Badruddin al-‘Asqalani. Pada zaman dahulu, kota Qinnasrin ialah sebuah kota lama yang besar tetapi kini ia telah mengalami keruntuhan dan yang tinggal hanyalah kesan-kesannya sahaja.

Seterusnya aku mengembara ke Antakiah. (Antakiyyah). Antakiah ialah sebuah kota yang besar dan sangat penting. Pada zaman dahulu, ia dilindungi oleh sebuah kubu yang kukuh, yang tiada bandingannya jika dibandingkan dengan kubu-kubu di negeri Syam ini. Walau bagaimanapun, apabila al-Malik al-Zahir (Baybars/Baibars) menawannya, baginda telah memusnahkan kubu ini. Antakiah mempunyai banyak penduduk. Bangunan-bangunannya dibina dengan cantik dan tumbuh-tumbuhan serta airnya banyak. Sungai ‘Asi mengalir melaluinya diluar kota ini. Makam Habib An-Najjar r.a. terletak di sini. Berhampiran dengan makam ini, terdapat sebuah zawiyah. Makanan diberikan kepada setiap pengunjung yang datang dan pergi. Syeikh zawiyah ini ialah Muhammad ibn ‘Ali, seorang yang salih dan sudah lanjut usianya. Usianya melebihi seratus tahun tetapi beliau masih kuat. Pernah suatu ketika, aku menziarahi Syeikh Muhammad ini di kebun kepunyaannya sendiri. Aku mendapati Syeikh Muhammad telah mengumpul kayu api dan meletakkannya di atas bahu untuk dibawa pulang ke rumahnya di kota. Aku juga turut melihat anaknya yang telah berusia lebih lapan puluh tahun tetapi anaknya itu telah terlampau bongkok dan tidak terdaya untuk bangun lagi.

Sesiapa yang melihat mereka berdua pasti menyangka bahawa si bapa ialah anak dan si anak pula ialah bapa.

Kemudian aku meneruskan pengembaraan ke Kubu Bughras.

Kemudian aku meneruskan pengembaraan ke Kubu Bughras. Kubu ini merupakan kubu yang kuat dan tidak boleh dicerobohi oleh sesiapa. Ia dikelilingi oleh kebun-kebun dan kawasan pertanian. Kubu ini terletak di kawasan masuk ke negeri Sis yang merupakan negeri orang kafir Armenia. Mereka ialah rakyat al-Malik al-Nasir yang membayar sejumlah harta kepada baginda. Dirham penduduk Armenia diperbuat daripada perak tulen dan dinamai sebagai baghliyyah oleh penduduk. Di negeri ini, pakaian yang bernama dabiziyyah dihasilkan. Amir kubu ini ialah Sarimuddin ibn al-Syaibani. Beliau mempunyai seorang anak yang mulia bernama 'Alauddin dan seorang anak saudara bernama Husamuddin iaitu seorang yang mulia serta pemurah. Beliau tinggal di satu tempat yang bernama Rusus dan mengawal jalan menuju ke negeri Armenia.

Kisah Husamuddin dan Tuduhan Palsu terhadap Dirinya

Pernah pada suatu ketika, orang Armenia membuat aduan kepada al-Malik al-Nasir tentang Amir Husamuddin dan mereka membuat berbagai-bagai tuduhan palsu yang tidak wajar terhadapnya. Baginda lalu menitahkan ketua amir di Halab supaya menggantung Husamuddin hingga meninggal dunia. Apabila titah ini diutus, berita ini telah didengar oleh sahabat Husamuddin yang merupakan salah seorang amir yang berpangkat tinggi. Sahabat beliau ini pun pergi menemui al-Malik al-Nasir dan berkata, "Wahai tuanku, Amir Husamuddin ialah seorang amir yang budiman, berkhidmat dengan jujur untuk kebaikan orang Islam dan menjaga keselamatan jalan. Sementelahan pula, beliau merupakan seorang yang berani. Sebenarnya orang Armenia hendak membawa kehancuran kepada negeri umat Islam tetapi beliau telah menghalang dan bertindak tegas terhadap mereka. Mereka membuat tuduhan palsu ini dengan tujuan untuk melemahkan kekuatan ketenteraan orang Islam dengan merancang pembunuhan Husamuddin." Sahabat Husamuddin terus merayu kepada baginda sehinggalah sultan mengeluarkan perintah yang kedua supaya Husamuddin dibebaskan daripada hukuman dan diberikan penghormatan serta dikembalikan semula kepada jawatannya sebagai amir. Al-Malik al-Nasir memanggil seorang posmen yang bernama al-Aqusy yang hanya akan diutus untuk sesuatu perkara yang mustahak. Baginda memerintahkan supaya ia segera pergi ke Halab. Al-Aqusy menyempurnakan perjalanannya dari Mesir ke Halab dalam tempoh lima hari. Biasanya perjalanan ini akan mengambil masa selama sebulan. Ketika sampai, al-Aqusy mendapati amir Halab telah memanggil Husamuddin dan membawanya ke tempat manusia digantung. Sesunguhnya Allah SWT telah menyelamatkannya dan Husamuddin kembali memegang jawatannya semula.

Aku bertemu dengan Amir Husamuddin ini bersama-sama dengan kadi Bughras, Syarafuddin al-Hamawi, di satu tempat yang bernama 'Umaq. Ia terletak ditengah-tengah di antara Antakiah, Tibzin, dengan Bughras. Tempat ini didiami oleh orang Turkuman (sebuah kabilah bangsa Turki yang tinggal di Turkestan, Iran dan Afghanistan) yang menternak binatang ternakan mereka. Tempat ini menjadi pilihan mereka kerana kesuburan dan keluasan kawasannya.

Seterusnya aku mengembara ke Kubu Qusair. Ia merupakan sebuah kubu pertahanan yang baik. Amirnya ialah ‘Alauddin al-Kurdi dan kadinya Syihabuddin al-Armani, seorang penduduk Mesir. Kemudian aku pergi ke Kubu Syughrubukas, sebuah kubu pertahanan di atas puncak bukit. Amirnya ialah Saifuddin al-Tuntasy seorang yang terhormat. Kadinya pula ialah Jamaluddin ibn Syajarah, salah seorang sahabat Ibn Taimiyyah.

Perjalananku diteruskan lagi hingga sampai dikota Sahyun. (Sihyaun). Sahyun ialah sebuah kota yang indah, dengan sungai-sungai yang mengalir dan pokok-pokok yang berdaun lebat. Sahyun menpunyai sebuah kota perkubuan yang kukuh. Amirnya bernama al-Ibrahimi dan kadinya ialah Muhyiddin al-Himsi. Di luar kota Sahyun ini terdapat sebuah zawiyah yang terletak ditengah-tengah sebuah kebun. Makanan disediakan untuk pengunjung yang datang dan pergi di zawiyah ini. Zawiyah ini terletak berhampiran dengan makam hamba Allah yang salih ‘Isa al-Badawi r.h. Aku juga telah menziarahi makamnya itu.

Aku meneruskan perjalananku dari Sahyun. Dalam perjalanan, aku melalui Kota Perkubuan Qadmus, Mainaqah, 'Ullaiqah (bentuk mufrad mu'annath bagi 'Ullaiq), Misyaf dan Kahf. Kota-kota perkubuan ini dimiliki oleh satu golongan yang dikenali sebagai Isma'iliyyah. Mereka juga turut terkenal dengan nama Fidawiyyah. Tiada seorang pun yang boleh menemui mereka kecuali ahli kumpulan mereka sendiri. Mereka merupakan "anak panah" (assassin?) al-Malik al-Nasir. Dengan merekalah baginda memusnahkan orang yang memusuhinya, samada di Iraq atau ditempat-tempat yang lain. Golongan Isma'iliyyah ini memperoleh gaji tetap. Apabila al-Malik al-Nasir hendak mengutus salah seorang daripada mereka untuk membunuh musuhnya, baginda akan memberikan wang sebagai harga darahnya. Seandainya ia selamat selepas melaksanakan apa yang dikehendaki, wang itu menjadi miliknya. Sebaliknya jika ia ditangkap, maka wang itu menjadi milik anaknya. Golongan Isma'iliyyah ini juga mempunyai pisau-pisau beracun. Mereka menggunakannya untuk membunuh orang yang dikehendaki. Kadangkala tipu helah mereka tidak berjaya lalu mereka dibunuh seperti peristiwa yang berlaku ke atas diri mereka dan Amir Qarasunqur. Apabila Amir Qarasunqur ini melarikan diri ke Iraq, al-Malik al-Nasir telah mengutus beberapa orang daripada golongan Isma'iliyyah untuk membunuhnya tetapi mereka semua terbunuh kerana Amir Qarasunqur amat berwaspada dan berjaya menyelamatkan dirinya.

Al-Malik al-Nasir dan Pembunuh Saudara Lelakinya

Qarasunqur ialah seorang amir yang berkedudukan tinggi. Beliau turut terlibat dalam pembunuhan al-Malik al-Asyraf, saudara lelaki al-Malik al-Nasir. Apabila takhta kerajaan diwarisi oleh al-Malik al-Nasir dan apabila kedudukan dan kekuasaan baginda menjadi kuat, al-Malik al-Nasir mula menjejak pembunuh-pembunuh saudara (abang)nya. Baginda pun membunuh seorang demi seorang sebagai tindakan membalas dendam. Al-Malik al-Nasir juga bimbang jika mereka akan bertindak ke atas dirinya, sebagaimana mereka telah bertindak jahat terhadap saudara baginda. Kini, Qarasunqur merupakan ketua amir di Halab (Aleppo). Al-Malik al-Nasir lantas menulis surat kepada semua amir supaya keluar dengan tentera mereka. Baginda juga menetapkan suatu masa dan tempat supaya mereka boleh berhimpun di Halab dengan tujuan untuk menangkap Qarasunqur. Apabila Qarasunqur melihat mereka semua patuh kepada arahan itu, beliau menjadi takut. Qarasunqur memiliki 800 orang mamluk. Beliau menunggang kuda di celah-celah mereka dan keluar dari kelompok tentera pada waktu pagi. Qarasunqur berjaya menembusi mereka dan melepaskan diri dari mereka walaupun jumlah mereka semua mencapai 20,000. Beliau pergi ke rumah amir orang Arab, Muhanna ibn 'Isa, yang terletak dalam dua hari perjalanan dari Halab. Pada waktu itu pula, Muhanna pergi berburu. Qarasunqur lantas menuju ke rumah Muhanna dan turun dari keldainya. Beliau membuka serbab yang diikat pada lehernya dan menjerit, "Perlindungan! Wahai ketua orang Arab." Pada waktu itu, Ummu al-Fadl, isteri Muhanna dan sepupunya berada di situ dan dia menjawab, "Kami menjamin perlindungan untuk kamu dan orang-orang yang ada bersama-sama dengan kamu." Qarasunqur membalas, " Aku hanya mahu anak-anak dan hartaku.". Isteri Muhanna menjawab, "Bagi kamu apa yang kamu suka, maka bernaunglah dalam perlindungan kami." Qarasunqur pun akur dan apabila Muhanna pulang, beliau melayan Qarasunqur dengan amat baik selain menyerahkan penguasaan

hartanya kepada Qarasunqur. Qarasunqur pula berkata, “ Aku hanya sayang ahli keluarga dan hartaku yang kutinggalkan di Halab.” Muhanna lantas memanggil saudara-saudara kandung serta sepupunya dan berbincang dengan mereka tentang hal Qarasunqur ini.

Antara mereka ada yang bersetuju dengan kehendak Qarasunqur tetapi sebahagian daripada mereka berkata, “Bagaimanakah kita hendak memerangi al-Malik al-Nasir sedangkan kita berada di negerinya di Syam ini? “ Muhanna pun berkata kepada mereka, “ Aku akan melaksanakan apa yang dikehendakinya dan aku akan pergi bersama-sama dengannya menemui sultan Iraq.”

Sementara itu, suatu berita telah sampai kepada mereka bahawa anak-anak Qarasunqur telah pun dibawa ke Mesir dengan perkhidmatan pos. Muhanna berkata kepada Qarasunqur, “Kami tidak dapat melakukan apa-apa berhubung dengan urusan anak-anak kamu. Walau bagaimanapun kami akan bersungguh-sungguh mendapatkan harta kamu semula.” Muhanna pun berangkat dengan ahli keluarganya yang bersetuju dengannya dan beliau telah membentuk sebuah pasukan yang terdiri daripada 25,000 orang tentera Arab. Mereka berangkat ke Halab dan seterusnya memusnahkan pintu kota perkubuan. Akhirnya mereka berjaya menguasai Halab. Mereka hanya membawa harta benda Qarasunqur dan ahli keluarganya yang masih tinggal, keluar dari kota Halab, tidak lebih dari itu. Kemudian mereka semua bergabung dengan Sultan Iraq. Baginda berada di satu tempat yang sering menjadi tempat istirahatnya pada musim panas yang bernama Qarabagh. Qarabagh ini terletak di antara Sultaniyyah dengan Tibriz. Baginda menerima mereka dengan hati yang lapang dan mengurniakan tanah ‘Iraq al-‘Arab kepada Muhanna. Manakala Qarasunqur pula dikurniai kota Maraghah yang kadangkala juga dipanggil sebagai kota Damsyik Kecil oleh orang ramai. Selain itu, Sultan Muhammad Khuzabandah turut mengurniakan kota Hamadan (Hamdan) kepada al-Afram. Mereka tinggal bersama-sama dengan baginda untuk suatu ketika dan dalam tempoh ini, al-Afram meninggal dunia. Muhanna pula kembali kepada al-Malik al-Nasir setelah beliau mendapatkan jaminan dan perjanjian daripada baginda. Qarasunqur pula tetap dengan keadaan asalnya.

Al-Malik al-Nasir terus mengutus golongan Fidawiyyah, seorang demi seorang untuk menentang Qarasunqur. Antara mereka ada yang berjaya memasuki rumahnya tetapi dibunuh sebelum dapat mendekatinya. Ada juga yang berani menerkam semasa Qarasunqur sedang menunggang kuda tetapi dapat ditangkis dan dipukul olehnya. Secara keseluruhannya, sejumlah bilangan Fidawiyyah telah terbunuh disebabkan oleh Qarasunqur. Beliau tidak pernah menanggalkan baju besinya dan hanya tidur di dalam rumah yang diperbuat daripada kayu atau besi.

Apabila Sultan Muhammad mangkat dan puteranya, Abu Sa’id menggantikan baginda, berlakulah suatu peristiwa yang akan kami ceritakan. Ia berkaitan dengan al-Juban, ketua amir Sultan Muhammad dan anak al-Juban iaitu al-Dumurtasy yang lari ke pangkuan al-Malik al-Nasir. Perundingan telah dibuat antara al-Malik al-Nasir dengan Abu Sa’id dan mereka bersetuju bahawa Abu Sa’id akan menghantar kepala Qarasunqur kepada al-Malik al-Nasir dan al-Malik al-Nasir pula akan menghantar kepala al-Dumurtasy kepada Abu Sa’id. Al-Malik al-Nasir, sebagaimana yang dijanjikan, telah menghantar kepala al-

Dumurtasy kepada Abu Sa'id. Oleh itu, baginda pun memerintahkan agar kepala Qarasunqur pula dibawa kepada baginda setelah kepala al-Dumurtasy sampai kepada Abu Sa'id. Apabila Qarasunqur dapat mengetahui hal tersebut, beliau lantas mengambil sebentuk cincin yang berongga dan didalamnya terdapat racun yang boleh membawa maut. Beliau pun merentap keluar batu cincin itu dan menelan racun tersebut lalu mati serta merta. Abu Sa'id telah memaklumkan hal ini kepada al-Malik al-Nasir tetapi beliau tidak menghantar kepala Qarasunqur kepada baginda.

Aku seterusnya mengembara dari kota perkubuan golongan Fidawiyyah ke kota Jabalah (Jablah) – satu tempat yang terdapat sungai yang mengalir dan pokok-pokok yang menghijau. Laut terletak lebih kurang sebatu dari sini. Di Jabalah, terdapat sebuah makam seorang wali yang salih lagi masyhur iaitu Ibrahim ibn Adham r.a. Beliaulah yang telah menolak takhta dan kuasa serta memutuskan untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata. Demikianlah kisah yang masyhur tentang beliau. Ibrahim bukanlah datang dari keluarga diraja sebagaimana yang disangka. Beliau hanyalah mewarisi takhta daripada datuk iaitu bapa kepada ibunya. Manakala bapanya, Adham ialah seorang faqir yang salih, pengembara, 'abid yang warak dan mengasingkan dirinya daripada hal-hal dunia untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT semata-mata.

Kisah Adham yang Zuhud (bapa Ibrahim bin Adham)

Diceritakan bahawa pada suatu hari, Adham berjalan di kebun-kebun kota Bukhara dan mengambil wuduk di sungai yang merentas kebun-kebun tersebut. Tiba-tiba ada sebiji epal yang hanyut dibawa oleh arus sungai. Adham pun berkata, "Buah ini tiada nilainya!" Beliau pun memakannya. Kemudian timbul pula rasa was-was di hatinya dan beliau nekad untuk memohon agar tuan kebun menghalalkannya. Adham pun mengetuk pintu pagar kebun dan seorang jariah keluar lalu beliau berkata kepadanya, "Tolong panggilkan tuan rumah." Jariah itu menjawab, "Dia seorang wanita." Adham menjawab," Mohonkan keizinnya agar aku dapat berjumpa dengannya." Jariah tersebut pun melakukan apa yang dipinta. Adham memberitahu tuan rumah itu tentang kisah buah epal tadi. Wanita tersebut berkata, "Sesungguhnya kebun ini separuh milikku dan separuh lagi milik sultan." Pada waktu itu sultan pula berada di Balkh (sebuah kota yang paling baik dan masyhur di Khurasan) iaitu dalam jarak sejauh perjalanan selama sepuluh hari dari Bukhara. Wanita tersebut menghalalkan separuh epal yang dimakan itu dan kemudian Adham pergi ke Balkh. Dalam perjalanannya , Adham bertemu dengan sultan. Beliau pun menceritakan kisah epal itu kepada baginda dan meminta agar ia dihalalkan. Walau bagaimanapun, sultan menitahkan Adham supaya menghadap baginda pada keesokan harinya.

Pada waktu itu, sultan mempunyai seorang puteri yang sangat cantik dan banyak putera raja datang melamarnya. Puteri ini menolak dan lebih mencintai ibadah serta kasih kepada golongan salihin. Beliau hanya mahu berkahwin dengan seorang yang warak dan zuhud di dunia. Apabila sultan pulang ke kediamannya, baginda pun memberitahu

puterinya tentang Adham. Sultan berkata, “Beta tidak pernah melihat orang yang lebih warak daripadanya. Dia datang dari Bukhara ke Balkh semata-mata kerana setengah biji epal.” Puteri baginda lantas mahu berkahwin dengan Adham.

Apabila Adham datang pada keesokan harinya, baginda berkata, “Beta tidak menghalalkan epal itu kecuali kamu berkahwin dengan puteri beta.” Adham memenuhi permintaan tersebut setelah menyatakan keengganan dan penolakannya. Setelah berkahwin, apabila beliau masuk menemui isterinya, Adham mendapati isterinya telah pun berhias diri dan biliknya pula dihiasi permaidani serta barang-barang perhiasan yang lain. Beliau pun pergi ke satu ruang di sudut bilik dan terus menunaikan solat hingga menjelang pagi. Adham terus berada dalam keadaan sedemikian selama tujuh malam.

Akan tetapi sultan belum lagi menghalalkan epal tersebut. Apabila Adham meminta baginda menghalalkannya, baginda berkata,”Beta tidak akan menghalalkannya untukmu kecuali setelah kamu bersatu dengan isterimu.” Maka apabila malam tiba, Adham pun bersatu dengan isterinya. Kemudian setelah mandi dan berdiri untuk menunaikan solat, Adham menangis lalu sujud di atas sejadahnya. Tiba-tiba beliau didapati telah meninggal dunia. Semoga Allah merahmatinya. Walau bagaimanapun, isterinya telah hamil dan melahirkan Ibrahim. Oleh sebab datuk Ibrahim iaitu sultan tadi tidak mempunyai anak lelaki, maka beliau mewariskan kerajaan kepada Ibrahim. Ibrahim pun masyhur dengan kisahnya meninggalkan kerajaan pemerintahannya.

Berhampiran dengan makam Ibrahim ibn Adham, terdapat sebuah zawiyah yang cantik dan di zawiyah ini ada sebuah kolam. Makanan diberikan kepada semua pengunjung yang datang dan pergi dari zawiyah ini. Khadam zawiyah ini, Ibrahim al-Jumahi ialah seorang yang sangat salih. Orang ramai mengunjungi zawiyah ini pada malam Nisf Sya’ban. Mereka datang dari segenap penjuru negeri Syam dan tinggal di zawiyah ini selama tiga hari. Pada waktu yang sama, sebuah pasar turut diadakan di tempat ini iaitu diluar kota. Di pasar ini, terdapat segala jenis barang. Fuqara’ yang menolak kepentingan dunia datang dari segenap pelosok dunia untuk menghadiri perhimpunan ini. Setiap pengunjung yang datang ke makam ini akan memberikan sebatang lilin kepada khadamnya sehingga terlalu banyak lilin terkumpul. Majoriti penduduk kawasan pantai ini ialah satu golongan bermazhab Nusairiyyah. Mereka ini mempercayai bahawa ‘Ali ibn Abi Talib ialah Tuhan. Golongan ini tidak menunaikan solat, tidak berkhatan dan tidak berpuasa. Al-Malik al-Zahir (Baybars/Bibris) menggesa mereka supaya membina masjid di kampung mereka. Mereka pun membina sebuah masjid yang jauh dari kawasan penduduk di setiap kampung. Mereka tidak pula memasuki dan memakmurkan masjid itu.Barangkali ia menjadi tempat tinggal binatang ternakan dan tunggangan mereka atau mungkin juga seorang asing datang ke sini lalu singgah di masjid dan melaungkan azan untuk solat. Walau bagaimanapun, mereka akan berkata kepadanya, Berhentilah memekik seperti keldai, makanan rumput akan dibawa kepadamu!” Jumlah golongan bermazhab Nusairiyyah ini juga besar.

Kisah al-Mahdi Palsu

Di ceritakan kepadaku bahawa seorang lelaki yang tidak dikenali telah muncul di negeri golongan bermazhab Nusairiyyah ini dan mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi. Orang ramai pun berkumpul beramai-ramai di sekelilingnya. Beliau pun berjanji kepada mereka bahawa mereka akan menguasai negeri dan al-Mahdi akan membahagikan negeri Syam kepada mereka. Al-Mahdi menentukan negeri-negeri yang tertentu untuk mereka dan mengarahkan mereka pergi ke sana. Beliau juga turut memberikan daun zaitun kepada mereka. Beliau berkata, "Tunjukkanlah ia, sesungguhnya ia merupakan arahan bagi pihak kamu." Apabila salah seorang daripada mereka pergi ke sebuah negeri dan dibawa berjumpa dengan amirnya, ia akan berkata kepada amir tersebut,"Sesungguhnya Imam al-Mahdi telah memberikan negeri ini kepadaku." Amir akan bertanya, "Di manakah perintahnya?" Orang itu pun mengeluarkan daun zaitun. Kemudian ia dipukul dan dipenjarakan.

Seterusnya al-Mahdi palsu itu telah menyuruh mereka supaya menyiapkan diri untuk berperang dengan orang Islam dan mereka akan memulakannya di kota Jabalah. Al-Mahdi menyuruh mereka mengambil batang kayu as sebagai pengganti pedang. Beliau menjamin bahawa ia akan bertukar menjadi pedang di tangan mereka ketika berlakunya peperangan. Mereka pun melakukan serangan hendap terhadap kota Jabalah iaitu ketika penduduknya sedang menunaikan Solat Jumaat. Mereka mencerobohi rumah dan mencabul kehormatan wanita. Orang Islam segera bergegas keluar dari masjid dan terus mengambil senjata lantas membunuh mereka semahu-mahunya. Apabila berita ini sampai di Laziqiyyah, amirnya iaitu Bahadur ibn 'Abdullah pun berbaris keluar dengan tenteranya. Pada masa yang sama, burung merpati telah dilepaskan terbang ke Tarabulus (Tripoli). Maka datanglah ketua amir dengan pasukan tenteranya. Golongan bermazhab Nusairiyyah pun diburu sehingga jumlah mereka yang terbunuh mencapai 20,000 orang. Mereka yang terselamat pula mencari perlindungan dibukit dan mengadakan perundingan dengan Malik al-Umara'. Mereka berjanji akan memberikan satu dinar kepadanya bagi setiap individu jika dia berusaha melindungi mereka.

Sementara itu, burung merpati telah membawa berita kepada al-Malik al-Nasir dan jawapan yang diberikan oleh baginda ialah mereka semua harus dibunuh. Malik al-Umara' pun memujuk baginda dengan memberikan alas an bahawa mereka merupakan buruh bagi orang Islam untuk membajak tanah dan seandainya mereka semua dibunuh, orang Islam akan menjadi lemah. Al-Malik al-Nasir pun memerintahkan agar mereka diberikan peluang untuk terus hidup.

Seterusnya aku mengembara ke Laziqiyyah, sebuah kota yang terletak di tepi pantai. Orang ramai menganggap bahawa kota ini ialah kota milik seorang raja yang mengambil sampan secara paksa. (ini merujuk kisah didalam Al-Quran Surah Al-Kahfi 18:79). Aku menziarahinya sekadar untuk menziarahi seorang wali yang salih, 'Abdul Muhsin al-Iskandari. Ketika aku sampai di Laziqiyyah, aku mendapati beliau sedang berada di kota Hijaz yang mulia. Sebaliknya, aku bertemu dengan dua orang sahabatnya iaitu syeikh yang salih, Sa'id al-Bija'ie dan Yahya al-Salawi. Kedua-duanya berada di Masjid 'Ala'uddin ibn al-Baha', seorang yang dihormati dan terkemuka di Syam. Beliau dikenali

dengan sifatnya yang pemurah dan sering bersedekah. 'Ala'uddin telah membina sebuah zawiyah berhampiran dengan masjid untuk kedua-dua syeikh yang salih ini, malahan makanan turut diberikan kepada setiap pengunjung yang datang lalu pergi yang singgah di zawiyah ini. Kadinya ialah Jalaluddin 'Abdul Haq al-Misri al-Maliki iaitu seorang faqih yang mulia dan pemurah. Beliau bertekad untuk berkhidmat dengan Malik al-Umara' Tailan yang telah melantiknya memegang jawatan kadi di kota Laziqiyyah.

Kisah Ibn al-Mu'ayyad yang Suka Menyindir

Di Laziqiyyah, ada seorang lelaki yang digelar sebagai Ibn al-Mu'ayyad yang suka menyindir. Tiada seorang pun yang terselamat daripada kelancangannya. Kepercayaan agamanya diragui kerana sifatnya yang suka bermain-main dan dia sering menyebut perkara-perkara keji yang menyeleweng daripada agama. Dia mempunyai suatu permintaan terhadap Malik al-Umara' Tailan yang tidak ditunaikan. Dia pun pergi ke Mesir dan menceritakan perkara-perkara yang keji tentang Tailan. Selepas itu dia pulang ke Laziqiyyah. Kemudian Tailan menulis surat kepada Kadi Jalaluddin supaya mencari suatu helah untuk membunuh Ibn al-Mu'ayyad ini iaitu dengan menggunakan suatu cara yang wajar di sisi syarak. Kadi pun mempelawa Ibn a;-Mu'ayyad ke rumah dan mengadakan perbincangan dengannya untuk membuktikan kemulhidan yang disembunyikannya. Ibn al-Mu'ayyad pun menyebut perkara-perkara yang keterlaluan sehingga perkara paling kecil yang disebutnya pun sudah membolehkan di dihukum bunuh. Kadi telah menyediakan saksi-saksi di balik tabir dan mereka mencatat apa yang diucapkannya itu. Bukti-bukti ini dibentangkan di hadapan kadi dan pada waktu itu juga, dia ditangkap dan dipenjarakan. Malik al-Umara' telah diberitahu tentang apa yang telah berlaku. Kemudian Ibn al-Mu'ayyad telah dibawa keluar dari penjara dan kemudian digantung di pintu penjara.

Tidak berapa lama selepas itu, Malik al-Umara' telah ditukarkan dari Tarabulus. Jawatan amir pula telah diberikan kepada al-Hajj Qurtayyah, yang juga merupakan seorang amir berpangkat tinggi dan pernah memegang jawatan kadi di Tarabulus. Al-Hajj Qurtayyah memusuhi Tailan dan dengan itu, dia mula mencari kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh Tailan. Adik-beradik Ibn al-Mu'ayyad telah datang menemuinya dan mengadu tentang Kadi Jalaluddin. Beliau pun menyuruh Kadi Jalaluddin dan orang yang telah menjadi saksi kepada kes Ibn al-Mu'ayyad supaya dibawa mengadap. Qurtayyah memerintahkan agar mereka semua dihukum gantung dan dibawa ke luar kota, tempat manusia digantung. Setiap mereka didudukkan di bawah tempat hukuman gantung dan serbab di kepala mereka ditanggalkan.

Sudah menjadi kebiasaan amir-amir di negeri tersebut iaitu apabila salah seorang daripada mereka menjatuhkan hukuman bunuh ke atas seseorang, seorang hakim daripada Majlis al-Amir akan menunggang kuda dengan pantas ke tempat orang yang diperintahkan supaya dibunuh. Kemudian ia akan kembali kepada amir dan mengulang permintaan supaya hukuman bunuh tersebut diizinkan. Hakim itu melakukan perbuatan sedemikian sebanyak tiga kali. Selepas kali ketiga keizinan dipohon, ia akan

melaksanakan perintah tersebut. Didalam kes ini, apabila hakim melakukan hal sedemikian, amir-amir pun bangun pada kali ketiga lalu mendongakkan kepala mereka dan berkata, “Wahai amir! Ini merupakan suatu penghinaan terhadap Islam bahawa kadi serta saksi-saksinya dibunuh!”. Amir telah menerima rayuan mereka dan membebaskan kadi serta saksi-saksinya itu.

Di pedalaman kota Laziqiyyah, terdapat sebuah biara yang bernama Biara Farus. Ia merupakan biara yang terbesar di Syam dan Mesir. Rahib-rahib tinggal di situ dan orang Kristian datang dari segenap pelusok dunia untuk menziarahinya. Sesiapa sahaja daripada kalangan orang Islam yang datang kesitu akan dijadikan tetamu oleh orang Kristian. Makanan mereka ialah roti, keju, buah zaitun dan bakr. (capers dalam bahasa Inggeris, adalah kudup pokok renek, Capparis Spinosa iaitu sejenis tumbuhan yang dijadikan ramuan untuk membuat sos). Pelabuhan di kota ini dilindungi oleh sebuah rantai di antara dua buah menara. Tiada seorang pun yang boleh masuk atau keluar dari kota Laziqiyyah kecuali setelah rantai itu direndahkan. Pelabuhan ini merupakan pelabuhan yang terbaik di Syam.

Kemudian aku meneruskan pengembaraanku ke Hisn al-Marqab, sebuah kota perkubuan yang besar dan menyerupai Kota Perkubuan Karak. Bangunannya terletak di atas bukit yang tinggi dan di luarnya terdapat sebuah kawasan pinggir kota yang disinggahi oleh orang-orang asing yang datang merantau. Walau bagaimanapun, mereka tidak memasuki kota perkubuan. Al-Malik al-Mansur Qalawun telah merampasnya daripada orang Rom. Tidak lama selepas penawanan itu, puteranya, al-Malik al-Nasir lahir. Kadi kota perkubuan ini ialah Burhanuddin al-Misri. Beliau ialah seorang kadi yang mulia dan pemurah. Kemudian aku meneruskan perjalanan ke Jabal al-Aqra’ iaitu bukit tertinggi di Syam dan merupakan lokasi pertama yang dapat dilihat dari laut. Penduduknya ialah orang Turkuman dan di bukit ini terdapat mata air serta sungai.

Dari Jabal al-Aqra’, aku pergi ke Jabal Lubnan, sebuah bukit yang paling subur di dunia. Di situ, terdapat pelbagai buah-buahan, mata air dan lindungan awan yang tebal. Bukit ini sentiasa dikunjungi oleh orang yang mengasingkan dirinya daripada hal-hal keduniaan demi mengabdikan diri kepada Allah yang Maha Esa dan orang yang zuhud serta golongan yang salih. Bukit ini memang masyhur dengan keadaan ini. Aku telah melihat sekumpulan orang salih daripada kalangan orang yang tidak masyhur namanya sedang mengabdikan diri kepada Allah SWT di bukit ini.

Kisah Orang Lubnan yang Salih dan Keldai Liar

Beberapa orang salih yang kutemui di Jabal Lubnan ini memberitahuku, “Kami berada di atas bukit ini bersama-sama dengan sekumpulan orang faqir pada musim sejuk. Kami pun menyalakan api yang besar dan duduk mengelilinginya. Salah seorang daripada kami berkata, “Api yang besar ini boleh memanggang sesuatu.” Seorang faqir yang berpakaian lusuh dan tidak dipedulikan oleh sesiapa pula berkata, “Semasa solat Asar tadi, aku berada di tempat ibadah Ibrahim ibn Adham. Aku terlihat berhampiran dengannya ada

seekor keldai liar yang tidak ditutupi oleh salji di seluruh bahagian tubuhnya dan aku tidak fikir yang ia mampu bergerak. Seandainya kamu pergi ke sana, kamu akan dapat menangkap keldai itu dan bolehlah kamu memanggang dagingnya di atas api ini.”

Mereka menceritakan lagi, “Kami seramai lima orang lelaki pun pergi ke tempat yang dikatakannya itu. Kami menemui keldai liar tersebut sebagaimana yang diceritakannya itu. Kami pun menangkap dan membawanya kepada rakan-rakan kami. Kami menyembelih keldai itu dan memanggang dagingnya di atas api tersebut. Walau bagaimanapun, apabila kami mencari faqir yang memberikan maklumat itu tadi, kami tidak menjumpainya lagi, dan kami tidak dapat menjejak sebarang kesan. Dengan yang demikian, berterusanlah rasa takjub kami terhadapnya.”

Seterusnya dari Jabal Lubnan, kami pergi ke Ba’labakk. Ba’labakk ialah sebuah kota lama yang cantik dan terbaik di negeri Syam. Ia dikelilingi oleh kebun-kebun yang indah dan taman-taman yang cantik. Buminya direntas oleh sungai-sungai yang mengalir. Ba’labakk menyerupai Damsyik dengan kekayaan sumber alamnya yang berbagai-bagai. Di sini terdapat banyak buah ceri yang tidak didapati di kota-kota yang lain.Di sini juga dibs, yang dikaitkan dengan namanya (Ba’labakk) dihasilkan. Dibs ialah sejenis jem yang dihasilkan oleh penduduk daripada buah anggur. Mereka juga mencampurkan sejenis tanah ke dalam jem ini yang akan menyebabkan ia menjadi keras. Kemudian adunan ini diletakkan di dalam tempayan lalu dipecahkan. Isinya akan tinggal menjadi sekeping. Daripada dibs ini juga, sejenis kuih dihasilkan. Buah pistasio dan badam diletakkan di dalam kuih ini. Penduduk menamai manisan ini sebagai kuih susu dan juga kuih kulit kuda. Ba’labakk turut menghasilkan banyak susu dan ia dibawa ke Damsyik.
Jarak diantara Ba’labakk dan Damsyik adalah sejauh perjalanan selama sehari bagi orang bersungguh-sungguh melakukannya. Selepas keluar dari Ba’labakk, kafilah-kafilah biasanya akan bermalam di sebuah kampung kecil yang bernama Zabdani yang terdapat banyak buah-buahan. Pada keesokan paginya, mereka bertolak ke Damsyik. Di Ba’labakk juga diperbuat baju-baju yang disandarkan pada namanya seperti baju ihram dan lain-lain.

Satu lagi industri yang dijalankan di Ba’labakk ialah pembuatan alat-alat kelengkapan daripada kayu dan sudu-sudu yang tiada tolok bandingnya di dunia. Penduduk menamai pinggan yang besar sebagai dast. Ada kalanya mereka membuat sebiji pinggan yang besar dan membuat pinggan yang kedua yang boleh dimasukkan ke dalam lubang pinggan yang pertama. Pinggan yang ketiga pula dimasukkan ke dalam lubang pinggan yang kedua. Begitulah seterusnya sehingga jumlahnya mencapai sepuluh biji. Sesiapa yang melihatnya akan menyangka bahawa hanya ada sebiji pinggan sahaja. Begitu juga sudu. Setiap sudu diletakkan di dalam satu lagi lubang sudu. Selain itu, penduduk juga membuat sebuah karung daripada kulit.Karung ini diikatkan pada tali pinggang pemakainya. Apabila ia makan bersama-sama dengan rakannya, ia pun mengeluarkan barang-barang tersebut. Orang yang melihat akan menyangka hanya sebatang sudu sahaja yang ada lalu ia pun mengeluarkan sembilan batang sudu yang lain dari lubang atau bekasnya.

Apabila aku masuk ke kota Ba'labakk, hari telah pun beransur petang. Aku bertolak dari kota ini pada waktu pagi kerana rasa rindu yang mendalam terhadap Damsyik (Damascus). Aku sampai pada hari Khamis, hari yang kesembilan bulan Ramadhan yang mulia, tahun 726H. ke kota Damsyiq al-Syam. Aku menumpang di situ di Madrasah Mazhab Maliki yang bernama Syarabisyiyyah.

Keindahan dan kecantikan kota Damsyik melebihi segala kota yang lain. Setiap gambaran yang diberikan, walau bagaimana panjang sekalipun tetap tidak berupaya untuk mengungkap keindahan-keindahan yang dimilikinya.

Keindahan dan kecantikan kota Damsyik melebihi segala kota yang lain. Setiap gambaran yang diberikan, walau bagaimana panjang sekalipun tetap tidak berupaya untuk mengungkap keindahan-keindahan yang dimilikinya.

Namun demikian, tiada yang lebih indah dari bahasa yang diungkap oleh Abu al-Husain ibn Jubair r.h., ketika memperkatakan perihal Damsyik. Katanya, "Damsyik, itulah syurga bagi negeri sebelah timur, tempat terbit cahayanya yang gemilang, mohor bagi negeri-negeri Islam yang telah kita pelopori dan pengantin bagi kota-kota yang telah kita tawan. Sesungguhnya, kota Damsyik telah menghias dirinya dengan kuntuman bunga yang harum baunya, mempamerkan dirinya dengan hiasan kain sutera daripada taman, menempatkan keindahan dirinya di tempat yang sangat teguh dan telah menghias dirinya di atas pelamin dengan seindah-indah perhiasan. Ia dikurniai kemuliaan ketika al-Masih 'Isa a.s. serta bondanya di sini, di atas sebidang tanah tinggi yang selamat dan ada mata air yang mengalir. (Sura al-Mu'minun 23:50) Bayang-bayangnya melindungi dan meneduhkan. Airnya ialah salsabil dan di situ anak-anak sungainya mengalir, ibarat ular yang menyelinap ke setiap tempat. Di taman-tamannya, bayu yang nyaman dan menyegarkan jiwa bertiup. Ia telah mempamerkan dirinya dengan perhiasan yang digilap lalu memanggil orang ramai dengan jeritannya, "Ayuh! Marilah ke tempat istirahat yang indah!"

"Tanahnya telah jemu dek airnya yang mewah sehingga ia rindu akan kehausan. Hampir-hampir batu-batu yang keras dan kasar menjerit, "Hentakkanlah kakimu, ini merupakan tempat mandi kamu yang dingin dan tempat untuk kamu minum!". Kebun-kebun telah mengelilinginya sebagaimana bulan dikelilingi oleh lingkaran cahaya dan seperti buah dikelilingi oleh kelopaknya. Di sebelah timurnya, terbentang luas Lembah Ghutah (oasis) yang menghijau: saujana mata memandang. Di setiap sudut dan penjuru, di utara, di selatan, timur serta barat, terserlah wajahnya yang berseri dan mengagumkan mata yang memandang. Kepada Allah terserah kebenaran apa yang diperkatakan orang tentangnya. Seandainya syurga itu berada di bumi, tanpa syak lagi ia ialah Damsyik. Seandainya pula syurga tersebut berada di langit, maka Damsyik menyamai ketinggiannya dan berada dalam kedudukan yang selari dengannya."

(Ibn Juzayy mencatat: "Seorang penyair telah mengungkap tentang perkara ini dalam madahnya:

Seandainya Jannah (Syurga) al-Khuld di bumi, tiadalah
tempatnya selain Damsyik
Seandainya ia di langit pula, nescaya

berhembuslah bayu dan udara nyamannya ke Damsyik
Negeri makmur Tuhan Pengampun, nikmatilah Damsyik
pagi dan petang.”)

Damsyik turut diperkatakan oleh seorang syeikh dan muhaddith yang juga seorang pengembara, Syamsuddin Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Jabir ibn Hasan al-Qaisi al-Wadi Asyi yang menetap di Tunis. Syamsuddin telah memetik tulisan Ibn Jubair dan menambah, “Sesungguhnya beliau (Ibn Jubair) telah berjaya melukiskan gambaran yang indah tentangnya (Damsyik) sehingga membangkitkan rasa rindu dalam jiwa untuk melihat rupanya sebagaimana yang digambarkan oleh beliau. Ibn Jubair ternyata begitu teliti sehingga dalam tempoh yang singkat berada di sana, beliau dapat memberikan keterangan yang penuh dan tepat tentangnya. Ibn Jubair belum lagi menceritakan warna senja yang keemasan ketika tibanya waktu matahari terbenam. Tidak juga musimnya yang berbagai-bagai dan tidak pula waktu-waktu apabila perasaan berkocak kegembiraan.

Sesungguhnya amat puitis ucapan orang yang berkata, “Sungguhlah aku mendapati Damsyik sebagaimana yang diceritakan oleh orang ramai. Segala yang diingini oleh jiwa dan segala yang indah bagi mata yang memandang ada di Damsyik.”

(Ibn Juzayy mencatat: “Gambaran keindahan Damsyik daripada apa yang diucapkan oleh penyair-penyair tidak terkira banyaknya. Bapaku sendiri r.h. sering melagukan baris-baris syair ini untuk menceritakan Damsyik. Syair ini ialah olahan Syarafuddin ibn Muhsin r.h.:

Damsyik bagi kami sebuah kerinduan yang
menyiksa
Biarpun teman yang palsu datang mengecek dan pencela
mengecam semahu-mahunya
Damsyik ialah negeri yang batu kelikirnya permata
dan tanahnya pula ambar yang harum
Bayu utaranya bertiup ke setiap daerah
Air sungainya yang jernih terus mengalir tanpa henti
Dan dari taman, angin sepoi bahasa bertiup dengan longlai
nyaman dan menyegarkan.

Ini merupakan syair yang tinggi susunan bahasanya. Dalam memperkatakan perihal Damsyik, ‘Arqalah al-Dimasyqi daripada kabilah Kalb bermadah:

Syam ialah sebiji tahi lalat yang berseri dan taman syurga dunia
Seperti Jilliq yang merupakan anak mata
kota Damsyik nan ayu
Bebunga Asnya yang mekar putih ialah taman
yang tiada berhujung dan bebunga mawarnya nan merah

Persis nyalaan jahannam yang tidak membakar.

Seterusnya beliau bermadah lagi tentang Damsyik:

Bagi mereka yang mencari nikmat syurga di dunia
Damsyiklah destinasinya, anak muda nan tampan dan
bidadari jelita ada di kota ini
Di sini, sesiapa yang mengalunkan petikan kecapi
dialah bulan
Beburung "qumri" dan "syuhrur" turut bernyanyi bersama-sama dengannya
Aduhai alangkah indahnya jari jemari angin menenun baju perisai
di permukaan air
Cuma malangnya itu hanyalah perisai nan palsu

Sebenarnya,'Arqalah mempunyai banyak lagi syair yang lain tentang Damsyik ini.

Sebenarnya, 'Arqalah mempunyai banyak lagi sayir yang lain tentang Damsyik ini. Seterusnya Abu al-Wahsy Saba' ibn Khalaf al-Asadi pula bermadah tentang Damsyik:

Semoga Allah menyegarkan Damsyik dengan hujan yang
menyuburkan dari gerombolan awan yang mencurahkan air
yang banyak
Sebuah kota yang tiada tara kecantikannya
di seluruh dunia dan di setiap ceruk ufuknya
Sungai Iraq yang bengkang-bengkok kepingin untuk
menjadi sebahagian daripada sungainya dan
berharap seandainya ia tidak termasuk dalam negeri Iraq lagi
Buminya indah seperti langit dan bunganya bercahaya
seperti bintang
Bayunya yang lembut apabila bertiup menghuraikan
tali kekusutan yang menguasai jiwa
Dalam daerahnya, musim bunga bermain-main keriangan
dan ke dalam pasarnya seluruh dunia telah diheret
Mata tidak akan jemu memandangnya dan hidung tidak
jemu mencium keharumannya.

Sealiran dengan syair ini ialah rangkap-rangkap syair berikut yang menggambarkan Damsyik iaitu syair yang dihasilkan oleh 'Abdul Rahim al-Baisani, seorang kadi yang mulia yang dipetik daripada sebuah kasidah. Walau bagaimanapun, kasidah ini turut dikaitkan dengan Ibn al-Munir:

Aduhai kilat, bolehkah kau bawa daripadaku salam yang
kemanisannya bertukar menjadi airmu yang lazat?
Bersegeralah dikau ke Damsyik dan bawalah ukiran hujan
yang menyarungkan mahkota untuk bunga-bunga di taman
Dan heretlah ekormu di Jairun dan berikanlah
keistimewaan kepada satu tempat bergembira yang
disarungkan pakaian segala ketinggian
Satu tempat yang hujan musim bunga turun dengan
lebatnya dan hujan itu menumbuhkan rumput
yang penuh menghijau.

Abu al-Hasan 'Ali ibn Musa ibn Sa'd al-'Ansi al-Gharnati yang digelar sebagai Nuruddin turut memperkatakan perihal Damsyik:

Damsyik ialah tempat tinggal kami yang
segala kenikmatan ditemui sepenuhnya sedangkan di pelusok dunia yang
lain hanya sedikit yang ditemui
Ranting-ranting pokok menari-nari ditiup angin dan burung-burung
pula girang berkicau
Air sungainya mengalir dengan deras dan bunga-bunga pula
menguntum senyum
Wajah-wajah memancarkan seri kegembiraan dengan nikmat
yang menyaluti hidup mereka tetapi dibawah lindungan
pokok besar nan rimbun, segala nikmat itu
tersembunyi
Setiap lembah dipancarkan airnya oleh Nabi Musa (a.s.) dan di laman
setiap kebun, Khidir (a.s.) berdiri dengan rahmatnya.

Beliau seterusnya bermadah lagi tentang Damsyik:

Dirikan khemahmu di Jilliq di antara cawan dengan tali kecapi
Di sebuah syurga yang luas untuk keseronokan mata
dan telinga
Hiburkan matamu dengan melihat keindahan-keindahannya
Dan damaikan fikiranmu di antara sungai dengan taman
Lihatlah kemerahan yang memancar di langit pada
waktu senja
Dan dengarlah siulan burung di pepohon
Kepada orang yang mengecam keseronokannya katakan
"Biarkanlah daku dan sesungguhnya kau di sisiku,
manusia yang dungu."

Beliau sekali lagi bermadah tentang Damsyik:

Kota Damsyik ialah syurga yang membuat anak rantau lupa akan
kampung halamannya nan jauh
Alangkah indahnya hari-hari Sabtunya yang masyhur
dan alangkah hebat pemandangannya
Lihatlah dengan matamu; tidak kautemui melainkan
kekasih ataupun yang dikasihi
Dibumi, burung-burung merpati bernyanyi dan di atas
ranting menari-nari
Bunga-bunga di tamannya pula tenggelam khayal dalam
keriangan dan keharuman.

Penduduk Damasyik tidak bekerja pada hari Sabtu, sebaliknya mereka keluar ke tempat-tempat peranginan, ke tebing-tebing sungai dan ke kawasan pepohon yang rendang yang terletak di antara kebun yang menghijau dengan air yang mengalir. Mereka akan menghabiskan masa di sana hinggalah tiba waktu malam. Nampaknya, bicara tentang keindahan Damsyik ini telah begitu panjang. Oleh itu, marilah kita kembali semula kepada cerita Syeikh Abu 'Abdillah.")

Masjid Jamik Damsyik yang Dinamai
sebagai Masjid Bani Umayyah

Masjid Bani Umayyah merupakan salah sebuah masjid yang terbesar di dunia. Binaannya pula adalah yang paling sempurna dan yang paling indah. Tiada masjid yang diketahui dan didapati serupa dengannya. Orang yang bertanggungjawab membinanya ialah Amir al-Mu'minin al-Walid ibn 'Abdil Malik ibn Marwan. Baginda telah menghantar utusan kepada raja Rom di Qustantiniyyah (Konstantinopal) dan memohon supaya raja tersebut mengirim jurubina kepadanya. Kemudian Raja Rom telah mengirim seramai 12,000 orang jurubina.

Dahulunya tapak masjid ini ialah sebuah gereja. Apabila orang Islam menawan Damsyik, sahabat Rasulullah SAW Khalid ibn al-Walid r.a. masuk melalui salah satu penjurunya dengan pedang terhunus dan mara hinggalah ia sampai di kawasan tengah bangunan gereja. Seorang lagi sahabat Rasulullah SAW ABu 'Ubaidah ibn al-Jarrah r.a. pula masuk melalui barat secara damai dan beliau mara hinggalah ke kawasan tengah bangunan gereja yang sama. Akhirnya orang Islam menjadikan sebahagian daripada bangunan gereja yang dimasuki oleh mereka secara kekerasan sebagai masjid, sementara sebahagian daripada bangunan gereja itu pula yang dimasuki secara perdamaian dikekalkan sebagai gereja. Apabila al-Walid mengambil keputusan untuk memasukkan kawasan gereja itu ke dalam masjid, beliau telah meminta supaya orang Rom menjual gereja mereka itu kepadanya dengan sebarang bayaran yang mereka mahu sebagai ganti.

Walau bagaimanapun, orang Rom enggan menerimanya dan ini menyebabkan al-Walid merampas gereja itu daripada mereka. Orang Kristian mempercayai bahawa sesiapa yang menghancurkan gereja tersebut akan menjadi gila dan mereka memberitahukan perkara tersebut kepada al-Walid. Al-Walid lalu berkata, "Akulah orang yang pertama menjadi gila di jalan Allah!" Beliau lantas mengambil kapak dan mula menghancurkan gereja itu bersendirian. Apabila orang Islam melihat keadaan sedemikian, mereka turut sama menghancurkan gereja. Akhirnya Allah menjadikan kepercayaan orang Rom itu suatu pendustaan.

(*515O menyertakan 3 gambar masjid tersebut yang tidak terdapat di dalam Rihlah, untuk tatapan pembaca*)

Permukaan dalam semua dinding Masjid Bani Umayyah ini telah dihiasi oleh cebisan-cebisan emas yang dinamai sebagai fusaifisa' oleh penduduk dan dicampuri oleh berbagai-bagai jenis warna yang luarbiasa indahnya. Ukuran panjang masjid ini dari timur ke barat ialah 200 langkah iaitu bersamaan dengan 300 hasta, manakala ukuran lebarnya dari selatan ke utara ialah 135 langkah iaitu bersamaan dengan 200 hasta. Tingkap kaca yang berwarna-warni yang ada di dalamnya pula sebanyak 74 buah. Masjid ini mempunyai 3 batang lorong yang terhampar panjang dari timur ke barat. Ukuran luas setiap lorong ialah 18 langkah. Lorong-lorong ini terletak diatas 54 batang tiang dan lapan batang tiang topangan yang berkemasan marmar. Marmarnya berwarna-warni dan telah dilukis imej-imej mihrab dan lain-lain. Tiang-tiang ini juga merupakan sokongan terhadap kubah yang diperbuat daripada timah yang terletak di hadapan mihrab dan ia bernama Kubah Burung Helang. Ini seolah-olah menunjukkan bahawa penduduk menyamakan masjid dengan seekor helang yang sedang terbang dan kubah itu ialah kepalanya. Ia merupakan antara binaan yang paling ajaib di dunia. Dari arah mana sekalipun kamu menghadap kota Damsyik ini, kamu akan dapat melihat kubah burung helang tersebut berada tinggi di angkasa, menewaskan semua bangunan lain yang ada di kota.

Perkarangan masjid dikelilingi oleh tiga batang lorong dari tiga arah (timur, barat dan utara). Ukuran luas setiap lorong ini ialah sepuluh langkah. Lorong ini mempunyai 33 batang tiang dan 14 buah sangga. Keluasan perkarangan masjid ini mencapai 100 hasta dan ia merupakan antara pemandangan yang paling indah. Penduduk kota berkumpul di sini pada waktu malam. Ada yang membaca, ada yang berbual dan ada yang lalu-lalang. Mereka semua bersurai selepas menunaikan Solat Isya'. Apabila salah seorang fuqaha' mereka yang terbilang ataupun orang lain berjumpa dengan seorang sahabat, kedua-duanya akan segera mendapatkan sahabatnya sambil menundukkan kepala.

Di perkarangan masjid ini terdapat tiga buah kubah. Salah sebuah daripadanya terletak di barat iaitu kubahnya yang terbesar dan bernama Kubah 'Aisyah Ummu al-Mu'minin. Ia didirikan di atas lapan batang tiang yang diperbuat daripada batu marmar yang dihiasi oleh permata dan celupan pelbagai warna. Sebuah atap daripada timah dipasangkan di kubah ini, Orang ramai mengatakan bahawa harta masjid jamik ini disimpan di dalam kubah tersebut.

Aku diberitahu bahwa hasil keuntungan aktiviti masjid dan pendapatannya adalah sebanyak 25,000 dinar emas setiap tahun. Kubah kedua yang terletak di sebelah timur perkarangan masjid mempunyai bentuk yang sama dengan kubah yang pertama cuma ia lebih kecil sedikit. Ia didirikan di atas lapan batang tiang marmar dan dinamai sebagai Kubah Zainul 'Abidin oleh penduduk. Kubah yang ketiga pula terletak di tengah-tengah halaman masjid. Ia merupakan sebuah kubah berbentuk segi lapan yang kecil dan diperbuat daripada marmar yang mengagumkan selain ditampal dengan kukuh. Ia didirikan di atas empat batang tiang yang diperbuat daripada marmar putih. Di bawahnya terdapat sebuah tingkap besi dan di tengah-tengahnya terdapat paip tembaga yang memancutkan air ke udara. Air itu melonjak kemudian melengkung seolah-olah sebuah bulan sabit berwarna perak. Orang ramai menamainya sebagai sangkar air dan mereka suka meletakkan mulut padanya untuk meminum air.

Di sebelah timur perkarangan masjid ini terdapat sebuah pintu yang boleh membawa kepada sebuah masjid yang indah reka bentuknya. Ia bernama Masyhad 'Ali ibn Abi Talib r.a. Bersetentang dengannya pula iaitu dari arah barat yang menjadi tempat bertemunya lorong barat dengan utara, terdapat sebuah tempat yang dikatakan bahawa 'Aisyah r.a. mendengar Hadith Nabi SAW. (*sekiranya teks Arabnya dibaca dengan tasydid iaitu "samma'at", maka ia bermaksud, " Aisyah mengajarkan Hadith Nabi SAW")

Di kiblat masjid, terletak "maqsurah" terbesar dan di situlah imam Mazhab Syafi'eyyah mengimami solat.(* "maqsurah" ialah ruang khas berpagar besi di dalam masjid iaitu tempat pemerintah atau gabenor mendirikan solat demi menjaga keselamatan dirinya.) Di sudut timur maqsurah ini dan bersetentang dengan mihrab, terletak sebuah peti besar yang mengandungi mushaf Al-Quran Al-Karim yang dikirim oleh Amir al-Mu'minin 'Uthman ibn 'Affan r.a. ke Syam. Peti ini dibuka pada setiap hari Jumaat. Selepas solat, orang ramai akan berkerumun untuk mengucup mushaf yang mulia itu. Di sinilah tempatnya orang ramai membawa orang yang berhutang daripada mereka atau orang yang terdakwa atas sesuatu perkara supaya mengucapkan sumpah. Di sebelah kiri maqsurah ialah mihrab sahabat-sahabat r.a. Ahli-ahli sejarah mengatakan bahawa ia merupakan mihrab pertama yang dibina dalam Islam dan di situlah imam Mazhab Maliki mengimami solat. Di sebelah kanan maqsurah terletak Mihrab Mazhab Hanafi dan di mihrab ini, imam mazhab ini mengimami solat. Bersebelahan dengannya pula terletak Mihrab Mazhab Hanbali dan di sini, imam mazhab ini mengimami solat. Masjid Bani Umayyah ini mempunyai tiga buah menara (tempat melaungkan azan). Salah satu daripadanya terletak di sebelah timur masjid dan ia merupakan hasil binaan orang Rom. Pintunya terletak di dalam masjid. Di bawahnya terdapat sebuah bilik air dan bilik-bilik untuk mengambil wuduk. Di sinilah orang yang beriktikaf selain orang yang sentiasa mengunjungi masjid, mandi dan mendirikan solat. Menara yang kedua terletak di sebelah barat masjid dan ia juga merupakan hasil binaan orang Rom. Menara yang ketiga terletak di sebelah selatan masjid dan ia merupakan hasil binaan orang Islam. Jumlah mu'azzin di masjid ini adalah seramai 70 orang.

Di sebelah timur masjid, terletak sebuah maqsurah yang besar. Di dalamnya ada sebuah tangki air untuk satu golongan Zayali'ah al-Sudan. (ia merujuk kaum Zaila' yang berkulit hitam. Kini Zaila' ialah sebuah tempat di Somalia). Di bahagian tengah masjid pula

terdapat makam Nabi Zakaria a.s. Di atasnya ada sebuah keranda/makam yang terletak melintang di antara dua batang tiang yang dibalut dengan baju sutera berwarna hitam dan terdapat ukiran di tepinya. Pada keranda/makam itu tertulis ayat dengan tulisan berwarna putih, "*Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang menggembirakanmu dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya.*"

Kelebihan masjid ini sangat masyhur. Aku telah membaca tentang fadilat-fadilat Damsyik daripada Sufyan al-Thauri bahawa satu solat di Masjid Damsyik bersamaan dengan 30,000 solat. (**515O musykil tentang kebenaran statement ini*). Dalam sebuah athar daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda, "Selepas dunia hancur, Allah akan disembah selama empat puluh tahun." Dikatakan bahawa dinding kiblat masjid ini dipasang oleh Nabi Hud a.s. dan makama terdapat di situ. Akan tetapi, aku melihat sebuah bangunan yang di dalanymnya ada sebuah makam yang tertulis padanya, " Ini ialah makam Hud ibn 'Abir a.s." di satu tempat yang terletak berhampiran dengan kota Zafar di Yaman bernama Ahqaf.

Salah satu kelebihan masjid ini ialah ia tidak pernah sunyi daripada bacaan Al-Quran Al-Karim dan solat kecuali dalam tempoh yang amat singkat seperti yang akan kami ceritakan. Penduduk kota berkumpul di masjid ini setiap hari. Selepas menunaikan Solat Subuh, mereka akan membaca tujuh bahagian daripada Al-Quran dan mereka akan berkumpul lagi selepas Solat Asar untuk satu qira'ah yang bernama kauthariyyah. Dalam qira'ah al-kauthariyyah ini, mereka akan membaca dari Surah Al-Kauthar hinggalah akhir Al-Quran. Orang yang berkumpul untuk qira'ah ini akan menerima ganjaran gaji dan mereka ini berjumlah 600 orang. Seorang pencatat kedatangan akan mengawasi mereka. Sesiapa yang tidak hadir, gajinya akan dipotong menurut kadar ketidakhadirannya. Sebuah jemaah yang besar yang terdiri daripada mujawirin, tinggal di dalam masjid ini. Mereka tidak keluar dari masjid ini dan tidak henti-henti mendirikan solat, membaca Al-Quran serta berzikir kepada Allah. Mereka mengambil wuduk di bilik-bilik air yang terletak di dalam menara masjid iaitu di sebelah timur yang telah kami ceritakan. Penduduk kota membantu mereka dengan memberikan makanan dan pakaian walaupun mereka tidak pernah meminta sebarang pemberian daripada penduduk kota tersebut.

Masjid Bani Umayyah ini mempunyai empat pintu:

(i) Bab Qibali (Pintu Kiblat) (*iaitu pintu yang menghadap ke arah selatan) yang juga dinamai sebagai Bab al-Ziyadah (Pintu Tambahan) oleh orang ramai. Di pintu ini tergantung beberapa batang lembing dan terpasang bendera Khalid ibn al-Walid r.a. Pintu ini mempunyai sebuah kawasan serambi yang luas dan besar. Di sinilah terletaknya kedai-kedai penjual barang terpakai dan peniaga yang lain. Melalui pintu ini, terdapat sebatang jalan menuju ke kandang kuda (berhampiran dengan Istana Bani Umayyah). Di sebelah kiri pintu ini, terdapat deretan gerai beratap bagi tukang-tukang tembaga. Ia merupakan sebuah pasar besar yang terbentang di sepanjang dinding masjid dan merupakan salah sebuah pasar yang tercantik di Damsyik. Pasar ini dahulunya ialah tapak rumah Muawiyah ibn Abi Sufyan r.a. serta rumah-rumah penyokongnya dan ia bernama Khadra'. Walau bagaimanapun, kaum Bani 'Abbas r.a. telah merobohkannya dan tempat ini akhirnya menjadi sebuah pasar.

(ii) Bab Syarqiy (Pintu Timur). Ia merupakan pintu Masjid Damsyik yang terbesar dan bernama Bab Jairun (Pintu Jairun). Di pintu ini, terdapat sebuah serambi besar yang boleh membawa ke sebatang lorong yang besar dan panjang. Di hadapannya terdapat lima buah pintu pagar (pintu gerbang) yang disokong oleh enam batang tiang yang tinggi. Di sebelah kiri pintu ini, terdapat sebuah masyhad dan kepala Sayyidina Husain r.a. pernah diletakkan di situ. Bersetentang dengan pintu ini, terletak sebuah masjid kecil yang dikaitkan dengan 'Umar ibn 'Abdil 'Aziz r.a dan berhampiran dengan masjid ini, ada sungai yang mengalir.
Di hadapan lorong tersebut, terdapat sebuah tangga dan seseorang boleh turun ke serambi masjid dengannya. Serambi ini menyerupai sebuah parit besar yang bersambung dengan pintu yang sangat tinggi. Di bawahnya terdapat tiang-tiang yang tinggi seperti batang pohon tamar. Bersebelahan dengan serambi ini, terdapat tiang-tiang yang terletak di atasnya lorong-lorong berbentuk bulatan. Di lorong-lorong tersebut pula, terdapat kedai saudagar pakaian dan saudagar-saudagar yang lain. Di atas tiang-tiang yang telah disebut itu juga terdapat lorong-lorong yang panjang bentuknya. Di situ terletak kedai-kedai saudagar permata, buku dan pembuat barang-barang kaca yang sungguh menakjubkan.

Di kawasan lapang yang bersambung dengan pintu yang pertama, terdapat kedai-kedai milik saksi-saksi perundangan yang terhormat.(**saksi-saksi perundangan ini ialah orang yang penyaksiannya diterima di mahkamah. Saksi perundangan (notary dalam bahasa Inggeris) ini merupakan suatu kerjaya. Dalam bahasa Arab, ia disebut sebagai syahid atau syuhud dan 'adl atau 'adul*). Dua daripadanya merupakan milik Mazhab Syafi'e dan selebihnya lagi dimiliki oleh mazhab-mazhab yang lain. Di setiap kedai itu, terdapat lima atau enam orang saksi perundangan danorang yang mengurus soal akad nikah bagi pihak kadi. Saksi-saksi yang lain pula tinggal bertaburan di kota. Berhampiran dengan kedai-kedai ini, terdapat kedai-kedai milik saudagar-saudagar alat tulis yang menjual kertas, pen dan dakwat. Di tengah-tengah serambi Masjid Bani Umayyah terdapat sebuah kolam yang bulat dan besar yang diperbuat daripada batu marmar. Di atasnya ada sebuah kubah yang tidak beratap dan disokong oleh tiang-tiang yang juga diperbuat daripada marmar. Di tengah-tengah kolam terdapat paip tembaga yang mengeluarkan pancutan air yang kuat hingga naik ke udara melebihi ketinggian tubuh seseorang. Orang ramai menamanya sebagai fawwarah. Pemandangannya sungguh menakjubkan.
Semasa keluar dari Bab Jairun yang juga dinamai sebagai Bab al-Sa'at (Pintu Waktu) oleh penduduk ini, kamu akan mendapati sebuah bilik yang berbentuk gerbang yang besar di sebelah kanan. Di gerbang ini pula terdapat gerbang-gerbang kecil yang terbuka. Bilik ini mempunyai pintu-pintu mengikut jumlah jam yang terdapat dalam sehari. Bahagian dalam pintu-pintu ini dicat dengan warna hijau dan luarnya pula dicat dengan warna kuning. Apabila cukup sejam, bahagian dalam yang berwarna hijau akan bertukar menjadi bahagian permukaan dan bahagian permukaan yang berwarna kuning akan bertukar menjadi bahagian dalam. Diceritakan bahawa di dalam bilik itu, ada seorang yang bertugas untuk menukarkannya apabila waktu berlalu. (**Huraian ini merujuk jam air yang terkenal pada masa itu yang dibina oleh Fakhruddin al-Sa'ati pada zaman pemerintahan Nuruddin Zanki (1154-74M*)

(iii) Bab Gharbi (Pintu Barat) yang juga dinamai sebagai Bab al-Barid (Pintu Pos) oleh

penduduk. Apabila seseorang keluar dari pintu ini, ia akan mendapati Madrasah al-Syafi'eyyah di sebelah kirinya. Pintu ini mempunyai sebuah serambi dan di sini terdapat kedai-kedai saudagar lilin selain sederet gerai beratap menjual buah-buahan. Di bahagian teratas pintu ini, terdapat pula sebuah pintu yang boleh dinaiki melalui sebuah tangga yang disokong oleh tiang-tiang yang tinggi. Di bawah tangga ini, terdapat dua buah kolam yang bulat di sebelah kanan dan kiri.

(iv) Bab Jaufi (Pintu Utara) yang juga dinamai sebagai Bab al-Nutfaniyyin (Pintu Pembuat Manisan - yang diperbuat daripada anggur dan bahan-bahan yang lain.) Ia juga mempunyai sebuah serambi yang besar. Di sebelah kanannya terdapat sebuah khanqah (**khanqah sama maknanya dengan zawiyah iaitu sebuah tempat atau bangunan yang menjadi pusat aktiviti ibadah golongan sufi*) yang dinamai sebagai Syumai'aniyyah oleh penduduk. Di tengah-tengahnya terdapat sebuah kolam. Khanqah ini mempunyai bilik-bilik yang dibekalkan air. Orang ramai mengatakan bahawa khanqah ini dahulunya ialah rumah 'Umar ibn 'Abdil 'Aziz r.a. Di setiap empat buah pintu masjid ini, terdapat sebuah bangunan untuk berwuduk dan di dalam bangunan itu pula terdapat sebuah bilik yang juga dibekalkan air yang banyak.

(5150 - Alangkah telitinya pemerhatian dan deskripsi Ibn Battutah tentang Masjid ini. Dan ini adalah di kurun ke-14!)

Imam-Imam Masjid Bani Umayyah

Masjid ini mempunyai 13 orang imam. Imam pertama masjid ini ialah Mazhab Syafi'e. Semasa aku memasuki kota ini, imam penduduk bermazhab Syafi'e ialah Kadi Besar Jalaluddin Muhammad ibn 'Abdil Rahman al-Qazwini iaitu salah seorang fuqaha' yang terkemuka dan juga merupakan khatib masjid. Rumah beliau terletak di Dar al-Khitabah. Biasanya beliau keluar ke masjid melalui Bab al-Hadid (pintu Besi) yang terletak bersetentang dengan maqsurah. Melalui pintu inilah biasanya Muawiyah r.a. akan keluar. Selepas itu, Jalaluddin memegang jawatan kadi besar di Mesir iaitu selepas al-Malik al-Nasir membayar hutangnya sebanyak 100,000 dirham bagi pihak belia yang dihutangi masa beliau berada di Damsyik. Apabila imam Mazhab Syafi'e ini selesai mengucapkan salam yang terakhir dalam solat, beliau akan berdiri pula untuk menunaikan solat di hadapan Masyhad 'Ali dan kemudian di hadapan Masyhad al-Husain. Seterusnya beliau akan mendirikan solat di hadapan Masyhad al-Kallasah *(*ia bererti 'tanur batu kapur' dan ia merupakan sebuah madrasah pengajian kecil yang dibina oleh Nuruddin di sebelah utara masjid tersebut*), Masyhad Abu Bakr, Masyhad 'Umar dan akhir sekali di Masyhad 'Uthman r.a.

Selanjutnya ialah imam Mazhab Maliki. Semasa aku memasuki kota Damsyik ini, imam penduduk bermazhab Maliki ialah Faqih Abu 'Umar ibn al-Walid ibn al-Hajj al-Tujibi yang berasal dari Qurtubah dan lahir di Gharnatah. Walau bagaimanapun, Abu 'Umar ini kemudian tinggal di Damsyik. Beliau bergilir-gilir menjadi imam bersama-sama dengan saudaranya r.h.

Seterusnya pula ialah imam Mazhab Hanafi. Semasa aku memasuki kota Damsyik, imam

pengikut mazhab ini ialah Faqih 'Imaduddin al-Hanafi yang digelar sebagai Ibn al-Rumi oleh orang ramai. Beliau termasuk dalam golongan ahli sufi yang terkemuka. Ibn al-Rumi menjadi syeikh di Khanqah al-Khanutiyyah disamping memiliki khanqah yang lain di Syaraf al-A'la (**sebuah kawasan di barat Damsyik*). Selain mereka ialah imam Mazhab Hanbali. Imam pengikut mazhab ini pada masa itu ialah Syeikh 'Abdullah al-Kafif (**kafif bermaksud 'buta'*) iaitu salah seorang pakar qira'ah Al-Quran di Damsyik.

Ada lima orang imam selepas imam-imam yang disebut itu untuk mengganti solat yang telah luput waktunya. Solat sentiasa didirikan di dalam masjid ini dari awal siang hingga sepertiga malam. Begitu juga bacaan Al-Quran dan inilah antara kebanggaan masjid jamik yang diberkati ini.

Guru-Guru Masjid Bani Umayyah

Di masjid ini, terdapat beberapa halaqah pengajian dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Ahli-ahli hadith membaca kitab-kitab Hadith sambil duduk di atas kerusi yang tinggi. Qari-qari Al-Quran membaca mushaf dengan suara yang merdu pada waktu pagi dan petang. Di masjid ini juga ada sekumpulan guru yang mengajar Al-Quran. Setiap mereka bersandar pada tiang masjid, mentalqinkan (**secara talqin iaitu supaya pembacaan itu diturut*) dan mengajar kanak-kanak kecil. Mereka tidak menulis Al-Quran di papan untuk memelihara kesucian kitabullah.

Guru yang mengajar khat berbeza dengan guru Al-Quran. Beliau menggunakan kitab-kitab syair dan lain-lain untuk mengajar kanak-kanak tersebut. Seorang kanak-kanak akan bertukar daripada guru Al-Quran kepada guru yang mengajar khat. Oleh itu, kanak-kanak tersebut akan mahir dalam penulisan khat kerana guru khat tidak mengajar perkara yang lain.

Antara guru yang mengajar di masjid tersebut ialah seorang yang 'alim dan salih iaitu Burhanuddin ibn al-Firqah al-Syafi'e. Seorang lagi ialah Nuruddin Abu al-Yusr ibn al-Sa'igh, juga seorang ilmuwan yang salih. Beliau masyhur kerana kelebihan dan kebaikannya. Apabila Jalaluddin al-Qazwini memegang jawatan kadi di Mesir, beliau melantik Abu al-Yusr sebagai kadi Damsyik. Walau bagaimanapun, Abu al-Yusr enggan menerimanya. Syihabuddin ibn Juhail iaitu imam yang 'alim dan juga salah seorang 'ulama' yang terkemuka, telah melarikan diri dari Damsyik apabila Abu al-Yusr enggan menerima jawatan tersebut kerana bimbang beliau pula akan dilantik menjadi kadi. Apabila berita ini sampai ke pengethahuan al-Malik al-Nasir, baginda melantik 'Alauddin al-Qaunawi (**beliau ialah 'Ali ibn Isma'il ibn Yusuf al-Qaunawi (1269-1329M) yang terkenal sebagai pembincang karya sufi karangan Muhyiddin ibn al-'Arabi*) ketua syeikh di Mesir sebagai kadi. Beliau ialah Qutb al-'ariffin dan lisan al-mutakallimin(**Qutb ialah darjat tertinggi yang dicapai oleh seseorang wali Allah dan ia digelar 'wali qutb'*) di samping salah seorang fuqaha' yang terkemuka. Selain Burhanuddin dan Nuruddin(**nama sebenar ialah Nuruddin 'Ali ibn 'Abdil Nasir salah seorang ulama' Maliki terkemuka pada zamannya dan meninggal dunia di Kaherah pada 1355M*), Badruddin 'Ali al-Sakhawi al-Maliki r.h. iaitu seorang imam yang mulia juga merupakan

guru di Masjid Bani Umayyah.

Kadi-Kadi Damsyik

Kami telah pun menceritakan kisah kadi besar Mazhab Syafi'e di kota Damsyik iaitu Jalaluddin Muhammad ibn 'Abdil Rahman al-Qazwini. Manakala kadi Mazhab Maliki pula ialah Syarafuddin Khatib al-Fayyum, seorang yang tampan, berakhlak mulia dan juga seorang yang terkemuka. Beliau juga merupakan ketua syeikh ahli sufi. Naib kadinya ialah Syarafuddin ibn al-Qafsi dan majlis kehakiman beliau terletak di Madrasah al-Samsamiyyah.

Seterusnya kadi besar Mazhab Hanafi ialah 'Imaduddin al-Haurani. 'Imaduddin ialah seorang yang sangat tegas. Kaum wanita dan suami mereka membawa setiap kes kepadanya. Apabila mendengar sahaja nama kadi Mazhab Hanafi, seorang lelaki akan insaf sebelum tiba di sisinya.

Kadi Mazhab Hanbali pula ialah imam yang salih, 'Izuddin ibn Muslim, seorang kadi yang terbaik. Beliau keluar menunggang keldai yang dimilikinya dan meninggal dunia di Madinah, kota Rasulullah SAW ketika dalam perjalanan ke Hijaz yang mulia.

Kisah Maruah Faqih yang Tercemar

Di Damsyik, ada seorang faqih Mazhab Hanbali yang terkemuka iaitu Taqiyyuddin ibn Tamiyyah(**Ibn Tamiyyah, 'ulama' mazhab Hanbali yang terkenal, dipenjarakan pada bulan Julai 1326M dan meninggal dunia pada bulan September 1328M, padahal Ibn Battutah memasuki kota Damsyik pada bulan Ogos 1326M iaitu selepas Ibn Tamiyyah dipenjarakan. Oleh itu, agak sukar untuk memahami bagaimana Ibn Battutah sempat melihat Ibn Tamiyyah berkhutbah di atas mimbar*) Beliau ialah seorang yang terhormat di Syam dan mampu berbicara dalam pelbagai bidang ilmu tetapi terdapat keganjilan pada pemikirannya. Penduduk Damsyik amat menghormati Ibn Tamiyyah dan beliau memberikan nasihat kepada mereka di atas mimbar. Pada suatu hari, beliau mengeluarkan kenyataan yang telah dibantah oleh fuqaha' dan mereka membawa kes tersebut kepada al-Malik al-Nasir. Al-Malik al-Nasir mengeluarkan perintah agar beliau dibawa menghadap baginda ke Kaherah. Semua kadi dan fuqaha' telah dikumpulkan di balai penghadapan al-Malik al-Nasir dan Syarafuddin al-Zawawi al-Maliki membuat tuduhan dengan berkata, "Sesungguhnya lelaki ini berkata demikian dan demikian." Beliau membuat tuduhan terhadap Ibn Tamiyyah dan mengemukakan bukti-bukti terhadap tuduhan yang dibuatnya. Kemudian beliau meletakkannya di hadapan kadi besar.

Kadi besar bertanya kepada Ibn Tamiyyah, "Apakah yang kamu katakan?" Jawab beliau, "Tiada Tuhan melainkan Allah." Kadi bertanya lagi dan Ibn Tamiyyah masih memberikan jawapan yang sama. Al-Malik al-Nasir pun memerintahkan supaya Ibn

Tamiyyah dipenjarakan, maka terpenjaralah beliau beberapa tahun lamanya. Ibn Tamiyyah mengarang sebuah kitab Tafsir al-Quran yang beliau namai sebagai "Al-Bahr al-Muhit" (Lautan yang Luas) sejumlah lebih kurang 40 jilid di penjara.

Beberapa lama selepas itu, ibunya datang menghadap al-Malik al-Nasir dan mengadukan keadaannya yang tertekan kepada baginda. Baginda pun memerintahkan agar Ibn Tamiyyah dibebaskan sehinggalah perkara yang sama dilakukannya pada kali yang kedua. Pada masa itu , aku berada di Damsyik dan aku hadir mendengar khutbah beliau pada hari Jumaat. Ibn Tamiyyah memberikan nasihat dan mengingatkan orang ramai dari atas mimbar masjid jamik. Antara ucapan Ibn Tamiyyah ialah, " Sesungguhnya Allah turun ke langit dunia sebagaimana aku sedang turun," dan beliau pun turun satu anak tangga mimbar. Seorang faqih mazhab Maliki yang bernama Ibn-al-Zahra menyanggah kata-kata beliau (kerana perbuatan Allah tidak boleh disamakan dengan perbuatan manusia iaitu tidak boleh ditajsimkan) dan orang ramai pula telah bangun menyerbu Ibn Tamiyyah. Mereka memukulnya dengan tangan serta sepatu dengan teruk dari kepalanya hingga serbannya jatuh. Akibatnya penutup kepala daripada sutera jatuh dari kepalanya. Mereka segera membantah perbuatannya memakai sutera dan membawanya ke rumah 'Izzuddin ibn Muslim, kadi Mazhab Hanbali yang memerintahkan agar Ibn Tamiyyah dipenjarakan disamping menjatuhkan hukuman terhadapnya. Fuqaha' Mazhab Maliki dan Syafi'e membantah hukuman ta'zir yang dijatuhkan kepada beliau lalu membawa perkara ini kepada ketua amir, Saifuddin Genghiz yang merupakan seorang amir yang mulia dan salih. Amir ini pun menulis kepada al-Malik al-Nasir dan mencatat bukti-bukti perundangan terhadap Ibn Tamiyyah dengan menyatakan beberapa kenyataan beliau yang ditolak. Antaranya, wanita yang ditalak dengan talak tiga dalam satu lafaz tidak akan jatuh talaknya melainkan satu talak sahaja; orang bermusafir yang berniat dengan perjalanannya itu untuk menziarahi makam Rasulullah SAW yang mulia (semoga Allah menambah keharumannya) tidak boleh mengqasarkan solat dan beberapa kenyataan yang lain yang serupa. Amir telah menghantar bukti tersebut kepada al-Malik al-Nasir. Baginda lantas memerintahkan supaya Ibn Tamiyyah dipenjarakan di dalam sebuah kota perkubuan. Beliau pun dipenjarakan di sana hinggalah meninggal dunia.

(**515O meminta jika ada sesiapa yang ingin membincangkan perenggan ini sila-lah membawanya ke thread lain, TQ.*)

Madrasah Kota Damsyik

'Ulama' Mazhab Syafi'e mempunyai beberapa buah madrasah pengajian di Damsyik. Madrasah mereka yang terbesar bernama al-'Adiliyyah. Di madrasah itulah kadi besar menjatuhkan hukumannya. Madrasah al-Zahiriyyah terletak bersetentang dengannya dan di situlah letaknya makam al-Malik al-Zahir. Majlis kehakiman naib-naib kadi besar juga di adakan di situ. Antara naib kadi besar ini ialah Fakhruddin al-Qibti yang bapanya ialah salah seorang jurutulis berbangsa Qibti yang memeluk Islam. Seorang lagi naib kadi besar ialah Jamaluddin ibn Jumlah yang kemudian memegang jawatan kadi besar Mazhab Syafi'e. Kemudian beliau dipecat daripada jawatannya atas alasan yang munasabah.

Kisah Syeikh Zahiruddin dan Kadi Besar.

Di Damsyik, ada seorang syeikh yang salih bernama Zahiruddin al-'Ajami. Saifuddin Genghiz yang memegang jawatan Malik al-Umara' berguru dengan beliau dan sangat menghormatinya. Pada suatu hari, Syeikh Zahiruddin datang ke dewan pengadilan Malik al-Umara'. Keempat-empat kadi yang mewakili keempat-empat mazhab juga berada dalam majlis itu. Kadi Besar Jamaluddin ibn Jumlah menyampaikan suatu cerita. Syeikh Zahiruddin berkata kepadanya, "Kamu berdusta!". Kadi besar menjadi marah dengan kata-kata penghinaan tersebut dan berasa geram terhadap syeikh itu. Beliau berkata kepada Malik al-Umara', "Patutkah aku menganggap aku ini berdusta di hadapan tuan?" Malik al-Umara' pun menjawab, "Kamu hukumlah dia," lalu menyerahkan syeikh itu kepadanya dengan menyangka bahawa kadi besar akan berpuas hati dan tidak akan mengapa-ngapakannya. Walau bagaimanapun, kadi besar membawa Syeikh Zahiruddin ke Madrasah al-'Adiliyyah dan merotannya sebanyak 200 kali. Kemudian Syeikh Zahiruddin di arak di atas seekor keldai mengelilingi kota Damsyik. Keldai itu diikut oleh seorang penyeru yang akan melaungkan kesalahan syeikh tersebut dan ia memukul belakang Syeikh Zahiruddin setiap kali tiba di akhir laungannya. Demikianlah adat penduduk di kota tersebut.

Berita ini sampai ke pengetahuan Malik al-Umara', Beliau benar-benar tidak menyetujui tindakan kadi besar itu lalu mengumpulkan semua kadi dan faqih. Mereka semua bersepakat bahawa tindakan kadi besar itu salah dan menyalahi peraturan mazhabnya kerana Mazhab Syafi'e menetapkan bahawa hukuman ta'zir tidak boleh melebihi hukuman hadd. Kadi Besar Mazhab Maliki yang bernama Syarafuddin pula berkata, "Aku menghukumnya sebagai seorang fasik." Keputusan tersebut disampaikan kepada al-Malik al-Nasir lalu baginda memecat Jamaluddin.

Ulama' Mazhab Hanafi mempunyai banyak madrasah di Damsyik. Madrasah Mazhab Hanafi ini yang terbesar ialah Madrasah Sultan Nuruddin dan di situlah kadi besar Hanafi mengadakan majlis pengadilannya. Ulama' Mazhab Maliki mempunyai tiga buah madrasah di Damsyik. Antaranya termasuklah Madrasah al-Samsamiyyah. Di situlah kadi besar Maliki tinggal dan mengadakan majlis pengadilannya. Madrasah yang kedua ialah Madrasah al-Nuriyyah yang diasaskan oleh Sultan Nuruddin Mahmud ibn Zanki. Madrasah mereka yang ketiga ialah Madrasah al-Syarabisyiyyah yang diasaskan oleh Syihabuddin al-Syarabisyi, seorang saudagar. Ulama' Mazhab Hanbali juga memiliki banyak madrasah dan madrasah mazhab ini yang terbesar ialah Madrasah al-Najmiyyah.

Pintu Masuk Kota Damsyik.

Kota Damsyik mempunyai lapan buah pintu masuk. Antaranya termasuklah Bab al-Faradis, Bab al-Jabiyyah dan Bab al-Saghir. Di antara Bab al-Jabiyyah dengan Bab al-Saghir, terdapat kawasan makam sebilangan besar sahabat Nabi SAW, syuhada' dan

generasi selepas mereka.

*(*Ibn Juzayy menambah, "Seorang penyair mutakhir dari Damsyik telah bermadah dengan amat indah dalam syairnya:*

Kota Damsyik, segala sifatnya
membayangkan syurga yang kekal nyaman
Tidakkah kau perhatikan, jumlah pintunya semuanya lapan?")

Masyhad-Masyhad dan Tempat-Tempat Ziarah di Kota Damsyik

Di kawasan makam yang terletak di antara Bab al-Jabiyyah dengan Bab al-Saghir, terdapat makam Ummu al-Mu'minin, Ummu Habibah bint Abi Sufyan, makam saudaranya Amir al-Mu'minin Mu'awiyah, makam Bilal ibn Rabah r.a. muazzin Nabi SAW, makam Uwais al-Qarni(**nama penuhnya Uwais ibn Amir ibn Juz' daripada Bani Qarn ibn Ridwan dan merupakan seorang tabi'in yang amat salih serta zuhud dan berasal dari Yaman*) dan makam Ka'ab al-Ahbar r.a.

Aku menemui kisah dalam kitab "Al-Mu'allim fi Syarh Sahih Muslim" karangan al-Qurtubi bahawa sekumpulan sahabat Nabi SAW ditemani oleh Uwais al-Qarni bermusafir dari Madinah ke Syam. Uwais meninggal dunia dalam perjalanan iaitu di kawasan padang pasir yang tidak terdapat penduduk mahupun air. Sahabat-sahabatmya kebingungan untuk mengurus jenazah Uwais dalam keadaan sedemikian. Walau bagaimanapun, apabila mereka turun dari tunggangan, mereka mendapati di situ ada wangi-wangian, kain kapan dan air. Sahabat-sahabat tersebut berasa amat hairan melihat keadaan itu. Mereka memandikan jenazah, mengapani dan menyembahyangkanya lalu meneruskan perjalanan. Salah seorang sahabat berkata, "Patutkan dibiarkan makamnya tanpa penanda?" Mereka lantas kembali ke tempat itu tetapi tidak menemui sebarang kesan makamnya.

*(*Ibn Juzayy menambah, "Dikatakan bahawa Uwais terkorban dalam Perang Siffin ketika berjuang untuk pihak 'Ali r.a. dan itulah cerita yang lebih benar, InsyaAllah.")*

Disebelah Bab al-Jabiyyah, terletak Bab Syarqi (Pintu Timur). Berhampiran dengannya pula terdapat kawasan pusara yang mengandungi makam Ubayy ibn Ka'ab(*beliau ialah salah seorang Ansar dan menjadi jurutulis Nabi SAW serta terlibat dalam pengumpulan Al-Quran) seorang sahabat Rasulullah SAW selain makam seorang 'abid yang salih bernama Arsalan yang digelar sebagai al-Baz al-Asyhab (Helang Kelabu).

Punca Arsalan Digelar sebagai al-Baz al-Asyhab

Diceritakan bahawa Syeikh Ahmad al-Rifa’ie r.a. (**beliau ialah pengasas Tarekat Rifa’ieyyah dan meninggal dunia pada tahun 1182M*) iaitu seorang wali tinggal di Ummu

‘Ubaidah yang terletak berhampiran dengan kota Wasit, Iraq. Syeikh Ahmad al-Rifa’ie ini mempunyai ikatan persaudaraan dengan Abu Madyan Syu’aib ibn al-Husain (*Abu Madyan lahir di Isybiliyyah (Isybila/Seville) di Andalus pada tahun 1126M dan meninggal dunia di Tilimsan pada tahun 1197M dan adalah seorang ulama’ sufi yang utama*), seorang wali Allah dan mereka saling berutus surat. Mereka berdua dikatakan saling menyampaikan salam antara satu sama lain. Syeikh Ahmad mempunyai beberapa pohon tamar kecil berhampiran dengan zawiyahnya. Pada suatu tahun sebagaimana adatnya, beliau memotong buah tamar dan meninggalkan salah satu tangkainya lalu berkata, “ Yang ini untuk saudaraku Syu’aib.” Pada tahun itu juga , Syeikh Abu Madyan berangkat menunaikan haji. Mereka berdua bertemu di Padang ‘Arafah, tempat berwukuf yang mulia. Syeikh Ahmad ditemani oleh khadamnya, Arsalan. Ketika mereka sedang rancak berbual mesra, Syeikh Ahmad menceritakan kisah setangkai buah tamar tersebut, lalu Arsalan berkata kepada beliau,
“ Dengan arahamu wahai tuan, hamba akan membawa ke mari buah tamar itu. (dari Damsyik!)” Syeikh Ahmad memberikan izinnya. Arsalan pun terus pergi dan kembali membawa setangkai bauh tamar tersebut lalu meletakkannya di hadapan mereka berdua.

Orang yang berada di zawiyah Syeikh Ahmad di Damsyik ketika itu menceritakan bahawa pada petang hari ‘Arafah itu, mereka ternampak seekor burung helang berwarna kelabu terbang menyambar pohon tamar tersebut. Burung itu lalu mematahkan setangkai buah tamar dari batangnya dan terbang dengan membawa buah tamar tersebut ke udara.

Kawasan pusara yang bernama Qubur al-Syuhada’ terletak di sebelah barat kota Damsyik. Di situ terdapat makam Abu Darda’ dan makam isterinya, Ummu al-Darda’, makam Fudalah ibn ‘Ubaid, makam Wa’ilah ibn al-Asqa’ dan makam Sahl ibn Hanzalah iaitu antara mereka-mereka yang memberikan bai’ah di bawah pokok. (Perjanjian Hudaibiyah). Semoga Allah SWT meredhai mereka semua.

Manakala di sebuah kampung bernama Manihah yang terletak empat batu ke barat kota Damsyik pula, terdapat makam Sa’id ibn ‘Ubadah r.a. Selain itu, terdapat juga sebuah masjid kecil yang baik binaannya di atas makam tersebut. Di pangkal makam ini, terdapat tulisan yang berikut, “Ini ialah makam Sa’id ibn ‘Ubadah, ketua kaum Khazraj, sahabat Rasulullah SAW.”

Masyhad Ummu Kalthum, puteri ‘Ali ibn Abi Talib iaitu hasil perkahwinannya dengan Fatimah a.s. terletak di sebuah kampung yang jaraknya sejauh satu farsakh ke selatan kota Damsyik. Dikatakan bahawa nama sebenarnya ialah Zainab tetapi Nabi SAW menggelarnya sebagai Ummu Kalthum. Ini kerana beliau menyerupai bonda saudara sebelah bondanya yang bernama Ummu Kalthum, puteri Rasulullah SAW. Berhampiran dengan makamnya itu terdapat sebuah masjid yang besar. Di sekeliling masjid itu pula terdapat rumah kediaman. Masjid tersebut mempunyai beberapa harta wakaf. Penduduk kota Damsyik menamai makam itu sebagai Qubr al-Sitt (Siti) Ummu Kalthum. Terdapat juga sebuah makam yang lain yang dikatakan makam Sukainah (*beliau ialah seorang penyair yang mulia, bijak dan juga seorang wanita yang amat baik lagi jelita selain merupakan penghulu kaum wanita pada zamannya), puteri Husain ibn ‘Ali r.a.

Di masjid jamik Kampung Nairab di Damsyik terdapat sebuah makam yang dikatakan makam Ummu Maryam (**Bonda Maryam iaitu bonda ‘Isa a.s.*). Makam ini terletak di dalam sebuah bilik di sebelah timur masjid itu. Seterusnya di sebuah kampung bernama Darayya yang terletak empat batu ke barat kota Damsyik pula, terdapat makam Abu Muslim al-Khawalani dan makam Abu Sulaiman al-Darani r.a.

Antara masyhad di kota Damsyik yang terkenal dengan keberkatannya termasuklah Masjid al-Aqdam. Masjid ini terletak dua batu ke selatan Damsyik iaitu di tepi jalan besar yang menuju ke wilayah Hijaz, Baitul Maqdis dan negeri Mesir. Masjid ini hebat dan banyak keberkatannya. Banyak harta yang diwakafkan untuk masjid ini dan penduduk Damsyik terlalu menghormati serta mengagungkan masjid ini. Tapak kaki yang dimaksudkan pada nama masjid itu ialah tapak kaki Nabi Musa a.s. Di dalam masjid ini, terdapat sebuah bilik kecil yang mengandungi batu bersurat yang termaktub padanya, “ Beberapa orang yang salih melihat Nabi yang terpilih (Muhammad SAW) dalam mimpi dan baginda SAW bersabda kepada mereka, “ *Di sinilah makam saudaraku, Musa*.”. Di sebatang jalan berhampiran dengan masjid ini terdapat satu tempat yang bernama al-Kathib al-Akhdar (Bukit Pasir Hijau). Manakala berhampiran dengan Baitul Maqdis dan kota Ariha (Jericho) pula, terdapat sebuah tempat yang bernama Kathib al-Ahmar. Kaum Yahudi sangat menghormati tempat tersebut dan menganggapnya suci.

Wabak Taun Besar (Maut Hitam/Black Death) di Damsyik

Semasa wabak taun besar (maut hitam) yang melanda Damsyik pada akhir bulan Rabi’ul Akhir tahun 749H (Julai 1348M), aku telah melihat sendiri betapa hebatnya penghormatan penduduk Damsyik terhadap Masjid al-Aqdam. Malik al-Umara’, naib sultan ketika itu yang bernama Arghun Syah mengarahkan seorang penyeru supaya mengisytiharkan di seluruh kota Damsyik bahawa semua penduduk dikehendaki berpuasa tiga hari berturut-turut dan tidak memasak makanan di pasar. Orang ramai pun berpuasa selama tiga hari berturut-turut hingga hari Khamis iaitu hari yang terakhir. Kemudian semua amir, syarif, kadi, faqih dan setiap lapisan masyarakat, berhimpun di Masjid Jamik al-Aqdam hingga masjid itu penuh sesak. Pada malam Jumaat itu, mereka menghidupkan malam dengan menunaikan solat, berzikir, bermunajat dan berdoa.

Selepas Solat Subuh, mereka semua keluar berkaki ayam dengan membawa al-Quran. Amir-amir juga turut berjalan dengan berkaki ayam. Semua penduduk kota; lelaki dan wanita, dewasa atau kanak-kanak, keluar beramai-ramai. Kaum Yahudi keluar dengan membawa kitab Taurat dan kaum Nasrani keluar membawa kitab Injil. Mereka yang disertai oleh anak dan isteri, menangis merendahkan hati kepada Tuhan dengan berkat kitab-kitab suci serta Nabi-NabiNya. Mereka semua berjalan menuju ke Masjid al-Aqdam dan berada di situ sambil berdoa serta bermunajat hingga hampir tiba waktu zuhur. Kemudian mereka kembali ke kota dan mendirikan Solat Jumaat. Allah SWT telah meringankan bala yang menimpa mereka sehingga jumlah yang meninggal dunia di Damsyik dalam sehari tidak melebihi 2,000 orang sedangkan jumlah yang terkorban akibat wabak itu di kota Kaherah dan Mesir mencapai angka 24,000 orang dalam sehari.

Di sebelah timur kota Damsyik, terdapat sebuah menara putih yang dikatakan tempat Nabi ‘Isa a.s. akan turun iaitu sebagaimana yang disebut dalam Sahih Muslim. Di sekeliling kota Damsyik kecuali di sebelah timurnya, terdapat kawasan kediaman pinggir kota yang luas. Kawasan pendalamannya adalah lebih selesa daripada pendalaman kota Damsyik itu sendiri kerana lorong-lorong di kota ini sempit. Di sebelah utara kota Damsyik, terletak kawasan kediaman pinggir kota bernama Salihiyyah yang merupakan sebuah kota yang besar. Keindahan pasarnya tidak dapat ditandingi. Kawasan itu juga mempunyai masjid jamik dan maristan. Terdapat sebuah madrasah di situ yang bernama Madrasah Ibn ‘Umar. Madrasah ini diwakafkan untuk golongan tua dan pemuda yang ingin mempelajari kitab suci Al-Quran. Makanan dan pakaian yang mencukupi disediakan untuk penuntut serta tenaga pengajar. Madrasah yang seumpama ini juga terdapat di kota Damsyik dan ia bernama Madrasah Ibn Munajja. Semua penduduk Salihiyyah berpegang pada Mazhab Imam Ahmad ibn Hanbal r.a.

Qasiyun dan Masyhad-Masyhadnya yang Berkat.

Qasiyun ialah sebuah bukit yang terdapat di utara Damsyik dan di kaki bukit itu terletak Salihiyyah. Qasiyun dianggap oleh orang ramai sebagai berkat dan suci kerana di situlah tempat Nabi-nabi naik ke langit. Antara masyhadnya yang mulia ialah gua tempat lahir Nabi Ibrahim a.s. Gua itu panjang dan sempit. Sebuah masjid besar dan mempunyai menara yang tinggi, dibina di atasnya. Dari gua itulah Nabi Ibrahim a.s. melihat bintang, bulan dan matahari iaitu sebagaimana yang diceritakan di dalam Al-Quran Al-Karim (*Sura Al-An'am 76-7). Di belakang gua itu pula ialah tempat baginda berdiri dan baginda sering keluar ke situ.

Aku telah melihat di negeri Iraq sebuah kampung bernama Burs yang terletak di antara Hillah dengan Baghdad. Tempat itu dikatakan sebagai tempat lahir Nabi Ibrahim a.s. Kampung itu juga terletak berhampiran dengan kota Zulkifli a.s. dan makamnya terletak di situ.

Sebuah lagi masyhad ialah Magharah al-Dam (Gua Darah) yang terletak ke barat Gua Ibrahim. Darah Habil putera Nabi Adam a.s. dapat dilihat di atas gua ini iaitu di tepi bukitnya. Allah SWT telah mengekalkan kesan berwarna darah pada batu bukit tersebut. Di situlah tempat saudara Habil iaitu Qabil membunuhnya lalu menarik mayatnya ke gua tersebut. Nabi Ibrahim, Musa, 'Isa, Ayyub dan Lut ('alaihissalam) dikatakan pernah mendirikan solat di dalam gua tersebut. Di atas gua itu terdapat sebuah masjid yang kukuh binaannya. Seseorang boleh memasuki masjid ini dengan menaiki anak tangga. Di dalam masjid ini juga terdapat bilik-bilik serta kemudahan penginapan. Masjid ini dibuka pada setiap hari Isnin dan Khamis iaitu apabila lilin serta lampu dinyalakan di dalam gua tersebut.

Antara masyhad yang lain ualah sebuah gua besar di puncak bukit yang dikaitkan dengan Nabi Adam a.s. dan di atas gua itu terdapat sebuah bangunan. Seterusnya menghala ke bawah sedikit terdapat pula sebuah gua bernama Magharah al-Ju' (Gua Kelaparan). Di

katakan bahawa 70 orang Nabi a.s. mencari perlindungan di gua tersebut dan mereka cuma memiliki sebuku roti. Setiap Nabi lebih mengutamakan saudaranya yang lain. Maka roti itu terus diedarkan daripada seorang ke seorang yang lain di kalangan mereka semua, sehingga akhirnya mereka wafat bersama-sama. Semoga Allah SWT merahmati mereka. Di atas gua ini juga dibina sebuah masjid yang sederhana binaannya. Lampu dinyalakan di dalamnya siang dan malam.

Setiap masjid mempunyai banyak harta wakaf dan dikhususkan untuk menampung perbelanjaan penjagaan serta pengurusan masjid. Disebut bahawa di antara Bab al-Faradis dengan Masjid Jamik Qasiyun, terdapat bersemadinya 700 orang Nabi. Sebahagian yang lain menyatakan bahawa bilangannya ialah 70,000. WA. Selanjutnya di luar kota Damsyik, terdapat kawasan makam lama. Di situlah tempat bersemadinya Nabi-nabi dan salihin. Di penghujung kawasan makam itu iaitu di tepi kawasan dusun buah-buahan, terdapat sebidang lembah yang dibanjiri oleh air. Tempat itulah dikatakan tempat pemakaman 70 orang Nabi tetapi kini ia telah menjadi lopak air. Oleh itu terpeliharalah kesucian tempat tersebut daripada dikebumikan mayat orang lain.

Rabwah dan Kampung-Kampung di Persekitarannya

Di hujung Jabab Qasiyun, terletak (bukit) yang diberkati dan disebut dalam kitab suci Al-Quran (**kisah ini disebut dalam Sura Al-Mu'minun 23:50, walau bagaimanapun, diragui samada Rabwah yang disebut dalam Al-Quran itu boleh dikaitkan dengan Damsyik atau sebaliknya*). Rabwah ini dikurniai suasana yang aman dan mata air yang mengalir jernih selain menjadi tempat bernaung al-Masih Nabi 'Isa a.s serta bondanya a.s. Kawasan persekitaran Rabwah ini mempunyai pemandangan dan tempat peranginan yang dianggap sebagai antara yang terbaik serta terindah di dunia. Di atas Rabwah itu pula terdapat istana-istana dan bangunan-bangunan yang hebat selain taman-taman yang unggul.

Tempat bernaung yang diberkati ini ialah sebuah gua kecil sebesar bilik kecil di bahagian tengah Rabwah. Sebuah bilik yang dikatakan sebagai tempat Khidir a.s. mendirikan solat terletak bersetentang dengan gua ini. Orang ramai berpusu-pusu untuk mendirikan solat di dalam bilik atau rumah kecil (Nabi) Khidir a.s. itu. Tempat bernaung (ma'wa) tersebut mempunyai pintu besi yang kecil dan dikelilingi oleh masjid yang didirikan di atas Gua Darah. Masjid itu mempunyai lorong untuk berjalan yang berbentuk bulatan di samping sebuah kolam yang cantik dan dipenuhi oleh air yang mengalir turun. Air itu pula disalurkan melalui tali air di dalam dinding yang dihubungkan dengan sebuah kolam yang diperbuat daripada marmar. Air tersebut akan mengalir melalui tali air itu ke dalam kolam marmar ini. Kecantikan dan keganjilan bentuk kolam ini tiada bandingannya. Berhampiran dengannya pula terdapat bilik (air) yang dibekalkan air untuk berwuduk.

Rabwah yang diberkati ini ialah permulaan taman kota Damsyik dan menjadi sumber bekalan air bagi kota ini. Air yang mengalir keluar dari Rabwah ini dibahagikan kepada tujuh batang sungai kecil. Setiap sungai mengalir menuju ke arah yang berlainan. Tempat pembahagian air ini bernama Maqasim. Sungai yang paling besar antara semua sungai kecil ini ialah Turah. Sungai Turah ini mengalir melalui kaki Rabwah. Sebuah terowong

telah di gali ke dalam batu pejal Rabwah seperti sebuah gua yang besar untuk membolehkan sungai tersebut mengalir melaluinya. Kadang-kadang seorang perenang yang berani akan terjun ke dalam sungai itu dari bahagian atas Rabwah dan berenang sehingga melepasi terowong air lalu keluar di bahagian bawah Rabwah. Walau bagaimanapun, tindakan sedemikian amat berbahaya.

Rabwah ini menghala dari tempat tinggi ke taman-taman yang mengelilingi kota Damsyik. Sebuah pemandangan yang indah dan luas dapat dilihat darinya dan kelebihan ini tidak dimiliki oleh bukit-bukit yang lain. Ketujuh-tujuh sungai yang mengalir ke pelbagai arah itu sungguh mempesonakan. Setiap pandangan pasti akan tertarik pada keindahan sungai-sungai tersebut yang bercantum dan berpisah serta arusnya yang deras di samping alirannya merentas bumi Damsyik.

Keindahan Rabwah yang sempurna itu terlalu hebat untuk dihuraikan dengan kata-kata. Ia untuk-kan harta wakaf yang banyak berupa ladang, kebun buah-buahan serta harta tidak alih untuk membiayai perbelanjaan bagi keperluan imam, mu'azzin selain pengunjung yang datang dan pergi. Di kaki Rabwah terletak Kampung Nairab. Nairab mempunyai begitu banyak dusun dan taman, dengan teduhan daun-daunnya yang begitu lebat serta pohon-pohonnya yang tumbuh begitu rapat sehingga bangunan-bangunannya tidak dapat dilihat kecuali bangunan yang tinggi sahaja. Nairab juga mempunyai rumah mandi (awam) yang menyamankan dan masjid jamik yang amat unggul seni binanya. Lantai masjid itu berkemaskan kepingan marmar yang pipih dan beraneka warna. Selain itu, sebuah kolam yang amat indah dan bilik-bilik bersuci yang dibekalkan dengan air yang mengalir juga dibina di masjid tersebut.

Sementara itu, menghala ke selatan Kapung Nairab pula terletak Kampung Mizzah yang juga dikenali umum sebagai Mizzah Kalb. Nama kampung ini berdasarkan nama kabilah Kalb ibn Wabrah ibn Tha'lab ibn Hulwan ibn 'Umran ibn Ilhaf ibn Quda'ah dan ia merupakan daerah yang dianugerahkan kepada kabilah tersebut. Kampung Mizzah inilah juga merupakan tempat asal al-Imam Hafiz al-Dunya Jamaluddin Yusuf ibn al-Zaki al-Kalbi al-Mizzi dan juga banyak ulama'-ulama' lain. Mizzi adalah antara kampung yang terbesar di kota Damsyik. Ia mempunyai sebuah masjid jamik yang besar serta ajaib di samping sebuah kolam yang dialiri oleh mata air. Kebanyakan kampung di Damsyik mempunyai rumah mandi awam, masjid jamik dan pasar sendiri. Penduduknya pula mengikut cara hidup yang sama dengan penduduk kota.

Seterusnya menghala ke timur kota, terletak kampung yang bernama Baitul Ahibbah. Dahulunya terdapat sebuah gereja di kampung ini. Dikatakan bahawa Azar biasa membawa berhala ke dalam gereja ini dan al-Khalil Nabi Ibrahim a.s. akan memecahkannya pula. Kini gereja ini dijadikan masjid jamik yang mengagumkan dan dihiasi oleh kepingan-kepingan marmar berwarna-warni, Marmar ini disusun mengikut corak yang amat menawan dan diatur mengikut susunan yang sangat seimbang serta indah.

Harta Wakaf di Damsyik dan Kelebihan serta Adat Resam Penduduknya

Terdapat terlalu banyak jenis wakaf di kota Damsyik dan hasil pendapatan harta-harta wakaf ini dibelanjakan untuk pelbagai jenis kebajikan. Antara harta wakaf tersebut ialah wakaf untuk orang yang tidak berupaya menunaikan haji. Wang yang secukupnya daripada wakaf ini akan diberikan kepada orang yang akan menunaikan haji bagi pihak orang yang tidak berupaya itu. Terdapat juga wakaf yang diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan mengadakan persiapan perkahwinan seperti pakaian, perhiasan dan sebagainya untuk gadis-gadis yang keluarganya tidak berkemampuan. Begitu juga wakaf khas bagi belanja membebaskan orang tawanan disamping untuk musafir. Mereka mendapat perbelanjaan untuk makan dan minum, pakaian serta bekalan hingga mereka sampai di negeri masing-masing daripada harta wakaf ini. Di samping itu ada juga wakaf yang dikhususkan untuk membaiki selain memasang batu ubin pada jalan-jalan serta lorong-lorong kota Damsyik yang mempunyai kaki lima "rasif" (**didalam bahasa Arab 'rasif' membawa maksud laluan berjalan kaki yang ditinggikan sedikit di tepi jalan besar*) di kedua-dua bahu jalannya dan digunakan oleh pejalan kaki, manakala penunggang kuda pula menggunakan jalan di antara dua buah kaki lima tersebut. Selain itu, terdapat juga wakaf untuk tujuan kebajikan-kebajikan yang lain.

Kisah Mamluk Kecil dengan Tembikar China

Pada suatu hari, aku melalui salah satu lorong Damsyik dan terlihat seorang mamluk kecil yang dengan tidak sengaja, menjatuhkan sebuah bekas yang diperbuat daripada tembikar China. Penduduk menamai bekas daripada jenis tersebut sebagai sahn. Bekas yang terjatuh itu pecah lalu orang ramai pun berhimpun di sekeliling mamluk kecil yang malang itu. Salah seorang daripada mereka berkata kepadanya, "Kumpulkanlah kepingan-kepingan yang pecah itu dan bawa kepada penjaga wakaf perkakas rumah." Mamluk kecil tersebut pun mengumpulkan kepingan bekas yang pecah lalu menemui penjaga wakaf perkakas rumah dengan ditemani oleh orang itu. Penjaga wakaf tersebut meneliti bekas yang pecah itu lalu memberikan wang yang secukupnya kepada mamluk kecil tersebut untuk membeli bekas yang sama. Ini merupakan antara amal kebajikan yang paling baik. Tuan mamluk itu sudah tentu akan memukulnya kerana memecahkan bekas tersebut atau memarahinya. Mamluk itu pula pasti akan berasa kecewa. Dalam hal ini, wakaf tersebut merupakan penawar. Semoga Allah SWT mengurniakan balasan yang sebaik-baiknya kepada orang yang begitu tinggi tahap keprihatinannya untuk melakukan amal kebajikan.

Penduduk kota Damsyik saling berlumba-lumba untuk mendirikan masjid, zawiyah, madrasah dan masyhad di samping menyumbangkan wang memelihara tempat-tempat tersebut. Mereka memandang tinggi orang yang datang dari Maghribi dan dengan rela hati menyerahkan wang, ahli keluarga serta anak-anak untuk dijaga oleh orang Maghribi.

Setiap orang Maghribi yang terputus belanja atau bekalan di kota Damsyik, sentiasa memperoleh peluang yang tertentu untuk menyara hidupnya. Ia boleh sama ada dengan menjadi imam masjid, pembaca di madrasah atau dengan duduk di masjid yang keperluan hariannya ditanggung atau dengan membaca Al-Quran atau bekerja sebagai penjaga di

salah sebuah masyhad. Selain itu, ia juga boleh menyertai kumpulan sufi di khanqah dan ia akan diberikan wang belanja harian serta pakaian.
Maruah orang luar atau pendatang asing di Damsyik yang bergantung pada derma kebajikan sentiasa dipertahankan daripada sebarang bentuk layanan yang boleh menjatuhkan kehormatan. Orang yang memiliki kemahiran atau menjadi pekerja am, berpeluang untuk mencari sumber nafkah yang lain seperti menjadi penjaga kebun, penjaga pengisar atau penjaga kanak-kanak yang membawa mereka ke tempat pengajian pada sebelah pagi dan membawa mereka pulang pada waktu petang. Bagi orang yang ingin menghabiskan masa menuntut ilmu atau beribadah pula, mereka ini diberikan bantuan secukupnya untuk memudahkan mereka melaksanakan keinginan tersebut.

Antara kelebihan penduduk Damsyik ialah tiada seorang pun antara mereka yang berbuka puasa seorang diri pada malam bulan Ramadhan. Golongan pemerintah, hakim dan pembesar akan menjemput sahabat-sahabat mereka selain fuqara’ untuk berbuka puasa bersama-sama. Golongan saudagar atau peniaga dan pedagang kaya juga melakukan hal yang sama. Golongan miskin dan orang awam pula berhimpun setiap malam di rumah salah seorang daripada mereka atau di masjid. Setiap orang akan membawa makanan yang ada padanya lalu mereka semua akan berbuka puasa beramai-ramai.

Sewaktu aku mula-mula sampai di kota Damsyik, aku menjalin persahabatan dengan Nuruddin al-Sakhawi, seorang guru bermazhab Maliki. Beliau suka jika aku berbuka puasa di rumahnya pada malam bulan Ramadhan. Aku demam setelah berbuka puasa bersama-sama dengannya selama empat malam dan aku tidak pergi ke rumahnya. Beliau menghantar orang mencariku dan aku pun cuba memberikan alas an kerana demam tetapi beliau enggan menerima alas an keuzuran itu. Oleh itu, aku pun kembali ke rumahnya dan bermalam di situ. Ketika aku hendak meminta diri keesokan harinya, beliau menghalangku daripada pergi lalu berkata, “Anggaplah rumah ini sebagai rumahmu atau rumah bapamu atau rumah saudaraku.” Beliau memanggil seorang tabib dan meminta supaya segala jenis ubat serta makanan yang ditetapkan oleh tabib untukku disediakan di rumahnya.

Demikianlah aku tinggal di rumahnya hingga hari raya. Aku pergi ke musalla dan Allah SWT memulihkan keadaanku. Kebetulan pula ketika itu, aku telah kehabisan wang belanja. Nuruddin mengetahui hal tersebut lalu menyewa unta untuk kegunaanku dan memberikan bekalan serta keperluan-keperluan yang lain kepadaku. Nuruddin juga turut memberikan beberapa dirham kepadaku. Beliau berkata kepadaku, “Semuanya akan berguna bagimu apabila kamu menghajati sesuatu yang penting.” Semoga Allah SWT membalas jasanya dengan sebaik-baiknya.

Di kota Damsyik ini juga ada seorang yang baik budipekertinya yang bernama 'Imaduddin al-Qaisarani iaitu salah seorang jurutulis atau setiausaha al-Malik al-Nasir. Apabila mendengar berita bahawa seorang dari Maghribi tiba di kota Damsyik, beliau lazimnya akan menghantar wakil untuk mencari serta melayan orang tersebut dengan baik disamping memberikan hadiah kepadanya. Jika beliau mengetahui bahawa orang itu memiliki keperibadian yang tinggi serta teguh beragama, beliau pasti akan meminta supaya orang tersebut terus mendampinginya. Ada beberapa orang yang memiliki sifat-

sifat ini yang sentiasa mendampinginya. Amalan yang turut diamalkan oleh seorang setiausaha iaitu al-Fadil 'Ala'uddin ibn Ghanim dan juga beberapa orang yang lain.

Di kota Damsyik ini juga ada seorang yang ternama daripada kalangan pembesar kota itu yang bernama al-Sahib 'Izzuddin al-Qalanisi. Selain seorang hartawan, beliau memiliki tingkah laku yang mulia, pemurah dan berhemah. Orang ramai menceritakan bahawa apabila al-Malik al-Nasir tiba di Damsyik, 'Izzuddin melayani baginda dan semua wazir, mamluk serta pegawai utamanya selama tiga hari. Bersempena dengan peristiwa itulah al-Malik al-Nasir menganugerahkan gelaran al-Sahib kepada 'Izzuddin.

Suatu lagi kelebihan penduduk kota Damsyik ialah yang berkaitan dengan salah seorang raja mereka pada zaman silam. Apabila ajalnya tiba, raja tersebut menitahkan supaya baginda disemadikan di kiblat masjid jamik (kota Damsyik) yang mulia itu dan makamnya disembunyikan. Raja tersebut juga mewakafkan banyak harta untuk qari-qari membaca satu pertujuh daripada kitab suci Al-Quran setiap hari selepas Solat Subuh. Qari-qari tersebut membaca Al-Quran di sebelah timur maqsurah sahabat-sahabat r.a iaitu tempat makam raja itu berada. Kini Al-Quran terus dibaca di makamnya dan amalan yang baik ini terus sahaja ditunaikan selepas raja tersebut mangkat.

Sudah menjadi adat penduduk Damsyik dan juga kota-kota yang lain di wilayah itu (Syam dan jajahan takluknya) untuk keluar beramai-ramai selepas Solat Asar pada hari 'Arafah. Mereka keluar dari masjid dan berdiri di perkarangannya. Ini berlaku di Masjid Baitul Maqdis, Masjid Jamik Bani Umayyah dan beberapa buah masjid yang lain. Imam-imam mereka turut berdiri tanpa menutup kepala sambil berdoa memohon keberkatan dan kurniaan daripada Allah Ta'ala dengan amat khusyuk serta tawadhuk. Dengan yang demikian, mereka meraikan saat jemaah haji berdiri di Padang 'Arafah untuk menyahut seruan Allah Ta'ala. Begitulah mereka terus berdoa bersungguh-sungguh dengan bertawassul kepada Allah Ta'ala melalui jemaah haji yang menziarahi rumahNya hingga matahari tenggelam. Mereka pun segera bersurai sebagaimana jemaah haji bersurai sambil menangisi keadaan mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat menyertai perhimpunan yang mulia itu di Padang 'Arafah. Mereka berdoa agar Allah Ta'ala menyampaikan mereka ke sana dan menerima apa yang mereka lakukan pada hari tersebut.

Penduduk kota Damsyik juga mengamalkan suatu upacara yang menarik sewaktu mengiringi jenazah. Mereka berjalan di hadapan sementara qari-qari membaca Al-Quran dengan suara yang merdu dan menyentuh jiwa sehingga terasa seolah-olah nyawa akan melayang disebabkan terlalu sedih serta simpati. Mereka menyembahyangkan jenazah di masjid jamik di hadapan maqsurah sahabat-sahabat Nabi SAW. Sekiranya jenazah tersebut ialah salah seorang imam, mu’azzin atau pekerja masjid itu, mereka akan mengusungnya masuk ke dalam masjid dengan iringan bacaan ayat suci Al-Quran hingga sampai di tempat jenazah tersebut disembahyangkan. Sekiranya bukan maka mereka akan berhenti membaca Al-Quran apabila tiba di pintu masjid lalu membawa masuk jenazah dalam keadaan senyap.

Setengah-setengah orang akan mengadakan majlis peringatan di jajaran tiang sebelah

barat perkarangan masjid iaitu berhampiran dengan Bab al-Barid (Pintu Pos). Mereka duduk dan di hadapan mereka, diletakkan peti-peti kecil Al-Quran (rab'ah) yang mengandungi juzuk-juzuk Al-Quran untuk dibaca oleh qari. Ketua-ketua majlis akan meninggikan suara dan mengumumkan ketibaan pembesar-pembesar serta orang kenamaan di majlis perkabungan itu. Seterusnya mereka mengucapkan, "Dengan nama Allah, si fulan al-din daripada kalangan Kamal, Jamal, Syams, Badr dan sebagainya." Apabila selesai membaca Al-Quran, mu'azzin-mu'azzin pun berdiri lalu berkata, "Fikirkanlah dan nilailah solat kamu bagi si polan itu, lelaki yang salih lagi 'alim, " sambil menyatakan sifat-sifatnya yang mulia. Kemudian mereka semua akan menyembahyangkannya dan mengusungnya ke tanah perkuburan.

Penduduk India juga mengadakan upacara yang menarik semasa mengurus pengebumian jenazah. Bahkan upacara tersebut lebih menarik lagi. Mereka berkumpul di kawasan sekeliling kubur (raudah) orang yang meninggal dunia, pada pagi hari ketiga sesudah orang yang meninggal dunia itu dikebumikan. Kawasan sekeliling kubur itu dihiasi dan ditutupi oleh helaian kain yang bermutu tinggi. Malah kubur itu sendiri dilitupi oleh kain yang mahal. Di sekeliling kubur itu diletakkan bunga-bunga berbau harum seperti bunga mawar, melur dan yasmin. Bunga-bunga tersebut didapati sepanjang tahun di negeri mereka. Penduduk juga membawa pokok limau dan pokok lemon. Mereka akan mengikatkan buah-buah limau dan lemon pada pokok-pokok tersebut sekiranya pokok tersebut belum lagi berbuah. Khemah besar juga didirikan sebagai tempat berteduh untuk orang ramai. Semua kadi, amir dan orang berpangkat yang lain datang lalu mengambil tempat masing-masing. Qari-qari pula duduk berhadapan dengan mereka. Peti-peti mengandungi juzuk-juzuk Al-Quran yang mulia dihulurkan dan setiap qari mengambil satu juzuk untuk dibaca. Sesudah selesai bacaan Al-Quran itu dengan suara yang merdu, kadi pun berdoa.

Kadi itu berdiri dan menyampaikan khutbah khas yang sememangnya disediakan untuk majlis perkabungan tersebut. Dalam khutbah itu, kadi akan menyebut beberapa perkara tentang si mati serta berkabung untuknya dengan mambaca beberapa baris syair. Beliau juga akan menyebut nama ahli keluarga si mati serta mengucapkan takziah kepada mereka. Akhir sekali kadi akan menyebut nama sultan dan membaca doa untuk baginda. Ketika nama sultan disebut, orang ramai akan berdiri menghala kepada sultan yang sedang duduk dan menundukkan kepala. Kemudian kadi duduk semula. Kemudian air mawar direnjiskan ke atas hadirin; bermula dengan kadi, diikuti oleh orang di sebelahnya dan semua orang yang lain. Kemudian bejana-bejana yang mengandungi gula pula dibawa kepada hadirin. Gula ini dicairkan di dalam air dan dihidangkan kepada hadirin; bermula dengan kadi, kemudian orang di sebelahnya dan begitulah seterusnya.

Akhir sekali sirih dihulurkan. Penduduk India amat menghargai sirih dan memberikannya kepada tetamu sebagai suatu tanda penghormatan. Apabila sultan memberikan sirih kepada seseorang; ia dianggap sebagai suatu tanda penghormatan yang tinggi; lebih tinggi daripada kurniaan emas atau pakaian kebesaran negara. Apabila seseorang meninggal dunia, keluarganya tidak akan memakan sirih hingga hari majlis perkabungan tersebut. Kadi ataupun penggantinya akan mengambil beberapa helai daun sirih itu lalu memberikannya kepada waris si mati yang akan memakannya. Selepas itu orang ramai

pun bersurai. Kami akan menjelaskan perihal sirih ini dengan labih lanjut selepas ini, insyaAllah.

Syarahan dan Ijazah yang Kuperoleh daripada Penduduk Damsyik

Di Masjid Jamik Bani Umayyah, semoga Allah mengisi masjid ini dengan zikir kepadaNya, aku mendengar syarahan semua kitab Sahih Imam Abu ‘Abdillah Muhammad ibn ‘Ismail al-Ja’fi al-Bukhari r.a. Syarahan tersebut disampaikan olah Syihabuddin Ahmad ibn Abi Talib ibn Abi al-Nu’m ibn ibn Hasan ibn ‘Ali ibn Bayanuddin Muqri’ al-Salihi yang digelar sebagai Ibn al-Syihnah al-Hijazi. Beliau merupakan seorang syeikh yang telah lanjut usianya dan menjadi tumpuan (rujukan) orang ramai yang datang dari segala tempat.

Beliau juga menjadi penghubung bagi golongan muda dan tua. Syarahan itu ditamatkan selepas 14 buah majlis pengajian diadakan. Majlis pertama bermula pada hari Selasa pertengahan bulan Ramadhan yang mulia tahun 726H. Majlis terakhir pula diadakan pada hari Isnin 28 Ramadhan. Teks “Sahih al-Bukhari” itu dibaca oleh sejarawan Syam, al-Imam al-Hafiz ‘Alamuddin Abu Muhammad al-Qasim ibn Muhammad ibn Yusuf al-Barzali yang berasal dari Isybiliyyah, Andalus dan kemudian menetap di Damsyik. Majlis pengajian itu diikuti oleh banyak hadirin dan nama mereka dicatat oleh Muhammad ibn Tughril ibn ‘Abdillah ibn al-Ghazzal al-Sairafi.

Syeikh Abu al-‘Abbas al-Hijazi pula telah mendengar kitab “Sahih al-Bukhari” ini dihuraikan sepenuhnya oleh Syeikh al-Imam Sirajuddin Abu ‘Abdillah al-Husain ibn Abi Bakr al-Mubarak ibn Muhammad ibn Yahya ibn ‘Ali ibn a’-Masih ibn ‘Imran al-Rabi’ie al-Baghdadi al-Zubaidi al-Hanbali. Ini berlaku pada penghujung bulan Syawal dan awal bulan Zulkaedah tahun 630H. iaitu di Masjid Jamik al-Muzaffariyyah yang terletak di kaki Jabal (Bukit) Qasiyun, di luar Damsyik. Syeikh Abu al-‘Abbas al-Hijazi juga menerima ijazah untuk mengajar keseluruhan kitab itu daripada dua orang syeikh iaitu Abu al-Hasan Muhammad ibn Ahmad ibn ‘Umar ibn al-Husain ibn al-Khalaf al-Qati’ie, seorang sejarawan dan ‘Ali ibn Abi Bakr ibn ‘Abdillah ibn Ru’bah al-Qalanisi, seorang penjual harum-haruman dari Baghdad. Syeikh Abu al-‘Abbas al-Hijazi menerima ijazah bagi bab “Sifat Cemburu dan Keghairahan Wanita” hingga akhir kitab tersebut, daripada Abu al-Munajja ‘Abdullah ibn ‘Umar ibn ‘Ali ibn Zaid ibn al-Laithi al-Khuza’ie al-Baghdadi. Keempat-empat orang ini telah mendengar huraian kitab itu daripada Syeikh Syadiduddin Abu al-Waqt ‘Abdul Awwal ibn ‘Isa ibn Syu’aib ibn Ibrahim al-Sijzi al-Harawi al-Sufi pada tahun 553H. (1158M.) di Baghdad. Beliau (Syeikh Syadiduddin) berkata, “Kitab Hadith tersebut diajar kepadaku oleh al-Imam Jamal al-Islam Abu al-hasan ‘Abdul Rahman ibn Muhammad ibn al-Muzaffar ibn Muhammad ibn Daud ibn Ahmad ibn Mu’az ibn Sahl ibn al-Hakam al-Dawudi. Kitab itu dibaca kepada beliau dan aku mendengarnya, di Busyanj pada tahun 465H. (1072M.) “

Beliau pula (Imam Jamal al-Islam) berkata, “Kitab tersebut diajar kepadaku oleh Abu Muhammad ‘Abdullah ibn Ahmad ibn Hubah ibn Yusuf ibn Aiman al-Sarkhasi. Kitab itu dibaca kepada beliau sedangkan aku mendengarnya, pada bulan Safar tahun 381H.

(991M.) “

Beliau (Abu Muhammad) berkata, “Kitab tersebut diajar kepadaku oleh ‘Abdullah Muhammad ibn Yusuf ibn Mitr ibn Salih ibn Bisyr ibn Ibrahim al-Farabri. Kitab itu dibaca kepada beliau sedangkan aku mendengarnya di Farabr pada tahun 316H. (928M.) Beliau berkata bahawa kitab tersebut diajar kepadanya oleh Imam Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Isma’il al-Bukhari r.a. pada tahun 248H. (862M.) di Farabr dan kemudian diajar bagi kali keduanya pada tahun 253H. (867M.) “

*(*515O – alangkah bagusnya penelitian Ibn Battutah didalam salasilah/asal-usul ilmu Hadith Sahih yang dipelajarinya)*

Antara ulama’ Damsyik yang memberikan ijazah am kepadaku ialah Syeikh Abu al-‘Abbas al-Hijazi itu. Aku memohon ijazah tersebut dan beliau memberikannya secara lisan. Selain itu, ulama’ lain yang juga memberikan ijazah kepadaku ialah seorang syeikh dan juga imam iaitu Syihabuddin Ahmad ibn ‘Abdillah ibn Ahmad ibn Muhammad al-Maqdisi yang lahir pada bulan Rabi’ul Awwal tahun 653H. (April 1255M.), seorang syeikh dan imam yang salih iaitu ‘Abdul Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Ahmad ibn ‘Abdil Rahman al-Najdi dan ketua bagi semua imam iaitu Jamaluddin Abu al-Mahasin Yusuf ibn al-Zaki ‘Abdil Rahman ibn Yusuf al-Mizzi al-Kalbi, ketua bagi semua hafiz (huffaz).

Di samping itu, Imam ‘Alauddin ‘Ali ibn Yusuf ibn Muhammad ibn ‘Abdillah al-Syafi’e, Muhyiddin ibn Yahya ibn ‘Ali al-‘Alawi, seorang syeikh dan imam yang mulia serta Majduddin al-Qasim ibn ‘Abdillah ibn Abi ‘Abdillah ibn al-Mu’alla al-Dimasyqi, seorang syeikh, imam dan juga muhaddith yang lahir pada 654H. (1256M.) juga turut memberikan ijazah kepadaku. Seterusnya ialah Syihabuddin Ahmad ibn Ibrahim ibn Falah ibn Muhammad al-Iskandari, seorang syeikh dan imam yang ‘alim, Syamsuddin ibn ‘Abdillah ibn Tammam, seorang syeikh, imam dan wali Allah SWT serta dua orang syeikh yang bersaudara, Syeikh Syamsuddin Muhammad dan Syeikh Kamaluddin ‘Abdullah. Kedua-duanya ialah anak Ibrahim ibn ‘Abdillah ibn Abi ‘Umar al-Maqdisi. Selanjutnya ialah Syamsuddin Muhammad ibn Abi al-Zahra’ ibn Salim al-Hakari, seorang syeikh dan juga ‘abid, Ummu Muhammad ‘Aisyah bint Muhammad ibn Muslim ibn Salamah al-Harani iaitu syeikhah yang salihah serta Rihlah al-Dunya Zainab bint Kamaluddin Ahmad ibn ‘Abdil Rahim ibn ‘Abdil Wahid ibn Ahmad al-Maqdisi, juga syeikhah yang salihah. Semua tokoh dan ulama’ ini memberikan ijazah am kepadaku untuk mengajar pada tahun 726H. di Damsyik.

*(*515O - Alhamdulillah maka berakhirlah Bab 2 dan insyaAllah kita akan ke Bab 3 seterusnya iaitu* **Dari Damsyik ke Makkah**)

Bab 3
Dari Damsyik ke Makkah

Apabila anak bulan Syawal muncul pada tahun tersebut (1 September 1326M.), kafilah

Hijaz memulakan perjalanan keluar dari persekitaran Damsyik dan berkhemah di sebuah kampung yang bernama Kuswah. Aku turut keluar mengikuti mereka. Ketua kafilah itu bernama Saifuddin al-Juban, salah seorang amir utama. Kadi kafilah itu bernama Syarafuddin al-Azru'ie al-Haurani. Pada tahun itu juga,guru Mazhab Maliki yang bernama Sadruddin al-Ghumari turut menunaikan ibadah haji. Perjalananku itu bersama-sama dengan satu rombongan Arab Badwi yang bernama 'Ajarimah. Amir mereka ialah Muhammad ibn Rafi' yang memiliki kedudukan tinggi di kalangan semua amir.

Kami berjalan dari Kuswah ke sebuah kampung yang besar bernama Sanamain. Kemudian kami sampai di Zur'ah, sebuah pekan kecil dalam daerah Hauran. Kami berhenti berhampiran dengan tempat itu dan kemudian terus berjalan ke Busra, sebuah kota kecil. Mengikut adat, kafilah-kafilah akan berhenti di sini selama empat hari supaya sesiapa yang tertinggal di Damsyik kerana hal-hal tertentu boleh menyertai kafilah di sini. Rasulullah SAW pernah sampai di Busra sewaktu mengurus perniagaan Sayyidatina Khadijah. Ini berlaku sebelum baginda SAW dilantik menjadi Rasul. Di Busra, tempat unta betina Baginda SAW duduk bertelut ditandakan. Kini sebuah masjid yang besar telah didirikan di atasnya. Penduduk Hauran tertumpu di kota Busra dan jemaah haji memperoleh bekalan perjalanan mereka dari situ. Kemudian mereka akan berjalan ke Birkah Zirah dan berhenti di situ selama sehari. Seterusnya mereka berjalan pula ke Lajjun yang terdapat air yang mengalir. Selepas itu mereka meneruskan perjalanan ke Kubu (Kota Pertahanan) Karak.

Karak merupakan salah sebuah kubu pertahanan yang paling hebat, masyhur serta kukuh dan turut dikenali umum sebagai Kubu Ghurab. Sebuah lembah mengelilingi kubu itu dari segenap penjuru. Kubu itu cuma mempunyai satu pintu masuk sahaja yang dipahat ke dalam batu yang pejal. Laluan masuk ke berandanya juga turut dipahat ke dalam batu pejal. Kubu ini digunakan oleh raja-raja sebagai benteng pertahanan dan juga sebagai tempat perlindungan pada waktu kecemasan. Al-Malik al-Nasir pernah berlindung di kubu ini. Pada waktu itu, baginda masih kecil dan mamluknya yang bernama Salar yang bertindak sebagai naib sultan telah mengambil alih pentadbiran kerajaan. Al-Malik al-Nasir menyatakan kehendaknya untuk menunaikan ibadah haji dan semua amir bersetuju membenarkannya berbuat demikian. Baginda pun berangkat ke tanah suci. Apabila tiba di 'Aqabah Ailah, baginda lari ke berlindung di Kubu Karak selama beberapa tahun hingga amir-amir wilayah Syam sepakat mencarinya dan mamluk-mamluk berhimpun di sekelilingnya.

Sementara itu, kuasa pemerintahan berada di tangan Baibars al-Syasyankir. Beliau ialah amir al-ta'am (*amir yang mengurus segala urusan berkaitan dengan makanan) dan bergelar sebagai al-Malik al-Muzaffar. Beliaulah yang membina Khanqah al-Baibarsiyyah yang terletak berhampiran dengan Khanqah Said al-Su'ada' yang dibina oleh Salahuddin ibn Ayyub. Al-Malik al-Nasir melancarkan serangan terhadap Baibars al-Syasyankir. Dia melarikan diri ke padang pasir tetapi dikejar oleh tentera al-Malik al-Nasir lalu ditangkap dan dibawa menghadap al-Malik al-Nasir yang memerintahkan supaya dia dihukum bunuh. Hukuman bunuh pun dilaksanakan terhadapnya. Salar juga ditangkap dan dipenjarakan di bilik kurungan di bawah tanah hingga dia mati kelaparan. Diceritakan bahawa dia terpaksa memakan bangkai disebabkan terlalu lapar. Kita

memohon perlindungan Allah SWT daripada nasib yang sedemikian rupa.

Kafilah berhenti selama empat hari di luar Karak iaitu berhampiran dengan sebuah tempat yang bernama Thaniyyah dan anggota rombongan membuat persediaan untuk memasuki kawasan padang pasir. Kemudian kamu berjalan ke Ma'an yang merupakan kota terakhir di Syam. Kami turun melalui Genting Sawan ke kawasan gurun yang dikatakan orang ramai, "memasukinya mengundang kebinasaan, meninggalkannya menjamin kehidupan". Selepas dua hari berjalan, kami berhenti di Zatt Hajj iaitu sebuah tempat yang terdiri daripada lapisan-lapisan air bawah tanah dan tidak berpenduduk. Kemudian kami sampai di Wadi Baldah tetapi tidak terdapat air di situ. Seterusnya kami sampai pula di Tabuk. Rasulullah SAW pernah melancarkan ekspedisi ketenteraan ke Tabuk. Di situ terdapat mata air yang cuma menghasilkan air yang sedikit sahaja tetapi apabila Nabi SAW turun ke dalamnya dan mengambil wuduk, air mengalir dengan banyaknya hingga hari ini, dengan berkat Rasulullah SAW.

Mengikut adat jemaah haji Syam, apabila sampai di Tabuk, mereka mengambil senjata dan menghunus pedang lalu menyerbu ke dalam kawasan perkhemahan dan memukul pokok tamar dengan pedang mereka sambil berkata, "Demikianlah cara Rasulullah SAW memasuki tempat ini". Kafilah yang besar itu mendirikan khemah di atas tebing mata air tersebut dan semua orang menghilangkan dahaga dengan meminumnya. Mereka berehat di situ selama empat hari sambil memberi minum unta mereka serta menyediakan bekalan air menghadapi kawasan padang pasir yang menggerunkan di antara 'Ula dengan Tabuk. Mengikut amalan pembawa air, mereka akan memilih tempat persinggahan yang terletak bersebelahan dengan mata air itu. Mereka mempunyai kolam yang diperbuat daripada kulit kerbau yang menyerupai tangki-tangki yang besar. Mereka memberi minum unta dan mengisi beg-beg kulit berisi air yang besar (rawaya) dan juga yang bersaiz biasa (qurab) dengan mendapatkan air dari semua kolam ini. Setiap amir atau pembesar mempunyai kolam yang digunakan untuk memberi minum untanya serta unta pengiring-pengiring di samping mengisi beg-beg air mereka. Orang lain daripada kalangan anggota kafilah mengadakan persefahaman sendiri dengan pembawa air itu untuk memberikan air kepada unta dan mengisi beg-beg air masing-masing dengan bayaran beberapa dirham yang ditetapkan.

Selepas itu kafilah meneruskan perjalanan dari Tabuk dan mempercepat lagi langkah mereka pada waktu siang serta malam kerana bimbang akan kawasan padang pasir itu. Di tengah-tengah perjalanan iaitu melalui kawasan padang pasir ini terdapat sebuah lembah yang bernama Wadi al-Ukhaidir (Lembah Kecil yang Hijau). Lembah ini juga boleh dinamai sebagai Lembah Neraka. Semoga Allah melindungi kita daripada bahayanya. Pada suatu tahun, rombongan jemaah haji ditimpa musibah dan penderitaan disebabkan angin samum (angin padang pasir) yang bertiup di situ. Semua bekalan air mereka kering sehingga nilai seteguk air mencapai harga 1,000 dinar, namun kedua-dua pembeli dan penjual mati kehausan. Kisah ini tertera pada salah satu batu besar di lembah tersebut.

Dari situ, kafilah meneruskan perjalanan dan berhenti di Birkah (Kolam) al-Mu'azzam yang merupakan sebuah kawasan lembahyang besar. Nama tempat ini diberikan bersempena dengan nama al-Malik al-Mu'azzam, daripada keluarga Ayyub. Pada

sesetengah tahun, air hujan memenuhi lembah itu dan pada sesetengah tahun yang lain pula, lembah tersebut menjadi kering. Pada hari kelima selepas meninggalkan Tabuk, kafilah tiba di perigi Hijr iaitu Hijr Kaum Thamud. Terdapat air yang banyak di situ tetapi tiada seorang pun yang mengambil air tersebut meskipun terlalu dahaga kerana meneladani perbuatan Nabi SAW. Rasulullah SAW melalui kawasan itu dalam ekspedisi Perang Tabuk lantas mempercepat perjalanan unta tunggangannya dan mengarahkan supaya tiada seorang pun yang mengambil bekalan air di situ. Sebaliknya, anggota kafilah menggunakan air itu untuk menggaul tepung dan memberikan tepung tersebut kepada unta untuk dimakan.

Di situ juga terletak penempatan kaum Thamud iaitu di kawasan berbukit-bukau yang berbatu merah. Rumah-rumah mereka dipahat di dalam bukit dan mempunyai bendul pintu yang diukir. Sesiapa yang melihat bendul itu akan menyangka ia baru sahaja dibuat. Tulang-belulang mereka telah hancur lumat di dalam rumah itu. Sesungguhnya keadaan sedemikian merupakan suatu peringatan. Tempat unta betina Nabi Salih a.s. bertelut terletak di antara dua buah bukit di situ. Di antara dua buah bukit tersebut pula terdapat kesan-kesan sebuah masjid dan di situ orang ramai mendirikan solat.

Jarak di antara Hijr dengan ‘Ula adalah sejauh perjalanan selama sehari atau kurang. ‘Ula ialah sebuah kampung yang besar dan cantik selain mempunyai dusun-dusun tamar serta mata air. Di situ jemaah haji berhenti selama empat hari. Dalam tempoh tersebut, mereka mendapatkan bekalan perjalanan dan mencuci pakaian. Mereka meninggalkan apa juga bekalan yang berlebihan di kampung itu dan hanya mengambil sekadar yang benar-benar diperlukan sahaja. Penduduk kampung tersebut terdiri daripada orang yang beramanah dan kampung itu juga merupakan sempadan perjalanan bagi pedagang-pedagang Nasrani dari Syam. Mereka tidak boleh melampaui kampung tersebut. Di situ, mereka berjual beli dengan jemaah haji. Barang-barang yang diperniagakan termasuklah bekalan perjalanan dan barang-barang yang lain.

Kemudian kafilah haji itu bertolak dari ‘Ula dan pada keesokan harinya, mereka berkhemah di sebuah lembah yang bernama ‘Utas. Kawasan itu sangat panas dan dilanda tiupan angin samum yang membawa maut. Pada suatu tahun, angin ini melanda sebuah kafilah haji dan tiada orang yang terselamat kecuali sebilangan kecil sahaja. Tahun itu dinamai sebagai Tahun Amir al-Jaliqi oleh orang ramai. Kemudian jemaah haji berkhemah pula di Hudayyah yang terdapat air di bawah tanah iaitu di dalam sebuah lembah. Mereka menggali lubang di dalam tanah itu lalu keluarlah air yang rasanya payau. Pada hari ketiga, mereka pun sampai di tanah suci Madinah yang mulia.

Taybah *(*bermaksud ‘baik,manis’ dan merujuk kota Madinah al-Munawwarah)* Kota Rasulullah SAW yang Dimuliakan

Pada waktu senja hari yang sama, iaitu selepas matahari terbenam,kami memasuki kota suci Madinah dan tiba di masjidnya yang mulia. Kami berhenti di Bab al-Salam untuk mengucapkan salam sebagai tanda hormat dan mendirikan solat di Raudah al-Karimah (Taman yang Mulia) yang terletak di antara makam dengan mimbar Nabi yang mulia.

Kami mengucup potongan yang tinggal daripada batang pohon tamar yang pernah menangis teresak-esak kerana Rasulullah SAW sebagai meneladani perbuatan baginda SAW kepadanya. Potongan batang tamar itu kini dilekatkan pada sebuah tiang yang berada di antara makam Nabi SAW dengan mimbar iaitu disebelah kanan menghadap kiblat. Kami menyampaikan sebaik-baik salam ke atas penghulu manusia yang terdahulu dan terkemudian, pemberi syafa'at bagi orang yang berdosa iaitu Rasul serta Nabi daripada Bani Hasyim dari Lembah Makkah, Muhammad. Semoga Allah Azzawajalla merahmati dan mengurniakan kesejahteraan kepada Baginda SAW. Mudah-mudahan juga Allah SWT memuliakan dan meninggikan darjatnya. Kami turut menyampaikan sebaik-baik salam ke atas dua orang sahabatnya yang berkongsi makam dengan baginda iaitu Abu Bakr al-Siddiq r.a dan Abu Hafs 'Umar al-Faruq r.a.

Seterusnya kami pun kembali ke khemah kami dan bergembira dengan nikmat yang amat besar ini. Kami berasa terhibur kerana memperoleh kurniaan yang amat besar ini dan bersyukur kepada Allah SWT kerana tiba di tempat-tempat suci Rasul-Nya; tempat-tempat yang mulia lagi kudus. Kami berdoa agar ini bukanlah kesempatan yang terakhir bagi kami untuk berkunjung ke sini. Semoga kami digolongkan dalam kumpulan yang kunjungannya diterima dan perjalanannya dicatatkan sebagai perjalanan yang dibuat demi mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Masjid Rasulullah (saw) dan Raudahnya yang Mulia

Masjid Rasulullah SAW yang mulia itu berbentuk segi empat bujur. Masjid ini dilingkungi oleh tiang-tiang yang mengelilinginya di keempat-empat penjuru iaitu utara, selatan, timur dan barat. Di bahagian tengah masjid itu, terdapat halaman dalam yang terbuka dan berlantaikan batu serta pasir. Masjid Rasulullah SAW itu dikelilingi pula oleh sebatang jalan yang berturap batu yang berpahat. Raudah yang suci itu, semoga Allah merahmati dan memberikan kesejahteraan kepada penghuninya, terletak berhampiran dengan penjuru tenggara masjid tersebut. Rupa bentuk Raudah tersebut agak luar biasa dan sukar untuk dihuraikan. Ia diserikan dengan batu marmar yang amat unggul pahatan serta tinggi mutunya. Bahagian atasnya pula masih terdapat bekas sapuan kasturi serta harum-haruman (yang telah menjadi hitam dan merekah) meskipun telah melalui peredaran zaman yang panjang.

Di bahagian tepinya iaitu mengarah ke selatan, terdapat paku perak yang terletak bertentangan dengan wajah (diri) Nabi SAW yang mulia. Di situlah orang ramai berdiri mengucapkan salam dengan menghadapkan diri kepada Nabi SAW yang mulia dan membelakangkan kiblat. Selepas menyampaikan ucapan salam hormat kepada Nabi SAW mereka pun beredar ke sebelah kanan iaitu ke makam Abu Bakr al-Siddiq. Kepala Abu Bakr r.a. menghala ke arah kaki Rasulullah SAW. Kemudian mereka beredar ke makam 'Umar ibn al-Khattab r.a. yang kepalanya pula menghala ke bahu Abu Bakr r.a.

Di bahagian utara taman yang mulia itu, semoga Allah menambah keharumannya, terdapat sebuah kolam kecil yang berkemasan marmar dan menghala ke kiblatnya pula terdapat mihrab. Dikatakan bahawa mihrab itu ialah bilik Fatimah puteri Rasulullah SAW

dan dikatakan bahawa itulah makamnya; Allah jualah yang mengetahui hal yang sebenarnya.

Di tengah-tengah masjid yang mulia itu, terdapat daun pintu yang rata dengan permukaan lantai masjid menutupi jalan masuk ke sebatang lorong bawah tanah yang mempunyai tangga menuju ke rumah Abu Bakr r.a. iaitu di luar masjid. Lorong bawah tanah itulah yang digunakan puterinya, 'Aisyah untuk pergi ke rumah beliau. Lorong itulah yang disebut di dalam Hadith dan yang diminta oleh Nabi SAW supaya dikekalkan, sementara semua lorong yang lain ditutup. Rumah 'Umar dan puteranya, 'Abdullah ibn 'Umar r.a. terletak bertentangan dengan rumah Abu Bakr.

Di sebelah timur masjid yang mulia itu terdapat rumah imam kota Madinah, Abu 'Abdillah Malik ibn Anas r.a. Berhampiran dengan Bab al-Salam, terdapat kolam yang mengalir. Kolam itu dinamai sebagai Mata Air Biru oleh penduduk dan boleh dituruni dengan menggunakan anak tangga.

Bermulanya Pembinaan Masjid Nabawi

Rasulullah SAW tiba di kota Madinah yang mulia, pada hari Isnin 13 Rabi'ul Awwal lalu singgah di petempatan suku kaum 'Amru ibn 'Auf. Baginda SAW tinggal bersama-sama dengan mereka selama dua puluh dua malam. Menurut setengah-setengah riwayat yang lain, Baginda SAW tinggal dengan mereka selama empat belas malam atau empat malam. Kemudian Baginda SAW menuju ke kota Madinah lalu singgah di petempatan Bani Najjar iaitu di rumah Abu Ayyub al-Ansari r.a. Baginda tinggal di rumah Abu Ayyub selama tujuh bulan hinggalah Baginda selesai membina rumah dan masjidnya. Tapak masjid itu ialah ruang berpagar untuk mengeringkan buah tamar yang dimiliki oleh Sahl dan Suhail, dua orang anak Rafi' ibn Abi 'Umar ibn 'Anid ibn Tha'labah ibn Ghanim ibn Malik ibn al-Najjar. Mereka berdua ialah anak yatim yang dipelihara oleh As'ad ibn Zurarah r.a dan dikatakan juga bahawa mereka berdua di bawah jagaan Abu Ayyub. Rasulullah SAW membeli tapak tersebut daripada mereka. Selain itu diceritakan juga bahawa Abu Ayyub membuat mereka berdua rela melepaskannya kepada Baginda SAW. Riwayat lain pula menyatakan bahawa mereka berdua menghadiahkan tapak itu kepada Rasulullah SAW.

Rasulullah SAW membina masjid dengan dibantu oleh sahabat-sahabat dan mendirikan dinding di sekelilingnya tanpa didirikan bumbung atau tiang. Masjid itu dibina berbentuk segi empat; ukuran panjang dan lebarnya ialah 100 hasta. Diriwayatkan juga bahawa ukuran lebarnya kurang sedikit daripada itu. Dinding masjid dibina setinggi seseorang berdiri. Apabila cuaca sangat terik, sahabat-sahabat pun berbincang untuk mendirikan bumbung di atas masjid itu. Rasulullah SAW lantas mendirikan tiang masjid dengan batang tamar dan bumbungnya pula daripada dahan-dahan tamar. Apabila hujan turun, air menitis ke dalam masjid. Sahabat-sahabat mencadangkan pula kepada Baginda supaya menggunakan tanah liat untuk bumbung masjid itu. Baginda bersabda, "Tidak sama sekali! Pondok yang sama seperti pondok Nabi Musa (a.s.)," atau "Berteduh seperti Nabi Musa (a.s.) berteduh, padahal urusan ini lebih mudah daripada itu." Baginda ditanya,

“Bagaimanakah bentuknya pondok Nabi Musa (a.s)?” Baginda bersabda, “Apabila berdiri, kepalanya menyentuh bumbung.”

Baginda juga membuat tiga buah pintu untuk masjid tersebut. Kemudian Baginda menutup pintu di bahagian selatan apabila arah kiblat ditukar. Masjid Nabawi terus berkeadaan demikian semasa hayat Rasulullah SAW dan Abu Bakr r.a. Pada zaman Khalifah ‘Umar ibn al-Khattab r.a., beliau memperbesarkan lagi Masjid Rasulullah SAW. Sayyidina ‘Umar berkata, “Kalaulah aku tidak mendengar Rasulullah SAW bersabda, ‘Kita perlu memperbesar masjid itu,” nescaya aku tidak memperbesarnya. Beliau menurunkan tiang-tiang kayu itu lalu mendirikan tiang-tiang bata di tempatnya dan membina dasar masjid tersebut daripada batu yang ditinggikan, setinggi seseorang berdiri. Sayyidina ‘Umar juga membuat enam buah pintu; dua buah pintu di setiap arah kecuali arah kiblat. ‘Umar berkata, “Pintu ini dikhaskan bagi kaum wanita,” dan beliau tidak pernah kelihatan berada di pintu tersebut hinggalah beliau meninggal dunia. Beliau berkata, “Sekalipun kami memperluas masjid ini hingga sampai ke kawasan pusara (Jabbanah), ia masih tetap Masjid Rasulullah. Semoga Allah merahmati Baginda SAW.”

Sayyidina ‘Umar mahu memasukkan sebuah tapak yang dimiliki oleh Sayyidina ‘Abbas, ayahanda saudara Nabi SAW, ke dalam kawasan masjid. Akan tetapi, Sayyidina ‘Abbas menentang kehendaknya itu. Di tapak tersebut, terdapat pancuran yang mengalirkan air ke dalam kawasan masjid, lalu ‘Umar mencabutnya dengan berkata, “Pancuran ini mengganggu orang ramai.” ‘Abbas membantah perbuatan ‘Umar itu. Akhirnya mereka berdua bersetuju menjemput Ubayy ibn Ka’ab untuk menghakimi perbalahan mereka. Mereka berdua datang ke rumah Ubayy ibn Ka’ab tetapi beliau tidak membenarkan mereka berdua masuk sehingga beberapa ketika. Akhirnya, mereka memasuki rumahnya dan Ubayy ibn Ka’ab berkata, “Jariahku sedang membasuh kepalaku tadi.” Umar mahu memulakan percakapan tetapi ditahan oleh Ubayy yang berkata, “Biarkan Abu Fadl (iaitu ‘Abbas) bercakap dahulu kerana kedudukannya sebagai ahli keluarga Rasulullah SAW.

‘Abbas berkata, “Tanah itu ialah tapak bangunan yang diberikan kepadaku oleh Rasulullah SAW. Aku membina binaan di atas tapak tersebut dengan bantuan Baginda. Aku memasang pancuran itu semasa aku berdiri di atas dua bahu Baginda. Kini ‘Umar datang dan mencabut pancuran tersebut dan mahu memasukkan keseluruhan tapak itu ke dalam masjid.”

Ubayy berkata, “Aku mengetahui sesuatu yang menyentuh tentang hal ini. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, “ *Nabi Daud a.s. mahu membina rumah Allah yang suci. Di tapaknya ada sebuah rumah, milik dua orang anak yatim. Nabi Daud cuba memujuk mereka menjualnya tetapi mereka enggan. Kemudian Nabi Daud a.s. memujuk sekali lagi lalu mereka pun menjual tapak itu. Seterusnya, dua orang anak yatim tersebut membuat tipu helah yang menyebabkan penjualan tadi terbatal dan Nabi Daud a.s terpaksa membeli semula tapak itu daripada mereka. Akan tetapi, mereka mengulang tipu helah yang sama dan Nabi Daud a.s. mendapati harganya terlalu mahal. Ketika itu Allah Ta’ala mewahyukan kepada baginda, ‘Sekiranya kamu memberikan sesuatu yang kamu miliki maka kamu lebih mengetahui; tetapi sekiranya kamu memberikan (sesuatu) daripada rezeki-Ku kepada mereka berdua, maka berikanlah kepada mereka berdua*

sehingga mereka berpuas hati. Rumah yang paling bersih daripada penindasan ialah rumah-Ku dan Aku telah mengharamkan pembinaannya daripada kamu.' Nabi Daud a.s. berkata, 'Wahai Tuhanku, kurniakan rumah-Mu itu kepada Nabi Sulaiman, ' dan Allah mengurniakannya kepada Nabi Sulaiman a.s."

'Umar berkata, "Siapakah yang sanggup menyaksikan bagiku bahawa Rasulullah SAW memang menyatakan demikian?" Ubayy keluar menemui beberapa orang tertentu daripada kalangan kaum Ansar lalu mereka mengesahkan sabda Rasulullah SAW itu. 'Umar berkata, "Aku akan menerima kata-katamu biarpun tidak menemui orang lain selain kamu untuk mengesahkannya tetapi aku suka mendapatkan pengesahan." Kemudian beliau berkata kepada 'Abbas, " Demi Allah, kamu tidak akan meletakkan kembali pancuran itu melainkan kakimu memijak kedua-dua bahuku." 'Abbas pun melakukan hal sedemikian lalu berkata, "Kini, oleh sebab tapak tersebut telah disahkan sebagai milikku, maka aku menjadikannya sedekah di jalan Allah."

Maka 'Umar pun meruntuhkan binaan di tapak itu dan memasukkannya ke dalam kawasan masjid.

Masjid tersebut diperbesar lagi oleh 'Uthman r.a. Beliau sendiri melakukan keja-kerja pembinaan dengan bersungguh-sungguh dan menghabiskan masa sepanjang hari dengan bekerja. 'Uthman r.a. memutihkan masjid itu dan mengukuhkan tapaknya dengan batu batan yang berukir. 'Uthman juga memperluas masjid tersebut dari setiap sudut kecuali bahagian selatan. Beliau mendirikan tiang-tiang batu di dalam masjid itu yang dikukuhkan dengan tiang-tiang besi dan plumbum. 'Uthman turut membuat bumbung dengan kayu jati di samping membina sebuah mihrab untuk masjid tersebut. Akan tetapi, riwayat yang lain mengatakan bahawa Marwan ialah orang pertama yang membina mihrab dan dikatakan pula bahawa 'Umar ibn 'Abdil 'Aziz yang membinanya pada zaman Khalifah al-Walid.

Masjid itu diperbesar oleh pula oleh al-Walid ibn 'Abdil Malik dan urusannya diselia oleh 'Umar ibn 'Abdil 'Aziz. Beliau memperluas, mencantikkan dan memperkukuh masjid itu dengan menggunakan batu marmar serta kayu jati yang bersalutkan emas. Al-Walid menghantar perutusan kepda raja Rom dengan berkata, "Beta hendak membina masjid Nabi kami SAW maka berikanlah bantuan kepada beta." Raja Rom lantas menghantar jurubina yang mahir dan 80 mithqal emas kepada al-Walid. Al-Walid memerintahkan supaya bilik isteri-isteri Nabi SAW dimasukkan ke dalam kawasan masjid. Maka 'Umar membeli beberapa buah rumah yang membolehkannya memperluas masjid di tiga buah sudut masjid tersebut. Akan tetapi apabila 'Umar mahu memperluas bahagian selatan, 'Ubaidillah ibn 'Abdillah ibn 'Umar enggan menjual rumah Hafsah. Mak terjadilah perbalahan dalam tempoh yang panjang antara mereka berdua. Akhirnya 'Umar membelinya dengan syarat bahawa baki tapak rumah itu tetap menjadi milik pemiliknya dan dengan syarat bahawa mereka boleh membuat sebatang lorong ke dalam masjid daripad baki tapak tersebut. Itulah lorong yang berada di dalam masjid.

'Umar turut membina empat buah menara dikeempat-empat bahagian masjid yang salah satunya menghala ke rumah Marwan. Sulaiman ibn 'Abdil Malik singgah di rumah itu

sewaktu menunaikan haji. Apabila tiba waktu solat, mu'azzin melihat kearahnya ketika melaungkan azan. Beliau lantas mengarahkan supaya menar tesebu dirobohkan. 'Umar juga membina mihrab di dalam masjid itu dan dikatakan bahawa beliaulah orang yang mula memperkenalkan mihrab.

Masjid Nabi (saw) diperluas lagi oleh al-Mahdi, putera Abu Ja'far al-Mansur. Ayahandanya telah berniat untuk melakukannya tetapi beliau tidak ditakdirkan untuk berbuat demikian. Al-Hasan ibn Zaid menulis kepada Abu Ja'far dan mencadangkan supaya masjid itu diperluas di bahagian timurnya. Menurutnya, 'Sekiranya bahagian tersebut diperluas, taman yang mulia itu (Raudah) akan teletak di tengah-tengah masjid yang mulia itu.' Akan tetapi Abu Ja'far mengesyaki bahawa al-Hasan cuma didorog oleh niat hendak meruntuhkan rumah 'Uthman r.a. lalu menulis surat kepadanya dan mengatakan , 'Aku menyedari niatmu yang sebenar, jangan menyentuh sedikit pun rumah 'Uthman'.

Abu Ja’far juga memerintahkan supaya halaman dalam masjid diteduhkan dengan menggunakan kain tebal pada musim panas. Kain-kain ini dibentangkan dengan menggunakan tali yang diikatkan pada palang kayu yang didirikan di halaman dalam masjid. Ini dibuat supaya jemaah masjid dapat berlindung daripada cuaca panas. Ukuran panjang binaan masjid yang didirikan oleh al-Walid ialah 200 hasta lalu diperluas lagi oleh al-Mahdi sehingga mencapai 300 hasta di samping menjadikan maqsurah separas dengan tanah. Sebelum itu, maqsurah tersebut berada setinggi dua hasta dari aras tanah. Al-Mahdi juga mencatat namanya di beberapa bahagian masjid.

Selepas itu, al-Malik al-Mansur Qalawun memerintahkan supaya satu tempat khas untuk berwuduk di sisi Bab al-Salam dibina. Pembinaannya diselia oleh ‘Ala’uddin, seorang amir yang salih yang digelar sebagai al-Aqmar oleh orang ramai. Baginda mendirikan halaman dalam yang luas bagi tempat berwuduk itu. Ia dikelilingi pula oleh bilik-bilik dan mengalirkan air ke dalamnya. Baginda berniat untuk melakukan perkara yang sama di Makkah, semoga Allah memuliakan kota tersebut, tetapi hasratnya tidak tercapai. Sebaliknya hasratnya itu ditunaikan oleh puteranya, al-Malik al-Nasir di antara Safa dengan Marwah. Kisah ini akan diceritakan kemudian, Insya Allah.

Kiblat Masjid Nabawi ialah kiblat yang mutlak dan tidak boleh diubah lagi kerana Nabi SAW sendiri yang menentukannya. Dikatakan bahawa Jibril a.s. yang menentukan kiblat dan dikatakan pula bahawa Jibril a.s menunjukkan arah kiblat sewaktu Nabi SAW sedang mendirikannya. Selain itu, turut diriwayatkan bahawa Jibril a.s. membuat isyarat ke arah bukit-bukau lalu bukit-bukau itu merendahkan diri dan tunduk sehingga ternampaklah Kaabah. Dengan yang demikian, Nabi SAW membina kiblat masjidnya sambil melihat ke arah Kaabah dengan matanya sendiri. Walau bagaimanapun, kiblat Masjid Nabawi ialah kiblat yang telah ditentukan arahnya dengan mutlak. Sewaktu Nabi mula-mula tiba di Madinah, kiblat itu menghala ke arah Baitul Maqdis dan kemudian arahnya dipindahkan ke Kaabah iaitu selepas enam belas bulan, malah ada juga pendapat yang menyatakan selepas tujuh belas bulan.

Mimbar Masjid Nabawi yang Mulia

Dalam sebuah Hadith, disebut bahawa Rasulullah SAW sering berkhutbah sambil bersandar pada sebatang pohon tamar di dalam masjid. Kemudian, apabila sebuah mimbar dibina untuk Baginda SAW dan Baginda berpindah ke situ, batang pohon tamar itu menangis teresak-esak bagai esakan unta betina terhadap anaknya. Diriwayatkan juga bahawa Nabi SAW turun menemui batang tamar tersebut dan memeluknya lalu terhentilah esakannya. Nabi SAW bersabda, " Sekiranya aku tidak memeluknya, nescaya ia akan terus menangis teresak-esak hingga hari kiamat."

Terdapat beberapa riwayat yang berselisih pendapat tentang siapakah yang membina mimbar yang mulia itu. Diriwayatkan bahawa Tamim al-Dari r.a. yang membinanya. Dikatakan juga bahawa seorang budak suruhan milik al-'Abbas yang membinanya dan terdapat pula riwayat yang menyatakan bahawa seorang budak suruhan milik salah seorang wanita Ansar yang membinanya. Riwayat ini terdapat dalam Hadith yang sahih. Mimbar tersebut diperbuat daripada kayu pokok tarfa' (*tamarisk-tamarix sp) yang terdapat di dalam hutan. Selain itu dikatakan pula bahawa ia diperbuat daripada kayu pokok athl (oriental tamarisk). Mimbar tersebut mempunyai tiga anak tangga dan Rasulullah SAW biasa duduk di atas anak tangga tertinggi. Baginda meletakkan dua tapak kakinya yang mulia di atas anak tangga yang di tengah. Apabila Abu Bakr r.a. menjadi khalifah, beliau duduk di atas anak tangga yang tengah dan meletakkan dua tapak kakinya di atas anak tangga yang terbawah. Apabila 'Umar r.a. pula menjadi khalifah, beliau duduk di atas anak tangga yang paling bawah dan meletakkan dua tapak kakinya di atas tanah.' Uthman r.a. juga melakukan sebagaimana yang dilakukan oleh 'Umar pada permulaan zaman pemerintahannya dan kemudian beliau kembali duduk di atas tangga yang tertinggi.

(**Pokok ini bernama tamarisk/tamarix atau saltadar(saltcedar). Pokok renek atau pokok kecil yang cantik terutama bunganya ini disebarkan melalui biji. Batangnya yang panjang dan berwarna hijau kelabu, menegak dan bercabang-cabang. Batangnya inilah yang sering membentuk belukar setinggi 10-12 kaki. Daunnya pula yang menirus lebih kurang 1/16 inci panjang merimbun pada batang dan saling bertindih antara satu sama lain. Daun-daun ini kelihatan seperti daun-daun yang sentiasa menghijau tetapi ia sebenarnya gugur. Pokok ini tahan kemarau dan boleh tumbuh membiak di sebarang jenis tanah termasuk tanah yang beralkali dan bergaram. Ia biasanya ditemui di kawasan padang pasir dan padang pasir berumput pada ketinggian 100-5,000 kaki atau kadangkala 6,000 kaki di utara Arizona seperti di kawasan Canyon de Chelly (Apache Country, Amerika Syarikat) tempat ia biasa ditemui; berbunga pada bulan Mac sehingga September. Terdapat lebih kurang 543 spesies Tamarisk asli di Afrika Utara, Mediterranean dan Timur Tengah. Biasanya ia tumbuh sebagai pokok kayu renek atau pokok kecil di kawasan air berada di permukaan atau berhampiran dengan permukaan tanah.)*

Apabila Mu'awiyah, beliau hendak memindahkan mimbar itu ke Damsyik lalu kaum Muslimin menyuarakan bantahan dengan lantangnya. Angin bertiup dengan kencang dan

gerhana matahari pun berlaku. Bintang-bintang muncul pada waktu siang dan bumi menjadi gelap gelita sehingga orang ramai saling berlanggar antara satu sama lain. Jalan-jalan serta lorong tidak dapat dipastikan. Apabila Mu'awiyah melihat keadaan tersebut, beliau pun membatalkan hasratnya dan menambah enam anak tangga di bahagian bawah mimbar tersebut, maka jadilah keseluruhannya sembilan anak tangga.

Khatib dan Imam Masjid Nabawi

Sewaktu aku memasuki Madinah, imam masjidnya yang mulia ialah Baha'uddin ibn Salamah, salah seorang penduduk Mesir yang ternama. Timbalannya ialah seorang ilmuwan yang salih, zuhud dan menjadi tumpuan sekalian ulama' iaitu 'Izuddin al-Wasiti, semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya. Sebelum beliau, jawatan khatib dan kadi Madinah dipegang oleh Sirajuddin 'Umar al-Misri.

Kisah Sirajuddin dan Mimpinya.

Diceritakan bahawa Sirajuddin 'Umar al-Misri memegang jawatan kadi dan khatib di Madinah selama lebih kurang empat puluh tahun. Kemudian beliau bercadang untuk berpindah ke Mesir. Beliau bermimpi menemui Rasulullah SAW dalam tidurnya sebanyak tiga kali. Pada setiap kalinya , Baginda SAW menegah beliau daripada keluar meninggalkan Madinah serta memberitahunya tentang ajalnya yang semakin hampir. Namun beliau tetap berdegil untuk meninggalkan Madinah lalu meninggal dunia di satu tempat yang bernama Suwais iaitu lebih kurang tiga malam perjalanan dari Mesir (Kaherah). Kita berlindung dengan Allah daripada kesudahan yang tidak baik.

Naib beliau ialah Faqih Abu 'Abdillah Muhammad ibn Farhun r.h. Anak-anaknya kini berada di Madinah al-Syarifah iaitu Abu Muhammad 'Abdullah yang menjadi guru Mazhab Maliki serta wakil bagi ketua pentadbiran kehakiman dan Abu 'Abdillah Muhammad. Keluarga ini berasal dari Tunis dan menduduki tempat yang mulia serta terhormat di kalangan masyarakat kota tersebut. Selepas itu jawatan khatib dan kadi di Madinah disandang oleh Jamaluddin al-Asyuti dari Mesir. Sebelum itu, beliau menjadi kadi di Kubu Karak.

Siak dan Bilal Masjid Nabawi.

Siak-siak dan penjaga-penjaga pintu masjid mulia ini terdiri daripada pemuda-pemuda kaum Habsyi dan juga kaum yang lain. Mereka memiliki rupa paras yang elok, perwatakan yang menyenangkan dan sentiasa berpakaian kemas. Ketua mereka digelar sebagai Syeikh bagi Semua Siak dan pangkatnya samalah dengan amir-amir utama. Mereka memperoleh elaun khas yang diterima dari Mesir serta Syam dan elaun ini diberikan setiap tahun.

Ketua bilal di tanah suci itu ialah Jamaluddin al-Matari, seorang imam dan muhaddith yang mulia berasal dari Matariyyah iaitu sebuah kampung di Mesir. Anak Jamaluddin ialah ‘Afifuddin ‘Abdullah, seorang yang mulia. Syeikh Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Muhammad al-Gharnati yang digelar sebagai al-Tarras iaitu seorang mujawir yang salih ialah orang yang paling lama tinggal di dalam kawasan masjid suci itu. Beliaulah orang yang mengasi dirinya kerana takut akan godaan nafsu.

Kisah Syeikh yang Mengasi Dirinya

Diceritakan bahawa Syeikh Abu ‘Abdillah al-Gharnati pernah menjadi khadam atau pembantu kepada seorang syeikh yang bernama ‘Abdul Hamid al-‘Ajami. Syeikh ini memandang baik terhadap beliau dan memberikan kepercayaan kepadanya untuk menjaga ahli keluarga serta harta bendanya. Syeikh ‘Abdul Hamid juga membenarkan Syeikh al-Gharnati tinggal di rumahnya sewaktu beliau keluar bermusafir. Pada suatu hari, Syeikh ‘Abdul Hamid bermusafir dan meninggalkan Syeikh al-Gharnati seperti biasa di rumahnya. Isteri Syeikh ‘Abdul Hamid tertarik dengan Syeikh al-Gharnati dan cuba menggodanya lalu beliau pun berkata, “Sesungguhnya aku takut kepada Allah dan aku tidak mahu mengkhianati orang yang telah mengamanahkan ahli keluarga serta harta bendanya kepadaku.” Namun isteri Syeikh ‘Abdul Hamid terus menggoda dan sentiasa mengekorinya sehingga beliau terdorong untuk mengasi dirinya kerana terlalu takut akan terpengaruh dengan godaan isteri syeikh itu. Orang ramai menemui beliau dalam keadaan pengsan lalu mereka merawat lukanya sehingga beliau pulih kembali.Beliau menjadi salah seorang siak dan mu’azzin masjid yang mulia hingga mencapai jawatan sebagai ketua bagi kedua-dua bidang tugas tersebut. Beliau masih hidup hingga hari ini.

Ulama’ Madinah (Mujawirin)

Antara ulama’ yang tinggal berdekatan dengan Madinah (mujawirin) termasuklah Abu al-‘Abbas Ahmad ibn Muhammad Marzuq, seorang syeikh yang salih lagi mulia. Beliau banyak beribadah, berpuasa dan mendirikan solat di Masjid Rasulullah SAW. Syeikh al-‘Abbas sentiasa bersabar dan mengharapkan keuntungan pada hari Akhirat. Beliau pernah tinggal di Makkah al-Mu’azzamah. Aku melihatnya di kota tersebut pada tahun 728H (1327M) dan beliaulah orangyang paling banyak bertawaf. Aku hairan melihatnya bersungguh-sungguh melakukan tawaf dalam keadaan perkarangan atau litar tawaf yang panas terik itu. Litar tawaf tersebut berkemasan kepingan batu hitam dan dalam kepanasan sinaran matahari, kepingan batu-batu itu bagai talam penggoreng yang terlalu panas. Aku juga pernah melihat pembawa-pembawa air menuang air ke atas litar tawaf tersebut dan sebaik sahaja air mengalir keluar dari tempat ia dituang, tempat tersebut terus berpijar-pijar kepanasan. Kebanyakan orang yang bertawaf ketika itu memakai capal atau cerpu tetapi Abu al-‘Abbas ibn Marzuq bertawaf dengan kaki ayam. Pada suatu hari, aku melihatnya bertawaf lalu aku terasa ingin untuk bertawaf bersama-sama dengannya. Aku sampai di litar tawaf dan hendak mencium Hajar al-Aswad tetapi

kepanasan batu di litar itu menyakitkan kakiku. Aku pun bercadang untuk berpatah balik sebaik sahaja dapat mencium Hajar al-Aswad. Dengan amat payah, barulah aku sampai di Hajar al-Aswad dan kembali tanpa melakukan tawaf. Aku meletakkan selendangku di atas litar tawaf tersebut dan berjalan di atasnya hingga tiba di bahagian masjid yang mempunyai deretan tiang.

Pada waktu itu, wazir dan pembesar Gharnatah bernama Abu al-Qasim Muhammad ibn Muhammad ibn al-Faqih Abi al-Hasan Sahl ibn Malik al-Azdi juga tinggal di Makkah. Pada setiap hari beliau bertawaf sebanyak 70 pusingan tetapi beliau tidak melakukannya pada waktu tengahari kerana terlampau panas. Sebaliknya, Ibn Marzuq bertawaf pada waktu tengahari yang panas di samping turut melakukan apa yang dilakukan oleh Abu al-Qasim.

Selain Syeikh Abu al-'Abbas, Sa'id al-Marrakusyi, seorang syeikh yang salih lagi 'abid dan yang cacat penglihatannya serta Abu Mahdi 'Isa ibn Hazrun al-Miknasi juga turut tinggal berhampiran dengan Madinah (mujawirin)

Kisah Syeikh yang Tersesat di Bukit.

Syeikh Abu Mahdi tinggal berhampiran dengan Makkah pada tahun 728H (1327M). Pada suatu hari, beliau keluar ke Bukit Hira' bersama-sama dengan sekumpulan mujawir Makkah. Apabila telah mendaki bukit itu dan tiba di tempat Nabi SAW pernah beribadah, mereka pun turun dari bukit tersebut. Abu Mahdi tertinggal di belakang dan terjumpa satu lorong di bukit yang disangka jalan pintas lalu beliau mengikut lorong tersebut. Sementara itu sahabat-sahabatnya tiba di kaki Bukit Hira' dan mereka berhenti menunggu ketibaannya tetapi beliau tidak juga muncul-muncul. Mereka mencarinya di sekitar kawasan itu tetapi beliau tidak dapat dikesan. Mereka menyangka bahawa beliau telah turun dan mendahului mereka, lalu mereka pun meneruskan perjalanan ke Makkah, semoga Allah memuliakannya.

Sementara itu, Abu Mahdi terus mengikut lorong tersebut hingga sampai di sebuah bukit yang lain. Kini, beliau telah tersesat jalan dan kehausan serta kepanasan. Kasutnya telah koyak-rabak dan beliau terus mengoyakkan cebisan kain daripada pakaiannya untuk membalut kaki sehingga beliau tidak berupaya berjalan lagi. Abu Mahdi akhirnya berteduh di bawah pokok bidara (ummu ghailan). Allah menggerakkan hati seorang Badwi yang menunggang unta untuk melalui lorong tersebut lalu menjumpai beliau. Apabila mengetahui keadaan Abu Mahdi, orang Badwi itu menaikkannya ke atas unta dan membawanya ke Makkah. Ketika itu, terdapat sedikit wang emas di dalam dompet tali pinggangnya. Beliau menyerahkannya kepada Badwi tersebut. Abu Mahdi tidak berupaya untuk berdiri selama sebulan. Kulit tapak kakinya telah haus dan kini, kulit yang baharu pula sedang tumbuh. Kejadian yang sama juga berlaku kepada salah seorang sahabatku. Kisahnya akan diceritakan kemudian, insyaAllah.

Abu Muhammad al-Syarawi iaitu salah seorang qari yang memiliki suara yang merdu

juga merupakan salah seorang penduduk yang tinggal berhampiran dengan Madinah. Pada tahun tersebut, beliau turut tinggal di Makkah dan sering membacakan orang ramai kitab “Al-Syifa” (*al-Syifa atau “penawar” ialah karya sirah Nabi SAW oleh Kadi ‘Iyad yang sangat Masyhur) karangan Kadi ‘Iyad selepas Solat Zuhur. Beliau turut menjadi imam Solat Tarawih. Selain mereka ini ialah Faqih Abu al-‘Abbas al-Fasi, guru Mazhab Maliki di kota Fez. Beliau mengahwini anak perempuan Syihabuddin al-Zarandi, seorang syeikh yang salih.

Kisah Kesilapan yang Besar

Diceritakan bahawa pada suatu hari, Abu al-‘Abbas al-Fasi sedang berbual-bual dengan beberapa orang dan akhirnya beliau mengatakan sesuatu yang sangat besar kesilapannya. Ini disebabkan kejahilannya tentang ilmu nasab dan kegagalannya menjaga pertuturan lidahnya. Semoga Allah menghapuskan dosa besar yang dilakukannya itu. Beliau berkata, “Sesungguhnya al-Husain, putera ‘Ali ibn Abi Talib r.a. tidak mempunyai anak cucu.” Kata-katanya itu sampai ke pengetahuan amir Madinah yang bernama Tufail ibn Mansur ibn Jummaz al-Husaini yang mengecam kata-katanya itu dan sememangnya beliau berhak berbuat demikian. Tufail mahu membunuhnya tetapi akhirnya beliau menerima rayuan agar membiarkan Abu al-‘Abbas terus hidup. Tufail kemudian mengusir Abu al-‘Abbas dari Madinah. Dikatakan bahawa Tufail menghantar orang secara sulit untuk membunuhnya. Hingga hari ini, tiada berita tentang beliau. Semoga Allah melindungi kita daripada ketelanjuran dan kesilapan berbicara.

Amir Kota Madinah

Amir Madinah ialah Kubaisy ibn Mansur ibn Jummaz yang sebelum itu telah membunuh bapa saudaranya, Muqbil dan dikatakan bahawa Kubaisy berwuduk dengan darah Muqbil yang terbunuh itu. Pada tahun 727H (1326M), Kubaisy keluar ke padang pasair semasa cuaca panas terik bersama-sama dengan pengiring-pengiringnya. Pada suatu hari, mereka berasa terlalu panas lalu berpecah untuk berehat di bawah pokok.. Tiba-tiba tanpa disedari, anak-anak lelaki Muqbil muncul dengan sekumpulan hamba mereka, lalu berteriak, “Pembalasan dendam bagi Muqbil!”. Mereka terus membunuh Kubaisy yang tidak dapat mempertahankan dirinya lalu menjilat darahnya. Selepas itu, jawatan amir telah diambil alih oleh saudaranya yang bernama Tufail ibn Mansur yang telah mengeluarkan perintah buang negeri kepada Abu al-‘Abbas al-Fasi.

Masyhad-masyhad di luar Madinah
(*masyhad bererti makam atau tempat ziarah)

Antara masyhad yang terdapat di luar Madinah ialah Baqi’ al-Gharqad yang terletak di timur Madinah al-Mukarramah dan pintu masuknya bernama Bab al-Baqi’. (*Baqi’ al-Gharqad ialah tanah perkuburan atau kawasan pusara kota Madinah tempat ramai sahabat

Nabi SAW dimakamkan). Makam pertama yang ditemui apabila seseorang memasuki pintu tersebut ialah makam Safiyyah bint ‘Abdil Muttalib r.a. iaitu di sebelah kiri. Beliau ialah bonda saudara sebelah ayahanda Rasulullah SAW di samping makam Ummu al-Zubair ibn al-‘Awwam r.a. Di hadapan makam itu, terletak makam imam kota Madinah iaitu Abu ‘Abdillah Malik ibn Anas r.a. dan di atasnya terdapat kubah kecil yang sederhana binaannya. Di hadapannya pula terletak makam putera Nabi SAW yang mulia dan suci, Ibrahim ibn Rasulullah SAW dan di atasnya terdapat kubah putih. Makam ‘Abdul Rahman ibn ‘Umar ibn al-Khattab r.a. yang terkenal dengan gelaran sebagai Abu Syahmah terletak di sebelah kanan makam Ummu al-Zubair.

Makam ‘Aqil ibn Abi Talib r.a. dan makam ‘Abdullah ibn Ja’far ibn Abi Talib yang digelar sebagai Bersayap Dua terletak bertentangan dengan makam Abu Syahmah. Tapak taman yang dikatakan mengandungi makam Ummahat al-Mu’minin r.a. terletak bertentangan dengan makam mereka ini. Kawasan yang menempatkan makam al-‘Abbas ibn ‘Abdil Muttalib, ayahanda saudara Rasulullah SAW dan makam al-Hasan ibn ‘Ali ibn Abi Talib r.a. terletak bersebelahan dengan tapak taman tersebut. Sebuah kubah yang tinggi dan unggul reka bentuknya dibina di situ. Tapak itu terletak di sebelah kanan apabila seseorang keluar melalui Bab al-Baqi’. Kepala al-Hasan terletak menghala ke kaki al-‘Abbas. Kedudukan makam al-‘Abbas dan Hasan adalah agak tinggi dari tanah. Ukurannya besar dan ditutupi oleh kepingan-kepingan kayu yang disambung dengan begitu cermat. Kepingan kayu itu pula dihias dengan menggunakan kepingan loyang yang tinggi pertukangannya.

Di Baqi’, terdapat makam golongan Muhajirin dan Ansar serta sahabat-sahabat yang lain. Walau bagaimanapun, kebanyakan makam tersebut tidak dikenali. Di penghujung Baqi’, terletak makam Amir al-Mu’minin, Abu ‘Umar ‘Uthman ibn ‘Affan r.a. Di atas makam tersebut, terdapat kubah yang besar. Berhampiran dengannya terletak makam Fatimah bint Asad ibn Hasyim, bonda ‘Ali ibn Abi Talib r.a.

Antara masyhad yang lain lagi ialah Quba’ yang terletak dua batu ke selatan Madinah dan jalan di antara kedua-duanya (Quba’ dan Madinah ini) ialah melalui dusun tamar. Di Quba’ juga terdapat masjid yang dibina berasaskan ketaqwaan pada Allah dan mencari keredhaanNya. Masjid tersebut berbentuk segi empat dan mempunyai menara putih yang tinggi serta dapat dilihat dari jauh. Di tengah-tengah masjid itulah unta betina Nabi SAW bertelut apabila tiba di situ. Orang ramai bersembahyang di situ untuk mengambil berkat. Di sebelah selatan perkarangan masjid, terdapat sebuah mihrab di atas pelantar dan ia merupakan tempat pertama Nabi SAW rukuk di situ. Di sebelah selatan masjid, terletak sebuah rumah yangpernah dimiliki oleh Abu Ayyub al-Ansari r.a. Beberapa buah rumah lain pula yang dikatakan pernah dimiliki oleh Abu Bakr, ‘Umar, Fatimah dan ‘Aisyah r.a. terletak di sebelah rumah ini. Manakala perigi Aris yang airnya bertukar rasa daripada payau menjadi manis dan segar apabila Nabi SAW meludah ke dalamnya, terletak bertentangan dengan masjid. Di dalam perigi inilah jatuhnya cincin yang mulia dari tangan ‘Uthman r.a.

Selain semua tempat ini, Qubbah Hajar al-Zait (Kubah Batu Berminyak) di luar kota Madinah juga merupakan sebuah lagi masyhad. Dikatakan bahawa minyak menitis keluar

dari batu tersebut untuk Nabi SAW. Manakala menghala ke utara tempat itu, terletak telaga Buda'ah. Bertentangan dengan telaga ini pula terletak Bukit Syaitan iaitu tempat syaitan melaungkan, "Nabi kamu telah terbunuh." Di tepi parit yang digali oleh Nabi SAW semasa Perang Ahzab, terdapat kubu yang telah runtuh. Ia bernama Kubu Orang Bujang yang dikatakan dibina oleh 'Umar untuk kaum lelaki bujang Madinah. Di hadapannya iaitu menghala ke barat ialah telaga Ruwamah yang dibeli separuhnya oleh Amir al-Mu'minin 'Uthman r.a. dengan harga 20,000 dirham.

Seterusnya ialah Bukit Uhud iaitu sebuah bukit yang diberkati. Rasulullah SAW bersabda tentangnya, "Sesungguhnya Uhud ialah bukit yang mencintai kami dan kami mencintainya." Bukit Uhud terletak sejauh satu farsakh ke utara Madinah (*satu farsakh menyamai 1.8 batu atau 3km). Makam syuhada' r.a. terletak bertentang dengan Bukit Uhud. Di situlah letaknya makam Hamzah r.a., ayahanda saudara Nabi SAW dan di sekelilingnya ialah makam syuhada' yang gugur semasa Perang Uhud. Makam mereka ini terletak menghala ke selatan Uhud. Sebuah masjid yang dikaitkan dengan 'Ali ibn Abi Talib r.a., sebuah masjid yang dikaitkan dengan Salman al-Farisi r.a. serta Masjid al-Fath yang diturunkan Surah al-Fath kepada Rasulullah SAW, terletak di jalan menuju ke Uhud.

Dalam perjalanan ini, kami singgah di Madinah yang mulia selama empat hari. Kami menghabiskan setiap malam dengan berada di dalam Masjid Nabawi. Orang ramai membuat halaqah di halaman masjid dan menyalakan banyak lilin. Sebahagian daripada mereka sibuk membaca kitab suci Al-Quran yang diletakkan di atas rihal. Manakala sebahagian yang lain berzikir dan sebahagian pula bertafakur di hadapan makam yang suci. Semoga Allah menambah kesuciannya. Di setiap sudut, penyanyi-penyanyi bernasyid memuji Rasulullah SAW. Inilah adat yang diamalkan orang ramai pada malam-malam yang diberkati itu. Mereka juga memberikan banyak sedekah kepada penduduk yang tinggal berdekatan dan orang yang memerlukan.

Dalam perjalanan dari Damsyik ke Madinah ini, aku ditemani oleh seorang lelaki yang mulia dari Madinah bernama Mansur ibn Syakl. Beliau menerimaku sebagai tetamunya di Madinah. Selepas itu, kami berjumpa semula di Halab dan Bukhara. Aku turut ditemani oleh kadi Mazhab Zaidiyyah* bernama Syarafuddin Qasim ibn Syinan. Aku juga turut ditemani oleh salah seorang faqir yang salih dari Gharnatah bernama 'Ali ibn Hajar al-Umawi.

*(*Zaidiyyah ialah kaum Syi'ah sederhana yang berpendirian bahawa 'Ali r.a. lebih layak menjadi khalifah pertama. Namun demikian, mereka tetap mengiktiraf kesahihan perlantikan tiga orang khalifah yang terdahulu itu.)*

Kisah Suara Mimpi pada Waktu Malam

Semasa kami berada di Madinah, semoga Allah memuliakan kota itu serta menganugerahkan kesejahteraan kepada penghuninya (Muhammad SAW), 'Ali ibn Hajar menceritakan kepadaku bahawa dia bermimpi pada malam tersebut dan melihat

seseorang yang berkata kepadanya, “Dengan dan hafallah:

Tahniah buatmu wahai penziarah makam Nabi.
Dengan syafa’atnya nanti selamatlah kamu daripada kesusahan hari kembali
Telah kaukunjungi makam kekasih di Taybah
Maka berbahagialah insan yang melalui waktu pagi dan malam di Madinah.”

‘Ali ibn Hajar menginap di Madinah untuk beberapa ketika selepas menunaikan haji. Kemudian beliau mengembara ke Delhi, ibu kota India pada tahun 743H (1342M). Di situ, beliau tinggal berjiran denganku. Aku menceritakan kisah mimpinya itu di hadapan raja India lalu baginda menitahkan supaya ‘Ali ibn Hajar dibawa ke istana. ‘Ali datang menghadap dan menceritakan kisah mimpinya sekali lagi. Baginda begitu kagum dan suka akan cerita itu. Baginda juga mengucapkan beberapa kata-kata yang baik kepadanya dalam bahasa Parsi. Raja India seterusnya memerintahkan supaya ‘Ali ibn Hajar diberikan tempat tinggal dan mengurniakan 300 tankah emas kepadanya. Satu tankah emas sama beratnya dengan dua setengah dinar Maghribi. Di samping itu, baginda juga mengurniakan seekor kuda yang berhiaskan pelana dan tali kekangnya, jubah kehormat serta elaun setiap hari kepadanya.

Pada waktu itu, di Delhi ada seorang faqih yang mulia yang berasal dari Gharnatah dan lahir di Bijayah. Di India, beliau dikenali sebagai Jamaluddin al-Maghribi oleh penduduknya. ‘Ali ibn Hajar menjadikan Jamaluddin sebagai sahabatnya dan berjanji akan mengahwinkan beliau dengan anak perempuannya. ‘Ali juga menempatkan Jamaluddin di dalam sebuah rumah kecil di luar rumahnya di samping membeli seorang budak suruhan dan seorang jariah. Jamaluddin biasanya menyimpan wang di dalam tempat menyimpan pakaiannya kerana tidak dapat mengamanahkan wang tersebut kepada sesiap pun. Budak suruhan dan jariah yang dibelinya itu, bersepakat untuk mengambil dan melarikan wang emas tersebut.

Mereka pun mengambilnya dan melarikan diri. Apabila sampai di rumah, Jamaluddin gagal mengesan mereka mahupun wangnya itu. Kerana terlalu sedih mengenangkan apa yang menimpanya, beliau hilang selera untuk makan dan minum sehingga sakit tenat. Aku mengemukan halnya kepada raja yang kemudian memerintahkan supaya harta bendanya yang hilang itu diganti. Seorang utusan dihantar untuk memaklumkan kepadanya tentang hal tersebut tetapi mendapat Jamaluddin sudah meninggal dunia.

Akhirnya, tibalah masanya untuk kami meneruskan perjalanan dari Madinah ke Makkah, semoga Allah memuliakan kedua-dua kota suci itu. Kami berhenti di Masjid Zulhulaifah, tempat Rasulullah SAW memakai ihram. Tempat tersebut terletak lima batu dari Madinah dan merupakan bahagian hujung kawasan tanah suci Madinah. Berhampiran dengannya pula terletak Wadi al-‘Aqiq (Lembah ‘Aqiq). Di sini, aku menanggalkan pakaian berjahit, mandi, mengenakan pakaian ihram dan seterusnya menunaikan solat dua rakaat. Aku melafazkan niat ihram untuk haji mufrad dan tidak berhenti-henti mengucapkan talbiah semasa melalui setiap lembah, bukit serta perjalanan naik turun

hinggalah tiba di Syi’b ‘Ali lalu berhenti untuk bermalam di situ.

Kami meneruskan perjalanan dari situ dan singgah di Rauha’ yang terdapat sebuah telaga yang bernama Bi’r Zat al-‘Alam. Diceritakan bahawa ‘Ali r.a. berlawan dengan jin di situ. Seterusnya kami berhenti di Safra’ yang merupakan sebuah lembah pertanian. Terdapat air, dusun, pohon tamar, bangunan dan sebuah istana yang didiami oleh golongan syarif Hasani serta golongan yang lain. Di situ juga terdapat sebuah benteng pertahanan yang besar dan bersebelahan dengannya pula terdapat beberapa buah kota pertahanan yang lain serta kampung-kampung yang berjiran antara satu sama lain.

Kami meneruskan perjalanan dan berhenti di Badar. Tempat Allah memenangkan RasulNya SAW, menunaikan janjiNya yang suci serta menghancurkan pahlawan-pahlawan kaum Musyrikin. Badar ialah sebuah desa yang mempunyai dusun-dusun tamar yang terletak saling berdekatan dan sebuah kota pertahanan yang amat kukuh. Kota pertahanan ini hanya dapat dimasuki melalui dasar sebuah lembah yang terletak antara bukit bukau dan tanah rendah. Di desa ini juga terdapat sebuah mata air yang memancar keluar lalu membentuk sebatang sungai kecil. Lubang di dalam tanah iaitu tempat musuh-musuh Allah, kaum Musyrikin dicampakkan, kini merupakan sebuah dusun buah-buahan. Di belakang dusun ini terletak tempat gugurnya syuhada’ Badar r.a. Jabal al-Rahmah iaitu tempat malaikat-malaikat turun, terletak di sebelah kiri menghala ke Safra’ apabila seseorang memasuki tempat itu.

Jabal al-Tubul (Bukit Gendang) terletak bertentangan dengan Jabal al-Rahmah. Jabal al-Tubul ini menyerupai bukit pasir dan bentuknya memanjang. Penduduk kawasan itu mendakwa bahawa mereka mendengar bunyi seperti bunyi gendang dipalu pada setiap malam Jumaat. Pondok tempat Rasulullah SAW bermunajat kepada Allah pada hari Perang Badar terletak di kaki Jabal al-Tubul dan medan perang tersebut terletak di hadapannya. Berhampiran dengan dusun buah-buahan yang telah disebut itu, terletak sebuah masjid yang dikatakan tapak unta betina Nabi SAW bertelut. Jarak di antara Badar dengan Safra' adalah lebih kurang satu barid iaitu melalui sebuah lembah yang dikelilingi bukit bukau. Di lembah ini, mata air mengalir sepanjang tahun dan dusun-dusun pula terletak saling berdekatan.

Kami keluar dari Badar ke kawasan padang pasir yang bernama Biqa' al-Bazwa'. Kawasan ini merupakan sebuah kawasan daratan. Penunjuk jalan pun akan tersesat di kawasan ini dan seorang teman pula sanggup melupakan temannya. Perjalanan dari Badar ke Biqa' al-Bazwa' mengambil masa selama tiga hari. Di akhir perjalanan ini, terdapat Lembah Rabigh. Air hujan membentuk kolam-kolam yang menakung air untuk tempoh yang lama. Bermula dari situlah jemaah haji Mesir dan Maghribi berihram. Tempat itu terletak tidak jauh dari Juhfah.

Kami berjalan dari Rabigh selama tiga hari ke Khalis dan melalui Genting Sawiq yang terletak sejauh perjalanan selama setengah hari dari Khalis. Genting Sawiq ini merupakan sebuah tempat yang sangat berpasir. Jemaah haji sangat gemar meminum sawiq di Khalis. Untuk tujuan itu, mereka membawa bekalan sawiq dari Mesir dan Syam. Mereka juga menghidangkannya kepada orang ramai setelah digaulkan dengan gula. Amir-amir pula

memasukkan sawiq ke dalam kolam dan menghidangkannya kepada orang ramai. Diceritakan bahawa ketika Rasulullah SAW melewati tempat tersebut, sahabat-sahabatnya telah kehabisan makanan. Oleh itu, Baginda pun mengambil sedikit pasir dan memberikannya kepada mereka. Sahabat-sahabat tersebut seterusnya mendapati pasir itu telah menjadi sawiq lalu meminumnya.

Kemudian kami berhenti di Birkah Khalis. Ia terletak di sebuah kawasan yang lapang serta mempunyai banyak dusun tamar di samping sebuah kota pertahanan kukuh yang terletak di atas puncak sebuah bukit. Sementara itu, di sebuah tanah lapang, terdapat pula sebuah kubu pertahanan lain yang telah runtuh. Sebuah mata air yang mencurah-curah airnya juga terdapat di sini. Saluran-saluran air dibuat di dalam tanah supaya air dari mata air tersebut dapat mengalir ke kawasan pertanian. Gabenor Khalis ialah seorang syarif berketurunan Hasani. Kaum Badwi di kawasan itu mengadakan pasar besar dan membawa kambing biri-biri, buah tamar serta lauk-pauk untuk di jual.

Setelah itu, kami berjalan ke 'Usfan yang terletak di sebuah tanah lapang yang dikelilingi oleh bukit bukau. 'Usfan mempunyai banyak telaga dan salah sebuah telaga tersebut dikaitkan dengan 'Uthman ibn 'Affan r.a. Lebih kurang separuh hari perjalanan dari Khalis, terdapat sebatang lorong bertangga yang juga dinisbahkan pada 'Uthman. Lorong itu merupakan sebuah genting yang sempit dan terletak di antara dua buah bukit. Sebahagian daripada genting terdapat lorong yang berkemasan batu ubin berbentuk anak tangga dan kesan bangunan-bangunan lama. Terdapat juga sebuah telaga yang dinisbahkan pada 'Ali r.a. dan dikatakan bahawa 'Alilah yang membinanya. Di 'Usfan, terdapat sebuah kota pertahanan yang lama dan menara yang kukuh binaannya tetapi kini telah goyah disebabkan keruntuhan yang mula melanda. Terdapat juga banyak pohon tamar liar yang kerdil di sana.

Kami meneruskan perjalanan dari 'Usfan dan berhenti di Dasar Marr yang juga dikenali umum sebagai Marr al-Zahran. Tempat ini ialah sebuah lembah subur yang mempunyai banyak pohon tamar dam mata air yang mencurah-curah airnya. Air ini mengalir dan mengairi daerah itu. Dari lembah itu, buah-buahan dan sayur-sayuran dihantar ke Makkah, semoga Allah memuliakannya. Kami berangkat lagi pada waktu malam dari lembah yang diberkati ini dengan gembira kerana impian yang terpendam dalam jiwa telah tercapai. Kami juga berasa gembira dengan keadaan kami pada masa kini dan apa yang akan berlaku seterusnya pada masa hadapan. Pada pagi harinya, tibalah kami di negeri yang aman sejahtera, Makkah, semoga Allah memuliakannya.

*(*515O - Alhamdulillah maka berakhirlah Bab 3 dan insyaAllah kita akan ke Bab 4 seterusnya iaitu* **Makkah**)

Bab 4
Makkah

Kami memasuki tanah suci Allah, kediaman Khalil-Nya, Ibrahim a.s. dan tempat diutus Nabi-Nya yang terpilih, Muhammad SAW. Kami memasuki Baitul Haram al-Syarif iaitu sebuah rumah suci yang sesiapa memasukinya pasti akan berasa aman, melalui pintu Bani Syaibah *(*mereka ialah Bani Syaibah ibn 'Uthman yang merupakan kabilah utama kaum Quraisy. Banyak anggota keluarga Bani Syaibah ini yang menjadi penjaga pintu Kaabah).* Kami memandang Kaabah yang mulia, semoga Allah memuliakannya, yang menyerupai pengantin dan dipamerkan di atas pelamin kebesaran, berjalan megah berselendang kejelitaan dan dikelilingi oleh tetamu-tetamu Tuhan Ar-Rahman serta diiringi ke syurga kebahagiaan, Jannah Al-Ridwan. Kami bertawaf qudum di Kaabah, mengucup Hajar al-Aswad yangmulia dan bersembahyang dua rakaat di sisi Maqam Ibrahim (a.s.). Kami juga memegang kain penutup Kaabah di Multazam iaiti di antara pintu Kaabah dengan Hajar al-Aswad, tempat doa dimakbulkan. Kami meminum air Zamzam yang khasiatnya menurut niat peminumnya iaitu sebagaimana yang diriwayatkan daripada Nabi SAW.

Kemudia kami melakukan sa'ie iaitu berlari di antara Safa dengan Marwah. Kami tinggal di sebuah rumah berhampiran dengan Bab Ibrahim. Segala puji bagi Allah yang telah memuliakan kami dengan memberikan kesempatan untuk mengunjungi rumah yang mulia ini. Dia juga telah memasukkan kami dalam golongan yang telah menerima seruan al-Khalil a.s. Dia-lah juga yang telah menyedapkan mata kami memandang Ka'abah al-Syarifah, Masjid Al-'Azim, Hajar al-Aswad yang mulia, Zamzam dan Hatim (Hijr).

Antara keajaiban ciptaan Allah SWT ialah Dia telah membuat hati manusia cenderung untuk menziarahi tempat-tempat suci-Nya serta rindu untuk berada di situ. Dia telah mengukuhkan cinta tersebut dalam hati mereka sehingga menggenggam seluruh jiwa raga dan tidak dapat berpisah dengan tempat-tempat suci-Nya melainkan dengan perasaan sedih serta kecewa yang amat dalam. Rindu mereka pun membara dan mereka berazam untuk berkunjung semula dalam kesempatan yang lain. Bumi tempat-tempat suci yang berkat itu menjadi tumpuan mata dan cinta manusia. Itulah hakikat yang memaparkan kebijaksanaan Allah SWT yang Maha Tinggi yang membenarkan doa kekasih-Nya, a.s.*(*ini merujuk doa Nabi Ibrahim a.s. sebagaimana yang termaktub dalam Sura Al-Baqarah 2:127-128)*

Keasyikan rindu mereka menyebabkan tempat-tempat suci tersebut terasa dekat biarpun masih jauh perjalanannya. Rindu juga menampilkan ia di ruangan mata meskipun tempat-tempat itu masih belum kelihatan serta memudahkan pengunjungnya mengharungi segala kepayahan dan kesulitan yang dihadapinya untuk sampai ke situ. Betapa banyak orang lemah yang diancam oleh maut sebelum sempat sampai ke tempat-tempat suci tersebut dan ditimpa malapetaka dalam perjalanan untuk sampai ke situ. Namun, ketika Allah membolehkan ia sampai dengan selamat ke tempat-tempat suci-Nya, orang itu menyambutnya dengan riang gembira, seolah-olah ia tidak pernah mengecap kepahitan atau menanggung kesulitan kerananya.

Demi sesungguhnya, ini merupakan suatu urusan dan kejadian yang bersifat ketuhanan. Ia juga merupakan suatu dalil yang tidak dicemari kesamaran dan kesangsian di samping terpelihara daripada tipudaya. Kebenarannya ternyata bagi orang yang memiliki

kefahaman dan jelas pula pada fikiran setiap pemikir. Sesiapa yang dikurniai rezeki oleh Allah SWT untuk berpeluang singgah di halaman dan persekitaran tempat-tempat suci-Nya, ia pasti telah dikurniai nikmat yang terbesar selain dikurniai tempat tinggal yang terbaik di dunia serta di akhirat. Ia sewajarnya membanyakkan syukur kepada Allah atas kemurahan kurniaan-Nya serta sentiasa memuji Allah atas kurniaan-Nya itu. Semoga Allah Yang Maha Berkuasa memasukkan kita dalam golongan yang diterima ziarah dan yang beruntung pula perniagaannya menuju ke tempat-tempat suci-Nya itu, malah amalannya di jalan Allah ditulis dan dosanya terhapus disebabkan ziarahnya diterima. Semuanya itu sesungguhnya dengan kurnia dan kemurahan Ilahi.

*(*515O berpendapat setiap Muslim yang telah mengunjungi Makkah pasti membenarkan cetusan rasa indah Ibn Battutah mengenai Makkah ini)*

Kota Makkah al-Mu’azzamah

Makkah ialah sebuah kota yang besar dan mempunyai bangunan-bangunan yang rapat-rapat. Ia berbentuk bujur dan terletak di dasar sebuah lembah yang dikelilingi oleh bukit bukau. Pengunjung yang datang tidak akan dapat melihat kota tersebut hingga ia benar-benar sampai di situ. Bukit-bukau yang mengelilinginya itu tidaklah begitu tinggi. Antara bukit tersebut ialah Jabal Abu Qubais dan Jabal Qu’aiqi’an iaitu dua buah Jabal al-Akhsyaban. Jabal Abu Qubais terletak di sebelah selatan kota Makkah dan Jabal Qu’aiqi’an pula di sebelah baratnya.

Di sebelah utaranya terletak Jabal al-Ahmar. Bersebelahan dengan Jabal Abu Qubais pula terletak Ajyad al-Akbar dan Ajyad al-Asghar, kedua-duanya curam serta sempit selain Jabal al-Khandamah yang akan diceritakan kemudian. Tempat-tempat untuk melaksanakan haji iaitu Mina, ‘Arafah dan Muzdalifah, semuanya terletak di timur Makkah.

Terdapat tiga buah pintu masuk ke kota Makkah iaitu pertama, Bab al-Mu’alla di bahagian kota yang tertinggi. Kedua, Bab al-Syubaikah di bahagian yang terendah dan dikenali juga sebagai Bab al-‘Umrah oleh orang ramai. Bab (Pintu) al-‘Umrah ini menghala ke sebelah barat. Pintu ini merupakan jalan menuju ke Madinah, Mesir, Syam serta Jeddah dan dari situ juga seseorang boleh keluar menuju ke Tan’im. Ini akan dihuraikan kemudian. Ketiga, Bab al-Masfal yang terletak di selatan dan melalui pintu inilah Khalid ibn al-Walid masuk pada hari “Pembukaan Kota Makkah”. Kota Makkah yang dimuliakan Allah SWT terletak di sebuah lembah yang tiada tanaman. Ini sebagaimana yang dijelaskan dalam Al-Qur’an ketika menceritakan perihal Nabi-Nya, Ibrahim al-Khalil *(*ini merujuk Surah Ibrahim 14:37).* Namun demikian, dengan berkat doa Nabi Ibrahim a.s., setiap keindahan yang luar biasa dibawa ke kota ini dan setiap jenis buah-buahan dikumpulkan untuknya. Aku telah merasa buah-buahan seperti anggur, tin, khaukh*(*di Mesir, khaukh ialah nama bagi buah pic dan di Syam pula ia merupakan nama bagi buah plum)* dan tamar segar yang tiada bandingannya di dunia. Begitu juga buah tembikai yang dibawa ke Makkah. Ia begitu manis dan enak sehingga tidak boleh

dibandingkan dengan tembikai yang lain. Binatang-binatang di Makkah gemuk dan rasa dagingnya amat lazat. Segala jenis barang dagangan yang terdapat di serata dunia terhimpun di kota Makkah. Buah-buahan dan sayur-sayuran dari Ta'if *(*kota Ta'if terletak di tanah tinggi yang bernama Sarat yang terletak 112.63 km/70 batu ke tenggara Makkah dan terkenal dengan dusun buah-buahannya.),* Wadi Nakhlah dan Batn (Dasar) Marr juga dibawa ke Makkah. Ini menandakan rahmat serta kurniaan Allah bagi penduduk kota Makkah dan di sekitarnya yang sudah terjamin keamanannya.

Masjid al-Haram yang Dimuliakan Allah

Masjid al-Haram terletak di tengah-tengah kota Makkah dan kawasannya amat luas. Sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Azraqi, ukuran panjangnya dari timur ke barat melebihi 400 hasta, manakala ukuran lebarnya lebih kurang sama sahaja. Kaabah yang suci itu terletak di tengah-tengah masjid. Pemandangan masjid tersebut begitu indah sehingga lidah tidak dapat menghuraikan kelebihan dan keindahannya. Sesungguhnya tiada sesiapa pun
yang dapat menghuraikan kehalusan serta kesempurnaannya. Ukuran tinggi dinding masjid itu pula lebih kurang 20 hasta dan bumbungnya disokong oleh tiang-tiang tinggi yang disusun dalam tiga baris, berdasarkan seni bina yang amat teliti serta cantik. Lorong-lorong di antara baris tiang tersebut tersusun dengan begitu menakjubkan sehingga ia seolah-olah menjadi satu lorong, manakala jumlah tiang marmar di dalam masjid ialah 491 batang dan ini tidak termasuk tiang-tiang plaster yang terdapat di dalam Dar al-Nadwah yang ditambahkan pada masjid.

Bangunan Dar al-Nadwah ini menjadi sebahagian daripada deretan tiang yang memanjang (dari barat) ke utara dan bertentangan dengannya terletak Maqam Ibrahim serta Rukn al-'Iraqi. Halaman bangunan Dar al-Nadwah bersambung dengan deretan tiang tersebut dan ia dimasuki melaluinya. Di sepanjang dinding yang mempunyai deretan tiang ini, terdapat bangku-bangku batu *(*ataupun pelantar-pelantar batu yang kecil)* iaitu di bawah pintu lengkung atau gerbang. Ia diduduki oleh guru-guru (yang mengajar) Al-Quran, penyalin-penyalin buku dan tukang-tukang jahit. Di dinding yang mempunyai deretan tiang yang bertentangan juga terdapat bangku-bangku batu di kaki dindingnya yang tidak mempunyai pintu gerbang. Di sisi Bab Ibrahim, terdapat laluan masuk bertiang plaster yang bersambung dari deretan tiang barat.

Khalifah al-Mahdi Muhammad ibn Khalifah dan Abu Ja'far al-Mansur r.a. telah menyumbangkan jasa dalam memperbesar Masjid al-Haram selain menyempurnakan lagi binaannya. Di bahagian teratas dinding deretan tiang barat tertulis, "Hamba Allah Muhammad al-Mahdi, Amir al-Mu'minin, telah memerintahkan pembinaan dan perluasan Masjid al-Haram bagi faedah jemaah haji pada tahun 167H (783-4H)."

Kaabah yang Agung dan Mulia, Semoga Allah Menambah Keagungan Dan Kemuliaannya

Kaabah terletak di tengah-tengah Masjid al-Haram dan merupakan sebuah bangunan yang berbentuk segi empat. Ukuran tinggi di tiga buah sudutnya ialah 28 hasta, manakala ukuran tingginya di sudut keempat iaitu di antara Hajar al-Aswad dengan Rukn al-Yamani ialah 29 hasta. Ukuran lebarnya di antara Rukn al-‘Iraqi dengan Hajar al-Aswad pula ialah 54 jengkal. Begitulah juga ukuran lebar di bahagian yang bertentangan dengannya dari Rukn al-Yamani hingga Rukn al-Syami. Ukuran lebar bahagian yang memanjang dari Rukn al-‘Iraqi hingga Rukn al-Syami di dalam Hijr ialah 48 jengkal. Demikian juga ukuran lebarnya di bahagian Rukn al-Syami hingga Rukn al-‘Iraqi. Ukuran keseluruhan bahagian luar Hijr pula ialah 120 jengkal. Tawaf hanya dilakukan di luar Hijr yang dibina daripada batu pejal berwarna perang yang disimen dengan begitu kukuh sehingga peredaran waktu tidak mengubah keadaan atau memebrikan kesan terhadapnya.

Pintu Kaabah yang mulia itu terletak di dalam kawasan di antara Hajar al-Aswad dengan Rukn al-‘Iraqi. Jarak di antara pintu Kaabah dengan Hajar al-Aswad ialah sepuluh jengkal dan ruang tersebut bernama Multazam iaitu tempat doa dimakbulkan. Ukuran tinggi pintu Kaabah dari tanah ialah 11 ½ jengkal, manakala ukuran lebarnya ialah lapan jengkal dan ukuran panjangnya pula 13 jengkal. Seterusnya ukuran dinding yang berpasang pintu itu ialah lima jengkal. Pintu Kaabah disaluti perak yang amat unggul reka bentuknya. Dua batang tiang dan ambang pintunya juga disaluti perak. Terdapat juga dua buah gelung perak yang besar dan ia menjadi tempat melalukan selak besi. Pintu yang mulia itu dibuka pada setiap hari Jumaat iaitu sesudah solat dan ia turut dibuka pada hari keputeraan Rasulullah SAW.

Adat yang diamalkan oleh penduduk ketika hendak membuka pintu Kaabah adalah seperti berikut. Mereka meletakkan sebuah kerusi berbentuk mimbar yang mempunyai anak tangga dan kaki-kaki kayu beroda empat untuk memudahkan kerusi itu digerakkan. Kerusi ini disandarkan pada dinding Kaabah yang mulia supaya anak tangga kerusi yang tertinggi menyentuh bendul pintunya. Kemudian ketua Bani Syaibah menaiki tangga kerusi tersebut sambil memegang kunci pintu Kaabah di tangannya dengan diiringi oleh penjaga-penjaga pintu. Penjaga-penjaga pintu itu memegang kain langsir bernama burqu’ yang menutup pintu Kaabah, sementara ketua mereka membuka pintu tersebut. Apabila pintu telah dibuka, beliau mencium bendul pintu yang mulia itu lalu masuk ke dalam Kaabah seorang diri. Seterusnya beliau menutup pintunya dan mendirikan solat dua rakaat.

Kemudian anggota Bani Syaibah yang lain masuk lalu turut menutup pintu dan mendirikan solat dua rakaat. Sesudah itu, pintu tersebut dibuka dan orang ramai segera masuk. Sewaktu pintu Kaabah yang mulia hendak dibuka, mereka berdiri menghadapnya dengan pandangan yang khusyuk, hati penuh tawaduk dan tangan ditadah memohon restu daripada Allah SWT. Sebaik sahaja pintu Kaabah terbuka, mereka bertakbir dan menyeru, “Ya Allah, Ya Tuhan kami! Bukakanlah kami pintu-pintu rahmat dan keampunan-Mu, wahai Yang Maha Mengasihani.”

Bahagian dalam Kaabah iaitu lantai dan dindingnya ditampal dengan marmar putih. Ia mempunyai reka bentuk daun dan dahan kayu dalam pelbagai corak serta warna.

Terdapat tiga batang tiang yang sangat tinggi yang diperbuat daripada kayu jati di dalamnya. Jarak di antara sebatang tiang dengan yang lain ialah empat langkah dan tiang-tiang tersebut tersusun dalam satu baris iaitu di tengah ruang di dalam Kaabah. Tiang yang tengah terletak bertentangan dengan titik tengah di antara Rukn al-'Iraqi dengan Rukn al-Syami. Kain penutup Kaabah diperbuat daripada sutera hitam dengan tulisan berwarna putih. Kain penutup itu bersinar-sinar pada dinding Kaabah dengan cahaya yang bergemerlapan dan menutup keseluruhan bangunannya dari atas ke bawah.

Antara keajaiban iaitu sebagai tanda kebesaran Kaabah ialah pintunya dibuka ketika Masjid al-Haram penuh sesak dengan orang ramai yang hanya diketahui jumlahnya oleh Allah SWT Yang Mencipta dan Yang Mengurniakan rezeki kepada mereka. **Mereka semua masuk ke dalam Kaabah dan ruang Kaabah tersebut tidak pula sempit untuk memuatkan semua mereka.** Selain itu, pada setiap ketika, ada sahaja orang yang melakukan tawaf mengelilinginya samada siang atau malam dan tidak pernah ada orang bercerita bahawa ia melihat Kaabah tanpa orang bertawaf mengelilinginya. Keajaiban yang lain pula ialah burung-burung merpati Makkah dan juga burung-burung yang lain tidak hinggap di atas Kaabah selain tidak terbang melintasinya. Kamu akan mendapati burung-burung merpati itu berterbangan merata-rata di atas seluruh bahagian Masjid al-Haram. Walau bagaimanapun, apabila burung-burung tersebut menghampiri jarak separas dengan Kaabah yang mulia, burung-burung itu berpaling ke arah yang lain dan tidak terbang melintasi bumbungnya. Dikatakan bahawa burung tidak akan hinggap di atas Kaabah kecuali jika ia sakit. Burung itu samada akan mati serta merta ataupun terus sembuh daripada penyakitnya. Maha Suci Allah yang telah mengurniakan keistimewaan kepada Kaabah dengan memuliakan dan menganugerahinya kehebatan serta ketinggian.

Mizab al-Mubarak

Mizab (*pancuran) terletak di bahagian teratas sisi Hijr dan diperbuat daripada emas. Ukuran lebarnya ialah sejengkal dan ia menjulur keluar sekadar dua hasta. Tempat di bawah Mizab dianggap sebagai tempat doa dimakbulkan. Tempat di bawah Mizab ini juga iaitu di dalam Hijr ialah makam Nabi Isma'il a.s. Makam tersebut bertanda dengan sekeping batu marmar panjang berwarna hijau dalam bentuk sebuah mihrab yang bersambung pula dengan sekeping batu marmar bulat yang juga berwarna hijau. Ukuran lebar kedua-dua keping marmar itu hanyalah sekadar satu jengkal dan ia mempunyai reka bentuk yang unggul serta menarik. Di sebelah makam tersebut iaitu menghala ke Rukn al-'Iraqi ialah makam bondanya, Hajar a.s. Makam ini ditandai oleh sekeping marmar yang bulat berwarna hijau selebar satu setengah jengkal. Jarak di antara kedua-dua buah makam itu ialah tujuh jengkal.

Hajar al-Aswad

Ukuran tinggi Hajar al-Aswad dari bumi ialah enam jengkal. Oleh itu, orang yang bertubuh tinggi terpaksa membongkok supaya dapat mengucupnya manakala orang yang

bertubuh rendah pula terpaksa meregangkan tubuh, juga supaya dapat mengucupnya. Hajar al-Aswad dilekatkan di sudut Kaabah yang menghala ke timur. Ukuran lebarnya ialah tiga jengkal dan panjangnya pula sejengkal serta dipateri ke dalam dinding, sementara bahagian dalam Hajar al-Aswad yang terbenam di dalam dinding itu pula tidak diketahui. Empat serpihan batu daripada Hajar al-Aswad ditempel bersama-sama dengannya. Dikatakan bahawa salah seorang daripada puak Qaramitah yang dilaknat Allah telah memecahkan Hajar al-Aswad. *(*orang yang dimaksudkan di sini ialah Abu Tahir Sulaiman al-Qarmati. Beliaulah yang telah menakluki Makkah pada tahun 930M dan memindahkan Hajar al-Aswad ke Hijr. Dia tidak memulangkannya kembali ke Makkah hinggalah pada tahun 951M iaitu selepas lebih kurang dua puluh tahun Hajar al-Aswad berada di tangan kaumnya. Pemulangan tersebut adalah atas perintah Khalifah Kerajaan Fatimiyyah yang bernama al-Mansur.)* Dikatakan juga bahawa orang lain yang telah memukul Hajar al-Aswad ini dengan menggunakan belantan lalu memecahkannya. Orang ramai yang ada ketika itu segera menyerbu ke arah orang tersebut lalu membunuhnya dan kerananya juga sekumpulan orang Maghribi turut terbunuh dalam kejadian itu.

Bahagian tepi Hajar al-Aswad disaluti lapisan perak. Warna putih berkilau-kilauan pada warna hitamnya. Kecantikannya yang menawan itu menarik perhatian setiap mata yang memandang. Mulut akan mengecap kenikmatan semasa mengucup Hajar al-Aswad. Bibir yang mengucupnya terasa keberatan untuk melepaskan kucupan dan ini merupakan keistimewaan serta anugerah Ilahi kepada Hajar al-Aswad. Rasulullah SAW pernah bersabda bahawa Hajar al-Aswad ialah tangan kanan Allah di bumi. Semoga Allah SWT mengurniakan manfaat kepada kita dengan mengucup dan menyentuh Hajar al-Aswad serta mempertemukan dengannya semua yang merinduinya.

Apabila kita mengucup bahagian dalam Hajar al-Aswad yang tidak mengalami kerosakan iaitu berhampiran dengan bahagian tepi ke kanan, terdapat satu bintik putih berbentuk bulat dan bergemerlapan. Ia seakan-akan tahi lalat di permukaan Hajar al-Aswad. Kamu akan dapat melihat orang ramai yang bertawaf di sekeliling Kaabah berebut-rebut dalam kesesakan untuk mengucup Hajar al-Aswad. Jarang-jarang sekali mereka berjaya mengucupnya kecuali setelah berebut-rebut serta tolak-menolak sesama mereka. Keadaan yang sama turut berlaku ketika orang ramai mahu memasuki Kaabah yang mulia. Di sisi Hajar al-Aswad itulah bermulanya tawaf dan merupakan sudut yang pertama ditemui oleh orang yang bertawaf. Ketika mengucup Hajar al-Aswad, orang yang bertawaf itu berdiri agak jauh sedikit darinya dan Kaabah berada di sebelah kirinya. Sesudah melalui Hajar al-Aswad dalam tawafnya, ia akan tiba di Rukn al'Iraqi yang menghala ke utara. Kemudian ia tiba di Rukn al-Syami yang menghala ke barat, kemudian di Rukn al-Yamani yang menghala ke selatan dan seterusnya ia kembali semula ke Hajar al-Aswad yang menghala ke timur.

Maqam Ibrahim yang Mulia

Ketahuilah bahawa di antara Kaabah dengan Rukn al-'Iraqi, terdapat sebuah tempat yang

ukuran panjangnya 12 jengkal dan lebarnya adalah lebih kurang enam jengkal, manakala ukuran tingginya ialah dua jengkal. Itulah tempat Nabi Ibrahim a.s. berdiri (maqam). Kemudian Nabi Muhammad SAW memindahkannya ke tempatnya sekarang yang kini menjadi tempat solat. Tempat yang asal itu kini menyerupai kolam dan apabila Kaabah dibersihkan, air basuhan itu dialirkan ke dalamnya. Tempat tersebut ialah tempat yang diberkati dan orang ramai berebut-rebut untuk menunaikan solat di situ. Maqam yang mulia itu terletak bertentangan dengan dinding Kaabah iaitu di ruang di antara Rukn al-'Iraqi dengan pintu Kaabah yang mulia. Walau bagaimanapun, ia terletak lebih hampir dengan pintu tersebut. Terdapat sebuah kubah di atas Maqam dan di bawah kubah tersebut pula terdapat tingkap bergerigi besi. Tingkap ini terletak di satu jarak tertentu dari Maqam yang mulia iaitu sekadar dapat menyentuh petinya apabila tangan dihulurkan melalui tingkap yang tertutup itu. Di belakang Maqam ini pula terletak tempat berpagar yang dijadikan tempat untuk menunaikan solat dua rakaat sesudah tawaf. Di riwayatkan dalam Hadith Sahih bahawa ketika Rasulullah SAW memasuki Masjid al-Haram, Baginda menghampiri Kaabah dan bertawaf sebanyak tujuh kali. Kemudian Baginda menghampiri Maqam lalu membaca (ayat Al-Quran yang bermaksud), *" Dan jadikanlah oleh kamu Maqam Ibrahim itu tempat solat."*, lalu menunaikan solat dua rakaat di belakangnya. Tempat solat bagi imam Mazhab Syafi'e terletak di belakang Maqam Ibrahim iaitu di Hatim.

Hijr dan Litar Tawaf

Lilitan dinding yang memagari Hijr ialah 29 langkah iaitu 94 jengkal apabila diukur dari bahagian dalam bulatan. Dinding tersebut berkemasan batu marmar yang bercorak awan larat dan ditampal dengan amat teliti serta cantik. Ukuran tinggi dinding itu ialah lima setengah jengkal dab tebalnya pula empat setengah jengkal. Di dalam Hijr, terdapat lantai luas yang berkemasan kepingan batu marmar yang disusun rapi berdasarkan kemahiran yang tiada tandingan dan hasil kerja yang cukup teliti. Jarak lurus di antara dinding Kaabah yang mulia yang berada di bawah Mizab dengan bahagian dinding Hijr yang bertentangan ialah 40 jengkal.
Hijr mempunyai dua buah pintu masuk. Pertama, di antara hujung dindingnya dengan Rukn al-'Iraqi dan ukurannya ialah enam hasta. Ruang ini merupakan sebahagian daripada Kaabah yang ditinggalkan di luar oleh kaum Quraisy ketika mereka membina Kaabah iaitu sebagaimana yang diriwayatkan dalam Hadith-hadith Sahih, manakala pintu masuk kedua pula terletak di sisi Rukn al-Syami dan ukuran lebarnya juga enam hasta. Jarak di antara dua buah pintu masuk itu ialah 48 jengkal.

Tempat melakukan tawaf berkemasan batu-bata hitam yang dilekat serta disusun sehingga menjadi kemas dan kukuh. Lebar litar tawaf ini yang diukur dari Kaabah ialah sembilan langkah kecuali di sudut yang bertentangan dengan Maqam Ibrahim yang mulia itu. Di situ, litar tersebut menjadi lebih lebar sehingga merangkumi Maqam itu. Bahagian Masjid al-Haram yang lain termasuk deretan tiangnya, ditaburi pasir putih. Tempat bertawaf untuk wanita pula terletak di bahagian hujung kawasan lingkaran berbatu ubin.

Zamzam

Kubah Telaga Zamzam terletak bertentangan dengan Hajar al-Aswad dan jarak di antara kedua-duanya ialah 24 langkah. Maqam Ibrahim yang mulia terletak di sebelah kiri kubah tersebut. Jarak di antara sudut kubah itu dengan Maqam Ibrahim pula ialah sepuluh langkah. Bahagian dalam kubah tersebut berkemasan marmar putih dan permukaan Telaga Zamzam yang berkat itu terletak di tengah-tengah kubah. Ia juga terletak lebih hampir dengan dinding yang bertentangan dengan Kaabah.Telaga Zamzam berkemasan marmar iaitu berdasarkan hasil kerja tangan yang sangat teliti. Ia juga disimen dengan plumbum. Lilitan mulut telaga itu ialah 40 jengkal dan tingginya pula empat setengah jengkal. Ukuran dalam Telaga Zamzam itu pula mencapai 11 qamah (lebih kurang 216 meter). Orang ramai menceritakan bahawa air Telaga Zamzam akan bertambah banyak pada setiap malam Jumaat. Pintu Kubah Zamzam (yang disebut) itu menghala ke timur.

Di dalam kubah tersebut terdapat sebuah saluran air berbentuk bulatan. Ukuran luas dan dalamnya ialah sejengkal. Ukuran tingginya dari lantai pula adalah lebih kurang lima jengkal. Saluran itu dipenuhi oleh air untuk berwuduk.. Di sekeliling saluran air tersebut terdapat bangku tempat orang ramai duduk ketika berwuduk. Qubbah al-Syarab (Kubah Syarab) yang dinisbahkan pada al-‘Abbas r.a. terletak berhampiran dengan Kubah Zamzam itu. Pintu kubah ini menghala ke utara. Kubah Syarab kini menjadi tempat untuk menyimpan air Zamzam di dalam tempayan yang dinamai sebagai dawariq dan setiap tempayan ini, mempunyai satu pemegang. Tempayan ditinggalkan di dalam Kubah Syarab supaya air yang ada di dalamnya menjadi sejuk untuk diminum oleh orang ramai.

Mushaf-mushaf Al-Quran dan kitab-kitab kepunyaan Masjid al-Haram turut disimpan di dalam Kubah Syarab. Selain itu, ada sebuah bilik stor yang mengandungi sebuah peti yang besar di Kubah Syarab ini juga. Di dalam peti itu terkandung sebuah mushaf Al-Quran Al-Karim dengan tulisan tangan Zaid ibn Thabit r.a. Mushaf tersebut disalin pada tahun yang kelapan belas sesudah kewafatan Rasulullah SAW. Apabila penduduk Makkah ditimpa bencana seperti kemarau dan sebagainya, mereka akan mengeluarkan mushaf yang mulia ini, membuka pintu Kaabah lalu meletakkan mushaf itu di atas bendul pintu tersebut selain di dalam Maqam Ibrahim. Kemudian orang ramai pun berhimpun tanpa menutup kepala mereka lalu berdoa dengan tawaduk. Mereka memohon rahmat dan bantuan Ilahi dengan bertawassul kepada mushaf serta Maqam Ibrahim yang mulia. Belum pun sempat mereka meninggalkan tempat itu, Allah SWT menurunkan rahmat dan belas kasih-Nya ke atas mereka. Di sebelah Kubah al-‘Abbas itu terletak sebuah kubah yang bernama Qubbah al-Yahudiyyah (Kubah Wanita Yahudi).

Pintu-Pintu Masjid al-Haram dan Masyhad-Masyhad di sekelilingnya

Masjid al-Haram, semoga Allah memuliakannya, mempunyai 19 buah pintu gerbang yang kebanyakannya pula mempunyai banyak pintu masuk. Antara pintu gerbang tersebut ialah Bab al-Safa yang mempunyai lima buah pintu masuk kecil. Pada zaman silam, pintu gerbang ini dikenali sebagai Bab Bani Makhzum dan ia merupakan pintu

yang terbesar bagi Masjid al-Haram. Pintu ini menjadi pintu keluar ke tempat sa'ie. Pengunjung Masjid al-Haram, semoga Allah memuliakannya, disunatkan memasuki masjid melalui Bab Bani Syaibah. Demikian juga disunatkan keluar dari masjid selepas tawaf melalui Bab al-Safa dengan mengikut jalan di antara dua batang tiang yang didirikan oleh Amir al-Mu'minin al-Mahdi r.h. untuk menandakan laluan Rasulullah SAW ke Safa.

Pintu kedua ialah Bab Ajyad al-Asghar yang terbahagi pula kepada dua buah pintu masuk. Ketiga, Bab al-Khayyatin yang juga terbahagi kepada dua buah pintu masuk dan keempat, bab al-'Abbas r.a yang terbahagi kepada tiga buah pintu masuk. Kelima, Bab al-Nabi SAW yang terbahagi kepada dua buah pintu masuk dan keenam, Bab Bani Syaibah yang terletak di sudut utara di dinding timur masjid iaitu di hadapan pintu Kaabah. Pintu ini menghadap pintu Kaabah yang letaknya di sebelah kiri dan terbahagi pula kepada tiga buah pintu masuk. Pintu ini menjadi pintu masuk bagi Bani 'Abd Syams dan khalifah-khalifah. Pintu ketujuh ialah pintu kecil yang terletak bertentangan dengan Bab (Pintu) Bani Syaibah yang tidak bernama. Dikatakan bahawa pintu kecil ini dinamai sebagai Bab al-Ribat kerana ia merupakan pintu masuk ke Ribat al-Sidrah. Pintu kelapan, kesembilan dan kesepuluh ialah Bab al-Nadwah iaitu nama pintu yang diberikan kepada tiga buah pintu yang berbeza. Dua daripadanya terletak bersebelahan dengan Dar al-Nadwah dan yang ketiga terletak di baratnya.

Dar al-Nadwah telah dijadikan sebagai sebuah masjid tambahan yang menjurus ke Masjid al-Haram dan terletak bertentangan dengan Mizab. Pintu lain ialah pintu kecil yang menjadi laluan masuk ke Dar al-'Ajalah dan pintu ini baru sahaja dibina selain Bab al-Sidrah yang mempunyai sebuah pintu masuk. Pintu selanjutnya ialah Bab al-'Umrah yang juga mempunyai sebuah pintu masuk. Pintu ini merupakan salah sebuah pintu yang tercantik di dalam Masjid al-Haram. Sebuah lagi pintu ialah Bab Ibrahim yang mempunyai sebuah pintu masuk. Orang ramai berselisih pendapat dalam menisbahkan pintu ini. Sebahagian daripada mereka menisbahkannya pada Ibrahim al-Khalil a.s. Pendapat yang tepat ialah pintu ini dinisbahkan pada Ibrahim al-Khuzi daripada kalangan orang Ajam. Selain semua pintu ini ialah Bab al-Hazwarah yang terbahagi kepada dua buah pintu masuk; Bab Ajyad al-Akbar yang terbahagi pula kepada dua buah pintu masuk dan sebuah pintu yang juga dinisbahkan pada Ajyad. Pintu ini juga terbahagi kepada dua buah pintu masuk. Terdapat pintu ketiga yang turut dinisbahkan kepada Ajyad yang juga terbahagi kepada dua buah pintu masuk dan bersambung dengan Bab al-Safa. Ada orang yang menamai dua daripada empat buah pintu yang dinamai Ajyad ini sebagai Bab al-Daqqaqin.

Masjid al-Haram mempunyai lima buah menara. Menara pertama berada di penjuru Abu Qubais iaitu di sisi Bab al-Safa. Menara kedua pula berada di atas penjuru Bab Bani Syaibah. Seterusnya menara ketiga berada di atas penjuru Bab dar al-Nadwah, menara keempat di atas penjuru Bab al-Sidrah dan yang kelima, di atas penjuru Ajyad.

Berdekatan dengan Bab al-'Umrah, terdapat sebuah madrasah yang diasaskan oleh Sultan al-Mu'azzam Yusuf ibn Rasul, raja negeri Yaman yang juga terkenal dengan nama al-Malik al-Muzaffar. Dirham muzaffariyyah yang digunakan di Yaman dinamai

bersempena dengan namanya. Bagindalah yang biasanya menyediakan kelambu Kaabah hingga al-Malik al-Mansur Qalawun merampas hak itu daripadanya.

Sebuah zawiyah yang besar terletak di luar Bab Ibrahim. Di zawiyah ini, terletak rumah seorang yang salih dan imam Mazhab Maliki iaitu Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdil Rahman yang juga digelar sebagai Khalil. Di atas Bab Ibrahim, terdapat sebuah kubah besar yang sangat tinggi. Bahagian dalam kubah ini dihiasi pelbagai corak yang diperbuat daripada bahan plaster. Coraknya sungguh menakjubkan dan amat sukar untuk dihuraikan. Di hadapan Bab Ibrahim ini iaitu di sebelah kiri ketika hendak memasukinya ialah tempat Jalaluddin Muhammad ibn Ahmad al-Afsyahri iaitu seorang syeikh dan juga seorang 'abid biasa duduk. Di luar Bab Ibrahim terdapat sebuah telaga yang bernama Ibrahim. Di sisi pintu ini juga terletak rumah Syeikh Danial al-'Ajami, seorang yang salih. Sumbangan derma dan sedekah daripada Iraq diterima melaluinya pada zaman pemerintahan Abu Sa'id.

Berdekatan dengan pintu yang sama juga terletak Ribat al-Muwaffaq iaitu antara ribat yang terbaik. Aku tinggal di situ sepanjang kunjunganku ke Makkah al-Mu'azzamah. Ketika itu, Abu 'Abdillah al-Zawawi al-Maghribi, seorang syeikh yang salih dan al-Tayyar Sa'adah al-Jarrani juga seorang syeikh yang salih turut tinggal di ribat ini. Pada suatu hari, syeikh al-Tayyar masuk ke dalam rumah Syeikh al-Zawawi selepas Solat Asar lalu mendapatinya sedang sujud menghadap Kaabah yang mulia. Rupa-rupanya beliau telah meninggal dunia dalam keadaan sedemikian tanpa menghidap sebarang penyakit. Semoga Allah meredhai beliau. Syamsuddin Muhammad al-Syami, seorang syeikh yang salih pula telah tinggal di ribat ini selama lebih kurang empat puluh tahun. Selain itu, Syeikh Syu'aib al-Maghribi yang merupakan salah seorang daripada kalangan salihin yang utama, juga pernah tinggal di situ. Pada suatu hari aku masuk menemuinya. Aku tidak dapat melihat apa-apa di dalam biliknya selain segulung tikar. Aku berkata sesuatu kepadanya tentang keadaannya itu lalu beliau berpesan kepadaku, "Rahsiakanlah apa yang telah kamu lihat tentang diriku."

Di sekeliling Masjid al-Haram, terdapat banyak rumah kediaman yang mempunyai menara untuk melihat pemandangan serta atap dan seseorang boleh melaluinya ke bumbung Masjid al-Haram. Penghuni rumah tersebut sentiasa dapat menikmati pemandangan Masjid al-Haram. Terdapat juga rumah yang pintunya menjadi laluan ke dalam masjid termasuk rumah Zubaidah*, isteri Harun al-Rasyid yang menjadi Amir al-Mu'minin, rumah al-'Ajalah serta rumah al-Syarabi dan lain-lainnya.

(*Beliau ialah Zubaidah bint Ja'far al-Mansur al-'Abbasiyyah, isteri Harun al-Rasyid dan merupakan sepupu baginda. Beliau ialah seorang wanita yang unggul pada zamannya dari segi ugama, keturunan, kecantikan, pemeliharaan maruah diri dan cenderung kepada kebaikan. Zubaidah meninggal dunia pada tahun 216H.)

Antara masyhad yang mulia yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram termasuklah Qubbah al-Wahy yang terletak di dalam rumah Khadijah Ummu al-Mu'minin r.a. Rumah ini terletak berhampiran dengan Bab al-Nabi. Di dalam rumah yang sama juga terdapat sebuah kubah kecil, tempat Fatimah r.a. lahir. Rumah Abu Bakr al-

Siddiq r.a pula terletak berdekatan dengannya. Sebuah dinding yang diberkati oleh Allah terletak berhadapan dengan rumah ini dan batu yang juga diberkati-Nya, terdapat di dalam dinding ini. Bahagian hujungnya menonjol keluar dari permukaan dinding dan dikucup oleh orang ramai. Dikatakan bahawa batu tersebut pernah mengucapkan salam kepada Nabi SAW dan diceritakan juga bahawa Nabi SAW datang ke rumah Abu Bakr r.a. lalu memanggilnya tetapi beliau tidak muncul. Ketika itu, batu tersebut mengucapkan kata-kata, "Wahai Rasulullah, beliau sebenarnya tiada di rumah."

Safa dan Marwah

Jarak dari Bab al-Safa, yang merupakan salah sebuah pintu Masjid al-Haram ke Safa ialah 76 langkah dan ukuran lebar Safa pula ialah 17 langkah. Safa mempunyai 14 anak tangga dan anak tangga yang teratas kelihatan seakan-akan sebuah tempat duduk. Jarak di antara Safa dengan Marwah ialah 493 langkah. Jarak tersebut termasuk jarak dari Safa ke Mil al-Akhdar sebanyak 93 langkah, dari Mil al-Akhdar ke Milan al-Akhdaran sebanyak 75 langkah dan dari Milan al-Akhdaran ke Marwah sebanyak 325 langkah. Marwah mempunyai lima anak tangga dan sebuah binaan melengkung yang besar. Ukuran lebar Marwah ialah 17langkah. Mil al-Akhdar ialah sebatang tiang berwarna hijau yang didirikan di penjuru menara dari sudut timur Masjid al-Haram iaitu di sebelah kiri jemaah haji yang melakukan sa'ie (berlari) ke Marwah.

Milan al-Akhdaran ialah dua batang tiang berwarna hijau yang terletak bertentangan dengan Bab 'Ali iaitu salah sebuah pintu Masjid al-Haram. Salah satu tiang tersebut terletak di dalam tembok Masjid al-Haram iaitu di sebelah kiri orang yang keluar melalui Bab 'Ali. Sebatang tiang lagi terletak bertentangan dengannya. Jemaah haji melakukan raml iaitu berlari-lari kecil pergi dan balik di antara Mil al-Akhdar dengan Milan al-Akhdaran. Di antara Safa dengan Marwah, terdapat kawasan air mengalir. Di situ juga terdapat sebuah pasar yang besar. Pelbagai jenis buah-buahan yang lain dijual di sini. Orang yang bersa'ie di antara Safa dengan Marwah sukar melepasi orang ramai yang bersesak-sesak di sekeliling gerai-gerai peniaga. Di Makkah, tidak terdapat pasar yang tersusun seperti pasar ini kecuali pasar (bazar) penjual kain dan ubat-ubatan di Bab Bani Syaibah.

Rumah al-'Abbas r.a. juga terletak di antara Safa dengan Marwah. Rumah itu kini menjadi sebuah ribat yang didiami oleh mujawirin yang dibina oleh al-Malik al-Nasir. Baginda juga membina rumah wuduk di kawasan di antara Safa dengan Marwah pada tahun 728H. Selain itu, baginda turut membuat dua buah pintu untuk rumah wuduk tersebut. Salah satu daripadanya menghadap ke pasar yang disebut itu dan sebuah lagi menghadap ke bazar penjual minyak wangi. Di tingkat atas rumah wuduk, terdapat bilik sebagai tempat tinggal khadam-khadam rumah wuduk. Pembinaan rumah wuduk ini diurus oleh Amir 'Ala'uddin ibn Hilal. Di sebelah kanan Marwah pula, terletak kediaman amir Makkah iaitu Saifuddin 'Utaifah ibn Abi Numayy yang akan disebut kisahnya nanti.

Pusara Makkah yang Diberkati (Jabbanah)

Jabbanah atau pusara Makkah terletak di luar Bab al-Ma'la dan ia dikenali umum sebagai Hajun. Pusara inilah yang dimaksudkan oleh al-Harith ibn Mudad al-Jurhami dalam bait syairnya yang berikut:

Dari Hajun ke Safa
Seolah-olah tak pernah hadir teman bicara
Dan waktu-waktu senja di Makkah seolah-olah sepi tanpa kemeriahan bual mesra
Bahkan! Dahulu kala kamilah penghuninya
Lalu peralihan zaman dan perubahan nasib
datang menimpa
Menghapuskan kami.*

*(*Bait syair ini meratapi kehancuran suku kaum Jurhum yang pernah menguasai Makkah sebelum kaum Quraisy)*

Di pusara inilah sejumlah besar sahabat, tabi'in, ulama', salihin dan auliya', disemadikan. Walau bagaimanapun, kebanyakan makam mereka telah hilang kesannya dan tidak lagi diketahui oleh penduduk Makkah melainkan beberapa buah sahaja. Antara makam yang masih dikenali ialah makam Ummu al-Mu'minin, penasihat penghulu Rasul-rasul, Khadijah bint Khuwailid, bonda semua cahayamata Nabi SAW kecuali Ibrahim serta nenenda kepada dua orang cucundanya yang mulia iaitu Hasan dan Husain r.a. Berhampiran dengannya ialah makam Khalifah Amir al-Mu'minin Abu Ja'far al-Mansur 'Abdullah ibn Muhammad ibn 'Ali ibn 'Abdillah ibn al-'Abbas r.a. Di situ jugalah tempatnya 'Abdullah ibn al-Zubair r.a. disalib. Selain itu, di tempat tersebut juga pernah wujud sebuah bangunan yang diruntuhkan oleh penduduk Ta'if kerana berasa marah akan cercaan dan penghinaan yang dilemparkan terhadap al-Hajjaj, si pembinasa yang sekaum dengan mereka. Di hadapan kawasan pusara itu iaitu di sebelah kanan, terdapat sebuah masjid yang telah runtuh. Di katakana bahawa itulah masjid tempat segolongan jin berbai'ah dengan Rasulullah SAW. Melalui kawasan pusara ini, terdapat sebatang jalan yang digunakan oleh orang yang naik ke Bukit 'Arafah dan jalan bagi orang yang hendak ke Ta'if serta Iraq.

Masyhad-Masyhad di luar Makkah

Antara masyhad di luar Makkah ialah Hajun yang telah disebut itu. Dikatakan juga bahawa Hajun ialah bukit yang menghala ke pusara Makkah. Sebuah lagi masyhad yang diceritakan itu ialah Muhassab yang juga dinamai sebagai Abtah oleh orang ramai. Ia terletak bersebelahan dengan (pusara) Jabbanah yang diceritakan itu. Di situlah letaknya lereng atau landaian Bani Kinanah yang disinggahi oleh Rasulullah SAW. Selain Hajun dan Muhassab, Zu Tuwa adalah antara masyhad lain yang terdapat di luar Makkah. Ia merupakan sebuah lembah yang melandai ke pusara golongan Muhajirin yang terletak di

Hashas iaitu di bawah Genting Kada'. Melalui lembah ini, terdapat jalan ke tiang-tiang penanda yang menandakan batas antara tanah haram dengan tanah halal.

Sudah menjadi kebiasaan bagi 'Abdullah ibn 'Umar r.a. apabila beliau datang ke Makkah, beliau akan bermalam dahulu di Zu Tuwa dan mandi di situ sebelum meneruskan perjalanan ke Makkah pada keesokan paginya. Dikatakan bahawa Rasulullah SAW pernah berbuat demikian.

Antara masyhad di luar Makkah yang lain ialah Genting Kuda yang terletak di bahagian lebih atas (hujung) kota Makkah. Dari situlah, Rasulullah SAW masuk semasa haji wida' ke Makkah. Selain Genting Kuda ini ialah Genting Kada' yang juga dikenali umu sebagai Genting Baida'. Ia terletak di bahagian lebih bawah kota Makkah. Melalui genting itulah Rasulullah SAW keluar dari Makkah pada haji wida'. Genting Kada' terletak di antara dua buah bukit dan di bahagiannya yang paling sempit, terdapat satu timbunan batu-bata di atas jalan. Setiap orang yang lalu di situ akan membalingkan sebutir batu ke situ kerana dikatakan bahawa di situlah letaknya kubur Abu Lahab dan isterinya, si pemungut kayu api.

Di antara Genting Kada' dengan kota Makkah, terdapat sebuah daratan yang rata. Ia merupakan tempat kafilah haji berkhemah apabila pulang dari Mina. Berhampiran dengan tempat ini iaitu lebih kurang sebatu dari Makkah, semoga Allah memuliakannya, terdapat sebuah masjid dan bertentangan dengannya, ada sebuah batu yang diletakkan di atas jalan seakan-akan sebuah tempat duduk. Di atas batu itu pula terdapat ukiran tetapi kini ia sudah pun terpadam. Dikatakan bahawa Rasulullah SAW pernah duduk di tempat tersebut untuk berehat sekembalinya daripada menunaikan umrah. Orang ramai mengambil berkat dengan mengucup batu itu dan bersandar padanya.

Tan'im yang terletak lebih kurang satu farsakh dari Makkah juga merupakan sebuah lagi masyhad di luar Makkah. Penduduk Makkah memulakan ibadah umrah di situ kerana tempat itu ialah kawasan tanah halal yang terdekat dengan tanah haram. Di situlah juga Ummu al-Mu'minin 'Aisyah r.a. memulakan umrahnya apabila Nabi SAW menghantarnya semasa haji wida' bersama-sama dengan saudaranya, 'Abdul Rahman r.a. yang diminta oleh Nabi SAW supaya memimpin 'Aisyah menunaikan umrah dari Tan'im. Tiga buah masjid telah dibina di sebatang jalan di situ. Semua masjid itu dinisbahkan pada 'Aisyah r.a.. Jalan Tan'im ialah sebatang jalan yang lebar dan orang ramai menyapu jalan tersebut pada setiap hari untuk mendapatkan pahala kerana banyak orang yang menunaikan umrah berjalan di situ dengan berkaki ayam. Di jalan itu juga terdapat beberapa buah telaga yang manis rasa airnya dan ia bernama Syubaikah. Seterusnya ialah Zahir yang terletak lebih kurang dua batu dari Makkah mengikut jalan Tan'im. Ia terletak di kedua-dua bahu jalan dan di situ, terdapat kesan runtuhan rumah, kebun serta pasar. Di tepi jalan, terdapat sebuah pelantar berbentuk segi empat panjang dan di atasnya, tersusun kole yang berisi dengan air untuk diminum selain bejana untuk berwuduk.. Bekas-bekas air tersebut sentiasa diisi oleh penjaga tempat itu yang memperoleh airnya dari telaga Zahir yang sangat dalam. Khadam-khadam yang terdiri daripada golongan fakir yang tinggal sementara di Makkah serta orang yang gemar melakukan kebajikan membantunya menunaikan tugas tersebut. Ini kerana, perkhidmatan menyediakan air itu memberikan

kemudahan kepada orang yang menunaikan umrah yang memerlukan air untuk mandi, minum dan berwuduk. Kawasan Lembah Zu Tuwa yang disebut itu bersambung dengan Zahir.

Bukit-Bukau yang Mengelilingi Makkah

Antara bukit yang mengelilingi Makkah ialah Jabal Abu Qubais yang terletak di sebelah tenggara Makkah. Bukit ini ialah salah satu daripada Akhsyabain* dan berada paling hampir dengan Makkah, semoga Allah memuliakannya. Ia juga terletak bertentangan dengan penjuru Hajar al-Aswad. Di atas bukit ini, terdapat sebuah masjid dan kesan-kesan runtuhan sebuah ribat serta beberapa buah bangunan yang lain. Al-Malik al-Zahir pernah berniat untuk memulihkan bangunan itu. Jabal Abu Qubais menghala ke Masjid al-Haram dan ke seluruh kota Makkah. Dari puncak bukit itu, terserlah keindahan Makkah, semoga Allah memuliakannya, selain kecantikan dan keluasan Masjid al-Haram serta Kaabah yang mulia. Di sebut bahawa Jabal Abu Qubais ialah bukit yang mula-mula dijadikan oleh Allah SWT. Di situlah Hajar al-Aswad diletakkan ketika banjir besar berlaku. Kaum Qurais menamai bukit itu sebagai al-Amin kerana bukit itu mengembalikan Hajar al-Aswad yang disimpannya kepada al-Khalil Ibrahim a.s. Di katakana bahawa makam Nabi Adam a.s. terletak di situ. Jabal Abu Qubais ialah tempat Rasulullah SAW berdiri ketika bulan dibelah dua untuk Baginda SAW.

*(*Akhsyabain ialah dua buah bukit di Makkah)*

Bukit-bukau yang lain yang mengelilingi Makkah ialah Jabal Qu'aiqi'an iaitu salah satu daripada dua buah bukit yang bernama Akhsyabain, Jabal al-Ahmar di utara kota Makkah, semoga Allah memuliakannya, dan Jabal al-Khandamah yang terletak di atas dua buah jurang iaitu Ajyad al-Akbar serta Ajyad al-Asghar. Selain itu ialah Jabal al-Tair yang merupakan sekumpulan empat buah bukit yang berada di kedua-dua bahu jalan ke Tan'im. Dikatakan bahawa itulah kumpulan bukit-bukau yang ditaburkan ke atasnya badan burung yang telah dicencang oleh Ibrahim al-Khalil a.s lalu diserunya sebagaimana kisah yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam Al-Quran Al-Karim.(sura Al-Baqarah 2:260). Terdapat batu-batu penanda di bukit-bukau tersebut.

Jabal Hira' yang terletak di utara kota Makkah, semoga Allah memuliakannya, iaitu lebih kurang satu farsakh darinya dan menghala ke Mina ialah sebuah lagi bukit yang mengelilingi kota suci Makkah. Jabal Hira' menjulang tinggi ke langit dan mempunyai kemuncak yang tinggi. Di situlah Rasulullah SAW kerap beribadah sebelum diutus menjadi Rasul. Di situlah juga kebenaran datang kepada Baginda daripada Tuhannya dan merupakan permulaan turunnya wahyu. Bukit itulah yang bergegar di bawah tapak kaki Rasulullah SAW lalu Baginda bersabda kepadanya, "Bertenanglah kerana tiada apa yang berada di atasmu melainkan seorang Nabi, seorang siddiq dan seorang syahid." Banyak pihak berselisih pendapat tentang orang yang ada bersama-sama dengan Baginda SAW pada hari tersebut. Diriwayatkan bahawa sepuluh orang sahabat yang dijanjikan syurga berada bersama-sama dengan Rasulullah SAW pada ketika itu. Riwayat yang lain pula mengatakan bahawa Jabal Thabir juga bergegar di bawah tapak kaki Baginda SAW.

Seterusnya ialah Jabal Thaur yang berada lebih kurang satu farsakh dari kota Makkah, semoga Allah memuliakannya, iaitu di jalan menuju ke Yaman. Di situlah letaknya gua tempat Rasulullah SAW berlindung sewaktu berhijrah dari Makkah, semoga Allah memuliakannya, dengan ditemani oleh Abu Bakr al-Siddiq r.a. Ini sebagaimana diceritakan dalam kitab Al-Quran Al-Karim (sura At-Taubah 9:41). Al-Azraqi*(*beliau ialah ahli sejarah dari Yaman dan tinggal di Makkah. Beliau mempunyai sebuah karya tentang sejarah Makkah berjudul "Akhbarru Makkah wa maJa'a fiha min al-Athar")* menyebut dalam kitabnya bahawa Jabal Thaur menyeru kepada Rasulullah SAW dengan berkata, “Marilah kepadaku wahai Muhammad. Marilah! Marilah! Sesungguhnya aku telah melindungi 70 orang Nabi sebelummu.” Apabila Rasulullah masuk ke dalam gua dan berasa aman berada di dalamnya dengan ditemani oleh Abu Bakr al-Siddiq r.a., seekor labah-labah terus memintal sarangnya di pintu gua dan burung merpati membuat sarang lalu bertelur di dalamnya, dengan izin Allah SWT. Kemudian tibalah kaum musyrikin ke gua itu dengan dipimpin oleh seorang pakar penjejak kesan tapak kaki lalu mereka berkata, “Di sini terhenti jejak tapak kaki.” Mereka melihat labah-labah yang telah memintal sarangnya di muka gua dan burung merpati yang telah bertelur lalu berkata, “Tiada sesiapa yang masuk ke sini.” Kemudian mereka pun meninggalkan tempat tersebut. Abu Bakr al-Siddiq r.a. berkata, “Wahai Rasulullah, apakah yang akan berlaku sekiranya mereka masuk juga ke dalam gua?” Baginda SAW bersabda, “Nescaya kita akan keluar dari sini,” dan memberi isyarat dengan tangannya yang berkat ke arah sudut gua yang lain dan tiada pintu di situ. Pada ketika itu juga, terbukalah sebuah pintu dengan kuasa Allah SWT yang Maha Memberikan Kurnia.

Orang ramai sentiasa menziarahi gua yang berkat ini dan cuba memasuki gua itu melalui pintu yang dilalui oleh Nabi SAW demi mengambil berkat. Ada antara mereka yang berjaya membolosi pintu itu dan ada juga yang gagal berbuat demikian lalu tersepit hingga perlu di tarik keluar dengan kuat. Ada juga orang yang mendirikan solat di luar gua tanpa memasukinya. Penduduk kawasan tersebut berkata, “Sesungguhnya orang yang lahir secara sah akan dapat membolosi pintu gua itu tetapi bagi anak di luar nikah, mereka tidak akan berjaya berbuat demikian.” Oleh sebab itulah ramai orang enggan mencuba kerana khuatir gagal lalu ditimpa rasa malu dan hina.

*(*Ibn Juzayy mencatat: “Beberapa orang jemaah haji yang tajam pemikirannya memberitahuku bahawa kesukaran masuk ke dalam gua tersebut disebabkan sebuah batu yang besar yang melintangi pintu gua itu. Batu ini terletak di tepi sebuah rekahan yang dengan melaluinya, seseorang akan dapat masuk ke dalam gua. Sesiapa yang cuba memasuki gua melalui rekahan tersebut dalam keadaan meniarap, kepalanya pasti akan sampai ke batu itu dan ia tidak akan dapat melepasinya disamping tidak dapat memusingkan badannya ke atas kerana muka serta dadanya berada hampir dengan tanah. Orang yang membuat demikianlah yang akan tersepit dan tidak dapat melepaskan dirinya melainkan setelah mengalami kesukaran serta ditarik keluar. Orang yang memasuki gua tersebut secara berbaring terlentang akan berjaya kerana apabila kepalanya sampai ke batu yang terletak melintang itu, ia akan mengangkat kepala dan tubuhnya supaya dapat duduk. Ketika itu, belakangnya akan bersandar pada batu yang melintang itu, sementara bahagian tengah badannya berada di dalam rekahan tersebut*

dan kedua-dua kakinya pula berada di luar pintu gua. Kemudian ia cuma perlu berdiri tegak di dalam gua.")

Kisah Syeikh yang Tersesat dalam Perjalanan

Peristiwa yang berikut telah berlaku di Jabal (Bukit) Thaur terhadap dua orang sahabatku. Salah seorang daripada mereka ialah Abu Muhammad 'Abdullah ibn Farhan dari Tuzari, Afrika, seorang faqih yang dimuliakan. Seorang lagi ialah Abu al-'Abbas Ahmad dari Lembah Asyi, Andalus (Sepanyol). Mereka berdua telah pergi ke Gua Thaur sewaktu mereka tinggal di Makkah, semoga Allah memuliakannya, pada tahun 728H. Mereka pergi tanpa membawa penunjuk jalan yang arif tentang selok-belok jalan di gua tersebut. Akhirnya mereka telah tersesat dan telah melalui sebatang jalan mati. Ketika itu, cuaca semakin panas dan kebetulan pula waktu itu musim panas sedang berada di kemuncaknya.

Mereka terus berjalan dan apabila air yang ada pada mereka telah habis sedangkan mereka masih belum sampai lagi ke gua tersebut, mereka pun mula mengatur langkah pulang ke Makkah, semoga Allah memuliakannya. Mereka telah menemui sebatang jalan lalu mengikuti jalan tersebut. Walau bagaimanapun, ia membawa mereka ke sebuah bukit yang lain. Cuaca yang panas benar-benar membakar tubuh. Mereka mula berasa haus dan kini terpaksa pula berhadapan dengan maut. Faqih Abu Muhammad Farhan tidak terdaya lagi untuk berjalan lalu rebah ke tanah, sementara Abu al-'Abbas berusaha untuk menyelamatkan dirinya kerana beliau masih memiliki sisa kekuatan. Beliau terus mengikuti jalan di bukit itu hinggalah sampai di Ajyad dan seterusnya masuk ke Makkah, semoga Allah memuliakannya. Abu al-'Abbas telah menemuiku dan memberitahukan peristiwa yang telah berlaku. Beliau juga menceritakan perihal 'Abdullah al-Tuzari yang masih berada di bukit. Malam pun berlabuh.

'Abdullah yang ku ceritakan itu mempunyai seorang sepupu bernama Hasan. Hasan tinggal di Lembah Nakhlah tetapi pada waktu itu beliau berada di Makkah. Aku memberitahu Hasan mengenai kejadian yang telah menimpa sepupunya itu. Kemudian aku menemui Abu 'Abdillah Muhammad ibn 'Abdil Rahman, seorang syeikh yang salih dan juga seorang imam. Beliau digelar sebagai Khalil dan merupakan imam Mazhab Maliki. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya. Aku lantas menyampaikan berita tentang 'Abdullah kepadanya lalu beliau pun menghantar sekumpulan penduduk Makkah yang arif dengan selok-belok jalan di bukit-bukau tersebut untuk mencarinya.

'Abdullah al-Tuzari pula, selepas ditinggalkan oleh sahabatnya, beliau telah berlindung di bawah batu yang besar. 'Abdullah begitu letih dan terasa haus. Burung gagak pula berterbangan di atas kepalanya dan menunggu saat-saat kematiannya. Apabila sinaran mentari telah hilang dan malam mula berlabuh, 'Abdullah memperoleh sedikit kekuatan dan disegarkan oleh kedinginan malam. Pada waktu subuh, beliau cuba berdiri dan turun dari bukit ke sebuah lembah yang dilindungi oleh bukit-bukau daripada sinaran terik matahari. 'Abdullah terus berjalan hingga terlihat seekor binatang. Beliau menuju ke

arahnya dan menemui sebuah khemah orang Arab.

Sebaik sahaja terpandang khemah tersebut, ‘Abdullah terus rebah ke tanah dan tidak terdaya lagi untuk bangun. Beliau telah dilihat oleh seorang wanita iaitu penghuni khemah. Kebetulan pula pada waktu itu, suami wanita tersebut pergi mendapatkan air di satu tempat. Wanita itu memberikan air yang ada padanya untuk diminum oleh ‘Abdullah tetapi ia tidak dapat menghilangkan dahaganya. Suami wanita itu pulang ke khemah dan mengambil satu bekas kulit yang penuh berisi dengan air dan diberikan kepada ‘Abdullah, namun ia masih belum juga dapat menghilangkan dahaganya. Kemudian suami wanita tersebut menaikkan ‘Abdullah ke atas seekor keldai miliknya dan membawa ‘Abdullah ke Makkah. ‘Abdullah sampai di Makkah menjelang waktu Asar pada hari berikutnya. Keadaan diri ‘Abdullah benar-benar telah berubah. Wajahnya yang pucat membuat beliau kelihatan seolah-olah baru sahaja bangkit dari kubur.

Dua Orang Amir Makkah

Sewaktu aku tiba, Makkah diperintah oleh dua orang syarif bersaudara yang mulia iaitu Asaduddin Rumaithah dan Saifuddin ‘Utaifah. Kedua-duanya ialah anak Amir Abu Numayy ibn Abi Sa’id ibn ‘Ali ibn Qatadah al-Hasani. Antara mereka berdua, Rumaithahlah yang lebih tua tetapi nama ‘Utaifah sering didahulukan dalam bacaan doa untuknya di Makkah kerana keadilannya. Rumaithah mempunyai beberapa orang anak iaitu Ahmad, ‘Ajlan (amir Makkah pada waktu ini), Taqiyyah, Sanad dan Ummu Qasim. ‘Utaifah juga mempunyai beberapa orang anak iaitu Muhammad, Mubarak, dan Mas’ud. Rumah ‘Utaifah terletak di sebelah kanan Marwah dan rumah saudaranya, Rumaithah pula terletak di Ribat al-Syarabi iaitu di Bab Bani Syaibah. Gendang akan dipalu di hadapan kedua-dua rumah mereka pada waktu Solat Maghrib setiap hari.

Penduduk Makkah dan Nilai Murni Kehidupan Mereka

Penduduk Makkah memiliki budi pekerti yang indah dan akhlak yang terpuji. Mereka bersifat dermawan dan juga suka mengutamakan orang yang daif serta golongan munqati’in iaitu orang yang meninggalkan perkara-perkara keduniaan untuk beribadah kepada Allah SWT. Penduduk Makkah juga melayani perantau dengan mesra. Salah satu tanda sifat dermawan yang mereka miliki adalah apabila salah seorang daripada mereka mengadakan kenduri, ia akan menjamukan makanan kepda fuqara’ munqati’in yang menunaikan ibadah di rumah suci terlebih dahulu. Ia akan menjemput mereka dengan lemah lembut, penuh kasih sayang dan beradab sopan. Selepas itu, mereka akan dijamu dengan makanan. Kebanyakan fuqara’ munqati’in ini sering berada di dapur memasak roti khusus untuk kegunaan awam. Apabila seseorang memasak roti dan membawanya pulang ke rumah, orang miskin akan mengikutinya. Orang itu biasanya akan tetap memberikan bahagian mereka, meskipun ia hanya mempunyai sekeping roti. Untuk tidak mengecewakan orang miskin tersebut, ia akan memberikan satu pertiga atau separuh

daripada roti itu kepada mereka dengan jiwa yang lapang tanpa berasa jengkel.

Seperkara lagi yang menunjukkan budi pekerti mereka yang sungguh mulia adalah berhubung dengan anak-anak yatim yang masih kecil yang lazimnya sering duduk di pasar. Anak-anak yatim ini akan membawa dua buah bakul; sebuah yang besar dan sebuah yang kecil. Penduduk Makkah menamai bakul sebagai miktal. Seorang lelaki penduduk Makkah akan pergi ke pasar dan membeli biji-bijian, daging dan sayur. Ia akan memberikan barang-barang ini kepada seorang kanak-kanak yang akan meletakkan biji-bijian di dalam salah sebuah bakulnya, sementara daging dan sayur-sayuran akan diletakkan di dalam satu bakul lagi. Seterusnya ia membawa barang-barang tersebut ke rumah lelaki itu supaya makanan boleh disiapkan dengan barang-barang yang telah dibeli. Lelaki tersebut pula akan melakukan tawaf dan menyempurnakan keperluannya. Tidak pernah diceritakan bahawa ada antara kanak-kanak yang diamanahkan itu mengkhianati lelaki tersebut. Malahan mereka akan melaksanakan apa yang telah dipertanggungjawabkan dengan sempurna. Semua kanak-kanak itu akan memperoleh upah dengan jumlah wang yang tertentu sebagai hasil kerja yang telah dilakukan.

Penduduk Makkah memiliki cirri-ciri keindahan dan kebersihan dalam berpakaian. Kebanyakan baju mereka berwarna putih. Oleh itu, kamu akan dapat melihat pakaian mereka sentiasa putih dan terang. Mereka juga suka memakai harum-haruman, bercelak dan rajin bersiwak (menggosok gigi) dengan kayu araak* yang berwarna hijau. *(*Araak ialah pokok miswak. Kayunya digunakan sebagai berus gigi. Poko araak ini mempunyai banyak ranting dan daunnya lebat. Ia mempunyai buah berwarna merah pekat dan boleh dimakan).* Kaum wanita Makkah pula memiliki kecantikan yang luar biasa dan tiada tolok bandingnya. Mereka juga merupakan wanita yang salihah dan bermaruah tinggi. Mereka banyak memakai harum-haruman sehingga ada yang sanggup tidur dalam kelaparan semata-mata untuk membeli harum-haruman yang merupakan pengganti harga makanan.

Mereka akan pergi ke Baitullah pada setiap malam Jumaat untuk menunaikan tawaf. Mereka akan hadir dengan pakaian yang paling indah. Segenap ruang rumah suci Allah itu akan dipenuhi oleh bau harum-haruman mereka. Apabila salah seorang daripada mereka beredar, bau harum-harumannya yang semerbak itu akan terus kekal di situ.

Penduduk Makkah mempunyai adat kebiasaan yang sungguh murni dan ciri-ciri keistimewaan yang lain akan diceritakan, selepas kami menceritakan penduduk serta individunya yang terkemuka.

Kadi, Khatib, Imam Musim Haji, Ulama' dan Penduduk Makkah yang Salih

Kadi Makkah ialah seorang yang 'alim, salih dan tekun beribadah. Beliau ialah Najmuddin Muhammad, anak imam yang 'alim, Muhyiddin al-Tabari. Muhyiddin ini memiliki banyak kelebihan dan banyak menghulurkan sedekah kepada golongan mujawir. Muhyiddin juga memiliki akhlak yang mulia dan sering menunaikan tawaf serta sering pula bertafakur semasa memandang Kaabah yang mulia. Beliau menjamukan banyak

makanan pada musim-musim perayaan yang besar, khususnya pada hari keputeraan Rasulullah SAW.

Pada hari tersebut, beliau mengadakan jamuan untuk syarif-syarif, pembesar-pembesar, faqir-faqir, khadam-khadam tanah haram yang mulia dan semua mujawir. Sultan Mesir, al-Malik al-Nasir r.h. amat memuliakan Muhyiddin dan semua sedekah baginda serta sedekah amir-amirnya disalurkan melalui beliau. Anaknya, Syihabuddin iaitu seorang yang mulia merupakan kadi Makkah, semoga Allah memuliakannya, pada waktu ini.

Khatib Makkah iaitu Baha'uddin al-Tabari, imam di Maqam Nabi Ibrahim a.s. ialah satu-satunya orang yang amat unggul pada zamannya, sangat fasih**(fasih di sini bermaksud orang yang mahir menggunakan segala gaya atau stilistik balaghah yang turut merangkumi al-Ma'ani dan al-Bayan serta pelbagai Uslub al-Badi' dalam ucapan atau tulisannya)* dan bersuara lantang. Tiada orang yang setanding dengannya dari sudut kehalusan balaghah dan kata-katanya yang jelas serta puitis. Aku diberitahu bahawa pada setiap hari Jumaat, beliau mengarang sebuah khutbah yang tidak akan diulangnya lagi selepas itu. Imam pada musim haji iaitu imam Mazhab Maliki di tanah haram ialah Syeikh Abu 'Abdillah Muhammad, seorang faqih, ilmuwan yang salih, khusyuk dalam ibadahnya serta masyhur namanya. Beliau ialah anak Abu Zaid 'Abdul Rahman, iaitu seorang faqih dan imam yang salih serta warak. Abu 'Abdillah inilah yang terkenal sebagai Khalil. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya dan memberikan kurnia kepada kita dengan memanjangkan usia beliau. Keluarga Abu 'Abdillah ini datang dari daerah Jarid di Afrika. Di daerah tersebut, mereka dikenali umum sebagai Bani Hayyun dan merupakan pembesarnya. Walau bagaimanapun, tempat lahir beliau dan bapanya adalah di Makkah semoga Allah memuliakannya.

Abu 'Abdillah bukan sahaja seorang pembesar Makkah dan juga seorang penduduk yang mempunyai keperibadian yang unggul bahkan beliau ialah *wali qutb*nya yang utama. Semua mazhab bersepakat bersepakat tentang hal ini. Beliau sentiasa tenggelam khusyuk dalam menunaikan ibadah pada setiap waktu dan sentiasa bersederhana serta dermawan. Akhlaknya mulai dan perasaan simpatinya sentiasa melimpah ruah. Beliau tidak akan membiarkan seseorang yang meminta pemberiannya berlalu dengan kecewa.

Sebuah Kisah yang Penuh Berkat

Sewaktu aku tinggal di Makkah, semoga Allah memuliakannya, iaitu semasa tinggal di Madrasah al-Muzaffariah, aku telah terlihat dalam mimpiku, Baginda SAW sedang duduk di dalam bilik pengajian di madrasah tersebut iaitu di tepi sebuah tingkap yang menerusinya Kaabah yang mulia dapat dilihat. Orang ramai pula sedang berbai'ah kepada Baginda. Aku telah melihat Syeikh Abu 'Abdillah yang digelar sebagai Khalil masuk dan duduk bertimpuh di hadapan Rasulullah SAW. Beliau meletakkan tangannya di dalam tangan Baginda SAW lalu berkata, "Aku berbai'ah dengan tuan untuk melakukan sekian dan sekian, " dan beliau menyebut beberapa perkara. Antaranya, "Aku tidak akan membiarkan seorang miskin berlalu dari rumahku dalam keadaan

kecewa," dan itulah sumpahnya yang terakhir. Aku berasa hairan dengan kata-katanya. AKu berkata-kata di dalam hatiku, "Bagaimanakah beliau boleh berkata demikian dan sanggup pula untuk melaksanakannya, sedangkan terdapat terlalu banyak orang fakir di Makkah, Yaman, Zayali'ah, Iraq, Parsi, Mesir dan Syam?"

Seperti yang kulihat dalam mimpiku, beliau sedang memakai jubah putih yang singkat. Jubah itu diperbuat daripada fabrik kapas yang dinamai sebagai qutfan. Beliau memakainya pada masa-masa yang tertentu. Pada keesokan paginya, selepas menunaikan Solat Subuh, aku menemuinya dan memberitahukan mimpiku. Beliau begitu gembira dengan mimpiku itu dan menangis lalu berkata kepadaku, "Jubah tersebut dihadiahkan oleh seorang yang salih kepada datukku. Oleh itu, aku memakainya untuk mendapatkan keberkatan." Selepas itu aku tidak pernah melihatnya membiarkan seseorang peminta sedekah hanya berlalu dengan perasaan kecewa.

Syeikh Khalil juga menyuruh khadam-khadamnya supaya membakar roti dan memasak makanan serta membawanya kepadaku selepas waktu Asar pada setiap hari. Penduduk Makkah hanya makan sekali sahaja dalam sehari selepas Solat Asar dan itu sudah mencukupi bagi mereka hinggalah waktu yang sama pada hari berikutnya. Sesiapa yang hendak makan pada waktu yang lain dalam hari tersebut, ia akan memakan buah tamar. Oleh yang demikian, tubuh mereka menjadi sihat dan mereka jarang-jarang ditimpa penyakit atau berasa lemah.

Syeikh Khalil telah memperisteri anak Kadi Najmuddin al-Tabari. Walau bagaimanapun, setelah beberapa lama, beliau berpisah dengannya meskipun berasa keberatan untuk menceraikannya. Kemudian isterinya berkahwin pula dengan Faqih Syihabuddin al-Nuwairi, seorang yang terkemuka di kalangan mujawirin yang datang dari hulu Mesir. Anak Kadi Najmuddin itu pun tinggal bersama-sama dengan suami baharunya selama beberapa tahun dan suaminya membawa beliau menziarahi kota Madinah. Anak Kadi Najmuddin itu ditemani oleh saudaranya, Syihabuddin. Walau bagaimanapun, suaminya telah melanggar sumpah yang diucapkannya berkaitan dengan talak. Oleh yang demikian, beliau menceraikan anak Kadi Najmuddin itu walaupun tidak berpisah dengannya. Faqih Khalil telah merujuk si isteri yang telah diceraikan itu kembali, beberapa tahun kemudian.

Antara orang yang terkemuka di Makkah termasuklah (imam bagi ketiga-tiga mazhab) iaitu imam Mazhab Syafi'e, Syihabuddin ibn al-Burhan dan imam Mazhab Hanafi, Syihabuddin Ahmad ibn 'Ali yang merupakan salah seorang imam besar serta orang terutama di Makkah. Beliau menjamukan makanan kepada mujawirin dan perantau-perantau yang memerlukan bantuan. Beliau juga merupakan faqih Makkah yang paling dermawan. Pada setiap tahun, beliau berhutang sebanyak 40,000 atau 50,000 dirham. Walau bagaimanapun, Allah melangsaikan segala hutang tersebut untuknya. Pembesar-pembesar Turki*(*anggota tentera kerajaan mamluk Mesir*) amat menghormati dan memandang mulia terhadap dirinya kerana beliau merupakan imam mereka. Imam Mazhab Hanbali pula ialah seorang muhaddith yang mulia iaitu Muhammad ibn 'Uthman yang berasal dari Baghdad dan lahir di Makkah. Beliau merupakan naib atau timbalan bagi Kadi Najmuddin dan juga sebagai muhtasib*(*istilah bagi pegawai yang menguatkuasakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan peniaga-peniaga dan*

pasar, termasuk juga tatasusila awam) selepas Taqiyuddin al-Misri yang digeruni kerana kebengisannya, terbunuh.

Kisah Tangan Pencuri DiPotong

Sebagaimana yang telah disebut, Taqiyyuddin al-Misri sebelumnya merupakan muhtasib di Makkah. Beliau suka mencampuri urusan yang samada berkaitan dengan dirinya ataupun tidak. Pada suatu tahun, berlakulah satu peristiwa iaitu seorang kanak-kanak telah dibawa ke hadapan amir al-hajj* (ketua kafilah haji) yang mewakili sultan Mesir. Kanak-kanak tersebut ialah salah seorang daripada kumpulan kanak-kanak nakal Makkah. Ia telah mencuri barang salah seorang yang menunaikan haji. Amir al-hajj lalu memerintahkan supaya tangannya dipotong. Taqiyyuddin berkata kepadanya, "Seandainya kamu tidak memotong tangannya di hadapan kamu, tentu hukuman itu tidak dapat dilaksanakan kerana penduduk Makkah pasti dapat mengalahkan khadam-khadam kamu untuk mendapatkannya. Mereka tentu dapat menyelamatkan kanak-kanak tersebut dan membebaskannya."

Amir al-hajj lalu memerintahkan supaya tangan kanak-kanak itu dipotong di hadapannya dan akhirnya, tangan kanak-kanak tersebut pun dipotong. Kanak-kanak itu berikrar untuk membalas dendam terhadap Taqiyyuddin dan ia sentiasa mencari peluang untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, kanak-kanak tersebut tidak boleh berbuat apa-apa terhadap Taqiyyuddin kerana beliau mempunyai hasab daripada dua orang amir iaitu Rumaithah dan 'Utaifah. Hasab, dalam pengertian penduduk di sini ialah seseorang diberikan hadiah di khalayak ramai berupa serban ataupun penutup kepala yang berguna sebagai suatu tanda perlindungan terhadap terhadap penerima. Orang itu sentiasa dapat menikmati kekebalan ini hinggalah ia hendak meninggalkan Makkah atau pergi ke tempat yang lain.

Taqiyyuddin tinggal di Makkah selama beberapa tahun. Kemudian beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan Makkah. Beliau pun mengucapkan selamat tinggal kepada kedua-dua orang amir dan menunaikan tawaf wida' (tawaf mengucapkan selamat tinggal kepada Kaabah). Sebaik sahaja beliau keluar dari bab al-Safa, beliau ditemui oleh orang yang sama iaitu pemuda yang tangannya telah dipotong itu. Pemuda tersebut pun mengadukan keadaannya yang daif kepada beliau dan meminta sedikit wang kepada beliau untuk memenuhi keperluannya. Walau bagaimanapun, Taqiyyuddin mengherdik dan menyuruh supaya ia beredar. Pemuda itu lantas mengeluarkan pedangnya yang dinamai sebagai janbiyyah dan memukul Taqiyyuddin dengan kuat hingga mengakibatkan kematiannya.

Selain imam-imam bagi ketiga-tiga mazhab yang telah disebut itu, Zainuddin al-Tabari iaitu seorang faqih yang salih juga antara orang yang masyhur dan ternama di Makkah. Beliau ialah saudara kandung Najmuddin dan Muhammad ibn Fahd al-Qurasyi, seorang faqih yang terhormat di samping seorang yang pemurah dan sentiasa berbuat baik terhadap mujawirin. Beliau juga merupakan salah seorang yang memiliki kelebihan di Makkah. Muhammad pernah mengganti Kadi Najmuddin selepas kematian Faqih

Muhammad ibn ‘Uthman al-Hanbali.

Seorang lagi orang yang masyhur dan ternama di Makkah ialah Muhammad ibn al-Burhan. Muhammad ini juga seorang yang adil dan salih. Beliau merupakan seorang yang zuhud dan warak tetapi diuji dengan perasaan was-was. Pada suatu hari, aku melihat beliau mengambil wuduk dari telaga Madrasah al-Muzaffariyyah. Beliau berwuduk dan mengulanginya berkali-kali. Semasa menyapu kepalanya, beliau mengulangi sapuannya beberapa kali, namun, beliau masih juga tidak berpuas hati lalu memasukkan kepalanya ke dalam telaga. Apabila mahu menunaikan solat, beliau akan selalu menyebut seperti imam Mazhab Syafi’e sering mengucapkan, “Sahaja aku, sahaja aku” dan kemudian menunaikan solat bersama-sama dengan imam-imam yang lain. Beliau banyak melakukan tawaf, umrah dan berzikir.

Kisah Orang yang Tinggal Berdekatan dengan Makkah (Mujawirin)

Antara mujawir di Makkah ialah imam, ahli sufi yang muhaqqiq dan salih serta tekun beribadah, ‘Afifuddin ‘Abdullah ibn As’ad al-Yamani al-Syafi’e. Beliau masyhur dengan nama al-Yafi’e. Al-Yafi’e banyak menunaikan tawaf pada waktu malam dan pada penghujung waktu siang. Apabila menunaikan tawaf pada waktu malam, beliau akan naik ke atas bumbung Madrasah al-Muzaffariyyah. Di situ beliau akan duduk sambil memandang Kaabah yang mulia hinggalah tertidur. Kemudian beliau meletakkan batu di bawah kepalanya dan tidur sebentar. Selepas itu, beliau akan membaharui wuduk dan kembali menunaikan ibadah tawafnya hinggalah sampai masanya untuk menunaikan Solat Subuh. Beliau berkahwin dengan anak seorang faqih dan juga ‘abid iaitu Syihabuddin ibn al-Burhan. Isterinya masih muda dan sering mengadu kepada bapanya bahawa dia tidak mendapat layanan sepenuhnya daripada al-Yafi’e. Bapanya lalu menyuruh supaya dia bersabar. Dengan yang demikian, dia terus tinggal bersama-sama dengan al-Yafi’e selama beberapa tahun. Walau bagaimanapun, keadaan al-Yafi’e tetap tidak berubah dan akhirnya, isterinya pun berpisah dengannya.

Selain al-Yafi’e, Najmuddin al-Usfuni iaitu seorang yang salih dan ‘abid juga tinggal berdekatan dengan kota suci Makkah. Beliau dahulunya merupakan kadi di hulu Mesir. Kemudian beliau membuat keputusan untuk menumpukan perhatian dengan beribadah kepada Allah SWT dan tinggal sebagai seorang mujawir di tanah haram yang mulia. Beliau menunaikan umrah setiap hari dari Tan’im dan menunaikan umrah sebanyak dua kali dalam bulan Ramadhan kerana berpegang pada Hadith Nabi Muhammad SAW, “Menunaikan umrah dalam bulan Ramadhan menyamai perbuatan menunaikan haji bersama-sama denganku.”

Selain mereka berdua ialah Syeikh Syamsuddin Muhammad al-Halabi, seorang yang salih dan tekun beribadah. Beliau banyak melakukan tawaf dan sering membaca Al-Quran. Syamsuddin ialah salah seorang daripada golongan mujawir yang terawal dan meninggal dunia di Makkah, semoga Allah memuliakannya. Seorang lagi mujawir Makkah ialah Abu Bakr al-Syirazi yang dikenali sebagai seorang pendiam dan salih. Beliau sangat rajin melakukan tawaf dan tinggal di Makkah selama beberapa tahun.

Dalam tempoh tersebut, beliau tidak pernah bercakap. Seorang lagi mujawir ialah Khidir al-‘Ajami. Beliau ialah seorang salih yang sering berpuasa, membaca Al-Quran dan melakukan tawaf, manakala Syeikh Burhanuddin al-‘Ajami pula ialah seorang yang gemar memberikan nasihat.**(pendakwah bebas yang berceramah kepada orang ramai di merata-rata tempat dinamai sebagai "wa'iz" oleh orang ramai)* Sebuah kerusi disediakan untuknya menghadap Kaabah yang mulia. Beliau akan memberikan nasihat serta peringatan kepada orang ramai dengan tutur kata yang lancar dan dengan hati yang khusyuk sehingga memikat jiwa mereka.

Seterusnya ialah seorang yang salih dan qari (pembaca Al-Quran) yang merdu, Burhanuddin Ibrahim al-Misri. Beliau ialah seorang guru yang handal membaca Al-Quran dengan berlagu dan tinggal di Ribat al-Sidrah. Penduduk dari Mesir dan Syam datang menemuinya dengan membawa sedekah mereka. Burhanuddin juga mengajar anak-anak yatim membaca Al-Quran disamping menjaga serta memberikan perbelanjaan dan pakaian kepada mereka.

Seterusnya pula ialah seorang yang salih dan tekun beribadah, ‘Izzuddin al-Wasiti, seorang yang kaya raya. Banyak harta yang dibawa dari negerinya setiap tahun. Beliau akan membeli biji-bijian serta tamar untuk diberikan kepada golongan yang daif dan miskin. Malah, beliau sendiri akan mengawasi barang-barang tersebut dibawa ke rumah mereka. ‘Izzuddin mengamalkan sikap mulia ini hinggalah meninggal dunia.

Di samping semua mereka ini, Abu al-Hasan ‘Ali ibn Rizqillah al-Anjari, yang berasal dari sebuah daerah di Tanjah (Tangiers) juga merupakan salah seorang mujawirin Makkah. Abu al-Hasan ialah seorang salih yang utama dan tinggal berdekatan dengan Makkah selama beberapa tahun dan di Makkah jugalah beliau meninggal dunia. Beliau telah menjalin persahabatan dengan bapaku. Apabila datang ke negeri kami, Tanjah, beliau pasti akan menumpang di rumah kami. Beliau mempunyai sebuah bilik di Madrasah al-Muzaffariyyah iaitu tempat beliau mengajar pada waktu siang dan pada waktu malam, beliau akan tinggal di rumahnya di Ribat Rabi’. Ia merupakan antara ribat yang tercantik di Makkah dan di dalamnya terdapat sebuah telaga yang manis rasa airnya selain tiada bandingannya di Makkah.

Orang yang tinggal di ribat ini terdiri daripada orang yang salih. Penduduk di negeri Hijaz amat memuliakan ribat ini dan mereka sering menunaikan nazar di situ. Penduduk Ta’if pula menyumbangkan buah-buahan kepada ribat ini dan ada antara mereka yang mempunyai kebun, sama ada tamar, anggur, firsik iaitu buah plum ataupun buah tin (yang mereka namai sebagai khamt). Mereka mengeluarkan satu persepuluh daripada hasil tanaman ini untuk ribat ini dan mereka perlu membawanya sendiri ke sana dengan menggunakan unta sebagai alat pengangkutan. Perjalanan mereka dari Ta’if ke Makkah akan mengambil masa selama dua hari. Sesiapa yang gagal menyempurnakan amalan ini, hasil buah-buahannya akan berkurang dan ia akan ditimpa musibah.

Secebis Kisah tentang Kelebihan Ribat Rabi’

Pada suatu hari, sekumpulan budak suruhan Amir Abu Numayy iaitu amir Makkah datang ke ribat ini. Mereka membawa masuk semua kuda amir dan memberikan air telaga di ribat ini kepada kuda-kuda tersebut untuk di minum. Apabila semua kuda itu dibawa pulang oleh mereka ke kandang, perut kuda terus sahaja sakit dan semua kuda tersebut akhirnya rebah ke tanah dengan kepala dan kakinya menggelupur. Berita ini telah sampai ke pengetahuan Amir Abu Numayy dan beliau sendiri telah pergi ke ribat. Amir Abu Numayy seterusnya meminta maaf daripada penghuni miskin ribat tersebut. Beliau meminta salah seorang daripada mereka supaya pulang bersama-sama dengannya. Kemudian orang itu menyapu perut semua kuda tersebut dengan tangannya lalu keluarlah air telaga yang ada di dalam perut kuda. Setelah itu, semua kuda tersebut pun sembuh. Selepas kejadian itu, budak-budak suruhan amir tidak lagi datang ke ribat itu kecuali dengan tujuan yang baik.

Antara mereka yang tinggal di Ribat Rabi' ini dan tergolong dalam kumpulan orang yang tinggal berdekatan dengan Makkah ialah Abu al-'Abbas al-Ghumari iaitu salah seorang sahabat Abu al-Hasan ibn Rizqillah. Beliau meninggal dunia di Makkah, semoga Allah memuliakannya. Selain beliau, Abu Ya'qub Yusuf dari Kampung Sabtah *(sebuah kota masyhur dan utama di Maghribi dan pelabuhannya adalah yang terbaik serta terletak berhadapan dengan Semenanjung Andalus)* dan merupakan khadam kepada dua orang syeikh yang baru diceritakan, juga tinggal di ribat ini. Apabila kedua-duanya meninggal dunia, beliau menjadi syeikh di ribat ini. Selain kedua-dua mereka, al-Salih al-Sabih al-Salik Abu al-Hasan 'Ali ibn Farghus dari Tilimsan dan Syeikh Sa'id al-Hindi iaitu syeikh Ribat Kalalah juga merupakan mujawirin Makkah.

Kisah Syeikh Sa'id al-Hindi

Syeikh Sa'id al-Hindi telah menghadap raja India, Muhammad Syah yang kemudian mengurniakan wang yang banyak kepadanya dan digunakan oleh beliau untuk datang ke Makkah. Di Makkah, amir 'Utaifah telah memenjarakannya dan meminta supaya beliau menyerahkan wangnya. Syeikh Sa'id enggan berbuat demikian lalu beliau diseksa dengan ditekan kakinya. Akhirnya beliau menyerahkan 25,000 dirham nuqrah* *(dirham nuqrah ialah wang syiling perak yang lebih berharga daripada dirham biasa dan ia menjadi piawaian bagi menilai dirham yang lain).* Kemudian Syeikh Sa'id pulang semula ke negeri India dan aku melihatnya semasa berada di negeri tersebut. Beliau menumpang di rumah Amir Saifuddin Ghada ibn Hibatillah ibn 'Isa ibn Muhanna, amir orang Arab di Syam. Ghada ini telah tinggal di negeri India dan berkahwin dengan saudara perempuan raja India. Kisahnya akan diceritakan kemudian.

Raja India telah mengurniakan sejumlah wang kepada Syeikh Sa'id. Beliau menyertai Wasyl, salah seorang pembantu Amir Ghada yang mahu menunaikan haji. Amir ini pula mengutuskan Wasyl supaya dia dapat membawa pulang pembantunya. Amir Ghada memberikan sejumlah wang kepada Wasyl dan beberapa hadiah yang berharga termasuklah sehelai jubah kehormat yang telah dikurniakan oleh raja India pada malam perkahwinannya dengan saudara perempuan baginda. Jubah ini diperbuat daripada sutera

berwarna biru dan disulam dengan emas serta ditatah dengan permata, sehingga warnanya tidak kelihatan kerana terlalu banyak permata yang melitupinya. Amir ini turut memberikan 50,000 dirham kepada Wasyl supaya dia boleh membeli seekor kuda yang benar-benar terlatih untuknya. Syeikh Sa'id pun bermusafir dengan ditemani oleh Wasyl dan mereka berdua telah membeli berbagai-bagai barang dengan wang yang dimiliki.

Apabila mereka berdua tiba di Pulau Suqutrah* *(pulau ini terletak di luar Teluk Aden atau 'And)* iaitu tempat tumbuhan lidah buaya suqutri memperoleh namanya, mereka telah diserang oleh lanun-lanun India yang datang dalam kumpulan kapal yang banyak. Penumpang-penumpang kapal bertungkus-lumus mempertahankan diri dan akhirnya ramai yang terkorban di kedua-dua pihak. Wasyl yang merupakan seorang pemanah, telah berjaya membunuh beberapa orang lanun itu. Walau bagaimanapun, lanun-lanun tersebut berjaya mengalahkan kumpulan Wasyl dan telah melontarkan sebilah lembing ke arah Wasyl, sehingga dia luka parah dan meninggal dunia selepas itu. Setelah merampas semua harta, lanun-lanun tersebut membiarkan mereka menaiki kapal dengan beberapa barang serta sisa bekalan.

Kemudian mereka pergi ke 'Adan dan di sanalah Wasyl meninggal dunia. Lanun-lanun tersebut biasanya tidak membunuh atau membuat seseorang lemas kecuali semasa peperangan. Mereka cuma mengambil wang orang tersebut dan membebaskannya. Mereka juga tidak menangkap mamluk kerana mereka berasal daripada rumpun bangsa yang sama. Syeikh Sa'id telah menerima berita daripada raja India bahawa baginda hendak menyebarkan seruan 'Abbasiyyah di negerinya, sama seperti apa yang pernah dilakukan oleh raja-raja India yang terdahulu. Contohnya seperti Sultan Syamsuddin Lalmisy dan puteranya Nasiruddin ataupun Sulta Jalaluddin Fairuz Syah serta Sultan Ghiyatuddin Balaban yang jubah kehormat mereka dibawa dari Baghdad.

Setelah Wasyl meninggal dunia, Syeikh Sa'id menghadap Khalifah Abu al-'Abbas, putera Khalifah Abu al-Rabi' Sulaiman* al-'Abbasi di Kaherah dan memaklumkan perkara tersebut kepada baginda *(*baginda ialah Sulaiman al-Mustakfi billah ibn Muhammad al-Mutawakkil 'alallah ibn al-Mu'tadad)*. Khalifah lalu menulis sepucuk surat dengan tulisannya sendiri dan mewakilkan Syeikh Sa'id sebagai penggantinya untuk pergi ke negeri India. Syeikh Sa'id membawa surat tersebut ke Yaman dan di sana beliau telah membeli tiga jubah berwarna hitam. Kemudian beliau belayar pulang ke India. Apabila tiba di Kinbayat* (*Kinbayat atau Cambay yang terletak di wilayah Gujerat, India)* yang terletak dalam jarak sejauh perjalanan selama empat puluh hari dari Delhi iaitu ibu kota India, seorang pelapor menulis surat kepada raja untuk memaklumkan kedatangan Syeikh Sa'id kepada baginda yang membawa perintah khalifah serta suratnya sebagai jawapan.

Syeikh Sa'id seterusnya diperintahkan supaya dibawa ke ibu kota dengan penuh penghormatan. Apabila Syeikh Sa'id menghampiri ibu kota Delhi. Raja India mengutus amir-amir, kadi-kadi dan fuqaha' supaya menyambutnya. Bahkan raja India sendiri kemudian keluar untuk menyambut Syeikh Sa'id. Apabila menemui Syeikh Sa'id, baginda memeluknya. Syeikh Sa'id menyampaikan perintah khalifah terlebih dahulu kepada baginda yang dicium oleh baginda dan dijunjung di atas kepala. Seterusnya

Syeikh Sa'id menyembahkan pula sebuah peti yang mengandungi jubah-jubah kehormat kepada raja India. Baginda pun meletakkan peti tersebut di atas bahunya dan melangkah beberapa tapak. Kemudian baginda memakai salah sehelai jubah tersebut. Manakala jubah yang kedua pula dikurniakan kepada Amir Ghiyatuddin Muhammad ibn 'Abdil Qadir ibn Yusuf ibn 'Abdil Aziz ibn al-Khalifah al-Muntasir al-'Abbasi, yang tinggal bersama-sama dengan baginda. Kisahnya akan diceritakan kemudian.

Seterusnya jubah yang ketiga dikurniakan kepada Amir Qabulah yang digelar sebagai al-Malik* (*Malik ialah gelaran yang sering dikurniakan kepada pembesar-pembesar istana dan tokoh-tokoh lain di India)* al-Kabir (yang Agung). Beliau inilah yang berdiri dan mengusir lalat dari kepala raja India. Dengan titah raja, jubah kehormat dianugerahkan kepada Syeikh Sa'id dan orang yang mengiringinya. Raja India* *(gelaran malik/raja dan sultan, kedua-dua digunakan oleh Ibn Battutah bagi merujuk pemerintah India)* juga menitahkan supaya beliau diberikan penghormatan menunggang gajah. Syeikh Sa'id menunggang gajah tersebut ke dalam kota dan raja pula menunggang kuda di hadapannya. Di kanan dan kirinya pula ialah dua orang amir yang juga telah dikurniai jubah kehormat 'Abbasiyyah oleh raja. Kota yang dilawati oleh Syeikh Sa'id telah dihiasi pelbagai perhiasan. Bahkan 11 buah kubah yang diperbuat daripada kayu juga telah dibina di kota tersebut. Setiap kubah mempunyai empat tingkat dan di setiap tingkat, terdapat sekumpulan penyanyi yang terdiri daripada beberapa orang lelaki dan wanita serta penari-penari. Semua mereka ialah mamluk raja.

Setiap kubah dihiasi oleh kain sutera yang penuh disulam dengan emas iaitu di atas, di bawah dan di luarnya. Di tengah kubah pula, terdapat tiga buah tangki yang diperbuat daripada kulit kerbau. Tangki-tangki ini telah diisi dengan air yang bercampur dengan air mawar untuk diminum oleh setiap pengunjung yang datang dan pergi. Tiada seorang pun yang dilarang meminumnya. Sesiapa yang meminum air tersebut akan diberikan 15 helai daun sirih bersama-sama dengan buah pinang dan kapur. Sebenarnya sirih, pinang dan kapur dapat mengharumkan pernafasan serta membuat pipi dan gusi orang yang memakannya bertambah merah. Amalan memakan sirih ini juga dipercayai boleh menjadi pelindung daripada penyakit kuning dan dapat menghadamkan makanan.

Apabila Syeikh Sa'id menunggang gajah untuk melawat Delhi, kain sutera dibentangkan di hadapannya sebagai penghormatan terhadap beliau. Gajah tersebut akan berjalan di atas kain sutera itu dari pintu kota hinggalah ke kediaman raja. Syeikh Sa'id telah diberikan tempat tinggal di sebuah rumah yang terletak berhampiran dengan kediaman baginda itu dan raja India mengirim wang yang banyak kepada beliau. Semua fabrik yang telah digantungkan untuk menghiasi pentas atau dihamparkan di dalam kubah dan diletakkan di hadapan gajah, tidak dipulangkan kepada raja. Sebaliknya, ia akan diambil oleh penghibur, pereka yang telah membina kubah serta penjaga tangki dan lain-lain. Inilah adat yang diamalkan oleh penduduk apabila raja mereka pulang dari lawatan, pengembaraan dan sebagainya.

Raja India menitahkan agar surat Khalifah Abu al-'Abbas dibaca di atas mimbar iaitu antara dua khutbah pada setiap hari Jumaat. Syeikh Sa'id tinggal di Delhi selama sebulan.

Raja India seterusnya mengirim hadiah kepada khalifah melalui Syeikh Sa'id. Syeikh Sa'id pula tinggal di Kinbayat hinggalah tiba masa yang sesuai untuk memulakan pelayaran.

Sementara itu, raja India turut mengutus seorang utusan rasmi baginda kepada khalifah iaitu Syeikh Rajab al-Burqu'ie, seorang syeikh sufi. Beliau berasal dari kota Qirim yang terletak di Padang Pasir Qifjaq* *(qifjaq ialah nama yang diberikan kepada Rusia Selatan oleh ahli geografi muslim pada zaman silam dan ia terletak di pedalaman Crimea, selatan Rusia. Al-Qirim kini bernama Stary Krim)*. Baginda mengirim beberapa hadiah kepada khalifah bersama-sama dengannya. Antaranya ialah sebutir batu delima yang bernilai 50,000 dinar. Raja India turut menulis sepucuk surat kepada khalifah yang meminta agar khalifah mengurniakan seorang wakil di negeri India dan Sind kepada baginda atau mengutus beberapa orang lain yang difikirkan sesuai ke negeri-negeri ini. Ini merupakan penghormatan baginda kepada Khalifah Abu al-'Abbas yang jelas menggambarkan niat yang murni.

Syeikh Rajab mempunyai seorang saudara di Mesir yang bernama Amir Saifuddin al-Kasyif. Apabila Rajab menemui Khalifah Abu al-'Abbas, baginda enggan membaca surat tersebut dan menerima hadiah kecuali di hadapan al-Malik al-Salih Isma'il iaitu putera al-Malik al-Nasir. Kemudian Saifuddin menasihati saudaranya, Rajab supaya menjual batu delima tersebut. Rajab menjualnya dan dengan wang hasil jualan batu delima sebanyak 300,000 dirham itu, beliau membeli empat butir batu. Kemudian Rajab menghadap al-Malik al-Salih lalu menyampaikan surat raja India kepadanya dan menyembahkan salah sebutir batu tersebut. Batu yang selebihnya diberikan pula kepada amir-amir.

Khalifah dan semua amir bersetuju bahawa sepucuk surat hendaklah ditulis kepada raja India sebagai memenuhi permintaannya dan mereka telah membawa saksi kepada khalifah. Khalifah mengakui dengan rasminya bahawa baginda telah melantik raja India sebagai wakil dirinya di negeri India dan negeri-negeri yang berjiran dengannya. Al-Malik al-Salih juga telah mengutus seorang utusan daripada pihaknya iaitu syeikh yang agung di Kaherah, Ruknuddin al-'Ajami dan beliau diiringi oleh Syeikh Rajab serta sekumpulan ahli sufi. Mereka belayar melalui Laut Parsi dari Ubullah ke Hurmuz dan sultan yang memerintah ketika itu ialah Qutbuddin Tamahtan ibn Turan Syah. Baginda telah bermurah hati untuk memberikan tempat tinggal dan menyediakan sebuah kapal untuk membawa mereka ke negeri India.

Mereka tiba di kota Kinbayat sewaktu Syeikh Sa'id masih tinggal di sana. Amir Kinbayat pada masa itu ialah Maqbul al-Tiltiki, salah seorang pegawai utama raja India. Syeikh Rajab berbual-bual dengan amir ini dan berkata kepadanya, "Syeikh Sa'id itu hanya datang untuk menipu kamu. Jubah kehormat yang dibawa olehnya sebenarnya telah dibeli di 'Adan. Oleh itu, kamu bertanggungjawab untuk menangkap dan menghadapkannya kepada Khund 'Alam iaitu baginda sultan." Amir tersebut pula membalas, "Syeikh Sa'id amat dimuliakan di sisi sultan dan tiada apa pun yang boleh dilakukan terhadapnya, kecuali dengan perintah baginda. Walau bagaimanapun, aku akan membawanya bersama-sama dengan kamu, mudah-mudahan sultan dapat membuat keputusan tentang apa yang perlu dilakukan terhadapnya."

Amir seterusnya mengirim sepucuk surat kepada raja India yang mengandungi keterangan penuh tentang apa yang telah berlaku dan pelapor juga telah membuat laporan tentang apa yang berlaku. Ini menyebabkan raja India berasa murka kerana tindakan tidak sopan Syeikh Rajab. Malangnya, tiada apa yang dapat baginda lakukan terhadap Syeikh Rajab yang telah memperkatakan hal ini di hadapan semua saksi, selepas semua penghormatan dikurniakan kepada Syeikh Sa'id.

Oleh itu, baginda telah menolak permohonan Rajab untuk mengadap baginda. Sebaliknya baginda telah menambah penghormatan terhadap Syeikh Sa'id. Apabila Syeikh Sa'id masuk menemui baginda, raja India akan bangun memeluk dan memuliakannya. Syeikh Sa'id terus tinggal di India dengan mendapat sepenuh kemuliaan dan penghormatan daripada baginda. Aku telah meninggalkannya pada tahun 748H.

Sewaktu aku tinggal di Makkah, aku pernah menemui seorang yang tidak waras bernama Hasan al-Maghribi. Dia ialah seorang yang aneh dan memiliki cirri-ciri yang menakjubkan. Sebelumnya, dia seorang yang waras dan pernah berkhidmat kepada seorang wali iaitu Najmuddin al-Asbahani semasa hayat beliau

Kisah Hasan yang Tidak Waras

Hasan yang tidak waras ini banyak melakukan tawaf pada waktu malam dan semasa berbuat demikian dia sering melihat seorang faqir yang juga sibuk melakukan tawaf tetapi tidak pernah dilihatnya pada waktu siang. Pada suatu malam, faqir tersebut datang menemuinya dan menanyakan khabar Hasan. Kata faqir itu, "Wahai Hasan, ibumu sedang menangis kerana kamu dan dia sangat rindu untuk melihatmu. Ibumu ialah seorang wanita yang salihah. Adakah kamu ingin melihatnya?" Jawab Hasan, "Ya, tetapi aku tidak mempunyai kuasa untuk berbuat demikian." Faqir itu berkata kepadanya, "Kita akan berjumpa di sini pada malam esok, insyaAllah." Apabila keesokan malamnya tiba iaitu malam Jumaat, Hasan menemuinya di tempat yang telah dijanjikan oleh faqir tersebut pada malam sebelumnya.

Mereka berdua pun bertawaf di sekeliling Baitullah untuk beberapa lama. Kemudian faqir itu keluar dari Baitullah dan Hasan mengikutnya dengan rapat dari belakang hingga sampai di Bab al-Ma'la. Setelah sampai, faqir tersebut menyuruhnya memejamkan mata dan beroaut kukuh pada bajunya. Hasan pun mengikut arahan itu. Selepas itu, faqir tersebut bertanya, "Adakah kamu kenal akan negeri kamu?" Jawab Hasan, "Ya!" Kata faqir, "Hah! Ini dia." Hasan pun membuka kedua-dua matanya dan dengan tiba-tiba, dia telah berada di hadapan rumah ibunya. Hasan pun masuk ke dalam rumah menemui ibunya tanpa memberitahu ibunya tentang apa-apa yang berlaku. Dia tinggal selama setengah bulan di negerinya itu yang pada fikiranku, terletak di kota Asafi. Kemudian Hasan keluar ke tanah perkuburan dan di sana, beliau bertemu semula dengan sahabatnya, si faqir.

Sahabatnya bertanya, “Apa khabar?” Hasan menjawab, “Aduhai tuan, aku telah lama rindu untuk melihat Syeikh Najmuddin. Aku telah keluar dari rumahnya sebagaimana biasa dan aku telah berjauhan dengannya pada masa ini. Aku amat gembira jika kamu dapat membawaku kembali kepadanya.” Faqir itu berkata pula kepadanya. “Ya” dan mengatur suatu pertemuan dengan Hasan di tanah perkuburan pada waktu malam. Apabila Hasan datang ke situ, si faqir mengarahkannya supaya melakukan apa yang telah dilakukannya di Makkah, semoga Allah memuliakannya, iaitu memejamkan mata dan berpaut pada bajunya. Hasan pun mengikut arahan si faqir dan dengan tiba-tiba, dia kembali berada di Makkah, semoga Allah memuliakannya! Faqir tersebut telah berpesan kepada Hasan supaya tidak menceritakan apa yang telah berlaku kepada Najmuddin atau kepada sesiapa jua.

Apabila Hasan masuk menemui Najmuddin, beliau ditanya, “Wahai Hasan, kemanakah kamu menghilang?” Hasan enggan memberitahunya tetapi setelah Najmuddin mendesak, Hasan pun menceritakan semua yang berlaku. Kemudian Syeikh Najmuddin berkata, “Tunjukkan lelaki itu kepadaku!” Syeikh Najmuddin telah mengikut Hasan pada malamnya. Lelaki faqir tersebut juga datang seperti biasa. Apabila ia lalu di hadapan Hasan dan Syeikh Najmuddin, Hasan pun berkata, “Tuan, inilah orangnya!” Faqir itu terdengar perkataan Hasan lalu menampar mulut Hasan sambil berkata, “Diam! Semoga Allah menjadikan kamu pendiam.” Dengan serta merta lidah Hasan terkunci dan hilanglah pemikiran warasnya. Oleh itu, Hasan terus tinggal di Baitullah Al-Haram dengan keadaan tidak waras. Dia melakukan tawaf siang dan malam tanpa berwuduk serta tidak pula menunaikan solat.

Orang ramai mengambil berkat daripadanya dan memberikan pakaian kepadanya. Apabila berasa lapar, Hasan akan keluar ke pasar yang terletak di antara Safa dengan Marwah. Dia akan pergi ke sebuah gerai dan memakan apa jua makanan yang disukainya tanpa dihalang oleh sesiapa pun. Bahkan orang ramai akan berasa gembira jika Hasan mengambil makanan daripada mereka. Ini kerana perniagaan mereka ternyata laris dan keuntungan yang diperoleh akan berlipat ganda selepas Hasan mengunjungi gerai mereka. Oleh itu, setiap kali Hasan tiba ke pasar, mereka pasti mengalu-alukannya dan beria-ria meminta Hasan memakan makanan mereka kerana mahu mendapatkan keberkatannya.

Demikianlah juga apa yang dilakukan oleh Hasan terhadap pembawa air pada bila-bila masa dia hendak meminumnya. Begitulah keadaan diri Hasan hinggalah menjelang tahun 728H. Pada tahun tersebut, Amir Saifuddin Yalmalak datang untuk menunaikan haji. Amir Saifuddin telah membawa Hasan bersama-sama dengannya ke Mesir. Dengan yang demikian, terputuslah khabar berita tentang Hasan. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengannya.

Adat yang Diamalkan oleh Penduduk Makkah dalam Solat dan Kedudukan Imam-Imam Mazhab

Berbanding dengan tiga orang imam mazhab yang lain, imam Mazhab Syafi’e diberikan penghormatan untuk memulakan solat di Maqam yang mulia iaitu Maqam al-Khalil

Ibrahim a.s. dan di Hatim (ruang berpagar) yang cantik serta khusus untuk beliau. Inilah antara adat dan kebiasaan penduduk Makkah. Imam Mazhab Syafi’e ini dilantik oleh pihak pemerintah. Kebanyakan penduduk Makkah berpegang pada mazhab ini.

Hatim yang menjadi tempat solat imam ini terdiri daripada dua batang kayu yang bersambung dengan palang dan ia menyerupai sebuah tangga. Terdapat dua batang kayu lagi yang mempunyai cirri-ciri yang sama di arah yang bertentangan. Semua batang kayu ini diikatkan pada kaki tiang yang berplaster. Di atas kayu ini pula diletakkan sebatang kayu lain yang terdapat penyangkut besi dan lampu-lampu kaca digantungkan padanya.

Apabila imam Mazhab Syafi’e selesai menunaikan solat, imam Mazhab Maliki pula menunaikan solat di sebuah mihrab yang menghala ke Rukn al-Yamani. Imam Mazhab Hanbali juga akan mendirikan solat pada waktu yang sama di satu tempat yang menghala ke sebahagian daripada dinding Kaabah yang mulia iaitu di antara Hajar al-Aswad dengan Rukn al-Yamani.

Akhir sekali imam Mazhab Hanafi pula menunaikan solat di satu tempat berhadapan dengan pancuran (Mizab) iaitu di bawah satu ruang berpagar yang disediakan untuknya. Lilin akan diletakkan di hadapan imam-imam ini di mihrab mereka semasa mendirikan Solat Subuh, Zuhur, Asar dan Isyak. Semasa Solat Maghrib, mereka akan bersembahyang serentak dan setiap imam akan bersembahyang dengan pengikut-pengikutnya. Akibatnya, orang ramai menjadi keliru. Ada kalanya seseorang yang bermazhab Maliki akan rukuk bersama-sama dengan imam Mazhab Syafi’e dan seseorang yang bermazhab Hanafi pula menurut sujud pengikut Mazhab Hanbali. Kamu dapat melihat mereka menumpukan sepenuh perhatian kepada suara mu’azzin yang memperdengarkan bacaan kepada pengikut-pengikutnya supaya mereka tidak lalai dan membuat kesilapan.

Adat Penduduk Makkah dalam Khutbah dan Solat Jumaat

Pada hari Jumaat, penduduk Makkah mengamalkan adat yang berikut. Mimbar yang penuh berkat dirapatkan ke dinding Kaabah yang mulia iaitu di satu tempat di antara Hajar al-Aswad dengan Rukn al-‘Iraqi. Dengan kedudukan ini, khatib akan menghala ke Maqam Ibrahim yang mulia. Khatib akan berpakaian serba hitam. Begitu juga serban dan penutup kepalanya. Semuanya ialah hadiah dari al-Malik al-Nasir. Dengan penuh kehebatan dan ketenangan, beliau akan berjalan dengan perlahan dan diiringi oleh dua orang mu'azzin yang membawa bendera berwarna hitam. Beliau didahului pula oleh seorang ketua siak Masjid al-Haram yang membawa farqa'ah. Farqa'ah ialah sebatang kayu yang dilit dengan kulit binatang yang nipis di hujungnya. Ketua siak ini akan memalu kayu di udara dan dengan paluan itu, akan terdengarlah bunyi yang sungguh kuat. Ia dapat didengar oleh orang yang berada di dalam Masjid al-Haram dan di luarnya. Bunyi ini menandakan bahawa khatib telah tiba.

Khatib akan terus berjalan ke hadapan hinggalah beliau berada berhampiran dengan mimbar. Di sini, beliau mengucup Hajar al-Aswad dan berdoa. Kemudian beliau pergi ke mimbar sementara Mu'azzin Zamzami iaitu ketua mu'azzin berada di hadapannya dengan

berpakaian serba hitam. Di atas bahunya ada sebilah pedang yang dipegang dengan tangan. Kedua-dua bendera itu diletakkan di salah satu penjuru mimbar Apabila khatib menaiki tangga mimbar yang pertama, mu'azzin akan memberikan pedang tersebut kepadanya. Seterusnya beliau akan memalu anak tangga mimbar dengan mata pedang itu dan ia dapat didengar oleh semua yang hadir.

Kemudian khatib akan melakukan satu lagi paluan di anak tangga yang kedua dan satu lagi paluan di anak tangga yang ketiga. Apabila beliau sudah berada di anak tangga yang paling atas, beliau akan melakukan paluan yang keemoat dan terus berdiri membaca doa yang perlahan menghadap Kaabah. Seterusnya khatib akan berpaling menghadap orang ramai lalu mengucapkan salam ke kiri dan ke kanan. Orang ramai akan menjawab salamnya dan beliau pun duduk. Kini mu'azzin-mu'azzin pula melaungkan azan dari atas Kubah Zamzam secara serentak. Apabila azan selesai dilaungkan, khatib akan menyampaikan khutbah dan beliau akan membanyakkan salawat untuk Nabi SAW.

Di pertengahan khutbah, beliau akan berdoa, "Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas Muhammad (SAW) dan ahli keluarga Muhammad selagi ada orang yang bertawaf di rumah ini..." lalu menudingkan jarinya ke arah Baitullah yang mulia, "...Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas Muhammad (SAW) dan ahli keluarga Baginda selagi ada orang yang wukuf di 'Arafah." Seterusnya khatib berdoa agar Allah meredhai keempat-empat orang khalifah, sahabat-sahabat Nabi SAW yang lain, Nabi SAW, kedua-dua cucunda Baginda dan bonda mereka iaitu Fatimah dan nenenda mereka, Khadijah r.a. Semoga kesejahteraan dilimpahkan ke atas mereka semua. Selanjutnya beliau berdoa pula untuk al-Malik al-Nasir, kemudian al-Sultan al-Mujahid Nuruddin 'Ali ibn al-Malik al-Mu'ayyad Daud ibn al-Malik al-Muzaffar Yusuf ibn 'Ali ibn Rasul* *(baginda ialah 'Ali ibn Daud, sultan Kerajaan Rasuliyyah di Yaman pada waktu itu)*, kemudian dua orang sayyid yang mulia keturunan al-Hasan dan dua orang amir Makkah, Saifuddin 'Utaifah *(namanya didahulukan kerana keadilannya walaupun beliau lebih muda)* serta Asaduddin Rumaithah iaitu dua orang anak Abu Numayy ibn Abi Sa'id ibn 'Ali ibn Qatadah.

Pernah sekali beliau berdoa untuk sultan Iraq tetapi doa itu telah ditiadakan. Apabila selesai menyampaikan khutbah, khatib pun beredar. Beliau keluar dengan diiringi oleh dua buah bendera di kanan dan kirinya serta farqa'ah yang dibawa di hadapan sebagai menandakan selesainya solat. Mimbar pula diletakkan kembali di tempatnya yang mulia.

Adat Penduduk Makkah Semasa Menyambut Bulan Baharu

Untuk menyambut kedatangan bulan baharu. amir Makkah akan datang pada hari pertama setiap bulan dengan diiringi oleh pegawai-pegawainya. Beliau akan memakai baju berwarna putih dan berserban, manakala pedang pula tersisip di pinggangnya. Amir akan tampil dengan penuh ketenangan dan keteguhan lalu menunaikan solat dua rakaat di Maqam yang agung. Seterusnya beliau akan mengucup Hajar al-Aswad. Kemudian beliau pun mula melakukan tawaf sebanyak tujuh pusingan. Sementara itu, ketua mu'azzin telah sedia berdiri di atas puncak pusingan Kubah Zamzam. Apabila amir selesai melakukan

satu pusingan tawaf dan bersedia untuk mengucup Hajar al-Aswad, ketua mu'azzin akan mula berdoa untuknya dan mengucapkan tahniah atas kunjungan bulan yang baharu.

Ketua mu'azzin itu akan mengucapkannya dengan nada suara yang tinggi. Kemudian beliau akan mendendangkan sebuah syair yang memuji amir dan nenek moyangnya yang mulia. Ketua mu'azzin itu akan berbuat demikian di ketujuh-tujuh pusingan tawaf tersebut. Setelah selesai melakukan tawaf, amir akan menunaikan solat pula di Multazam sebanyak dua rakaat dan menunaikan solat sebanyak dua rakaat lagi di belakang Maqam Nabi Ibrahim a.s. lalu kemudian beredar. Sambutan inilah juga yang akan dibuat oleh amir semasa hendak pergi bermusafir ataupun setelah pulang dari perjalanan atau kembaranya.

Adat pada Bulan Rejab

Apabila anak bulan Rejab muncul, amir Makkah akan mengarahkan supaya gendang dipalu dan trompet ditiup untuk mengumumkan ketibaan bulan yang baharu. Beliau akan keluar pada hari pertama bulan tersebut dengan menunggang kuda. Penduduk Makkah akan mengiringinya sama ada dengan menunggang kuda ataupun berjalan kaki, dalam satu baris yang amat mengagumkan. Orang ramai akan bermain-main dengan senjata di hadapan amir. Penunggang-penunggang kuda pula berpusing-pusing dan berlari-lari, manakala pejalan kaki akan berpura-pura bergaduh antara satu dengan yang lain. Mereka akan melambungkan anak panah ke udara dan menangkapnya semula.

Amir Rumaithah serta Amir 'Utaifah ditemani oleh anak selain pegawai-pegawai mereka seperti Muhammad ibn Ibrahim, 'Ali serta Ahmad iaitu dua orang anak Sabih, 'Ali ibn Yusuf, Syaddad ibn 'Umar, 'Amir al-Syarq, Mansur ibn 'Umar, Musa al-Muzraq dan lain-lain lagi yang terdiri daripada keturunan al-Hasan di samping ketua-ketua pegawai. Bendera, gendang dan kompang dibawa di hadapan mereka. Mereka tampil dengan penuh ketenangan dan penuh kemuliaan. Mereka terus bergerak hinggalah sampai ke satu tempat. Kemudian mereka pulang dalam susunan yang sama seperti sebelumnya ke Masjid al-Haram. Seterusnya amir melakukan tawaf di Baitullah, manakal Mu'azzin Zamzami yang berada di atas puncak Kubah Zamzam berdoa untuknya di setiap pusingan tawaf, sebagaimana adatnya iaitu seperti yang telah diceritakan.

Apabila selesai menunaikan tawaf, amir akan menunaikan solat di Multazam dan di sisi Maqam lalu menyentuhnya. Kemudian beliau akan pergi ke tempat menunaikan sa'ie. Amir akan menunaikan sa'ie dengan menunggang binatang tunggangan bersama-sama dengan sekumpulan pengawal yang terdiri daripada pemanah-pemanah yang berada di baris hadapan. Selepas itu, beliau pun pulang ke rumahnya. Hari tersebut dianggap oleh penduduk Makkah sebagai hari perayaan. Mereka akan memakai pakaian yang tercantik dan berlumba-lumba untuk berbuat demikian.

Umrah pada bulan Rejab

Penduduk Makkah merayakan umrah pada bulan Rejab dengan suatu perayaan yang agak luar biasa dan tidak dirayakan di tempat yang lain. Perayaan ini berlangsung terus-menerus; siang dan malam. Bulan ini dipenuhi dengan amal ibadah, terutamanya pada malam yang pertama, lima belas dan dua puluh tujuh. Mereka mengadakan persiapan selama beberapa hari untuk menyambut kedatangan hari-hari tersebut.

Aku telah menyaksikan apa yang mereka lakukan pada malam kedua puluh tujuh bulan Rejab. Semua jalan raya di Makkah penuh sesak dengan haudaj (tandu) yang dilitupi oleh kain sutera dan linen yang bagus. Setiap orang membuat persiapan mengikut kemampuan masing-masing. Unta-unta dihias dengan kolar sutera di leher. Kain-kain langsir haudaj pula begitu labuh sehingga hampir mencecah tanah. Ia benar-benar seperti sebuah khemah. Kemudian penduduk yang berkumpul ini keluar ke satu miqat di Tan'im dan Lembah Makkah pun dibanjiri oleh haudaj. Api dinyalakan di kedua-dua sisi jalan dan lilin serta obor pula dibawa di hadapan haudaj. Ucapan tahlil yang dilaungkan oleh penduduk disambut gemanya oleh bukit-bukau. Jiwa terasa begitu tersentuh dan air mata pun jatuh menitis.

Selesai menunaikan umrah dan tawaf di Baitullah, mereka melakukan sa'ie di antara Safa dengan Marwah pula iaitu setelah berlalunya sepertiga malam. Tempat melakukan sa'ie ini dipenuhi oleh lampu dan sesak dengan orang ramai. Kaum wanita yang melakukan sa'ie duduk di atas haudaj mereka. Masjid al-Haram juga disinari oleh cahaya yang bergemerlapan.

Penduduk Makkah menamai umrah ini sebagai 'Umrah al-Akkamiyyah (Umrah yang Penuh Kemuliaan). Ini kerana mereka melaksanakan ihram umrah di satu tempat yang mulia di hadapan Masjid 'Aisyah r.a. dan dalam jarak sepemanah berhampiran dengan Masjid 'Ali r.a.

Asal usul ibadah umrah ini mempunyai kaitan dengan 'Abdullah ibn al-Zubair r.a. Apabila selesai menyempurnakan pembinaan Kaabah yang suci, beliau keluar berjalan tanpa memakai sepatu untuk menunaikan umrah bersama-sama dengan penduduk Makkah. Peristiwa ini berlaku pada hari kedua puluh tujuh bulan Rejab. 'Abdullah terus berjalan hingga puncak masjid dan berihram dari situ. Bermula dari sini, beliau melakukan perjalanan dari Genting Hajun ke Ma'la yang menjadi tempat masuk kaum Muslimin pada hari pembukaan Makkah. Umrah tersebut kekal sebagai suatu tradisi bagi penduduk Makkah hinggalah ke hari ini.

Zaman 'Abdullah menjadi suatu zaman yang dirayakan kerana 'Abdullah sendiri telah menghadiahkan banyak binatang korban. Begitu juga pembesar-pembesar Makkah dan orang yang berkemampuan di kalangan mereka. Selama beberapa hari, mereka mengadakan majlis dan jamuan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah atas kurniaan-Nya kepada mereka. Dengan kurniaan Allah itulah, mereka dapat membina rumahNya yang mulia sebagaimana keadaan dan rupanya pada zaman al-Khalil Ibrahim a.s.

Walau bagaimanapun, beberapa lama selepas itu, apabila Ibn al-Zubair ('Abdullah)

dibunuh, al-Hajjaj*(*beliau ialah al-Hajjaj ibn Yusuf ibn al-Hakam al-Thaqafi Abu Muhammad, seorang pemimpin yang tegas dan bijak di samping seorang pemidato yang handal. Beliau diberikan gelaran sebagai saffah yang bermaksud "penumpah darah". Beliau telah dititahkan oleh ABdul Malik ibn Marwan untuk membunuh 'Abdullah ibn al-Zubair. Beliau lantas berangkat bersama-sama dengan gerombolan tentera ke Hijaz dan membunuh 'Abdullah*) telah meruntuhkan Kaabah dan mengembalikannya kepada binaan asal iaitu binaan pada zaman Quraisy. Kaum Quraisy ini telah bekerjasama membina Kaabah dan Rasulullah SAW pula telah mengekalkan binaan tersebut disebabkan mereka baru sahaja memeluk Islam. Seterusnya Khalifah Abu Ja'far al-Mansur telah mencadangkan supaya Kaabah dikembalikan semula kepada binaan al-Zubair. Walau bagaimanapun, Malik r.h. telah menghalang baginda daripada melakukannya. Malik berkata, "Wahai Amir al-Mu'minin, janganlah tuanku menjadikan Kaabah sebagai mainan raja-raja. Apabila salah seorang daripada mereka berasa ingin mengubahnya, ia pun berbuat demikian." Akhirnya al-Mansur pun membiarkan Kaabah dalam keadaan tersebut sebagai suatu cara yang dapat menghalang generasi akan datang daripada mengubah binaannya.

Penduduk-penduduk di daerah yang berhampiran dengan Makkah seperti kabilah Bajilah, Zahran dan Ghamid*(*Bajilah ialah kabilah besar yang merujuk nasab Bajilah. Mereka ialah Bani 'Ammar ibn 'Arasy ibn Kahlan daripada kabilah Qahtaniyyah. Zahran ialah kabilah 'Asir yang terbesar dan Ghamid pula ialah kabilah besar yang mendiami kawasan utara Syalawah, timur Syamran serta selatan Balqaran*) berlumba-lumba datang menunaikan umrah pada bulan Rejab dan mereka membawa bijirin, minyak sapi, madu, anggur kering, minyak serta buah badam ke Makkah. Ini menyebabkan harga barang-barang menjadi murah dan penduduk Makkah dapat menikmati keselesaan dek kemewahan hidup mereka. Jikalau bukan disebabkan oleh penduduk dari daerah-daerah ini, pasti penduduk Makkah tidak dapat menikmati kemewahan tersebut.

Diceritakan bahawa jika penduduk tersebut hanya tinggal di negeri mereka dan tidak datang membawa bekalan ini, tanah di negeri mereka akan menjadi tandus. Selain itu, penyakit yang boleh membawa maut juga akan menyerang ternakan mereka. Sebaliknya pula, apabila mereka menghantar bekalan ini, negeri mereka akan menjadi subur, keberkatan akan melimpah ruah dan harta benda mereka akan bertambah. Seandainya pula tiba waktu untuk mereka menghantar bekalan ke Makkah dan mereka berasa malas untuk berbuat demikian, kaum wanita akan berkumpul dan memaksa mereka supaya pergi. Ini merupakan salah satu daripada kurniaan sebagai belas kasih Allah SWT terhadap kota-Nya yang damai, Makkah al-Mukarramah.

Wilayah-wilayah Sarwu yang didiami oleh kabilah Bajilah, Zahran, Ghamid dan suku kabilah yang lain ialah kawasan yang subur. Ia juga menghasilkan sejumlah besar buah anggur dan pelbagai hasil tananam. Penduduknya menguasai bahasa dengan baik, bersifat jujur dan ikhlas serta memiliki aqidah yang teguh. Sudah menjadi kebiasaan bagi mereka apabila menunaikan tawaf di Kaabah, mereka akan merebahkan diri di sisi Kaabah dan memohon keselamatan serta memegang kain penutupnya. Mereka juga membaca dia yang syahdu sehingga perasaan orang yang mendengarnya akan tersentuh dan orang yang sukar menangis pun akan menitiskan air mata.

Oleh itu, kamu akan melihat orang ramai di sekitar mereka akan menadah tangan dan mengaminkan doa yang dibaca oleh mereka. Orang lain tidak dapat menunaikan tawaf bersama-sama dengan mereka dan tidak juga dapat mengucup Hajar al-Aswad kerana bilangan mereka yang terlalu besar. Mereka sungguh berani serta gagah dan memakai pakaian yang diperbuat daripada kulit. Apabila mereka datang ke Makkah, orang Arab Badwi yang berada dalam perjalanan dan berasa takut dengan kedatangan mereka, akan mengelakkan diri daripada bertembung dengan mereka. Walau bagaimanapun, orang yang menyertai mereka untuk menunaikan haji memuji-muji kehadiran mereka.

Diceritakan bahawa Nabi SAW pernah menyebut tentang mereka dan memuji mereka. Baginda SAW bersabda, *"Ajarkanlah solat kepada mereka dan mereka pasti akan mengajarkan doa kepada kamu."* Cukuplah kemuliaan yang diperoleh mereka apabila turut disebut dalam maksud umum sabda Baginda, " Iman itu dari Yaman dan hikmah juga dari Yaman." Diceritakan pula bahawa 'Abdullah ibn 'Umar r.a. memilih waktu mereka bertawaf sebagai waktu yang paling sesuai untuk melaksanakan ibadah tersebut dan menyertai mereka untuk mengambil berkat dengan doa mereka. Segala-galanya tentang mereka sungguh menakjubkan dan telah disebut dalam sebuah Hadith, *"Kerumunilah mereka dalam tawaf. Sesungguhnya rahmat Allah dicurahkan ke atas mereka."*

Adat Penduduk Makkah pada Malam Nisf Sya'ban

Malam Nisf Sya'ban ialah salah satu malam yang mulia di kalangan penduduk Makkah. Pada malam Nisf Sya'ban ini, mereka berlumba-lumba untuk melakukan pelbagai amal salih seperti tawaf dan solat; sama ada secara berjemaah atau berseorangan selain menunaikan umrah. Mereka berkumpul di dalam Masjid al-Haram secara berjemaah dan setiap jemaah mempunyai imam. Mereka juga menyalakan lampu yang besar dan kecil serta obor. Cahaya bulan pula melimpah dan menerangi bumi serta langit. Mereka juga mendirikan solat sebanyak 100 rakaat dan pada setiap rakaat, mereka membaca Al-Fatihah dan Surah Al-Ikhlas yang diulangi bacaannya sebanyak sepuluh kali. Ada juga antara mereka yang menunaikan solat di Hijr bersendirian dan ada pula yang menunaikan tawaf di Baitullah yang mulia selain ada yang keluar untuk menunaikan umrah.

Adat Penduduk Makkah dalam Bulan Ramadhan yang Mulia

Apabila anak bulan Ramadhan muncul, gendang serta kompang dipalu di rumah amir Makkah dan suatu persediaan yang hebat di buat di Masjid al-Haram. Hamparan diganti dengan yang baharu, lilin dan obor ditambah sehingga Baitullah al-Haram bergemerlapan dengan cahaya, berseri-seri dan penuh gilang-gemilang. Imam-imam berpecah kepada beberapa kumpulan yang berasingan dan setiap seorang bersama-sama dengan pengikut mazhab masing-masing iaitu Syafi'e, Hanbali, Hanafi dan Zaidiyyah* *(ialah firqah Syi'ah yang paling hampir dengan kepada pendirian Ahl al-Sunnah dan paling bersederhana*

dalam banyak perkara. Mereka tidak mempercayai imam yang maksum, tidak mengamalkan perkahwinan mut'ah dan tidak mengharuskan taqiyyah). Pengikut Mazhab Maliki pula mengumpulkan empat orang qari yang bergilir-gilir membaca Al-Quran dan menyalakan lilin. Tiada satu ruang atau sudut pun di Masjid al-Haram yang tidak diduduki oleh seorang qari yang mendirikan solat bersama-sama dengan jemaahnya. Bergemalah masjid dengan suara qari dan setiap jiwa menjadi lembut, hati menjadi khusyuk dan airmata pula jatuh berguguran.

Selain itu, ada juga antara penduduk Makkah yang hanya menunaikan tawaf dan solat di Hijr secara bersendirian. Imam Mazhab Syafi'e adalah yang paling tekun beribadah. Apabila selesai menunaikan Solat Tarawih sebanyak 20 rakaat, imam mereka biasanya akan melakukan tawaf mengelilingi Kaabah bersama-sama dengan jemaahnya. Apabila selesai membuat tujuh pusingan tawaf, farqa'ah yang dibawa di hadapan khatib pada hari Jumaat sebagaimana yang diceritakan sebelum ini, dipalu sebagai suatu pengumuman supaya setiap orang kembali menunaikan solat. Kemudian imam mendirikan solat dua rakaat dan sesudahnya pula menunaikan tawaf sebanyak tujuh pusingan. Beginilah keadaannya sehingga beliau menyempurnakan 20 rakaat yang lain bersama-sama dengan jemaahnya. Kemudian mereka mendirikan pula solat syaf' (genap) dan witr lalu bersurai. Imam-imam yang lain pula tidak membuat sebarang penambahan kepada adat yang biasa diamalkan ketika menunaikan solat.

Apabila tiba waktu sahur, Mu'azzin Zamzami akan menjalankan tanggungjawabnya untuk mengumumkan waktunya dari menara yang terletak di sebelah timur Masjid al-Haram. Beliau akan berdoa, memberikan peringatan dan galakan kepada orang ramai supaya bersahur. Ini dituruti oleh semua mu'azzin di menara-menara yang lain. Apabila salah seorang daripada mereka bersuara, sahabatnya akan menjawab. Di puncak setiap menara pula terdapat sekeping papan yang di hujungnya diletakkan sebatang kayu secara melintang. Dua buah lentera besar yang dinyalakan dan diperbuat daripada kaca digantungkan pada kayu ini. Apabila waktu fajar semakin hampir dan peringatan supaya berhenti makan diberikan dari masa ke semasa, kedua-dua lentera tersebut diturunkan. Mu'azzin-mu'azzin pun mula melaungkan azan dan ia tingkah-meningkah antara satu sama lain.

Bumbung rumah di Makkah, semoga Allah memuliakannya, setara dan mendatar. Oleh itu sesiapa yang rumahnya jauh sehingga tidak dapat mendengar azan, akan dapat melihat kedua-dua lentera tersebut dan bersahur. Apabila tidak lagi dapat melihat kedua-dua lentera tersebut, ia akan berhenti makan.

Pada sepuluh malam ganjil (witr) yang terakhir bulan Ramadhan, penduduk Makkah akan mengkhatamkan bacaan Al-Quran. Kadi, fuqaha' dan pembesar turut menghadiri majlis berkhatam ini. Orang yang membaca bahagian terakhir Al-Quran ialah anak kepada salah seorang pembesar Makkah. Apabila ia selesai mengkhatamkan bacaan Al-Quran, sebuah mimbar yang dihiasi sutera dibawa untuknya dan lilin pun dinyalakan. Kemudian ia menyampaikan sebuah khutbah. Apabila selesai menyampaikan khutbah, bapanya akan menjemput orang ramai untuk datang ke rumah dan menjamu mereka dengan makanan yang banyak serta pelbagai kuih-muih.

Begitulah amalan penduduk Makkah pada setiap malam witr. Walau bagaimanapun, malam yang paling mulia di sisi mereka ialah malam kedua puluh tujuh. Sambutan mereka untuk malam ini adalah lebih hebat daripada sambutan yang dibuat terhadap malam-malam yang lain. Pada malam ini, Al-Quran Al-Karim dikhatamkan di belakang Maqam Nabi Ibrahim yang mulia. Bersetentang dengan Hatim Mazhab Syafi'e, sebuah pentas didirikan. Pentas ini diperbuat daripada alang kayu yang bersambung dengan Hatim tersebut. Di antara kedua-keduanya pula dilintangkan papan yang panjang. Pentas ini dibina sebanyak tiga tingkat dan di puncaknya diletakkan lilin serta lentera kaca. Sinaran cahaya menyilaukan mata yang memandang. Kemudian imam datang dan menunaikan Solat Isyak. Kemudian beliau mula membaca Surah Al-Qadr. Imam-imam pada malam sebelumnya akan menghentikan bacaan sebelum Surah Al-Qadr.

Pada waktu ini, semua imam berhenti menunaikan Solat Tarawih untuk memberikan penghormatan kepada majlis berkhatam Al-Quran di Maqam Nabi Ibrahim dan mereka sendiri datang menghadiri majlis berkhatam Al-Quran ini untuk mengambil berkat. Imam menamatkan bacaan dengan membaca surah-surah yang terakhir dalam dua salam iaitu empat rakaat. Kemudian beliau akan bangun berkhutbah dengan menghadap Maqam. Selesai berkhutbah, imam-imam akan mendirikan solat semula dan orang ramai pun bersurai. Majlis berkhatam Al-Quran pada malam yang keduapuluh sembilan pula diadakan di Maqam Mazhab Maliki. Sepanjang malam tersebut, khutbah akan disampaikan dan tiada upacara kemegahan lain yang diadakan selainnya.

Adat Penduduk Makkah dalam Bulan Syawal

Penduduk Makkah biasanya merayakan kedatangan bulan Syawal sebagai pembukaan bulan haji dengan memasang obor. Ini akan dilakukan apabila anak bulan Syawal kelihatan. Selain obor, mereka juga akan menyalakan lampu dan lilin, sebagaimana pada malam keduapuluh tujuh bulan Ramadhan. Semua menara yang terdapat di tanah suci ini pasti akan diterangi oleh cahaya lampu. Begitu juga di bumbung Baitullah al-Haram dan bumbung masjid yang terletak di puncak Abu Qubais juga turut disimbah oleh cahaya. Mu’azzin-mu’azzin menghabiskan waktu pada malam tersebut dengan bertahlil, bertakbir dan bertasbih. Orang ramai juga sibuk dengan menunaikan tawaf, mendirikan solat, berzikir dan berdoa.

Apabila mereka selesai menunaikan Solat Subuh, penduduk Makkah akan mula bersiap-siap untuk berhari raya. Mereka memakai pakaian yang paling cantik dan berlumba-lumba mendapatkan tempat duduk untuk bersembahyang di Masjid al-Haram yang mulia. Di sanalah mereka menunaikan solat hari raya kerana tiada lagi tempat lain yang lebih afdal daripadanya. Orang yang paling awal datang ke masjid ialah Bani Syaibah. Mereka ini akan membuka pintu Kaabah yang suci dan ketua mereka akan duduk di bendul pintunya, sementara yang lain pula akan duduk di hadapannya sehingga amir Makkah tiba. Mereka akan menyambutnya dan beliau pula akan menunaikan tawaf di Baitullah sebanyak tujuh pusingan.

Sementara itu, Mu'azzin Zamzami yang berada di atas Kubah Zamzam seperti biasa, akan memuji amir Makkah dengan suara yang kuat dan berdoa untuk beliau dan saudaranya, seperti yang telah diceritakan. Kemudian khatib pula datang ke hadapan dan berjalan di antara dua buah bendera hitam dengan didahului oleh farqa'ah. Beliau sendiri berpakaian hitam. Kemudian khatib menunaikan solat di belakang Maqam yang mulia dan seterusnya naik ke atas mimbar lalu menyampaikan khutbah yang amat menyentuh perasaan. Orang ramai yang bertemu saling mengucapkan salam, berjabat tangan dan memohon maaf atas segala kesilapan. Mereka juga mengunjungi Kaabah yang mulia dan berduyun-duyun masuk ke dalamnya. Seterusnya mereka menuju ke kawasan pusara di Bab al-Ma'la pula untuk mengambil berkat daripada orang yang dimakamkan di situ yang terdiri daripada isteri Nabi SAW, sahabat serta golongan salaf yang terdahulu. Mereka akhirnya bersurai.

Ihram al-Ka'bah

Pada hari keduapuluh tujuh Zulkaedah, langsir Kaabah akan disingsing hingga mencapai sembilan kaki di keempat-empat penjuru. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada di tarik oleh orang ramai yang mengunjunginya. Penduduk menamai upacara tersebut sebagai Ihram al-Ka'bah. Ia merupakan suatu hari orang ramai berkumpul di Masjid al-Haram. Sejak hari itu, Kaabah tidak akan dibuka hinggalah berakhirnya wukuf di 'Arafah.

Syi'ar dan Amalan Haji

Pada hari pertama bulan Zulhijjah, gendang dan kompang dipalu pada setiap waktu solat, pagi dan petang sebagai menandakan ketibaan musim haji yang penuh berkat. Ia berterusan hinggalah tiba hari menuju ke 'Arafah. Pada hari ketujuh Zulhijjah, khatib akan menyampaikan khutbah yang amat menyentuh perasaan selepas Solat Zuhur. Dalam khutbah tersebut, beliau akan mengajar orang ramai tentang cara-cara menunaikan ibadah dan memberitahu mereka tentang hari wukuf di 'Arafah.

Pada hari yang kelapan, orang ramai akan keluar pada awal pagi untuk mendaki ke Mina. Amir-amir dari Mesir, Syam, Iraq dan ilmuwan bermalam di Mina pada malam tersebut. Di sini, orang Mesir, Syam dan Iraq mengadakan pertandingan menyalakan lilin. Walau bagaimanapun, kelebihan biasanya berpihak kepada orang Syam. Pada hari yang kesembilan, mereka bertolak dari Mina selepas Solat Subuh ke 'Arafah. Dalam perjalanan, mereka akan melalui sebuah lembah yang bernama Muhassir**(ialah sebuah tempat yang terletak di antara Makkah dengan 'Arafah, ada pula pendapat yang mengatakan bahawa ia terletak di antara Mina dengan 'Arafah atau Mina dengan Muzdalifah)* dan mereka akan mempercepat perjalanan mereka kerana ia merupakan suatu sunnah.

Lembah Muhassir ialah kawasan sempadan di antara Muzdalifah dengan Mina. Muzdalifah pula ialah sebuah dataran yang lapang dan terletak di antara dua buah bukit.

Di sekelilingnya terdapat kawasan tadahan dan tangki air yang dibina oleh Zubaidah puteri Ja'far ibn Abi Ja'far al-Mansur iaitu isteri Amir al-Mu'minin Harun al-Rasyid. Jarak di antara Mina dengan 'Arafah ialah lima batu, sama jaraknya di antara Mina dengan Makkah.

'Arafah mempunyai tiga buah nama iaitu 'Arafah, Jama'* dan Masy'ar al-Haram *(ia dinamai sebagai Jama' kerana manusia berhimpun beramai-ramai di situ).* 'Arafah ialah sebuah kawasan yang luas, lapang, kosong dan dikelilingi oleh bukit-bukau. Di kawasan sekitarnyalah, ibadah wukuf dilaksanakan. Dua batang tiang dilalui sebelum sampai di Jabal al-Rahmah iaitu lebih kurang dalam jarak sebatu dan kedua-dua batang tiang tersebut merupakan garis sempadan antara tanah halal dengan tanah haram. Batn (Dasar) 'Uranah terletak berhampiran dengan kedua-duanya iaitu di kawasan selepas 'Arafah. Inilah tempatnya yang mesti dijauhi oleh orang yang menunaikan haji dan mereka perlu berhati-hati dalam perkara ini, sebagaimana yang diperintahkan oleh Nabi SAW. Selain itu, mereka juga diingatkan supaya menahan nafar hinggalah matahari terbenam dengan sempurna. Ini kerana, pemandu-pemandu unta kadangkala menggalakkan orang ramai supaya segera melakukan nafar dan membuat mereka bimbang akan kesesakan dalam nafar. Pemandu-pemandu unta ini juga memperdaya orang ramai hingga dibawa ke Dasar 'Uranah, lalu menyebabkan ibadah haji mereka terbatal.

Jabal al-Rahmah terletak di tengah-tengah tanah lapang Jama' yang telah kami ceritakan itu dan terpisah daripada bukit-bukau di sekitarnya. Ia mengandungi batu besar yang terpisah antara satu dengan yang lain dan dipuncaknya pula terdapat sebuah kubah yang dinisbahkan pada Ummu Salamah r.a*(ialah Hindun bint Umayyah yang digelar sebagai Ummu Salamah, Ummu al-Mu'minin dan merupakan salah seorang isteri Rasulullah SAW). Di tengah-tengah kubah tersebut terdapat sebuah masjid dan orang ramai berebut-rebut untuk bersembahyang di dalamnya. Masjid ini dikelilingi oleh lereng bukit yang rata yang menghala ke tanah lapang 'Arafah, manakala menghala ke kiblatnya terdapat sebuah dinding yang dibina beberapa buah mihrab dan orang yang menunaikan haji mendirikan solat di sini.

Di sebelah kiri kaki bukit ini dan menghadap Kaabah, terdapat sebuah bangunan lama yang dinisbahkan pada Nabi Adam a.s. Di kirinya pula terdapat batu-batan yang merupakan tempat Nabi SAW berdiri. Di sekeliling tempat ini terdapat takungan dan telaga. Berhampiran dengannya pula terdapat tempat imam berdiri, berkhutbah serta menjamakkan Solat Zuhur dan Asar. Di sebelah kiri dua batang tiang tersebut yang menghadap kiblat ialah Lembah Araak. Di sini, terdapat banyak pokok bernama araak yang menghijau dan melaut luasnya.

Apabila waktu untuk melakukan nafar tiba, imam Mazhab Maliki akan memberi isyarat dengan tangannya dan turun ke bawah. Orang ramai pun akan mara ke hadapan untuk melakukan nafar dalam satu kumpulan yang amat besar. Bumi terasa seakan-akan bergegar dan bukit-bukau seolah-olah bergoncang. Aduhai tempat wukuf yang suci dan tempat ziarah yang mulia! Seluruh jiwa mengharapkan balasan yang baik dan cita-cita mengimpikan gugusan rahmat-Nya. Semoga Allah menjadikan kita antara hamba yang dianugerahi keredhaan-Nya di 'Arafah.

Wukufku yang pertama jatuh pada hari Khamis tahun 726H (1326M). Amir bagi khalifah Mesir, al-Malik al-Nasir pada waktu itu ialah Arghun al-Dawadar. Pada tahun itu juga, puteri al-Malik al-Nasir iaitu isteri kepada Abu Bakr ibn Arghum yang telah diceritakan itu datang menunaikan haji. Begitu juga permaisuri al-Malik al-Nasir yang digelar sebagai Khawandah iaitu puteri kepada sultan yang agung, Muhammad Uzbek (Uzbak), raja Sara dan Khawarizm. Sementara itu, amir atau ketua khalifah dari Syam pula ialah Saifuddin al-Juban.

Apabila Nafar bermula selepas tergelincir matahari, kami pun pergi ke Muzdalifah iaitu pada penghujung waktu Isyak lalu kami pun menunaikan Solat Maghrib dan Isyak secara jamak (jama' ta'khir). Selesai menunaikan Solat di Muzdalifah, kami berjalan pada keesokan paginya ke Mina iaitu selepas wukuf dan berdoa di Masy'ar al-Haram. Seluruh kawasan Muzdalifah ialah tempat berhenti kecuali Lembah Muhassir. Di Lembah Muhassir, jemaah haji melakukan harwalah (mempercepat langkah) hingga mereka keluar dari tempat ini.

Dari Muzdalifah, banyak jemaah haji yang membawa batu untuk melontar jamrah dan ia adalah mustahab (digalakkan). Walau bagaimanapun, ada juga yang mengutipnya di kawasan sekitar Masjid Khaif dan inilah yang sering dilakukan oleh jemaah haji. Apabila jemaah tiba di Mina, mereka berlumba-lumba untuk melakukan ibadah melontar Jamrah al-'Aqabah. Kemudian mereka pun melaksanakan ibadah korban dan menyembelih unta serta kambing. Selepas itu, mereka mula mencukur rambut dan halallah bagi mereka semua perkara kecuali wanita serta harum-haruman atau minyak wangi hinggalah mereka melaksanakan tawaf ifadah. Melontar jamrah ini dilakukan ketika matahari terbit pada Hari Raya Korban. Selepas melontar batu di jamrah ini dan selepas menyembelih binatang korban serta bercukur, kebanyakan jemaah haji berangkat menuju ke Makkah untuk menunaikan tawaf ifadah. Walau bagaimanapun, ada juga yang terus tinggal di Mina hingga hari yang berikutnya.

Pada hari kedua Hari Raya Korban iaitu selepas pulang semula ke Mina pada petang sebelumnya, jemaah haji melontar pada waktu tergelincir matahari di Jamrah al-Ula dengan menggunakan tujuh biji batu. Begitu juga di Jamrah al-Wusta iaitu dengan menggunakan jumlah batu yang sama. Selain itu, jemaah juga berhenti sejenak di kedua-dua jamrah ini untuk membaca doa sebagai meneladan perbuatan Rasulullah SAW. Pada hari yang ketiga, mereka segera bertolak semula ke Makkah, semoga Allah memuliakannya, iaitu selepas sempurna melontar 49 biji batu. Walau bagaimanapun, banyak antara mereka yang terus tinggal pada hari yang ketiga selepas Hari Raya Korban hinggalah mereka selesai melontar 70 biji batu.

Kelambu Kaabah

Pada Hari Raya Korban, kelambu Kaabah dibawa dari markaz besar kafilah orang Mesir ke Baitullah yang mulia dan diletakkan di atas bumbungnya. Pada hari ketiga selepas

Hari Raya Korban, Bani Syaibah mula melabuhkan kelambu tersebut di Kaabah yang mulia. Ia merupakan kelambu berwarna hitam pekat dan diperbuat daripada sutera yang dilapisi oleh kain linen. Di bahagian teratas terdapat sulaman yang tertulis dalam tulisan berwarna putih:

Terjemahan: "Allah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu, sebagai tempat tumpuan…."
Surah Al-Ma'idah 5:97

Di setiap sudutnya pula terdapat tulisan ayat-ayat Al-Quran yang disulam dengan warna putih. Sinaran yang bergemerlapan, terpancar daripada ayat-ayat ini dan ia bertindak balas dengan latar belakang kelambu yang berwarna hitam.

Apabila kelambu tersebut telah dipasang, bahagian bawahnya disingsing untuk mengelakkan orang ramai menariknya. Al-Malik al-Nasir ialah pemerintah yang bertanggungjawab untuk menyediakan kelambu Kaabah. Di samping itu, baginda juga mengirim gaji untuk kadi, khatib, imam, mu'azzin, pembentang permaidani dan siak. Begitu juga untuk semua keperluan Masjid al-Haram yang mulia termasuklah lilin dan minyak pada setiap tahun.

Sepanjang beberapa hari ini, Kaabah yang mulia dibuka pada setiap hari untuk orang Iraq, Khurasan dan lain-lain yang datang bersama-sama dengan kafilah dari Iraq. Mereka terus tinggal di Makkah selama empat hari selepas kafilah bertolak dari Syam dan Mesir. Dala tempoh ini, mereka membanyakkan sedekah kepada mujawirin dan juga kepada orang lain. Pada suatu malam, aku melihat mereka menunaikan tawaf di Masjid al-Haram. Sesiapa sahaja yang mereka temui di dalam masjid sama ada mujawir atau orang Makkah, akan diberikan perak dan baju. Demikian juga kepada orang yang bertafakur di Kaabah.

Kadangkala pula jika mereka menemui seseorang yang sedang tidur, mereka akan meletakkan emas atau perak di dalam mulut orang tersebut hingga ia tersedar. Sewaktu aku datang ke Makkah bersama-sama dengan mereka dari Iraq pada 728H (1327M), mereka kerap melakukan perbuatan sedemikian. Mereka membanyakkan sedekah hingga harga emas jatuh di Makkah. Pertukaran mithqal meningkat sehingga 18 dirham nuqrah disebabkan banyaknya emas yang mereka sedekahkan. Pada tahun ini juga, nama Sultan Abu Sa'id iaitu raja Iraq, dibaca di atas mimbar dan Kubah Zamzam.

(**515O - Alhamdulillah maka berakhirlah Bab 4 dan insyaAllah kita akan ke Bab 5 seterusnya iaitu* **Dari Makkah ke Kufah**)

Bab 5
Dari Makkah ke Kufah

Aku Meninggalkan Makkah

Tanggal dua puluh Zulhijjah* (bersamaan 17hb November 1326M), aku keluar dari Makkah bersama-sama dengan amir kafilah Iraq, al-Bahlawan Muhammad al-Hawih iaitu seorang penduduk Mausil**(atau Mosul ialah kota masyhur dan merupakan pintu masuk ke negeri Iraq dari sebelah barat. Menurut kamus Muhit al-Muhit, hlm.973 susunan Butrus al-Bustani cetakan 1998 terbitan Maktabah Lubnan, sebutannya ialah Mausil tetapi orang awam menyebutnya sebagai Musal atau Mausul)*. Beliau memegang jawatan pemimpin jemaah haji selepas Syeikh Syihabuddin Qalandar meninggal dunia. Syihabuddin ialah seorang yang pemurah, mulia dan amat dihormati oleh sultannya. Beliau mencukur janggut dan keningnya ala pengikut Qalandariyyah. Sewaktu aku meninggalkan Makkah, semoga Allah memuliakannya, bersama-sama dengan Amir al-Bahlawan, beliau menyewakan sebuah pelangki atau usungan untukku hingga Baghdad dan telah membayar sewanya dengan wangnya sendiri selain meletakkanku di bawah perlindungannya. Kami keluar ke Dasar Marr selepas menunaikan Tawaf al-Wida' dalam satu kumpulan yang terdiri daripada orang Iraq, Khurasan, Parsi dan negeri-negeri lain yang tidak dapat dihitung jumlahnya. Jumlah mereka yang besar itu membuat bumi seumpama laut yang bergelombang. Mereka berjalan dalam sebuah pergerakan yang menyerupai sekumpulan awan besar yang berarak di angkasa. Sesiapa yang keluar dari kafilah untuk sesuatu keperluan dan tidak pula mempunyai panduan yang boleh membawanya semula ke tempat asalnya akan sesat disebabkan bilangan manusia yang terlalu banyak.

Unta-unta pembawa air turut serta dalam kafilah ini supaya pengembara (jemaah haji yang miskin) dapat mengambil air daripadanya. Terdapat juga unta yang mengangkut bekalan untuk disedekahkan selain mengangkut minuman, gula serta ubat-ubatan bagi orang yang jatuh sakit. Setiap kali kafilah berhenti, makanan akan dimasak di dalam kawah tembaga yang besar dan ia dinamai sebagai dasut oleh orang ramai. Makanan yang dimasak ini dijamukan kepada jemaah haji yang miskin dan orang yang tidak mempunyai bekalan. Dalam kafilah ini juga ada beberapa ekor unta yang digunakan untuk membawa orang yang tidak mampu berjalan. Semua ini merupakan sedekah dan derma daripada Sultan Abu Sa'id.

(Ibn Juzayy mencatat: "Semoga Allah mengurniakan kemuliaan bagi gelaran yang mulia ini. Alangkah menakjubkan kedermawanan yang ada pada diri Abu Sa'id ini. Beliau merupakan lambang kebajikan dan contoh kedermawanan bagi setiap orang. Abu Sa'id juga merupaka amir bagi kaum Muslimin yang berjaya mengalahkan orang kafir dan pihak yang berdendam terhadap Islam. Abu Sa'id ialah putera Abu Yusuf yang juga amir bagi kaum Muslimin. Semoga Allah menyucikan roh mereka yang mulia dan mengekalkan pemerintahan keturunan mereka yang suci hingga hari pembalasan")

Kafilah ini turut mempunyai pasar-pasar bergerak, pelbagai kemewahan yang melimpah ruah dan berbagai-bagai makanan serta buah-buahan. Mereka berjalan pada waktu malam dan menyalakan obor di hadapan deretan unta serta pengusung. Kamu akan dapat melihat

bumi berkelip dengan cahaya. Kegelapan malam pula telah bertukar menjadi siang yang terang-benderang.

Seterusnya kami bertolak dari Dasar Marr ke'Usfan dan kemudian ke Khulais. Selepas itu kami membahagikan peringkat perjalanan kepada empat dan berkhemah di Lembah Samak. Kami meneruskan perjalanan dari situ selama lima bulan dan berkhemah di Badar. Antara peringkat perjalanan ini, dua dibuat dalam masa sehari. Salah satu daripadanya selepas waktu subuh dan satu lagi pada waktu malam. Selepas meninggalkan Badar, kami berkhemah di Safra' dan tinggal di situ selama sehari untuk beristirahat. Dari sini ke kota Madinah yang mulia, mengambil masa tiga malam perjalanan. Selepas meneruskan perjalanan, kami akhirnya tiba di Taybah, kota Rasulullah SAW yang harum semerbak dan sekali lagi, kami dapat menziarahi makam Baginda SAW. Kami tinggal di Madinah selama enam hari. Kami membawa bekalan air dari Madinah untuk perjalanan selama tiga malam dan selepas itu, kami pun meninggalkan Madinah. Pada malam yang ketiga, kami berkhemah di Lembah 'Arus dan dari sini, kami memperoleh bekalan air dari mata air bawah tanah. Rombongan kafilah menggali lubang di atas tanah dan mendapat air yang manis rasanya.

Kemudian kami meninggalkan Lembah 'Arus dan masuk ke Najd. Najd ialah sebuah kawasan yang luas, seluas saujana mata memandang. Dari sini, kami dapat menghirup bayunya yang harum semerbak. Seterusnya pula kami berkhemah selepas empat marhalah di sebuah mata air yang bernama 'Usailah. Kemudian kami bertolak meninggalkannya dan berhenti di kawasan mata air yang bernama Naqirah. Di sini, terdapat kesan wujudnya kawasan tadahan air seperti kumpulan kolam yang besar. Seterusnya kami bergerak ke sebuah kawasan (sumber) air yang bernama Qarurah. Ia merupakan kolam yang dipenuhi oleh air hujan dan dibina oleh Zubaidah, puteri Ja'far r.h. Semoga Allah mengurniakan rahmat-Nya kepada Zubaidah dan menganugerahkan kebaikan kepada kita dengannya. Kawasan ini merupakan kawasan tengah bumi Najd yang luas. Bayunya harum, udaranya menyihatkan, tanahnya bersih dan cuacanya sederhana pada setiap musim.

Selepas meninggalkan Qarurah, kami berhenti pula di Hajir dan di situ terdapat beberapa buah kolam. Akan tetapi disebabkan selalu sahaja kering, air terpaksa di dapatkan dengan menggali telaga sementara. Kami meneruskan perjalanan dari sini dan berhenti di Sumairah. Sumairah ialah sebuah kawasan dataran berlubang-lubang yang terletak di kawasan lapang. Di sini terdapat kawasan yang didiami dan menyerupai sebuah kota pertahanan. Sumber airnya banyak dan diperoleh dari telaga, namun rasanya payau. Orang Arab Badwi di kawasan ini datang membawa kambing, minyak sapi dan susu. Mereka menjualnya kepada jemaah haji dengan menukarkannya dengan pakaian yang diperbuat daripada kapas yang kasar. Mereka juga tidak akan menjual hasil tenusu tersebut dengan pertukaran barang yang lain. Kami meneruskan perjalanan dan berhenti di Jabal al-Makhruq *(Bukit yang Berlubang)* yang terletak di sebuah kawasan padang pasir. Di puncaknya pula terdapat sebuah lubang yang menjadi "tingkap" angin bertiup. Dari sana, kami meneruskan perjalanan ke Lembah Kurusy dan di sini, tidak terdapat air. Kemudian selepas berjalan sepanjang malam, kami sampai pada waktu pagi ke Kota Perkubuan Faid (Faida).

Faid ialah sebuah kota perkubuanyang besar dan terletak di atas tanah yang rata serta dikelilingi oleh tembok. Di luarnya terdapat sebuah kawasan pinggir kota. Penduduknya iala orang Arab yang hidup berjual dan berniaga dengan jemaah haji. Di sanalah jemaah haji meninggalkan sebahagian bekalan mereka ketika sampai dari Iraq ke Makkah, semoga Allah memuliakannya. Dalam perjalanan pulang, mereka akan mengambilnya kembali. Faid terletak separuh perjalanan dari Makkah ke Baghdad dan perjalanan darinya ke Kufah pula mengambil masa selama dua belas hari iaitu sekiranya perjalanan tersebut mempunyai kemudahan air tangki. Anggota kafilah biasanya akan memasuki tempat ini dengan lagak tentera dan membentuk perbarisan peperangan untuk membuat perompak-perompak Arab yang berkumpul di sana berasa gentar lalu meleburkan sifat tamak mereka terhadap kafilah.

Di sana, kami bertemu dengan dua orang amir berbangsa Arab iaitu Fayyad dan Jayyar, dua orang anak Amir Muhanna ibn 'Isa. Pasukan berkuda Arab dan tentera berjalan kaki yang tidak terhitung jumlahnya mengiringi mereka. Kedua-dua amir ini menunjukkan keprihatinan mereka terhadap jemaah haji dan pengembara di samping melindungi diri serta harta benda mereka. Orang Arab membawa unta serta kambing untuk dijual dan jemaah haji membelinya daripada mereka berdasarkan kemampuan masing-masing.

Selanjutnya kami meneruska perjalanan dan berhenti pula di satu kawasan bernama Ajfur. Ia terkenal dengan nama sepasang kekasih yang bernama Jamil dan Buthainah**(Jamil Buthainah ialah Jamil ibn 'Abdillah ibn Mu'ammar al-'Azri al-Qada'ie Abu 'Amr, salah seorang penyair cinta Arab pada zaman Umayyah. Beliau jatuh cinta dengan Buthainah seorang wanita kaumnya. Syair gubahannya puitis dan kebanyakannya berkisar tentang cinta serta kebanggaan)*. Kami meneruskan lagi perjalanan dan berhenti di sebuah padang pasir. Kami sekali lagi bergerak pada waktu malam lalu berhenti di Zarud, sebuah tanah rata yang dipenuhi oleh pasir. Di sini, terdapat rumah-rumah kecil yang berpagar dan ia menyerupai kota perkubuan. Di sini juga terdapat telaga, namun rasa airnya tidaklah manis. Seterusnya kami singgah pula di Tha'labiyyah yang mempunyai kota perkubuan yang telah runtuh dan bersetentang dengannya terdapat sebuah kolam yang besar. Sesiapa juga boleh sampai ke situ dengan menuruni sebuah tangga. Ia mengandungi air hujan yang cukup untuk menampung jumlah orang Arab yang sangat besar. Orang Arab ini menjual unta, kambing, minyak sapi dan susu. Jarak dari Tha'labiyyah ke Kufah ialah tiga marhalah. Kami meneruskan pengembaraan dan berhenti pula di Birkah al-Marjum (Lubuk yang Dilontar Batu).

Birkah al-Marjum ini merupakan sebuah masyhad di atas jalan rata dan di atasnya terdapat timbunan batu yang banyak. Setiap orang yang lalu-lalang akan melontarkan sebiji batu di situ. Menurut cerita, orang yang direjam ini ialah seorang Rafidah**(nama lain bagi golongan Syi’ah yang mencerca sahabat Nabi SAW)*. Ia keluar bersama-sama dengan sebuah kafilah untuk menunaikan fardu haji tetapi suatu perbalahan telah berlaku di antaranya dengan seorang pengikut Ahl al-Sunnah dariTurki dan ia telah mencaci salah seorang sahabat Nabi SAW. Justeru, mereka telah membunuhnya dengan merejamnya dengan batu. Di tempat ini terdapat banyak rumah orang Arab Badwi. Mereka menemui kafilah dengan membawa minyak sapi, susu dan sebagainya. Selain itu, di sini juga

terdapat sebuah kolam besar yang dapat menampung keperluan semua anggota kafilah. Ia juga merupakan sebuah lagi kolam yang dibina oleh Zubaidah r.h. Setiap kolam dan telaga yang ada di jalan di antara Makkah dengan Baghdad ini menunjukkan kedermawanan Zubaidah yang tinggi. Semoga Allah membalasnya dengan kebaikan dan mengurniakan ganjaran yang sempurna kepadanya. Jikalah tidak kerana keprihatinannya ini, pasti jalan ini tidak akan dilalui oleh sesiapa pun.

Kami meneruskan lagi perjalanan dan berhenti di sebuah tempat yang bernama Masyquq. Masyquq mempunyai dua buah kolam yang bersih dan manis rasanya. Orang ramai akan mengosongkan bekas air yang masih ada pada mereka dan mengambil air yang bersih dari kedua-dua buah kolam ini sebagai bekalan. Kemudian kami meneruskan lagi perjalanan dan selepas itu, kami berhenti di sebuah tempat yang bernama Tananir (Tempat Air Terpancar). Di sini terdapat sebuah kolam yang dipenuhi oleh air. Kami bergerak pada waktu malam dan lebih kurang selepas terbitnya matahari, kami tiba di Zumalah. Zumalah ialah sebuah kampung yang mempunyai penduduk yang padat dengan sebuah istana milik beberapa orang Arab serta dua buah kolam dan beberapa buah perigi. Tempat ini merupakan salah satu sumber air di jalan ini. Kami bermusafir lagi dan berhenti pula di Haithamain yang mempunyai dua buah kolam. Seterusnya kami menyambung perjalanan dan berhenti di bawah sebuah genting yang bernama ‘Aqabah al-Syaitan (Genting Syaitan). Pada hari yang kedua, kami mendaki genting tersebut. Tiada kawasan lain yang securamnya di jalan ini. Kami mendapat untuk mendakinya tidaklah sukar dan tidak pula mudah.

Selepas itu kami berhenti pula di sebuah tempat yang bernama Waqisah yang mempunyai sebuah istana yang besar serta kolam. Ia didiami oleh masyarakat Arab Badwi dan juga merupakan kawasan sumber air terakhir di jalan ini. Ini kerana hingga tiba di Kufah, tiada lagi sumber air yang masyhur selain anak-anak Sungai Furat. Di sinilah banyak penduduk Kufah menemui jemaah haji dengan membawa tepung, roti, tamar, buah-buahan dan saling mendoakan keselamatan dalam perjalanan antara satu sama lain.

Sesudah itu, kami singgah di sebuah temapt yang bernama Laurah. Di sini, terdapat sebuah kolam yang besar. Setelah singgah di sebuah tempat yang bernama Masajid yang mempunyai tiga buah kolam, kami singgah pula di sebuah tempat yang bernama Manarat al-Qurun (Menara Tanduk). Ia merupakan sebuah menara di kawasan padang pasir yang sungguh tinggi dan puncaknya dihiasi oleh tanduk rusa. Tiada penduduk di sekitarnya. Selepas itu, kami singgah pula di sebuah tempat yang bernama ‘Uzaib. ‘Uzaib ialah sebuah lembah yang subur dan berpenduduk. Ia dikelilingi oleh tanah yang sangat subur dan menyedapkan mata yang memandang.

Selanjutnya kami singgah di Qadisiyyah**(ia terletak 24.135km ke selatan Najaf di Iraq. Di sini, tentera Islam yang dipimpin oleh Sa’ad ibn Abi Waqqas menewaskan tentera utama raja-raja Parsi pada tahun 16H (637M) iaitu pada zaman Khalifah ‘Umar ibn al-Khattab r.a. dan dengan demikian kaum Muslimin menguasai keseluruhan Iraq)* iaitu tempat peperangan yang masyhur yang dilancarkan terhadap Parsi. Allah telah mengurniakan kemenangan kepada Islam dan menewaskan orang Majusi yang merupakan penyembah api. Dengan kekalahan ini, mereka tidak lagi dapat

mengembangkan ajaran karut mereka itu dan Allah benar-benar telah memusnahkan mereka. Amir kaum Muslimin ketika itu ialah Sa’ad ibn Abi Waqqas r.a.

Qadisiyyah merupakan sebuah kota besar yang telah runtuh dan tiada lagi kesan yang tinggal kini. Apa yang ada hanyalah sebuah perkampungan yang besar. Di Qadisiyyah ini, terdapat kebun-kebun tamar dan di kebun-kebun tersebut pula terdapat terusan-terusan daripada Sungai Furat. Dari Qadisiyyah, kami bertolak dan berhenti di kota Masyhad ‘Ali ibn Abi Talib r.a. di Najaf. Kota ini indah dan terletak di sebuah kawasan berbatu-batan pejal yang luas.
Ia merupakan salah sebuah kota yang tercantik di Iraq dan mempunyai paling banyak penduduk. Kota yang dibangunkan dengan struktur yang penuh ketelitian ini juga mempunyai beberapa buah pasar yang cantik dan bersih. Kami masuk ke kota ini melalui Bab al-Hadrah lalu bertemu di luarnya, pasar penjual sayur-sayuran, tukang-tukang masak, pembuat roti dan seterusnya pasar buah-buahan, pasar tukang jahit serta qaisariyyah*(*ini mungkin merujuk sebuah tapak awam khusus untuk diadakan pasar. Ia juga mungkin merujuk bangunan yang mempunyai ruang-ruang kedai dan bilik-bilik simpanan untuk kegunaan pedagang)*. Seterusnya pula ialah bazar penjual minyak wangi dan di bahagian dalam Bab al-Hadrah pula terdapat sebuah makam yang penduduk menyangka bahawa ia merupakan makam ‘Ali r.a. Beberapa buah madrasah, zawiyah serta khanqah yang dihiasi oleh perhiasan paling cantik, terletak bersetentang dengannya. Manakala dindingnya pula dihiasi oleh Qasyani*(*ini merujuk kepingan nipis marmar atau jubin yang dihasilkan di kota Qasyan yang terletak diantara kota Qumm dengan Isfahan di Iran)* yang menyerupai zalij di negeri kita tetapi warnanya lebih menyerlah dan ukirannya lebih baik.

Taman dan Makam di Kota Masyhad 'Ali ibn Abi Talib r.a.

Melalui Bab al-Hadrah, seseorang pengunjung dapat masuk ke sebuah madrasah besar yang didiami oleh penuntut-penuntut dan golongan sufi Syi'ah. Setiap pengunjung madrasah akan diberikan layanan sebagai tetamu selama tiga hari dan diberikan makanan yang terdiri daripada roti, daging serta tamar, dua kali sehari. Dari madrasah tersebut, pengunjung boleh pergi ke pintu kubah yang dikawal oleh beberapa orang hajib, naqib dan pengawal. Apabila seorang pengunjung tiba di makam, salah seorang atau semua mereka akan mendapatkannya dan ini bergantung pada kedudukan si pengunjung. Mereka akan berdiri bersama-sama dengan pengunjung tersebut di muka pintu dan meminta kebenaran masuk untuknya.

Mereka berkata, "Dengan perintahmu, wahai Amir al-Mu'minin! Hamba yang daif ini meminta izin untuk ke taman yang mulia, jika tuanku mengizinkan. Seandainya tidak, ia akan pulang dan walaupun ia tidak layak untuk masuk, tuanku tetap seorang yang memiliki sifat dermawan serta kemuliaan." Kemudian mereka akan meminta pengunjung tersebut mencium muka pintu yang diperbuat daripada perak sebagaimana tiang pintunya. Setelah melakukan sedemikian, pengunjung itu pun masuk ke makam yang dihampari oleh pelbagai permaidani yang diperbuat daripada sutera dan bahan-bahan yang lain.

Lampu besar dan kecil yang diperbuat daripada emas serta perak juga terdapat di makam ini. Di bawah kubah iaitu di tengah-tengahnya, terdapat sebuah pelantar berbentuk segi empat yang ditutup dengan kayu. Di atas kayu ini pula terdapat kepingan-kepingan logam yang diukir dengan mutu kesenian yang tinggi dan dipaku dengan paku perak. Semuanya ini melitupi kayu itu sehingga ia tidak kelihatan lagi. Ukuran tinggi pelantar tersebut adalah kurang sedikit daripada ketinggian biasa seseorang. Di atasnya pula terdapat tiga buah makam yang diyakini oleh orang ramai bahwa yang pertama ialah makam Nabi Adam a.s., kedua ialah makam Nabi Nuh a.s. dan yang ketiga ialah makam 'Ali r.a. Antara makam itu pula terdapat mangkuk emas dan perak dan di dalamnya ada air mawar, kasturi serta pelbagai harum-haruman. Pengunjung akan mencelupkan tangannya ke dalam bekas tersebut dan menyapu seluruh wajah untuk mengambil berkat. Kubah ini mempunayi sebuah pintu lain dan muka pintunya turut diperbuat daripada perak. Langsir buatan sutera yang berwarna-warni tergantung di pintu ini. Pintu ini juga membawa ke sebuah masjid yang dihampari permaidani-permaidani indah. Manakala dinding dan atapnya pula berhias dengan langsir sutera. Masjid ini mempunyai emapt buah pintu dan semua muka pintunya diperbuat daripada perak selain digantung dengan langsir sutera. Penduduk kota ini terdiri daripada pengikut Rafidah (Syi'ah).

Di taman yang indah ini, beberapa tanda kekeramatan telah berlaku dan ini mengukuhkan dakwaan penduduk bahawa di sini terdapat makam 'Ali r.a. Antara kekeramatan tersebut ialah suatu peristiwa yang telah berlaku pada malam kedua puluh tujuh bulan Rejab. Malam ini dinamai sebagai Malam Kehidupan oleh mereka. Orang yang tempang daripada al-'Iraqain, Khurasan, Parsi dan Rom dibawa ke makam itu. Mereka yang berjumlah 30 atau 40 orang akan berkumpul di situ. Selepas Solat Isyak, mereka akan diletakkan di atas makam yang suci. Orang ramai ternanti-nanti saat mereka berdiri dan semasa menanti itu, ada yang bersembahyang, berzikir,membaca AL-Quran dan bertafakur di makam. Apabila berlalu separuh atau dua pertiga malam atau seumpamanya, semua orang yang tempang itu akan bangun dalam keadaan sihat tanpa ada kesan kecacatan mereka. Mereka berkata, "Tiada Tuhan melainkan Allah, Muhammad ialah pesuruh Allah dan 'Ali ialah wali Allah."

Hal ini sering diperkatakan oleh mereka dan aku pernah mendengarnya daripada banyak orang yang boleh dipercayai. Aku tidak pernah menghadiri malam tersebut tetapi aku pernah melihat tetamu yang terdiri daripada tiga orang lelaki di madrasah. Seorang dari Rom**(Rom disini merujuk Anatolia (Turki), khususnya Empayar Byzantine yang berpusat di Konstantinopa)*, yang kedua dari Isfahan dan yang ketiga dari Khurasan. Mereka semuanya tempang. Apabila aku bertanya tentang keadaan mereka, mereka memberitahuku bahawa mereka telah terlepas "Malam Kehidupan" itu dan sedang menantikan ketibaannya pada tahun yang lain. Pada malam ini, orang ramai dari negeri tersebut datang berhimpun dan mereka mengadakan sebuah pasar secara besar-besaran selama sepuluh hari.

Di kota ini, tiada cukai yang dikenakan. Begitu juga pemungut cukai dan gabenor. Hanya naqib al-asyraf yang menjalankan pemerintahan. Penduduknya ialah peniaga yang bermusafir ke serata ceruk rantau. Mereka ialah orang yang berani serta pemurah dan sesiapa yang memperoleh perlindungan mereka, tidak akan teraniaya. Aku pernah

mendampingi mereka dalam beberapa perjalanan. Aku mengagumi dan memuji perjalanan tersebut, namun mereka sungguh fanatik terhadap 'Ali r.a.

Ada antara penduduk Iraq dan negeri-negeri lain yang ditimpa penyakit, bernazar sesuatu untuk taman yang indah itu jika disembuhkan. Ada pula yang kepalanya berpenyakit lalu dibuat sebuah kepala daripada emas serta perak dan dibawa ke makam. Seterusnya naqib al-asyraf akan meletakkan kepala emas atau perak tersebut di dalam perbendaharaan. Begitu jugalah tangan atau kaki atau anggota-anggota yang lain. Perbendaharaan makam sungguh besar dan di dalamnya terdapat harta benda yang tidak terhitung jumlahnya.

Naqib al-Asyraf

Naqib al-Asyraf**(iaitu pendaftar bagi keturunan Nabi SAW melalui ‘Ali r.a. serta Fatimah r.a. yang bergelar sebagai syarif(bentuk jamaknya ialah asyraf dan syurafa’)dan setiap daerah dan kota penting mempunyai naqib al-asyrafnya sendiri).* dilantik oleh raja Iraq sebagai wakil baginda. Kedudukannya di sisi baginda sangat kukuh dan pangkatnya juga sangat tinggi (di istana). Beliau mempunyai protocol yang sama seperti amir-amir utama apabila bermusafir. Beliau juga memliki bendera atau panji serta gendang. Muzik ketenteraan tablakhanah dimainkan di pintu rumahnya pada wkatu petang dan pagi. Di tangannyalah terletak kuasa pemerintahan kota ini dan beliaulah satu-satunya gabenor di sini. Tiada tuntutan cukai dari kota ini dan beliaulah satu-satunya gabenor di sini.

Sewaktu aku tiba, naqib kota ini ialah Nizamuddin Husain ibn Tajuddin al-Awi. Gelaran “al-Awi” di hujung namanya itu dinisbahkan pada negerinya, Awah di Iraq, Parsi yang penduduknya iala kaum Rafidah. Sebelum beliau, beberapa orang telah memegang jawatan ini secara bergilir-gilir. Antara mereka ialah Jalaluddin ibn al-Faqih, Qiwamuddin ibn Tawus dan Naisruddin Mutahhar, anak syarif yang salih iaitu Syamsuddin Muhammad al-Auhari, juga dari Iraq al-‘Ajam. Beliau kini berada di India sebagai seorang pengiring yang rapat dengan raja India. Selain mereka bertiga ini, Abu Ghurrah ibn Salim ibn Muhanna ibn Jammaz ibn Syihah yang berasal daripada keluarga Sayyidina Husain dari Madinah juga merupakan salah seorang naqibnya.

Kisah Syarif Abu Ghurrah

Semasa zaman mudanya, Syarif Abu Ghurrah ialah seorang yang sangat tekun beribadah selain sibuk menuntut ilmu dan beliau masyhur dengan sikapnya itu. Beliau pernah tinggal di kota Madinah di bawah jagaan sepupunya iaitu Mansur ibn Jammaz, amir kota Madinah. Kemudian beliau meninggalkan Madinah dan menetap di Hillah, Iraq. Apabila Naqib Qawamuddin ibn Tawus meninggal dunia, penduduk Iraq bersetuju untuk mencalonkan Abu Ghurrah sebagai ketua syarif.

Mereka lantas menulis sepucuk surat tentang perkara tersebut kepada Sultan Abu Sa’id dan baginda bersetuju untuk menerima pencalonan itu. Baginda pun mengirim watikah

perkenan “yarligh”**(ini merujuk surat perlantikan atau surat pengesahan rasmi daripada pemerintah)* kepada Abu Ghurrah. Abu Ghurrah juga menerima jubah kehormat, bendera dan gendang, sama seperti apa yang diterima oleh semua naqib di Iraq. Abu Ghurrah dikuasai oleh kemewahan duniawi lalu meninggalkan ibadah serta sifat zuhud. Beliau juga membelanjakan harta dengan boros. Sikap dan tingkah laku beliau ini telah diadukan kepada sultan. Apabila Abu Ghurrah mengetahuinya, beliau pun keluar bermusafir dengan berpura-pura mengatakan bahawa beliau hendak pergi ke Khurasan iaitu dengan tujuan hendak menziarahi makam ‘Ali ibn Musa al-Rida* di Tus *(Beliau ialah ‘Ali ibn Musa al-Kazim ibn Ja’far al-Sadiq Abu al-Hasan yang bergelar sebagai al-Rida. Beliau ialah imam kelapan daripada kalangan Imamiyyah Dua Belas. ‘Ali ibn Musa al-Rida termasuk dalam kumpulan Ahl al-Bait yang paling utama dan mulia. Beliau meninggal dunia pada zaman pemerintahan al-Ma’mun).* Akan tetapi tujuan sebenar beliau adalah untuk melarikan diri.

Selepas menziarahi makam ‘Ali ibn Musa, Abu Ghurrah pergi ke Hirah yang merupakan kota terakhir Khurasan dan beliau memberitahu rakan-rakannya bahawa beliau hendak pergi ke India pula. Banyak antara rakannya meninggalkan beliau tetapi Abu Ghurrah meneruskan perjalanan dari wilayah Khurasan ke Sind. Selepas menyeberangi Sungai Sind yang dikenali umum sebagai Banj Ab*(merujuk Sungai Indus), beliau memalu gendang dan meniup nafirinya. Tindakan Abu Ghurrah ini amat memeranjatkan penduduk kampung di situ dan mereka menyangka bahawa orang Tatar telah datang untuk menyerang mereka. Mereka pun lari bertempiaran dalam keadaan bingung ke sebuah kota yang bernama Uja dan memberitahu amirnya tentang apa yang telah mereka dengar. Amir pun berangkat dengan pasukan tenteranya dan bersiap sedia untuk berperang.

Amir juga mengutus beberapa orang pengintip, yang mendapati lebih kurang sepuluh orang penunggang kuda dan beberapa orang pejalan kaki serta peniaga yang menemani Syarif Abu Ghurrah. Mereka turut membawa gendang dan bendera. Pengintip-pengintip lantas bertanya tentang diri dan tindakan mereka itu. Mereka diberitahu bahawa Syarif Abu Ghurrah dari Iraq datang dengan satu delegasi untuk menemui raja India. Pengintip-pengintip pun pulang dan memberitahukan hal tersebut kepada amir yang berpendapat bahawa syarif itu kurang berakal kerana menaikkan bendera serta memukul gendang di tempat yang bukan negerinya. Kemudian Syarif Abu Ghurrah memasuki kota Uja dan tinggal di situ untuk suatu tempoh. Gendang akan dipalu di pintu rumahnya pagi dan petang beliau amat berpuas hati dengan keadaan tersebut. Menurut cerita, semasa beliau menjadi ketua syarif di Iraq, apabila gendang dipalu di hadapannya dan setelah pemain gendang selesai memalu gendang tersebut, beliau akan berkata, “Tambahkan satu lagi paluan, wahai pemain gendang!” sehingga ayat ini dijadikan nama timangannya.

Amir kota Uja telah menulis surat kepada raja India dan menceritakan kisah Syarif Abu Ghurrah yang memalu gendang, sama ada dalam perjalanan ataupun di hadapan pintu rumahnya; pagi dan petang di samping amalannya yang gemar menaikkan bendera.

Ini kerana, salah satu adat yang diamalkan oleh penduduk India ialah mereka tidak mengibarkan bendera atau memalu gendang melainkan bagi orang yang dikurniai

keistimewaan sedemikian oleh sultan ataupun ketika mereka bermusafir. Gendang juga hanya dipalu di pintu istana raja sahaja. Ini berbeza dengan Mesir, Syam dan juga Iraq. Gendang akan dipalu di hadapan pintu rumah setiap amir. Apabila berita ini sampai kepada raja India, baginda berasa amat murka dan tersinggung dengan perbuatan Syarif Abu Ghurrah.

Kemudian Syarif Abu Ghurrah bertolak untuk pergi ke kota sultan. Walau bagaimanapun, Amir Kasyli Khan yang tinggal di Multan, sebuah kawasan pemerintahan di Sind, telah mendahuluinya. Gelaran "khan" dikalangan penduduk diberikan kepada amir yang paling mulia. Amir Kasyli ini mempunyai martabat yang tinggi di sisi sultan dan baginda memanggilnya dengan panggilan "ayahanda saudaraku". Ini kerana, beliau ialah salah seorang yang telah menghulurkan bantuan kepada ayahandanya, Sultan Ghiyathuddin Tughluq Syah*, untuk menentang Sultan Nasiruddin Khusru Syah. Amir Kasyli datang untuk mengunjungi kota raja India dan baginda keluar untuk menyambutnya. *(*Bani Tughluq ialah sebuah keluarga pemerintah Islam yang memerintah negeri India selama satu kurun iaitu antara tahun 720H-814H (1321-1412M). Kerajaan Tughluq disandarkan namanya pada Ghazi, raja Tughluq yang dikenali oleh orang ramai dengan nama Ghiyathuddin Tughluq I. Ayahandanya berbangsa Turki iaitu dari Chagatay dan bondanya pula dari Banj Ab.)*

Tiba-tiba, Syarif Abu Ghurrah juga sampai dan beliau telah mendahului amir sejauh beberapa batu. Ketika menghampiri kota dengan gendangnya dipalu seperti biasa, tiba-tiba beliau bertemu dengan raja India bersama-sama dengan pengiring baginda. Abu Ghurrah pun segera menghadap raja India dan mengucapkan salam kepada baginda. Akan tetapi setelah baginda menanyakan khabar dan tujuan beliau datang serta mendengar jawapannya, raja India terus berjalan hingga bertemu dengan Amir Kasyli Khan. Seterusnya baginda kembali ke kota tanpa memberikan perhatian terhadap Syarif Abu Ghurrah dan tidak pula memberikan arahan tentang tempat tinggalnya atau perkara-perkara yang lain. Pada waktu itu juga baginda telah berazam untuk pergi ke kota Daulah Abad yang turut dikenali umum sebagai Katakah dan Duwanjir (Duwaizir). Ia terletak dalam jarak sejauh perjalanan selama empat puluh hari dari kota Delhi. Apabila hendak bermusafir, baginda mengirim 500 dinar dirham kepada Syarif Abu Ghurrah *(nilai pertukarannya dalam emas Maghribi ialah 125 dinar)*. Baginda juga berpesan kepada utusan yang diutus kepada Syarif Abu Ghurrah, "Katakan kepadanya, jika dia hendak pulang ke negerinya, maka ini ialah bekalannya. Jika dia hendak bermusafir bersama-sama dengan kita, maka ini ialah nafkahnya dalam perjalanan dan seandainya dia hendak tinggal di Delhi, maka ini ialah nafkahnya hingga kita pulang."

Abu Ghurrah berasa amat dukacita dengan pesanan baginda itu kerana beliau sangat berharap agar raja India mengurniakan hadiah yang banyak sebagaimana yang biasa dikurniakan kepada orang sepertinya. Syarif Abu Ghurrah akhirnya memilih untuk berangkat bersama-sama dengan raja India. Beliau juga berusaha mendampingi wazir, Ahmad ibn Iyas, yang bergelar sebagai Khawajah Jahan iaitu gelaran yang telah dikurniakan oleh sultan kepadanya. Sudah menjadi adat di sini, apabila sultan mengurniakan sesuatu gelaran yang membawa maksud kekuasaaan seperti 'Imad, Thiqah, Qutb atau sesuatu gelaran yang disertai oleh nama al-Jahan seperti Sadr dan sebagainya,

maka ia akan dipanggil dengan gelaran itu oleh raja serta semua yang lain. Sesiapa yang memanggil orang tersebut dengan nama atau gelaran yang lain, ia boleh dijatuhi hukuman.

Ikatan persahabatan yang kukuh telah terjalin antara wazir dengan Abu Ghurrah. Wazir telah berbuat baik kepada Abu Ghurrah dan meninggikan martabatnya. Di samping itu, wazir juga telah menggunakan pengaruhnya untuk melembutkan hati sultan sehingga baginda memandang baik terhadap Abu Ghurrah lalu menyerahkan dua buah kampung di wilayah Daulah Abad kepadanya, dengan syarat beliau harus tinggal di sana. Wazir ini merupakan seorang yang mulia, mengasihi perantau yang datang berdagang dan sentiasa berbuat baik kepada mereka, suka melakukan kebaikan selain menyedekahkan makanan serta membina zawiyah.

Syarif Abu Ghurrah menikmati hasil pendapatan di kedua-dua buah kampung tersebut selama lapan tahun dan dalam tempoh itu, beliau telah mengumpulkan banyak harta. Namun demikian, beliau akhirnya berasa ingin meninggalkan India. Akan tetapi ia sesuatu yang agak mustahil kerana sesiapa yang berkhidmat dengan raja India tidak boleh keluar melainkan dengan izin baginda. Tambahan pula, baginda sangat mengasihi orang asing dan jarang-jarang baginda mengizinkan mereka meninggalkan negerinya. Justeru, Abu Ghurrah telah cuba untuk melarikan diri mengikut jalan pantai tetapi gagal dan telah dibawa semula ke rumahnya. Selanjutnya Syarif Abu Ghurrah pergi pula ke Delhi dan meminta supaya wazir berusaha menyelesaikan masalah tersebut. Wazir menggunakan budi bicaranya dalam soal ini sehingga sultan memperkenankan hasrat Syarif Abu Ghurrah untuk meninggalkan negeri India dan menghadiahkan pula 10,000 dirham dinar *(nilainya dalam emas Maghribi ialah 2,500 dinar)*. Wang tersebut telah dibawa kepadanya di dalam satu badrah**(sebuah bekas atau karung yang diletakkan wang di dalamnya. Karung ini digunakan dalam mu'amalah dan sewaktu pemberian hadiah)* dan beliau meletakkannya di bawah tilam lalu tidur di atasnya. Abu Ghurrah berbuat demikian kerana terlalu sayang akan wang itu dan berasa amat bimbang jika sahabat-sahabat beliau mengambilnya. Kemudian Abu Ghurrah telah diserang penyakit di lambungnya. Penyakit ini menjadi bertambah teruk ketika beliau sedang bersiap sedia untuk bermusafir. Akhirnya beliau meninggal dunia selepas dua puluh hari menerima karung wang tersebut. Abu Ghurrah telah mewasiatkan harta itu kepada Syarif Hasan al-Jarani yang mendermakan keseluruhan wang tersebut kepada sekumpulan orang Syi'ah yang datang dari Hijaz serta Iraq dan tinggal di Delhi.

Penduduk India tidak mewariskan harta kepada Baitul Mal dan mereka tidak mencampuri urusan harta perantau serta tidak pula bertanya tentangnya walau jumlahnya sebanyak mana sekalipun. Begitu juga orang berkulit hitam yang tidak akan campur tangan terhadap harta orang berkulit putih dan tidak pula mahu mengambilnya. Harta itu hanya diletakkan di bawah penjagaan pihak berkuasa daripada kalangan sahabat-sahabatnya hinggalah orang yang berhak menerimanya datang menuntut.

Syarif Abu Ghurrah ini mempunyai seorang saudara (abang) yang bernama Qasim yang tinggal untuk suatu jangka waktu di Gharnatah. Di sana, beliau telah berkahwin dengan anak perempuan Syarif Abu 'Abdillah ibn Ibrahim yang bergelar sebagai al-Makki.

Kemudian beliau berpindah pula ke Jabal Tariq hingga beliau gugur syahid di situ iaitu di Lembah Kurrah, dalam wilayah Jazirah al-Khadrah. Qasim ini merupakan seorang pahlawan yang sangat berani dan tiada seorang pun yang berani menentangnya. Beliau menunjukkan keberanian yang melampaui adat kebiasaan.

Keberaniannya menjadi tajuk perbualan umum. Qasim meninggalkan dua orang anak yang masih dalam jagaan bapa tiri mereka iaitu Abu ‘Abdillah Muhammad ibn Abi al-Qasim ibn Nafis al-Husaini al-Karbala’ie yang terkenal di negeri Maghribi dan Iraq. Abu ‘Abdillah ini telah berkahwin dengan ibu mereka selepas kematian bapa mereka iaitu Qasim. Walau bagaimanapun, isterinya itu pula meninggal dunia tidak lama kemudian. Namun demikian, beliau terus menjaga dan memberikan kasih sayang yang sepenuhnya kepada mereka. Semoga Allah membalasnya dengan kebaikan.

*(*515O - Alhamdulillah maka berakhirlah Bab 5 dan insyaAllah kita akan ke Bab 6 seterusnya iaitu* **Parsi Selatan dan Iraq**)

Bab 6
Parsi Selatan dan Iraq

Setelah menziarahi makam Amir al-Mu'minin 'Ali r.a.**(iaitu di Najaf. Walau bagaimanapun, makam beliaulah sebenarnya yang menjadi pertikaian)*, kafilah pun meneruskan perjalanan ke Baghdad**(ibu negara Iraq hari ini dan ia merupakan bandar yang terbesar di Iraq)*. Walau bagaimanapun, aku meneruskan perjalananku ke Basrah dalam satu rombongan besar orang Arab Khafajah yang merupakan penduduk negeri tersebut. Mereka ini sangat kuat serta berani dan tiada cara yang lebih selamat untuk bermusafir di daerah-daerah tersebut kecuali dengan menyertai rombongan mereka. Justeru, aku telah menyewa seekor unta melalui amir kafilah iaitu Syamir ibn Darraj al-Khafaji. Kami bertolak dari Masyhad 'Ali r.a. dan singgah di Khawarnaq**(sebuah tempat di Kufah. Di sini, terdapat sebuah istana al-Nu'man yang dibina oleh seorang lelaki berbangsa Rom yang bernama Sinnimar. Terdapat bidalan Arab masyhur yang berbunyi "Jaza'u Sinnimar" yang mengaitkan kisah Sinnimar yang dibunuh setelah berjaya membina istana dengan penuh keikhlasan tetapi dibalas dengan kekejaman serta kezaliman)*, tempat kediaman al-Nu'man ibn al-Munzir**(baginda ialah al-Nu'man III ibn al-Munzir IV ibn Imri' al-Qais Abu Qabus, salah seorang raja Hirah yang masyhur pada zaman Jahiliyyah. Al-Nabighah al-Zubyani, Hasan ibn Thabit dan Hatim al-Ta'ie ialah penyair-penyair yang pernah memuji baginda)* dan semua nenendanya yang merupakan raja-raja bagi Bani Ma' al-Sama'.

Masih terdapat penduduk di sini dan juga kesan peninggalan kubah yang besar di sebuah kawasan yang lapang selain di tebing sebatang cabang Sungai Furat. Dari sini, kami meneruskan pengembaraan dan berhenti di sebuah tempat yang bernama Qa'im al-Wathiq. Di sini pula terdapat kesan sebuah kampung yang telah mengalami keruntuhan serta sebuah masjid yang telah punah dan yang tinggal hanyalah menaranya sahaja. Kami

bertolak dari sini dengan mengambil jalan sepanjang tebing Sungai Furat iaitu sebuah tempat yang bernama 'Izar, sebuah hutan yang tumbuh di dalam air. Ia didiami oleh orang Arab yang dikenali umum sebagai Ma'adi**(orang Arab yang tinggal di kawasan paya di selatan Iraq itu masih dikenali oleh orang ramai sebagai Ma'adi).* Mereka merupakan kumpulan perompak bermazhab Rafidah dan menyerang sekumpulan faqir yang terlambat menyertai kami. Mereka telah menyamun semua barang kumpulan faqir tersebut termasuk kasut dan mangkuk. Penyamun-penyamun ini berlindung di bukit tersebut dan menyediakan pertahanan daripada serangan musuh-musuh mereka. Di hutan tersebut terdapat banyak binatang buas. Setelah kami mengembara melalui 'Izar ini sepanjang tiga marhalah, kami akhirnya tiba di kota Wasit.

Kota Wasit

Ia merupakan sebuah kota yang indah dan mempunyai banyak kebun serta tumbuh-tumbuhan. Kota ini terkemuka dengan guru-guru yang sentiasa berdakwah ke jalan Allah dan makam-makam yang mengilhamkan pengajaran serta iktibar. Penduduk kota ini ialah salah satu kaum yang terbaik di Iraq. Malah secara keseluruhannya, merekalah orang yang terbaik. Kebanyakan mereka menghafaz Al-Quran Al-Karim serta sangat mahir membacanya dengan berlagu dan dengan bacaan yang tepat. Semua penduduk Iraq yang ingin mempelajari seni bacaan Al-Quran ini datang mempelajarinya daripada mereka. Dalam kafilah Iraq yang disertai oleh kami ke sini, ada beberapa orang penuntut yang datang dengan tujuan untuk mempelajari cara membaca Al-Quran daripada syeikh-syeikh di kota ini. Kota ini mempunyai sebuah madrasah yang besar serta hebat. Di madrasah ini terdapat hampir 300 buah bilik kecil yang didiami oleh perantau yang datang untuk mempelajari Al-Quran. Madrasah ini telah dibina oleh Syeikh Taqiyyuddin ibn 'Abdil Muhsin al-Wasiti, yang merupakan salah seorang pembesar dan faqih kota ini. Beliau memberikan satu persalinan pakaian setiap tahun kepada setiap penuntut di madrasah ini dan membekalkan perbelanjaan untuk mereka pada setiap hari. Manakala Syeikh Taqiyyuddin sendiri, adik-beradik serta sahabat-sahabatnya tinggal di madrasah untuk mengajar Al-Quran. Aku telah bertemu dengannya dan beliau menerimaku serta membekalkan buah tamar selain beberapa dirham untukku.

Sewaktu kami berhenti di kota Wasit, kafilah tinggal di luar kota selama tiga malam untuk berniaga. Ini memberikan peluang kepadaku untuk menziarahi makam seorang wali Allah, Abu al-'Abbas Ahmad al-Rifa'ie**(Syeikh Ahmad ibn 'Ali al-Rifa'ie, meninggal dunia 1183M dan beliau ialah pengasas Tarekat Rifa'ieyyah yang tersebar dengan meluas).* Ia terletak di sebuah kampung yang bernama Ummu 'Ubaidah yang memerlukan perjalanan selama sehari dari Wasit. Aku meminta supaya Syeikh Taqiyyuddin mengutus seseorang yang boleh menunjukkan jalan ke Kampung Ummu 'Ubaidah untukku. Beliau lalu mengutus tiga orang Arab daripada Bani Asad kepadaku yang merupakan penduduk daerah tersebut. Beliau juga telah memberikan peluang kepadaku untuk menunggang seekor kuda miliknya. Aku telah keluar pada waktu zuhur, setelah bermalam pada malam tersebut di ruwaq iaitu sebuah ribat yang besar yang dihuni oleh beribu-ribu orang faqir. Kami bertembung dengan Syeikh AHmad Kujak, cucu wali Allah, Abu al-'Abbas al-Rifa'ie yang ingin kami ziarahi dan turut tiba serentak dengan kami. Syeikh Ahmad yang

datang dari sebuah tempat di negeri Rom ini bertujuan untuk menziarahi makam datuknya itu. Pimpinan ruwaq tersebut akhirnya diserahkan kepada beliau.

Selepas menunaikan Solat Asar, gendang serta kompang dipalu dan golongan faqir pun mulai menari (tarian sufi). Kemudian mereka menunaikan Solat Maghrib dan membawa masuk hidangan ringan. Hidangan ini mengandungi roti yang dibuat daripada beras, ikan, susu dan tamar. Setelah kami semua selesai makan dan menunaikan Solat Isyak, mereka pun mulai berzikir. Sementara Syeikh Ahmad pula duduk di atas sejadah datuknya yang diceritakan itu dan mereka bersama-sama mula berzikir dengan berirama. Mereka melonggokkan kayu dan menyalakan api. Seterusnya mereka masuk ke dalam api tersebut dengan menari-nari. Ada antara mereka yang berguling-guling ke dalam api dan ada pula yang lain yang memakan api, hingga akhirnya mereka berjaya memadamkan api itu. Amalan tersebut merupakan kebiasaan mereka dan kumpulan Ahmadiyyah sememangnya dianugerahi keistimewaan ini. Dikalangan mereka ada yang menangkap seekor ular yang besar dan menggigit kepala ular itu dengan giginya hingga putus.

Sebuah Kisah: Tarian di dalam Api

Pada suatu ketika, aku melewati sebuah tempat yang bernama Afqanbur di daerah Hazar Amruha. Jarak di antara Afqanbur dengan kota Delhi, ibu kota India adalah sejauh perjalanan selama lima malam. Kami berhenti di sini iaitu di Sungai Sarwu. Peristiwa ini berlaku dalam musim syakal. Syakal dalam bahasa tempatan bermaksud "hujan yang turun semasa musim panas". Air yang mengalir ke dalam sungai ini datangnya dari Bukit Farajil. Oleh itu, sesiapa yang meminumnya; samada manusia ataupun binatang, akan mati kerana hujan yang turun, menimpa rumput yang beracun. Kami tinggal di tebing sungai ini selama empat hari dan tiada sesiapa pun yang berani menghampirinya. Sekumpulan fuqara' yang memakai rantai besi di leher dan di tangan telah menemuiku. Ketua mereka ialah seorang yang berkulit hitam gelap.

Mereka ini daripada satu golongan yang bernama Haidariyyah**(sebuah kumpulan sufi yang diasaskan oleh Qutbuddin Haidar dari Zawa)*. Mereka tinggal semalam bersama-sama dengan kami. Ketua mereka meminta aku memberikan kayu api supaya mereka boleh menyalakannya sewaktu upacara tarian mereka diadakan. Aku telah menugasi gabenor daerah tersebut iaitu seorang 'Aziz**(gelaran kehormat bagi lelaki asing yang datang ke India)* yang bergelar sebagai al-Khammar supaya menyediakan kayu api tersebut. Beliau menghantar sepuluh unggun kayu dan selepas menunaikan Solat Isyak, golongan Haidariyyah pun menghidupkan api daripada kayu api tersebut. Apabila kayu api telah menjadi bara, mereka pun mulai menari sambil berzikir dengan berirama. Kemudian mereka masuk ke dalam api itu dan terus menari serta berguling-guling di dalamnya. Ketua mereka meminta sehelai baju daripadaku lalu aku pun memberikan sehelai baju yang paling elok dan lembut kepadanya. Beliau pun memakai baju yang kuberikan itu dan mula berguling-guling di dalam api sambil memukul api dengan lengan baju hinggalah api tersebut padam. Kemudian beliau membawa baju itu kepadaku dengan tidak terdapat sedikit pun kesan kebakaran. Kejadian ini benar-benar membuat aku terkasima sedemikian lama.

Setelah menziarahi makam Syeikh Abu al-'Abbas al-Rifa'ie**(beliau ialah Ahmad ibn 'Ali ibn Yahya al-Rifa'ie al-Husaini ABu al-'Abbas. Beliau ialah seorang imam yang zuhud dan merupakan pengasas Tarekat Rifa'ieyyah di samping mempunyai banyak murid daripada golongan faqir)*, aku pulang ke kota Wasit dan kudapati rombongan yang kusertai telah pun bertolak. Walau bagaimanapun, aku berjaya menemuinya dalam perjalanan. Kami berhenti di sebuah mata air yang bernama Hudaib dan kemudian meneruskan perjalanan lalu berhenti pula di Lembah Kira', yang tidak mempunyai air. Selepas itu kami mengembara lagi dan berhenti di sebuah tempat yang bernama Musyairib. Dari sini, kami meneruskan perjalanan lalu berhenti di sebuah tempat yang terletak berhampiran dengan Basrah. Seterusnya kami mengembara lagi hinggalah pada waktu tengaharinya, kami tiba di kota Basrah.

Kota Basrah

Kami menumpang di kota Basrah ini di ribat Malik ibn Dinar. Semasa aku menghampiri kota ini, aku dapat melihat sebuah bangunan yang tinggi, persis sebuah kota perkubuan dalam jarak dua batu darinya. Aku lantas menanyakan perihal bangunan tersebut dan diberitahu bahawa ia merupakan Masjid 'Ali ibn Abi Talib r.a. Basrah pada suatu masa dahulu merupakan sebuah kawasan penempatan yang amat luas dan besar. Bayangkanlah bagaimana masjid ini berada dalam jarak dua batu dari Basrah. Begitu juga di antara masjid tersebut dengan tembok yang mengelilingi Basrah yang berada dalam jarak dua batu. Dengan kedudukan ini, masjid tersebut berada di tengah-tengah iaitu di antara tembok lama dengan kota yang wujud kini.

Kota Basrah merupakan salah sebuah kota metropolitan Iraq yang terkenal di seluruh pelusok dunia. Ia mempunyai banyak kebun dan buah-buahan yang pelbagai. Basrah diselubungi kehijauan dan kesuburan kerana ia merupakan tempat pertemuan dua buah lautan; masin dan manis. Tiada tempat lain di dunia ini yang mempunyai lebih banyak pohon tamar daripadanya. Buah tamar ini dijual dengan harga 14 ratl Iraq dengan nilai satu dirham. Satu dirham Iraq bersamaan dengan satu pertiga nuqrah. Kadi Basrah, Hujjatuddin telah menghantar satu qausarah buah tamar kepadaku yang hampir-hampir tidak terpikul oleh seseorang. Aku telah menghantar buah tamar itu untuk dijual dan ia berjaya dijual dengan harga sembilan dirham. Pemikul tamar mengambil tiga dirham sebagai upah membawanya dari rumah ke pasar. Selain itu, sejenis madu yang bernama sailan dan dibuat daripada tamar juga terdapat di sini. Rasanya manis seperti air mawar.

Basrah mempunyai tiga buah kawasan. Pertama ialah kawasan Huzail dan ketuanya ialah Syeikh 'Ala'uddin ibn al-Athir, seorang yang dermawan lagi mulia. Beliau telah melayanku sebagai tetamunya dan menghantar beberapa helai baju serta dirham kepadaku. Kedua ialah kawasan Bani Haram. Ketuanya ialah al-Sayyid- al-Syarif Majduddin Musa al-Hasani yang memiliki sifat mulia dan dermawan. Beliau juga telah melayanku sebagai tetamunya dan menghantar buah tamar, sailan disamping beberapa dirham kepadaku. Ketiga ialah kawasan orang Parsi dan ketuanya ialah Jamaluddin ibn al-Luki.

Penduduk Basrah memiliki sifat dermawan dan sentiasa menunjukkan kemesraan kepada perantau selain menunaikan tanggungjawab terhadap mereka. Oleh itu, seseorang perantau tidak akan berasa terasing apabila berada di kalangan mereka. Mereka menunaikan Solat Jumaat di Masjid Amir al-Mu'minin 'Ali r.a. yang telah kuceritakan itu. Kemudian masjid ini akan ditutup kerana mereka tidak datang lagi kecuali pada hari Jumaat.

Masjid ini merupakan salah sebuah masjid yang sangat indah. Perkarangannya sangat luas dan dihampari oleh batu kerikil kecil yang berkilat. Ia berwarna merah dan dibawa dari Lembah Siba'. Mushaf Al-Quran Al-Karim yang sedang di baca oleh Sayyidina 'Uthman r.a. ketika dibunuh, disimpan di masjid ini. Kesan darah masih terdapat pada daun yang tertulis firman Allah SWT, "*...kerana Allah akan memelihara kamu (dan umat kamu) daripada kejahatan mereka; dan Dialah jua Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."*

Sebuah Kisah Pengajaran

Pada suatu hari, aku menunaikan Solat Jumaat di masjid ini dan aku mendapati khatib yang menyampaikan khutbah tersebut membuat banyak kesilapan dari segi tatabahasa. Aku berasa amat hairan dan terus menceritakan perkara ini kepada Kadi Hujjatuddin. Beliau berkata kepadaku, "Di kota ini, tiada seorang pun lagi yang tinggal yang mengetahui sesuatu tentang ilmu tatabahasa." Ini merupakan pengajaran bagi orang yang berfikir. Maha Suci Allah yang merubah segala sesuatu dan mengubah segala keadaan. Kota Basrah inilah yang penduduknya mencapai kemuncak penguasaan ilmu nahu dan di sinilah asal-usul serta cabang-cabang ilmu nahu diasaskan. Manakala kewibawaan imam ilmu nahunya tidak dapat dipertikaikan lagi. Malangnya imam atau khatib ini, tidak dapat menyampaikan khutbah Jumaatnya mengikut peraturan ilmu nahu.

Masjid ini mempunyai tujuh buah menara. Salah satu daripadanya ialah menara yang akan bergoyang seperti yang dipercayai oleh penduduk, apabila nama 'Ali ibn Abi Talib r.a. disebut. Aku telah menaiki menara tersebut melalui bumbung masjid dengan ditemani oleh beberapa orang penduduk Basrah. Aku mendapati kayu pemegang di salah satu bucunya yang telah dipakukan pada menara tersebut, seakan-akan penyangkut kulir (alat untuk menyenduk simen). Lelaki yang ada bersama-sama denganku meletakkan tangannya pada kayu pemegang dan berkata, "Dengan hak kepala Amir al-Mu'minin 'Ali r.a., bergoyanglah kamu," dan ia pun menggoyangkan kayu pemegang itu. Menara tersebut benar-benar turut bergoyang. Apabila tiba giliranku, aku meletakkan tanganku pada kayu pemegang dan berkata, "Dengan hak kepala Abu Bakr, khalifah Rasulullah SAW, bergoyanglah kamu!" Aku pun menggoyangkan kayu pemegang lalu menara itu pun bergoyang. Apabila menyaksikan keadaan tersebut, mereka pun menjadi hairan.

Penduduk Basrah berpegang pada Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan sesiapa yang melakukan apa yang telah kulakukan, tidak perlu takut kepada mereka. Akan tetapi jika hal ini berlaku di Masyhad 'Ali (Najaf) atau Masyhad al-Husain (Karbala) atau di

Hillah, Bahrain, Qumm, Qasyan, Sawah, Awah ataupun Tus, orang yang melakukannya pasti akan binasa kerana penduduk di semua negeri tersebut merupakan pengikut fanatik Rafidah (Syi'ah).

(Ibn Juzayy mencatat: *"Aku melihat di kota Barsyanah iaitu di Lembah mansurah di bumi Andalus, sebuah menara yang bergoyang tanpa disebut sebarang nama, sama ada daripada kalangan khalifah atau selain mereka. Pernah sekali aku menaiki sebuah menara masjid utama yang binaannya tidaklah begitu usang, masih indah dipandang, berdiri tegak serta tinggi, tidak condong dan tidak pula senget. Beberapa orang lain turut menaikinya bersama-sama denganku. Sebahagian daripada mereka yang ada bersama-sama denganku memegang bahagian puncak menara lalu menggoyangkannya supaya seluruh menara bergoyang hinggalah aku memberi isyarat kepada mereka supaya berhenti berbuat demikian dan mereka menurut arahanku.")*

Makam yang Berkat di Basrah

Antara makam yang berkat di negeri ini ialah makam Talhah ibn 'Ubaidillah r.a., salah seorang daripada sepuluh orang yang dijanjikan syurga. Ia terletak di dalam kawasan kota dan di atasnya terdapat sebuah kubah. Manakala berhampiran dengannya pula terletak sebuah masjid dan sebuah zawiyah. Di zawiyah ini, setiap pengunjung yang datang dan pergi akan diberikan makanan. Penduduk Basrah amat mengagungkan makam ini.

Selain itu, di sini juga terletak makam al-Zubair ibn al-'Awwam, pengikut setia Rasulullah SAW dan sepupunya iaitu anak bonda saudara Baginda r.a. Ia terletak di luar Basrah dan tiada kubah di atasnya. Di makam ini terdapat sebuah masjid serta sebuah zawiyah dan seperti di zawiyah yang lain, makanan turut disediakan untuk pengunjung yang datang lalu pergi. Makam Halimah al-Sa'diyyah r.a. iaitu bonda susuan Rasulullah SAW juga terletak di negeri ini. Makam anak lelaki beliau iaitu saudara sesusu Rasulullah SAW terletak bersebelahan dengannya. Seterusnya ialah makam Abu Bakrah, seorang sahabat Rasulullah SAW dan di atasnya terdapat sebuah kubah (batu nisan berbentuk kubah). Makam Anas ibn Malik, khadam Rasulullah SAW pula terletak kira-kira enam batu dari Basrah iaitu berhampiran dengan Lembah Siba'. Walau bagaimanapun, disebabkan terdapat banyak binatang buas dan tiada penduduk yang tinggal di sini, seseorang hanya boleh menziarahi makam ini dalam kumpulan yang besar.

Selain semua makam yang telah disebut ini ialah makam Hasan ibn Abi al-Hasan al-Basri r.a., penghulu segala tabi'in, Muhammad ibn Sirrin r.a., Muhammad ibn Wasi' r.a., 'Utbah al-Ghulam r.a., Malik ibn Dinar r.a., Habib al-'Ajami r.a., dan Sahl ibn 'Abdillah al-Tustari r.a. Di atas setiap makam tersebut yang terletak di kawasan bertembok yang lama, terdapat sebuah batu nisan yang ditulis nama orang yang dimakamkan dengan tarikh ia meninggal dunia. Kini, jarak di antara kawasan makam ini dengan kota adalah tiga batu. Di samping itu, di sini juga terdapat banyak makam sahabat dan tabi'in yang syahid pada hari Perang Jamal (Perang Unta). Semasa aku tiba di Basrah, amirnya ialah Ruknuddin al-'Ajami al-Taurizi. Beliau memberikan layanan yang baik kepadaku sebagai tetamu dan memberikan hadiah kepadaku.

Basrah terletak di atas tebing Sungai Furat dan Dajlah. Airnya pasang dan surut sebagaimana di Lembah Sala serta tempat-tempat yang lain di Maghribi. Terusan air masin yang berasal dari Laut Parsi, terletak dalam jarak sepuluh batu dari Basrah ini dan apabila air pasang, air masin akan mengatasi air manis. Sebaliknya, apabila air surut, air manis akan mengatasi air masin. Penduduk Basrah akan mengambil air ini untuk kegunaan di rumah mereka dan kerana inilah dikatakan bahawa rasa air yang digunakan oleh mereka adalah agak masin atau payau.

(Ibn Juzayy mencatat: "Berpunca daripada sebab yang sama juga udara Basrah tidak menyihatkan dan kulit penduduknya berwarna kuning serta pucat sehingga suatu tahap, mereka telah dijadikan ungkapan. Seorang penyair telah bersyair apabila sebiji limau (berwarna kuning pucat) dibawa kepada al-Sahib (mungkin yang dimaksudkan di sini ialah al-Sahib ibn 'Ubad, seorang wazir dan sasterawan):

Limau itu citra orang yang mudah menangis.
Lantaran itu Allah memakaikan cinta dan penduduk Basrah baju nan pucat.")

Dari pantai Basrah, aku menaiki sebuah sampan kecil ke Ubullah. Jarak di antara Ubullah dengan Basrah ialah sepuluh batu iaitu melalui kebun buah-buahan yang bersambung-sambung serta pepohon tamar yang membayangi kiri dan kanan jalan. Penjual-penjual duduk di bawah teduhan pepohon menjual roti, ikan, tamar, susu dan buah-buahan. Tempat beribadah Sahl ibn 'Abdullah al-Tustari terletak di antara Basrah dengan Ubullah. Apabila sampan orang ramai lalu bersetentang dengannya, kamu akan dapat melihat mereka meminum air di kawasan itu dan berdoa untuk mengambil berkat daripada wali ini. Di negeri ini, orang ramai mendayung sampan sambil berdiri.

Pada suatu masa dahulu, Ubullah merupakan sebuah kota besar yang sering dikunjungi oleh pedagang-pedagang India dan Parsi. Walau bagaimanapun, ia telah runtuh dan kini, ia hanya merupakan sebuah kampung yang terdapat bekas binaan istana selain sisa runtuhan lainnya yang menunjukkan kegemilangan zaman silam kota ini. Di sini, kami menaiki sebuah sampan yang kecil, milik seorang lelaki penduduk Ubullah yang bernama Mughamis dan merentas terusan yang datangnya dari Parsi. Kami bertolak selepas waktu maghrib dan pada awal paginya, kami tiba di 'Abbadan iaitu sebuah kampung besar yang terletak di kawasan paya masin. Di sini, tidak terdapat penduduk tetapi terdapat banyak masjid, surau dan ribat salihin. Jarak di antara 'Abbadan ini dengan pantai ialah tiga batu.

*(*Ibn Juzayy mencatat:"Suatu masa dahulu, 'Abbadan merupakan sebuah kota tetapi ia tidak subur dan tidak terdapat tanaman. Oleh itu, segala-galanya perlu diimport. Air yang ada juga sedikit. Seorang penyair telah bersyair:*

Aduhai gerangan siapakah yang menyampaikan kepada sahabatku di Andalus
Bahawa aku telah menjejak 'Abbadan
Sebuah persisiran yang paling terasing di dunia
Inilah bumi tertandus yang pernah terlihat dek mataku
Namun aku pergi hanya untuk menggarap kemasyhurannya

Nun disana sekeping roti dijadikan hadiah
dan setegak minuman terpaksa dibeli.")

Di persisiran 'Abbadan, terdapat sebuah rabitah (tempat ber'uzlah) yang dikenali umum dengan nama Khidir dan Ilyas a.s. Bersetentang dengannya pula terdapat sebuah zawiyah yang didiami oleh empat orang fuqara' bersama-sama dengan anak-anak mereka. Mereka berkhidmat untuk rabitah dan zawiyah tersebut serta bergantung hidup pada derma orang ramai.

Setiap orang yang melewati rabitah dan zawiyah itu akan menghulurkan sedekah kepada mereka. Mereka tinggal di zawiyah ini dan menceritakan kepadaku bahawa di 'Abbadan, ada seorang 'abid yang tinggi martabatnya tetapi tidak mempunyai teman. Beliau datang ke laut ini sekali dalam sebulan dan akan menangkap ikan yang secukupnya untuk dimakan selama sebulan. Kemudian beliau tidak kelihatan lagi kecuali setelah genap sebulan. Demikianlah keadaannya sejak bertahun-tahun dahulu. Apabila tiba di 'Abbadan, aku tidak mempunyai hasrat yang lain selain untuk mencarinya. Ketika sahabat-sahabatku sibuk menunaikan solat di masjid dan surau, aku pergi mencarinya. Aku sampai di sebuah masjid yang usang dan kudapati beliau sedang menunaikan solat di dalamnya. Apabila aku duduk di sebelahnya, beliau pun meringkaskan solatnya. Selepas mengucapkan salam, beliau memegang tanganku dan berkata kepadaku, "Semoga Allah menyampaikan kehendakmu di dunia dan di akhirat." "Alhamdulillah, sesungguhnya aku telah mencapai kehendakku didunia iaitu mengembara di atas muka bumi ini. Aku telah mengecap nikmat tersebut yang tidak dikecap oleh orang lain sepanjang pengetahuanku. Apa yang tinggal hanyalah akhirat dan harapanku kukuh pada rahmat serta belas kasih Tuhan agar memenuhi hasratku untuk memasuki syurga," balasku pula.

Apabila aku kembali kepada sahabat-sahabatku, aku menceritakan perihal lelaki tersebut kepada mereka dan kutunjukkan kepada mereka tempatnya. Mereka pun pergi ke situ tetapi mereka tidak menemuinya dan tidak pula mendapat sebarang maklumat tentang beliau. Mereka berasa sangat hairan dengan keadaan lelaki itu. Pada waktu petang, kami pulang ke zawiyah dan bermalam di situ. Salah seorang daripada empat orang faqir telah datang menemui kami selepas Solat Isyak. Faqir tersebut lazimnya akan datang ke 'Abbadan pada setiap malam untuk menyalakan lampu masjid dan kemudian pulang ke zawiyahnya.

Apabila tiba di 'Abbadan, ia berjumpa dengan lelaki 'abid itu yang memberikan seekor ikan yang baharu dan berkata kepadanya, "Sampaikan ikan ini kepada tetamu yang datang pada hari ini." Faqir tersebut pun bertanya kepada kamu ketika ia masuk menemui kami, "Siapakah antara kamu yang menemui syeikh pada hari ini?" Aku pun berkata kepadanya, "Aku bertemu dengannya." Faqir itu berkata, "Beliau mengatakan kepadamu, "Ini ialah hadiahmu sebagai tetamu." Aku bersyukur kepada Allah dan faqir tersebut telah memasak ikan itu untuk kami. Kami pun beramai-ramai menjamahnya. Tidak pernah kumakan ikan semanis itu. Buat sejenak, aku melayan perasaan dan timbul keinginan untuk menghabiskan sisa umurku berkhidmat kepada syeikh ini. Walau bagaimanapun, lonjakan azam yang begitu kuat untuk terus mengembara akhirnya melenyapkan hasratku itu.

Kami meneruskan pelayaran pada waktu subuh menuju ke kota Majul. Sudah menjadi kebiasaanku dalam pengembaraan untuk tidak melalui lagi jalan yang telah kulalui seberapa boleh yang mungkin. Aku amat ingin untuk pergi ke Baghdad di Iraq. Seorang lelaki penduduk Basrah telah menasihatiku supaya mengembara ke negeri Lur dan dari situ ke negeri 'Iraq al-'Ajam lalu kemudian ke 'Iraq al-'Arab. Aku telah mengikut nasihatnya itu. Empat hari kemudian, kami tiba di kota kecil Majul yang terletak di persisiran sebuah teluk. Sebagaimana yang telah diceritakan, ia berasal dari Laut Parsi. Kota Majul merupakan sebuah kawasan danau masin dan tiada pokok atau tumbuh-tumbuhan yang tumbuh di situ. Ia mempunyai sebuah pasar besar yang juga merupakan salah sebuah pasar yang paling besar. Aku tinggal di Majul selama sehari dan selepas itu, aku menyewa seekor binatang kenderaan daripada pedagang yang membawa bijirin dari Ramiz ke Majul.

Kami mengembara selema tiga malam dengan merentas padang pasir yang didiami oleh orang Kurdis. Orang Kurdis ini tinggal di dalam khemah-khemah bulu dan dikatakan bahawa mereka berasal daripada keturunan Arab. Kemudian kami sampai di Ramiz iaitu sebuah kota yang cantik dan kaya dengan buah-buahan serta sungai. Di sini, kami menemui Kadi Husamuddin Mahmud. Aku juga bertemu dengan seorang lelaki bersama-sama dengan beliau yang merupakan ilmuwan serta tokoh agama yang warak dan berasal dari India. Beliau bergelar sebagai Baha'uddin. Namanya ialah Isma'il dan beliau ialah salah seorang anak Syeikh Baha'uddin Abu Zakaria al-Multani. Isma'il telah berguru dengan syeikh-syeikh Tauriz dan di tempat-tempat yang lain.

Aku hanya tinggal semalam di kota Ramiz. Kemudian kami meneruskan pengembaraan selama tiga malam dengan merentas sebuah kawasan lapang yang terdapat kampung dan ia didiami oleh orang Kurdis. Di setiap marhalah pengembaraan ini, terdapat sebuah zawiyah dan setiap pengembara dibekalkan roti, daging serta manisa. Manisan ini diperbuat daripada sirap anggur yang dicampurkan dengan tepung dan minyak sapi. Di setiap zawiyah ini juga ada seorang syeikh, imam, mu'azzin-mu'azzin, seorang khadam untuk fuqaha' dan hamba yang ditugasi untuk memasak makanan.

Aku sampai di kota Tustar**(ia dikenali umum sebagai Syasytar)* yang terletak di hujung kawasan lapang dalam jajahan Atabek(Atabak) dan merupakan kawasan permulaan gunung-ganang. Ia merupakan sebuah kota yang besar, indah dan subur dengan kebun-kebun yang cantik serta taman-taman yang indah. Manakala pasar-pasarnya pula dipenuhi oleh berbagai-bagai bekalan. Kota lama ini sebenarnya dibuka oleh Khalid ibn al-Walid. Nama kota inilah yang menjadi sandaran bagi Sahl ibn 'Abdillah (al-Tustari). Kota Tustar ini dikelilingi oleh sebatang sungai yang bernama Azraq**(ia kini bernama Nahr al-Qarun)*. Air sungai ini amat bening, bersih dan sangat sejuk pada musim panas. AKu belum pernah melaihat air sungai sebirunya kecuali Sungai Balakhsyan.

Kota ini mempunyai sebuah pintu masuk bagi musafir dan ia bernama darwazah disbul. Menurut penduduk, darwazah bermaksud "pintu". Walau bagaimanapun, ia mempunyai beberapa buah pintu lain yang menuju ke sungai. Di kedua-dua tebing sungai, ada beberapa buah kebun dan kincir-kincir air. Sungainya amat dalam dan terdapat sebuah

jambatan merentanginya iaitu menuju ke pintu masuk. Jambatan ini samalah seperti jambatan di Baghdad dan Hillah. Manakala di bawah jambatan ini pula terdapat sampan.

*(*Ibn Juzayy mencatat:"Seorang penyair telah bermadah tentang sungai ini:*

Lihatlah olehmu empangan Tustar
Air yang dikumpulkannya untuk saliran seluruh negerinya
Bak seorang pahlawan kaum dikumpulkan perbendaharaannya
lalu diagihkan kepada tentera-tenteranya.")

Buah-buahan di Tustar sungguh banyak. Barang-barang dagangannya melimpah ruah dan senang di peroleh. Manakala keindahan pasar-pasar(bazar)nya tiada tolok bandingnya. Di luarnya pula terdapat sebuah makam yang amat dimuliakan dan dikunjungi oleh penduduk di seluruh pelosok negeri tersebut untuk tujuan berziarah selain menunaikan nazar. Tustar juga mempunyai sebuah zawiyah yang didiami oleh sekumpulan faqir. Mereka menganggap zawiyah ini sebegai makam Zainul 'Abidin 'Ali ibn al-Husain ibn 'Ali ibn Abi Talib.

Di kota Tustar, aku tinggal di madrasah seorang syeikh dan imam yang salih serta memiliki pelbagai kebolehan iaitu Syeikh Syarafuddin Musa ibn Sadruddin Sulaiman. Bapanya, Sadruddin ialah seorang syeikh yang salih dan imam yang 'alim. Syeikh Sadruddin berketurunan Sahl ibn 'Abdillah. Beliau memiliki kemuliaan dan kelebihan sama ada dalam bidang keilmuan mahupun keagamaan, kebajikan ataupun juga dalam soal mengutamakan kepentingan orang lain berbanding dengan kepentingan dirinya sendiri. Syeikh Syarafuddin juga memiliki sebuah madrasah dan sebuah zawiyah.Khadam-khadamnya terdiri daripada budak suruhan seramai empat orang iaitu Sunbul, Kafur, Jauhar dan Surur. Salah seorang daripada mereka mengurus harta wakaf zawiyah, yang kedua menyatakan perbelanjaan yang diperlukan setiap hari dan yang ketiga ialah khadam bahagian makanan untuk pelawat di samping mengurus pengagihan makanan untuk mereka. Manakala yang keempat ditugasi untuk mengawasi tukang masak, pembekal air dan pembentang permaidani. Aku tinggal bersama-sama dengannya selama enam belas hari dan aku benar-benar mengagumi sistem pentadbiran serta pengurusannya di samping kemewahan makanan yang disediakannya. Seseorang akan dihidangkan makanan yang cukup untuk empat orang yang terdiri daripada nasi berempah yang dimasak dengan lada dan minyak sapi, ayam goreng, roti, daging serta manisan.

Syeikh Syarafuddin ini ialah seorang yang sangat kacak dan berbudi pekerti mulia. Beliau sering menyampaikan kuliah kepada orang ramai selepas Solat Jumaat di masjid jamik. Setelah aku menghadiri majlis kuliah dan majlis penyampaian nasihatnya, kecil rasanya bagiku kebolehan setiap penyampai nasihat yang pernah kutemui sebelum beliau di Hijaz, Syam dan Mesir. Aku juga tidak pernah menemui seseorang sepertinya. Pada suatu hari, aku berada bersama-sama dengannya di sebuah kebun miliknya di tebing sungai. Sekalian fuqaha' di kota telah berkumpul dan pembesar-pembesar serta fuqaha'

dari seluruh ceruk rantau juga telah tiba. Beliau pun menjamukan makanan kepada semua yang hadir dan menunaikan Solat Zuhur bersama-sama dengan mereka. Selepas qari-qari megalun bacaan Al-Quran di hadapannya dengan nada yang meruntun jiwa dan membuat air mata menitis, beliau pun bangun untuk menyampaikan khutbah serta nasihat.

Syeikh Syarafuddin menyampaikan sebuah khutbah dengan penuh ketenangan dan kehebatan iaitu dengan mengupas pelbagai bidang ilmu. Beliau juga mentafsirkan Al-Quran, membaca hadith Rasulullah SAW dan menghuraikan maksudnya. Apabila selesai, cebisan-cebisan kertas akan dicampakkan kepadanya dari setiap penjuru. Ini merupakan adat orang Parsi yang menulis soalan di atas cebisan-cebisan kerta dan mencampakkannya kepada penyampai nasihat yang kemudian akan menjawab semua soalan tersebut. Apabila cebisan-cebisan kertas ini dicampakkan kepadanya, beliau akan mengutipnya dan mula menjawabnya satu persatu dengan jawapan yang tepat serta menarik. Kemudian tibalah waktu Asar dan Syeikh Syarafuddin pun mengimami solat. Selepas itu orang ramai pun bersurai. Sesungguhnya majlis Syeikh Syarafuddin ini ialah sebuah majlis ilmu dan nasihat yang penuh berkat. Orang yang bertaubat akan datang, seorang demi seorang dan beliau akan mengambil sumpah daripada mereka serta memotong jambul mereka. Mereka terdiri daripada 15 orang penuntut yang datang dari basrah, khusus untuk tujuan tersebut dan sepuluh orang lelaki daripada kalangan orang awam Tustar.

Kisah Syeikh yang Dermawan

Aku demam ketika memasuki kota ini. Pelawat-pelawat yang mengunjungi kota ini pada musim panas biasanya akan demam iaitu sebagaimana yang berlaku di Damsyik dan di tempat-tempat lain yang kaya dengan air serta buah-buahan. Sahabat-sahabatku juga telah demam dan salah seorang daripada mereka iaitu Syeikh Yahya al-Khurasani, telah meninggal dunia. Syeikh Syarafuddin Musa ibn Sadruddin Sulaiman yang baru sahaja kuceritakan telah mengeluarkan segala perbelanjaan untuk mengurus jenazah. Beliau juga telah menyembahyangkan jenazah sahabatku itu. Aku meninggalkan seorang sahabatku bernama Baha'uddin al-Khasyani di Tustar dan beliau telah meninggal dunia setelah aku bertolak. Sewaktu aku sakit, aku tidak mempunyai selera untuk memakan masakan yang disediakan untukku di madrasah. Faqih Syamsuddin al-Sindi, salah seorang penuntut madrasah menceritakan sejenis makanan kepadaku yang menyebabkan aku berselera memakannya.

Aku lantas membayar beberapa dirham kepadanya dan makanan tersebut dimasak untukku di pasar. Kemudian Faqih Syamsuddin membawa makanan itu kepadaku. Apabila berita ini sampai ke pengetahuan Syeikh Syarafuddin, beliau berasa tidak senang dan datang menemuiku lalu berkata, "Bagaimanakah kamu melakukan hal ini dan mendapatkan makanan yang dimasak di pasar? Mengapakah tidak kamu suruh khadam-khadam menyediakan makanan yang kamu ingini?". Kemudian beliau menghimpunkan sekalian mereka lalu berkata dengan tegas,"Semua perkara yang diminta daripada kamu termasuk segala makanan, gula dan lain-lain hendaklah kamu bawa kepadanya dan kamu masaklah untuknya sebagaimana yang dikehendaki." Syeikh Syarafuddin menegaskan supaya perintah tersebut benar-benar dipatuhi dan dilaksanakan oleh khadam-khadamnya.

Semoga Allah membalasnya dengan kebaikan.

Kemudian kami meneruskan perjalanan dari kota Tustar dengan mengembara selama tiga malam menerusi gunung-ganang yang tinggi. Di setiap peringkat, terdapat sebuah zawiyah seperti yang telah diceritakan sebelum ini dan kami tiba di kota Ijaz yang juga dinamai sebagai Mal al-Amir. Ia merupakan ibu kota Sultan Atabek. Apabila aku sampai di sana, aku bertemu dengan ketua syeikhnya, seorang yang 'alim lagi warak iaitu Nuruddin al-Kirmani. Beliau menjadi nazir bagi semua zawiyah dan penduduk di sini menamai zawiyah sebagai madrasah. Sultan amat memuliakan Syeikh Nuruddin al-Kirmani ini dan menziarahinya. Begitu juga pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar ibu kota turut sering menziarahinya. Beliau menerimaku dan memberikan layanan yang penuh mesra. Syeikh Nuruddin ini telah menempatkanku di sebuah zawiyah yang bernama Dinawari. Aku tinggal di situ untuk beberapa hari. Semasa aku tiba, cuaca di sini panas. Kami menunaikan Solat Maghrib serta Isyak lalu tidur di atas bumbung zawiyah dan pada keesokan paginya, kami turun ke zawiyah. Pada waktu itu, 12 orang faqir menyertaiku. Antara mereka ialah seorang imam, dua orang qari yang hebat dan seorang khadam; suatu susunan yang amat baik.

Raja Izaj dan Tustar

Sewaktu aku memasuki kota ini, sultan yang memerintah Izaj ialah Sultan Atabek (Atabak) Afrasiyab ibn Sultan Atabek (Atabak) Ahmad. "Atabek"**(gelaran yang diberikan oleh sultan-sultan Saljuk kepada pendidik putera mereka. Beberapa orang Atabek mengasaskan kerajaan mereka sendiri)* di kalangan penduduk di sini ialah gelaran yang lazimnya diberikan kepada setiap raja yang memerintah negara ini. Negara ini bernama Lur. Sultan ini mengganti saudaranya (abang), Atabek (Atabak) Yusuf dan Yusuf mengganti Atabek (Atabak) Ahmad, ayahandanya. Ahmad ini ialah seorang raja yang salih. Aku telah mendengar daripada orang yang boleh dipercayai bahawa baginda telah membina sebanyak 460 buah zawiyah di negerinya. Antaranya ialah 40 buah zawiyah yang terletak di ibukota Izaj.

Baginda mengagihkan hasil pendapatan negerinya kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga untuk perbelanjaan zawiyah serta madrasah, satu pertiga untuk gaji tentera dan satu pertiga lagi untuk perbelanjaan baginda, ahli keluarga, hamba-hamba selain khadam-khadamnya. Daripada hasil ini juga baginda mengirim hadiah kepada sultan Iraq pada setiap tahun dan ada kalanya baginda sendiri menemui sultan Iraq secara peribadi.

Aku telah menyaksikan tanda-tanda kesalihannya di negeri baginda yang kebanyakannya merupakan bongkah gunung-ganang. Batu pejal dan batu-batan dipahat menjadi jalan di negeri ini. Ia juga telah diratakan dan diperluas sehingga binatang pengangkut boleh mendaki dengan memikul barang-barang. Panjang gunung-ganang ini sejauh perjalanan selama tujuh belas hari sementara lebarnya pula sejauh perjalanan selama sepuluh hari. Ia merupakan sebuah kawasan gunung-ganang yang tinggi serta bersambung-sambung antara satu sama lain dan beberapa batang sungai mengalir di celah-celahnya. Tumbuh-tumbuhannya terdiri daripada pokok berangan.

Penduduk membuat roti daripada tepung buah berangan ini. Di setiap perhentian di pergunungan, terdapat sebuah zawiyah yang dinamai oleh mereka sebagai madrasah. Apabila seorang musafir sampai di salah sebuah madrasah, ia akan diberikan bekalan yang mencukupi yang terdiri daripada makanan dan rumput kering untuk binatang tunggangan, sama ada ia memintanya atau tidak. Seorang khadam madrasah akan datang dan menghitung jumlah orang ramai yang telah singgah di situ lalu memberikan dua potong roti, daging selain manisan kepada setiap seorang. Semuanya ini merupakan harta wakaf sultan kepada madrasah. Sultan Atabek Ahmad, seperti yang telah diceritakan ialah seorang yang zuhud dan salih. Baginda memakai baju bulu yang menutup tubuhnya dibalik pakaian baginda.

Adat Penduduk Izaj sewaktu Meratapi Kematian Amir

Pernah pada suatu kali, Sultan Atabek datang menziarahi sultan Iraq iaitu Sultan Abu Sa'id. Salah seorang pegawai utama Sultan Abu Sa'id memberitahu baginda, "Tuanku, Atabek Ahmad datang menghadap tuanku dengan memakai perisai." Pegawai utama ini menyangka bahawa baju bulu yang dipakai oleh Atabek dibalik pakaiannya ialah perisai. Beliau lantas mencadangkan agar baju bulu (perisai) yang dipakai di balik pakaian Atabek diuji ketahanannya dengan cara biasa untuk mengetahui hakikat sebenarnya. Pada suatu hari, apabila Atabek datang menemui sultan Iraq, Amir al-Juban iaitu ketua amir Iraq, amir Suwaitah, amir Diyarbakr serta Syeikh Hassan yang kini merupakan sultan Iraq, datang dan memegang bajunya seolah-olah mereka sedang bergurau dengannya.

Kemudian mereka mendapati bahawa dibalik bajunya ialah baju bulu. Apabila Sultan Abu Sa'id melihatnya, baginda pun bangun mendapatkan Atabek dam memeluknya. Baginda mendudukkan Atabek di sebelahnya dan berkata kepada Atabek, "San ata," yang bermaksud, "Kamu ayahandaku," dalam bahasa Turki. Baginda membalas hadiah yang dibawa oleh Atabek dengan berlipat ganda selain menulis yarligh untuknya iaitu sekeping watikah yang menjelaskan bahawa baginda tidak meminta sebarang hadiah dari Atabek dan juga putera-puteranya selepas itu.

Pada tahun tersebut, Sultan Atabek mangkat dan putera baginda iaitu Atabek Yusuf memerintah selama sepuluh tahun. Kemudian saudaranya, Afrasiyab pula mengambil alih pemerintahan. Apabila aku memasuki kota Izaj, aku terasa ingin melihat Sultan Afrasiyab tersebut tetapi peluang tersebut tidaklah mudah bagiku kerana baginda hanya keluar pada hari Jumaat disebabkan ketagihan baginda terhadap arak. Baginda mempunyai seorang putera yang merupakan putera mahkotanya dan puteranya inilah satu-satunya putera yang baginda ada. Putera tersebut telah gering dan pada suatu malam, salah seorang khadamnya datang menemuiku. Dia menanyakan keadaanku dan aku pun memberitahunya. Setelah itu ia meninggalkan aku dan kemudian datang semula selepas Solat Maghrib dengan membawa dua buah taifur (talam) yang besar; salah satu daripadanya diisi dengan makanan dan satu lagi diisi dengan buah-buahan disamping sebuah kantung berisi dengan dirham. Sekumpulan pemuzik yang membawa alat-akat muzik mereka ada bersama-sama dengannya. Khadam tersebut berkata kepada mereka, "Mainkan muzik supaya fuqaha' ini menari dan berdoa untuk putera sultan." Aku lalu berkata kepadanya, "Sesungguhnya sahabat-sahabatku ini tidak tahu tentang muzik

ataupun menari." Kami lantas berdoa untuk sultan dan puteranya serta mengagihkan dirham kepada semua faqir. Pada waktu tengah malam, kami dapat mendengar tangisan dan ratapan kerana putera yang gering itu telah pun mangkat.

Pada keesokan paginya, syeikh zawiyah serta beberapa orang penduduk datang menemuiku dan berkata, "Pembesar-pembesar kota dan semua kadi, faqih, syarif serta amir telah pergi ke istana sultan untuk mengucapkan takziah. Kamu juga patut pergi bersama-sama dengan mereka." Aku sendiri sebenarnya tidak mahu berbuat demikian. Mereka memaksaku dan aku akhirnya terpaksa menghadap sultan untuk mengucapkan takziah. Aku pun pergi bersama-sama dengan mereka dan mendapati misywar (balai penghadapan) sultan telah pun penuh dengan kaum lelaki, pemuda-pemuda daripada kalangan mamluk, putera-putera raja, wazir-wazir (menteri) serta tentera. Mereka memakai baju rami yang kasar dan kain yang diselimutkan pada kuda. Selain itu, mereka juga meletakkan tanah dan jerami di atas kepala. Ada juga antara mereka yang mencukur jambul. Mereka terbahagi kepada dua kumpulan; sekumpulan berada di atas balai dan sekumpulan lagi di bawahnya. Setiap kumpulan berjalan ke arah satu sama lain dengan memukul-mukul dada mereka dan melaungkan "khund (khaund) karima" yang bermaksud "tuanku". Aku berasa ngeri dan jelik menyaksikan keadaan tersebut. Belum pernah kulihat keadaan sejelik itu sebelum ini.

Kisah Kemangkatan Putera Sultan

Suatu peristiwa aneh yang kualami pada hari tersebut ialah apabila aku masuk, kulihat semua kadi, khatib dan syarif telah mengambil tempat dengan bersandar pada dinding balai. Balai tersebut penuh sesak dengan mereka. Ada antara mereka yang menangis dan ada yang berpura-pura menangis di samping ada pula yang menundukkan pandangan. Mereka mamakai pakaian buruk yang diperbuat daripada kain kapas yang kasar dan tidak dijahit dengan sempurna. Mereka memakai pakai tersebut dengan terbalik iaitu bahagian dalam berada di luar. Manakala secebis kain reja ataupun kain hijab berwarna hitam pula dipakai di kepala. Inilah yang mereka lakukan hinggalah sempurna empat puluh hari iaitu penamat tempoh berkabung di sisi mereka. Selepas itu, sultan akan menghantar satu persalinan pakaian yang lengkap kepada setiap orang yang berkabung itu.

Apabila kulihat setiap sudut misywar telah penuh sesak dengan orang ramai, aku melihat ke kanan dan kiri, mencari sebuah tempat duduk untuk diriku. Kemudian aku terlihat sebuah singgahsana yang terletak kira-kira sejengkal dari tanah. Di salah satu sudutnya, ada seorang lelaki yang sedang sudut memencilkan diri dan memakai baju bulu seperti libad. Ia menyerupai baju bulu yang dipakai oleh orang miskin di negeri tersebut ketika musim hujan dan salji atau ketika mengembara. Aku pun melangkah ke hadapan tempat lelaki itu berada dan sahabat-sahabatku berundur ke belakang apabila melihat aku menghampirinya. Mereka berasa hairan dengan tindakanku. Padahal aku tidak mengetahui apa-apa tentang lelaki tersebut.

Aku pun memanjat singgahsana itu dan mengucapkan salam kepada lelaki tersebut. Dia menjawab salamku dan bangun dari tempat duduk seolah-olah hendak berdiri. Perbuatan ini dinamai sebagai "separuh berdiri" oleh penduduk. Aku duduk di satu sudut

bersetentang dengannya dan berpaling kepada orang ramai. Semua mereka melontarkan pandangan tajam terhadapku. Aku berasa hairan dengan kelakuan mereka itu. Aku melihat pula ke arah fuqaha', syeikh-syeikh dan syarif-syarif yang bersandar pada dinding di bawah singgahsana. Salah seorang kadi memberi isyarat kepadaku supaya turun ke sisinya tetapi aku tidak berbuat demikian. Aku mula berasa bahawa lelaki itu ialah sultan.

Selepas sejam berlalu, ketua syeikh, Nuruddin al-Kirmani yang telah kuceritakan sebelum ini naik ke singgahsana dan mengucapkan salam kepada lelaki itu. Syeikh berdiri menghadapnya dan duduk di antaraku dengan lelaki tersebut. Pada masa itu tahulah aku bahawa lelaki tersebut ialah sultan. Kemudian jenazah pun diusung dengan dikelilingi oleh pokok-pokok limau dan lemon. Orang ramai telah memenuhkan dahan-dahannya dengan buah-buahan. Pokok-pokok tersebut dibawa oleh beberapa orang lelaki dan jenazah seolah-olah sedang berjalan di dalam sebuah kebun. Manakala obor pula, yang menyala pada anak-anak panah
yang panjang dibawa di hadapan jenazah. Begitu juga lilin. Sesudah itu jenazah disembahyangkan dan orang ramai mengiringi jenazah tersebut ke tempat pemakaman sultan-sultan iaitu di satu tempat yang bernama Halafihan. Ia terletak sejauh empat batu dari kota. Di situ juga terdapat sebuah madrasah yang besar dan sebatang sungai merentasnya. Di madrasah ini pula terdapat sebuah masjid dan Solat Jumaat didirikan di sini. Di luar masjid ini terdapat sebuah rumah mandi. Keseluruhan kawasan tersebut dikelilingi oleh sebuah kawasan kebun yang luas. Selain itu, di madrasah ini juga makanan diberikan kepada setiap pengunjung yang datang dan pergi.

Aku tidak berdaya untuk pergi bersama-sama dengan mereka ke tempat pemakaman kerana tempat tersebut sangat jauh. Justeru, aku pun pulang ke madrasah. Selepas beberapa hari, sultan mengutus utusan baginda yang pernah membawa hadiah tetamu dahulu kepadaku dan menjemputku untuk menghadap baginda. Aku pun pergi bersama-sama dengan utusannya hinggalah sampai di sebuah pintu yang bernama Bab al-Sir (Pintu Rahsia). Setelah memanjat banyak anak tangga, akhirnya kami sampai di sebuah bilik yang tidak mempunyai hamparan. Ini kerana, kerabat sultan sekarang sedang berkabung dan diselubungi oleh kesedihan. Sultan sedang duduk di atas bantal dan dihadapannya ada dua biji mangkuk yang bertutup. Salah satu daripadanya diperbuat daripada emas dan satu lagi diperbuat daripada perak. Di dalam bilik tersebut juga terdapat sehelai sejadah berwarna hijau. Kemudian sejadah itu dibentangkan untukku berhampiran dengan baginda. Aku pun duduk di atasnya.

Tiada sesiapa yang berada di dalam bilik tersebut kecuali hajib baginda iaitu Faqih Mahmud dan seorang pengiring yang rapat dengan baginda yang tidak kuketahui namanya. Baginda lalu bertanya kepadaku tentang keadaan diri dan negeriku. Baginda juga bertanya tentang al-Malik al-Nasir dan negeri Hijaz. Aku pun menjawab segala pertanyaan baginda itu. Kemudian seorang faqih yang agung yang juga merupakan ketua faqih negeri tersebut datang, lalu sultan bertitah kepadaku, "Ini ialah Maulana Fadil." Setiap faqih di negeri Parsi dipanggil dengan gelaran tersebut oelh semua orang, termasuk sultan. Sultan mula memuji-muji faqih tersebut dan ternyata baginda sudah mabuk. Aku sememangnya mengetahui tentang ketagihan baginda terhadap arak.

Kemudian sultan bertitah dalam bahasa Arab yang indah, "Cakaplah."

Aku pun berkata kepada baginda, "Seandainya tuanku mahu mendengar daripada hamba, hamba hendak memberitahu tuanku bahawa tuanku ialah putera Sultan Atabek Ahmad yang masyhur dengan kesalihan dan kezuhudan. Tuanku pula tidak mempunyai sebarang kekurangan dalam pentadbiran tuanku selain ini." Aku lalu menudingkan jariku ke arah dua biji mangkuk itu. Baginda berasa malu dengan kata-kataku dan berdiam diri serta tidak berkata apa-apa. Aku hendak beredar tetapi baginda menyuruhku duduk dan berkata, "Berhimpun dengan seseorang seperti kamu merupakan suatu rahmat." Kemudian kulihat baginda semakin khayal dan mengantuk lalu aku pun beredar. Aku telah meletakkan sepatuku di pintu tetapi aku tidak menemuinya.

Oleh itu, Faqih Mahmud turun untuk mencarinya. Beliau mencarinya di dalam bilik lalu dijumpainya sepatu tersebut di satu sudut bergerbang kecil dan membawanya kepadaku. Kebaikan Faqih Mahmud menyebabkan aku berasa malu dan aku pun memohon maaf daripadanya. *Sebaliknya pula, beliau mencium sepatuku dan meletakkannya di atas kepalanya lalu berkata kepadaku, "Semoga Allah memberkatimu. Apa yang kamu ucapkan itu terhadap sultan kami, tidak mampu untuk diucapkan oleh seorang pun selain kamu. Demi Allah! Aku benar-benar berharap agar nasihatmu itu memberikan kesan terhadap baginda."*

Beberapa hari berikutnya, aku pun bertolak dari kota Izaj. Aku menumpang di madrasah sultan yang turut menempatkan makam-makam sultan tersebut. Aku tinggal di situ selama beberapa hari dan sultan mengirim sejumlah dinar sebagai hadiah perpisahan kepadaku. Di samping itu, baginda turut mengurniakan jumlah yang sama kepada sahabat-sahabatku. Kami mengembara di negeri sultan ini selama sepuluh hari melalui bukit-bukau yang tinggi. Pada setiap malam, kami singgah di madrasah yang menyediakan makanan untuk pengunjung yang datang dan pergi. Sebahagian daripada madrasah berada di dalam kawasan petempatan dan sebahagian yang lain pula tidak. Walau bagaimanapun, semua keperluan di hantar ke situ. Pada hari yang kesepuluh, kami berhenti di sebuah madrasah yang bernama Kiriwa al-Kurkh iaitu tempat terakhir dalam negeri sultan ini.

Dari situ kami meneruskan perjalanan merentas kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang baik yang termasuk dalam wilayah kota Isfahan* *(juga dipanggil sebagai Asbahan, Isbahan dan Asfahan)*. Selepas itu kami tiba di kota Usyturkan. Usyturkan ialah sebuah kota yang indah dan mempunyai banyak sumber air serta kebun. Ia mempunyai sebuah masjid yang cantik dan sebatang sungai mengalir berhampiran dengannya. Dari tempat ini, kami pergi ke kota Fairuzan *(namanya ini seolah-olah memberikan maksud tathniah untuk Fairuz)*. Ia merupakan sebuah kota kecil yang mempunyai sungai, pokok dan kebun. Kami tiba di situ selepas Solat Asar dan mendapati penduduknya telah keluar untuk mengiringi jenazah. Mereka menyalakan obor di belakang dan di hadapan jenazah serta mengiringinya dengan tiupan trompet. Manakala penyanyi-penyanyi pula menyanyikan pelbagai lagu gembira. Kami berasa hairan dengan kelakuan mereka itu. Di sana, kami tinggal selama semalam.

Pada keesokan harinya, kami melewati sebuah kampung yang besar iaitu Nablan yang terletak di tebing sebatang sungai yang luas. Di tebing sungai ini juga terdapat sebuah masjid yang sangat indah dan boleh di naiki dengan menggunakan tangga. Selain itu, ia juga dikelilingi oleh kebun. Kami mengembara sepanjang hari tersebut dengan melalui kebun, sungai dan kampung yang indah serta menara burung merpati. Selepas waktu asar, kami tiba di kota Isfahan di 'Iraq al- 'Ajam.

Isfahan adalah antara kota yang besar dan tercantik tetapi sayangnya kini kebanyakannya telah pun runtuh disebabkan krisis yang berlaku antara golongan Ahl al-Sunnah dengan Rafidah. Krisis ini terus melanda mereka hinggalah kini dan mereka sentiasa berperang. Tempat ini kaya dengan buah-buahan. Antaranya ialah buah aprikot yang kelazatannya tiada tolok bandingnya dan penduduk kota ini menamainya sebagai qamaruddin. Mereka mengeringkan buah aprikot ini lalu menyimpannya. Apabila dipecahkan isinya, keluarlah buah badam yang manis. Selain aprikot ialah buah kuins yang tiada bandingan rasa manisnya dan saiznya yang besar, buah-buah anggur yang lazat di samping tembikai yang luarbiasa, yang tiada seumpamanya di dunia kecuali tembikai yang terdapat di Bukhara serta Khawarizm. Kulitnya berwarna hijau dan isinya berwarna merah.

Prose simpanannya samalah seperti proses simpanan buah tin di negeri Maghribi. Rasanya amat manis dan sesiapa yang belum pernah merasanya, pasti benar-benar menikmatinya pada pengalaman pertama. Demikianlah yang telah berlaku terhadap diriku sewaktu aku memakannya di Isfahan.

Penduduk Isfahan memiliki rupa paras yang cantik dan berkulit putih kemerah-merahan. Mereka bersifat berani dan suka menghulurkan pertolongan. Selain itu, mereka juga pemurah dan sentiasa bersaing untuk menjamukan makanan kepada orang ramai. Beberapa kisah yang aneh telah diceritakan berhubung dengan sifat mereka ini. Ada kalanya salah seorang daripada mereka akan menjemput sahabatnya dan berkata kepadanya, "Marilah bersama-sama denganku memakan nan dan mas." Nan dalam bahasa mereka bermaksud roti dan mas pula ialah susu. Kemudian apabila sahabatnya datang, ia menghidangkan pelbagai jenis makanan yang mengagumkan dengan tujuan untuk mengalahkan sahabatnya dengan hidangan tersebut.

Setiap ahli kesenian pula melantik seorang ketua di kalangan mereka yang mereka namai sebagai kilu. Begitu juga pembesar-pembesar kota yang bukan terdiri daripada ahli pelbagai kesenian. Sebagai contoh, satu kumpulan dianggotai oleh anak-anak muda dan kumpulan ini akan bersaing antara satu sama lain lalu menjemput yang lain menghadiri jamuan untuk menunjukkan segala makanan yang mampu disediakan oleh mereka. Selain itu, mereka juga membuat pertunjukan yang besar tentang makanan dan perkara-perkara yang lain. Ada yang menceritakan kepadaku bahawa salah satu kumpulan pernah memasak makanan dengan lilin. Selepas itu kumpulan yang kedua membalas kunjungan lalu memasak makanan mereka dengan menggunakan sutera.

Di Isfahan ini aku menumpang di sebuah zawiyah yang dinisbahkan pada Syeikh 'Ali ibn Sahl iaitu murid al-Junaid**(Beliau ialah Al-Junaid ibn Muhammad ibn al-Junaid al-Baghdadi Abu al-Qasim si penenun sutera. Juga merupakan seorang ahli sufi dan ulama'.*

Pelajar memenuhi majlisnya kerana kata-katanya yang bernas dan penyair pula menemuinya kerana kefasihannya. Sementara ahli tauhid datang menemuinya kerana kejituan huraiannya). Zawiyah ini amat dimuliakan oleh penduduk daerah tersebut dan mereka mengambil berkat dengan menziarahinya. Makanan disediakan di zawiyah ini untuk setiap pengunjung yang datang lalu pergi dan ia mempunyai sebuah rumah mandi yang mengagumkan serta dihiasi oleh marmar. Dindingnya pula diperbuat daripada qasyani. Ia dibuka (diwakafkan) untuk orang ramai dan tiada sebarang bayaran yang dikenakan untuk memasukinya. Syeikh di zawiyah ini ialah seorang yang salih, tekun beribadah dan warak. Beliau ialah Qutbuddin Husain ibn Syamsuddin Muhammad ibn Mahmud ibn 'Ali, seorang syeikh yang salih dan wali Allah yang digelar sebagai al-Raja'.

Manakala saudaranya ialah Syihabuddin Ahmad, seorang ilmuwn dan juga mufti. Aku tinggal bersama-sama dengan Syeikh Qutbuddin di zawiyah ini selama empat belas hari. Aku dapat melihat kesungguhan beliau dalam beribadah dan kecintaannya terhadap fuqara' di samping orang miskin. Begitu juga sifat rendah hatinya terhadap mereka, yang benar-benar menakjubkan diriku. Selain itu, beliau juga sangat memuliakanku dan menunjukkan sifat pemurahnya dalam melayanku sebagai tetamu di samping menghadiahkan satu persalinan pakaian yang cantik kepadaku. Sewaktu aku sampai di zawiyah ini, beliau telah mengirim makanan dan tiga biji tembikai daripada jenis yang telah kuceritakan sebelum ini kepadaku. Aku sendiri belum pernah melihat atau menjamahnya sebelum ini.

Kekeramatan Syeikh ini

Pada suatu hari, Syeikh Qutbuddin masuk menemuiku di tempat tinggalku di zawiyah, yang menghala ke kebun miliknya. Pada hari itu, pakaian beliau telah dibasuh dan dijemur di kebun. Antara pakaian tersebut, aku terlihat sehelai jubah berwarna putih yang bersulam dan dinamai sebagai hazarmikhi oleh penduduk tempatan. Aku tertarik dengan jubah tersebut dan berkata kepada diriku, "Jubah seperti inilah yang kuingini." Apabila syeikh masuk menemuiku, beliau memandang ke arah kebun dan berkata kepada salah seorang khadamnya, "Bawakanku jubah hazarmikhi itu!". Setelah jubah tersebut dibawa kepadanya, beliau memakaikannya ke tubuhku. Aku lantas mencium kakinya dan aku turut meminta beliau memakaikan penutup kepala yang sedang dipakainya kepadaku.

Aku juga meminta Syeikh Qutbuddin memberikan ijazah kepadaku, sebagaimana beliau menerima ijazah daripada bapanya yang menerimanya pula daripada syeikh-syeikhnya. Beliau memenuhi permintaanku dan berbuat demikian pada 14 Jamadil Akhir tahun 727H. (7 Mei 1327M) di zawiyahnya yang telah kuceritakan itu, samalah sebagaimana yang dilakukan oleh bapanya, Syamsuddin. Bapanya pula dipakaikan penutup kepala oleh Tajuddin Mahmud sebagai tanda pemberian ijazah.

Seterusnya Mahmud dipakaikan oleh bapanya Syihabuddin 'Ali al-Raja' dan 'Ali pula dipakaikan oleh Imam Syihabuddin Abu Hafs 'Umar ibn Muhammad ibn 'Abdillah al-Suhrawadi* *(Syihabuddin 'Umar, meninggal dunia 1234M, ialah pengasas Tareqat Suhrawadi).* Selanjutnya 'Umar pula dipakaikan oleh Syeikh Diya'uddin Abu al-Najib al-Sahrawadi. Abu al-Najib pula dipakaikan oleh bapa saudaranya, Imam Wahiduddin

'Umar. Begitulah seterusnya 'Umar dipakaikan oleh bapanya, Muhammad ibn 'Abdillah yang digelar sebagai 'Amawaih, Muhammad dipakaikan oleh Syeikh Akhu Farj al-Zanjani, Akhu Farj dipakaikan oleh Syeikh Ahmad al-Dinawari, Ahmad dipakaikan oleh Imam Mimsyad al-Dinawari, Minsyad dipakaikan oleh Syeikh 'Ali ibn Sahl al-Sufi, 'Ali oleh Abu al-Qasim al-Junaid, al-Junaid oleh Sirri al-Saqti* *(Beliau ialah seorang ahli sufi yang teragung dan orang yang terawal memperkatakan ilmu tauhid dan amalan tasawuf. Selain menjadi imam penduduk Baghdad dan syeikh mereka pada zamannya, beliau juga ialah bapa saudara al-Junaid (sebelah ibu) dan juga gurunya. Antara kata-katanya yang penuh hikmah ialah "Sesiapa yang lemah untuk mengelokkan adab dirinya, nescaya ia lebih lemah untuk mengelokkan adab orang lain."*). Sirri al-Saqti oleh Daud al-Ta'ie, Daud oleh al-Hasan ibn Abi al-Hasan al-Basri dan al-Hasan ibn Abi al-Hasan al-Basri oleh Amir al-Mu'minin 'Ali ibn Abi Talib.

*(*Ibn Juzayy mencatat: "Beginilah sanad yang dikemukakan oleh Syeikh Abu 'Abdillah (Ibn Battutah). Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dimaklumi, Sirri al-Saqti ialah sahabat Ma'ruf al-Karkhi dan Ma'ruf pula ialah sahabat Daud al-Ta'ie. Begitu juga Daud al-Ta'ie, Habib al-'Ajami menjadi penghubung antara beliau dengan Hasan. Akhu Farj al-Zanjani pula dikenali umum sebagai sahabat Abu al-'Abbas al-Nihawandi. Sementara al-Nihawandi pula ialah sahabat Abu 'Abdillah ibn Khafif dan Ibn Khafif ialah sahabat Abu Muhammad Ruwaim. Ruwaim pula mungkin bersahabat dengan Abu Qasim al-Junaid. Manakala Muhammad ibn 'Abdillah 'Amawaih ialah sahabat Syeikh Ahmad al-Dinawari al-Aswad dan tiada sesiapa yang menjadi penghubung antara mereka berdua. Wallahu 'Alam. Seterusnya orang yang bersahabat dengan Akhu Farj al-Zanjani ialah 'Abdillah ibn Muhammad ibn 'Abdillah iaitu bapa Abu al-Najib")*

Kemudian kami meneruskan perjalanan dari Isfahan ke Syiraz dengan tujuan untuk menziarahi Syeikh Majduddin. Perjalanan dari Isfahan ke Syiraz mengambil masa sepuluh hari. Akhirnya kami tiba di kota Kalil yang menganmbil masa 3 malam perjalanan dari Isfahan. Ia merupakan sebuah kota yang kecil dan mempunyai sungai, kebun serta buah-buahan. Aku melihat epal dijual di pasar sebanyak 15 paun Iraq dengan harga satu dirham dan satu dirham ialah satu pertiga nuqrah. Kami menumpang di sebuah zawiyah yang dibina oleh seorang pembesar kota ini yang bernama Khawajah Kafi. Beliau memiliki harta yang melimpah ruah. Khawajah menggunakan nikmat anugerah Allah itu untuk melakukan kebaikan seperti memberikan sedekah, membina zawiyah dan memberikan makanan kepada musafir. Kami mengembara di Kalil selama dua hari dan seterusnya kami tiba di sebuah kampung yang besar bernama Sauma'. Di sini terdapat sebuah zawiyah yang memberikan makanan kepada pengunjung yang datang dan pergi. Zawiyah ini juga dibina oleh Khawajah Kafi, yang telah diceritakan itu.

Dari sana kami mengembara ke Yazdhukas, sebuah kota kecil yang dibina dengan penuh kepakaran dan mempunyai sebuah pasar yang indah. Masjid jamik di situ cukup mengagumkan dan dibina daripada batu serta beratapkan batu. Kota tersebut mempunyai ciri-ciri sebuah parit dan ia mempunyai kebun dan sungai. Di pinggirnya pula terdapat sebuah ribat yang disinggahi oleh musafir. Pintu besi di ribat tersebut memberikan pertahanan dan perlindungan. Di ribat ini juga terdapat beberapa buah kedai yang menjual segala keperluan setiap musafir.

Ribat ini dibina oleh Amir Muhammad Syah Yanju, ayahanda Sultan Abu Ishaq, raja Syiraz. Di Yazdhukas, terdapat keju yang dinamai sebagai yazdhukasi oleh penduduk dan rasanya yang manis tiada bandingannya. Berat keju ini adalah antara dua hingga empat aun. Kami meneruskan perjalanan melalui jalan Dasyt al-Rum**(dasyt merujuk kawasan gurun belantara)*, sebuah padang pasir yang didiami oleh penduduk berbangsa Turki. Kemudian kami mengembara ke Mayin, sebuah kota kecil yang mempunyai banyak sungai, dusun dan dan pasar yang indah. Kebanyakan pokok di situ ialah pokok badam.

Dari situ kami mengembara ke Syiraz iaitu sebuah kota yang luas dan memiliki kisah yang masyhur selain reputasi yang hebat. Ia mempunyai taman yang indah, sungai yang deras, pasar (bazar) yang baik, jalan raya yang elok, penduduk yang padat, bangunan yang teguh dan petempatan yang dikagumi. Setiap penduduk yang terlibat dalam sesuatu seni pertukangan, memiliki bazar yang khas untuk menjalankan aktiviti atau kerja mereka. Di samping itu, mereka juga bergaul dengan orang luar. Penduduknya memiliki rupa paras yang cantik dan sentiasa berpakaian bersih. Di seluruh timur, tiada kota raya kecuali Syiraz yang hampir menyamai Damsyik dengan keindahan pasar (bazar), kebun buah-buahan dan terusan serta keindahan wajah penduduknya. Ia terletak di kawasan lapang yang dikelilingi oleh dusun di setiap bahagian dan direntas oleh lima batang sungai. Salah satu daripadanya bernama Rukn Abad.

Airnya manis dan terasa sangat sejuk pada musim panas serta panas pada musim sejuk. Ia terbit dari mata air di bawah bukit yang bernama Qulai'ah. Masjidnya yang terbesar bernama Masjid al-'Atiq dan ia merupakan masjid yang luas serta sangat indah. Perkarangannya luas serta dihampari oleh marmar dan dibersihkan setiap malam dan mereka menunaikan Solat Maghrib serta Isyak di situ. Sebuah pintu yang bernama Bab Hasan yang menghala ke pasar buah-buahan terletak di sebelah utara dan ia merupakan antara pasar yang tercantik. Aku berpendapat bahawa ia adalah lebih baik daripada Bab al-Barid (Pintu Pos Damsyik).

Penduduk Syiraz merupakan orang yang salih, teguh beragama dan bertaqwa terutama kaum wanitanya. Mereka memakai but dan keluar memakai hijab sehingga susuk tubuh mereka tidak dapat dilihat. Mereka terkenal dengan amalan suka bersedekah dan memiliki sifat penyayang terhadap orang lain. Antara amalan mereka yang unik ialah mereka akan berhimpun untuk mnedengar kuliah daripada wa'iz (penyampai nasihat) pada setiap hari Isnin, Khamis dan Jumaat di masjid jamik yang terbesar. Kadangkala terdapat seramai 1000 atau 2000 orang yang berhimpun dengan membawa kipas untuk mengipas tubuh kerana cuaca yang panas. Aku tidak pernah melihat perhimpunan wanita dengan jumlah sebanyak itu di mana-mana negeri.